



00-979

SIRI KARYA UMUM

Pulanglah Perantau



SIRI KARYA UMUM

# Pulanglah Perantau

AZIZ JAHPIN

ISBN 967-9000-00-0  
RM 12.00



PENERBIT FAJAR BAKTI SDN. BHD.

(008974-T)

SHAH ALAM

1998

Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd. (008974-T)  
4 Jalan Pemaju U1/15, Seksyen U1  
Hicom-Glenmarie Industrial Park  
40150 Shah Alam  
Selangor Darul Ehsan

© Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd. (008974-T) 1998

ISBN 967 65 5582 7

*Semua hak terpelihara. Sebarang bahagian dalam buku ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh dipergunakan lagi, ataupun dipindahkan, dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang cara, baik dengan cara elektronik, mekanik, penggambaran semula, perakaman dan sebagainya, tanpa izin terlebih dahulu daripada Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd. (008974-T)*

*Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan*

*Aziz Jahpin*

*Pulanglah perantau / Aziz Jahpin.*

*(Siri karya umum)*

*ISBN 967-65-5582-7*

*I. Malay fiction. I. Judul. II. Siri.  
899.2333*

M  
89-2733  
A21

APB952460  
NASKAH PEMELIHARAAN  
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA  
26 JUL 1999

Teks diset dalam M Bembo 10 point  
Dicetak di Malaysia oleh  
Percetakan Yik Wah, Kuala Lumpur

## UNTUK

*para pejuang  
yang bersama-sama  
bergesel bahu  
dan  
para petualang  
yang berpura-pura  
tidak tahu*



## PENDAHULUAN

*PULANGLAH Perantau* adalah hasil daripada suatu pertandingan menulis novel sempena sepuluh tahun merdeka tajaan kerajaan Malaysia dengan bertemakan perjuangan dan pengisian kemerdekaan. Sewaktu menulis novel sejarah ini saya dihantui oleh dua faktor. Pertama, apabila saya lahir pada tahun 1928, sastera dunia tegasnya sastera Barat yang dikawal rapi dengan cemburuinya serta disebarluaskan seluas-luasnya di dunia hingga menjadi kayu pengukur bagi apa jua yang bermajma sastera, telah meninggalkan tempoh *modernism* dan memasuki zaman *post-modernism* atau pascamodenisme (1930). Kedua, dalam 1968 iaitu tahun menulis buku ini sudah pun bermula kebangkitan Islam.

Oleh kerana pertandingan ini merupakan pertama kali diadakan oleh kerajaan Malaysia, bagi diri saya, hasilnya pun perlulah yang dapat meletakkan negara kita di peta sastera dengan membawa ciri-ciri zaman sastera yang tersebut di atas tadi.

Jadi, saya pun menulis dengan menggabungkan seni tulis dengan seni filem, memparodikan tulisan-tulisan lama mengikut tempoh ceritanya, menurunkan teks-teks yang berkaitan dan beberapa ciri pascamodenisme yang lain di samping menggunakan teknik bercerita al-Quran yang saya temui sendiri seperti mematah-matahkan jalan cerita dan menyelitkan lengcongan bahan cerita yang berkenaan.

Satu masalah yang saya hadapi ialah bagaimana hendak memasukkan tempoh masa selama 1895-1967 ke dalam ruang lebih kurang 200 halaman buku. Di sinilah saya menggunakan teknik sorot kembali atau *flashback* yang saya fikirkan sesuai dengan apa yang selalu kita buatkan pada tawarikh dan sejarah

perjuangan kita. Hal ini saya bayangkan di dalam sajak Jepun mengenai Kota Melaka. Demikian juga cara penulisan saya dapat dibayangkan dalam bab pertama lagi di dalam pertelahan Johari-Lawrence von Groot mengenai seni filem atau *cinematography* kalau-lah mahu berusaha sedikit menganalogikannya.

Buku ini telah memenangi hadiah sagu hati dan terpilih sebagai teks untuk peperiksaan kesusastraan Melayu bagi SPM selama lima tahun sejak 1975. Novel ini juga digunakan sebagai teks sastera perbandingan dengan *Madame Bovary* oleh Gustave Flaubert dan *To The Lighthouse* oleh Virginia Woolf di Universiti Sains Malaysia.

Oleh kerana saya menggunakan ciri-ciri baru yang bukan konvensional, tidaklah hairan apabila terdapat beberapa kekeliruan oleh para pengulas/pengkritik yang menyediakan buku dan risalah untuk para pelajar.

Yang berikut ini saya perturunkan apa yang dicerekakan oleh Abdul Aziz Alias untuk menjelaskan kekeliruan tersebut seperti yang disiarkan di dalam *Dewan Sastera* Februari-Okttober 1977 dan diterbitkan di dalam *Bunga-Bunga Derhaka dan Cerpen-cerpen Pilihan* oleh Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., 1996:

## JALAN JALINAN PULANGLAH PERANTAU

Saya sedang sibuk menyiapkan buku kecil *Rukum Tetingga* apabila mendapat panggilan telefon daripada Saudara Ayub di Dewan Bahasa dan Pustaka membawa pesanan Saudara Ajikik menanyakan kalau-kalau ada pindaan yang hendak dibuat oleh Aziz Jahpin (AJ) dalam novelnya *Pulanlah Perantau* (PP). Katanya buku itu terpilih sebagai buku teks Kesusastraan Melayu untuk SPM/MCE. Malamnya saya pun menyampaikan pesanan tersebut kepada AJ. Dia hanya menjelang dengan kerutan dahinya scolah-olah memberi amaran jangan bergurau-

gurau dengannya; lalu terus menaip hingga ke dimihari ni-nyiakan suatu siri TV baru yang dipinta oleh RTM.

Esoknya setelah menjenguk ke Dewan Bahasa dan Pustaka dan mendapat pengesahan daripada pihak tertentu mengenai *Pulanglah Perantau* itu saya pun pulang menyampaikan salam dan tahniah daripada rakan-rakan serta usul mereka supaya AJ sendiri membuat ulasan akan bukunya itu. Saya juga memberi sokongan akan usul itu. Lama direnungnya muka saya, meninjau dari bingkai kaca matanya:

-Kau juga?

Nada suaranya seakan-akan tuturan Julius Caesar 'Et tu Brute?' bila Brutus turut menikamnya dari belakang.

Mungkin AJ teringat lagi akan usaha saya pada tahun 1972 dahulu hendak menarikkan diri keluar daripada kelazimannya membisukan diri apabila dikritik orang. Sayalah yang memujuknya supaya memberi keterangan kepada seorang pemberita Bernama yang menghambatnya hingga ke maghrib mengenai siri TV *Tiga Dara* dahulu. Apabila terpampang keterangan ringkasnya mengenai drama komedi itu, kecaman pun kian hebat lagi. Seorang pegawai kanan RTM turut terlibat menerima surat ugutan hendak membunuh mereka berdua atau diculik keluarga mereka sekiranya tidak dihentikan tayangan siri *Tiga Dara* itu. Dengan sengih dan dongakan kepala AJ seolah-olah menempelak saya:

-Nampakkah sudah, akibat hendak menunjuk-nunjukkan pandai kepada umum?

## KRITIK

Saya perlu membuat taktik lain supaya makbul permintaan rakan-rakan tadi. Lantas saya mengingatkannya kritik-kritik seperti daripada Ah bahawa *Pulanglah Perantau* merupakan karya propaganda; Aha puja menonjolkan kesalahan-kesalahan fakta dalam *PP* itu 'di antaranya nama-nama Belanda yang salah, fakta-fakta sejarah dan juga penggubahan lagu *Indonesia Raya*

kononnya Saiful Bahri'; kemudiannya Uj pula membutirkan lagi hujah Aha itu dengan mengambil contoh nama Lawrence von Groot yang kacau-balau itu dan soal Saiful Bahri menggubah *Indonesia Raya* dan kini Iz pula bersepundapat dengan Uj . . . bahawa pola plot novel ini melompat-lompat dari satu cerita ke satu cerita lain sehingga tidak terlihat satu perkembangan yang meyakinkan<sup>1</sup>. Lantas saya mencungkilnya adakah ia menerima kritik-kritik itu semua?

-Kau jangan nak laga-lagakan aku dengan rakan-rakan se-perjuangan itu. Uj telah menemui aku di Sudut Penulis menjelang terbit kritikannya di majalah berkenaan. Semuanya sudah beres. *No hard feeling* kata Uj.

-Apa yang sudah beres itu? Apa yang *no hard feeling* itu? Kami ingin tau itu semua. Itulah bendanya yang kami hendak kau ulaskan!

-Mengulas sendiri akan novelku itu bermakna memulas btit buah fikiran yang terkandung di dalamnya. Sama macam buang anak, tahu?

Ke situ pula perginya. Tetapi memang. Paling gembira sekali bagi AJ ialah membaca kritik orang akan karyanya. Seolah-olah membaca retak tangan si dara. Samalah juga sesuatu karya itu apabila diserap oleh lain individu, maka lain hati lain interpretasinya. Mungkin hal inilah yang mendorong AJ membiarkan karyanya dikritik orang tanpa dibalas.

## CURI CARA

Perlu saya cari jalan lain lagi.

-AJ, aku tahu dari mana kau curi teknik dan cara memberi tajuk akan novel kau itu. . . Dari *Merahnya Merah* karya Iwan Simatupang, kan? Tekniknya, *flashback*: tajuknya dari ungkapan kata di akhir novel, bukan?

-Drama TV-ku *Wajah Wanita* dan *Dunia Konon* juga aku curi daripada *Pahipi* karya Satyagraha Hocrip yang difilemkan oleh Asrul Sani, bukan?

Sesungguhnya, *Merahnya Merah* diterbitkan dalam tahun 1968 bahkan *PP* pula khusus untuk Sayembara Novel Sepuluh Tahun Merdeka iaitu 1967; manakala *Pahipi* baru sahaja ditayangkan di TV sesudah karya-karya AJ itu diskirikan.

Dikeji tak jalan; dipuji makan tidak?

-AJ. Uj berkata 'Saya rasa novel *Merahnya Merah* telah membuka sebuah zaman baru dalam sejarah novel di Indonesia'. Kalau mengikut hukum algebra, teknik  $PP=MM$ , maka demikianlah juga kedudukan *PP* di Malaysia, betul tak?

-Tidak. Kerana Indonesia lebih bertuah mempunyai seorang patriot dalam Uj yang memandang lebih luas ~ dalam konteks menempatkan Indonesia di alam semesta. Tapi yang penting sekali, tak nampakkah kau keadilan Tuhan dalam membahagi-bahagikan ilhamnya? Dan jangan kau gembar-gemburkan baha-wa akulah yang pertama sekali menggunakan teknik *flashback* hampir seluruhnya dalam novel. Bangkit nanti Homer daripada kuburnya dan menampar mukaku dengan *Odyssey*nya yang sudah lebih 2000 tahun itu.

Sudah! Nampaknya saya kini menjadi Lawrence von Groot menghadap Irwan pula. Tidak boleh jadi, Lalu saya menunjukkan muka kucing kurap nieminta belas:

-Bukankah sudah aku menulis mengenai *PP* itu dalam cerpenku *Mengandam Novelis Saguhati* di antologi *Hadiah* yang dikaji oleh pelajar-pelajar SPM/MCE tahun-tahun lalu?

-Siapa yang boleh mengerti cerpen kau itu? Hashim Awang jenuh mencerangkan teknik kau *stream-of-consciousness* itu sampai empat halaman dengan rajah sekali dalam bukunya *Meneliti Cerpen-cerpen Hadiah*. Demikian juga Ajikik dalam bukunya *Ulasan dan Kajian Hadiah* dan juga Abu Hassan Sham di *Berita Harian*.

## SURAT SIRAT

Masa berlalu. Buku ulasan *PP* satu demi satu muncul di pasaran. Tapi AJ masih membisu. Menjelang peperiksaan SPM/MCE

dulu, saya membawa pulang lima pucuk surat untuknya. Saya fikir seperti biasa surat daripada peminat dramanya yang kerap menanyakan mengapa dia membisu beberapa waktu ini. Tiba-tiba dihempaskan surat-surat itu dan termenung panjang dia.

Sambil dia sibuk termenung, saya pun mencapai surat yang terdedah terbuka—datangnya daripada penuntut-penuntut Tingkatan Lima Maahad Al Elya Al Karim Tanjung Bidara, Melaka menanyakan beberapa keraguan yang timbul setelah membaca buku-buku ulasan di pasaran itu. Salah satu soalannya ialah:

*Adakah watak Penghulu Baba dan Bukhari itu satu watak sahaja?*

*Bagi kami penuntut-penuntut sekolah ini mengatakan bahawa Bukhari dan Penghulu Baba adalah berlainan watak, iaitu mengikut dari isi-isi yang dapat kami kemukakan iaitu, di mana di dalam Bab 11 kami dapati bahawa Pak Udin dan Penghulu Baba pergi ke rumah Tok Kadi. Jikalau watak Bukhari itu sama dengan Penghulu Baba tentulah Pak Udin dan anaknya Johari dapat mengenal bapanya sendiri iaitu Bukhari. Untuk membuktikan lagi masalah di atas di mana di dalam Bab 12 Mak Munah ada menyatakan kepada isteri Pak Udin (Mak Gayah) yang dia (Mak Munah) tidak mengenali Penghulu Baba itu.*

*Masalah ini timbul ialah apabila saya membaca semua ulasan-ulasan PP di mana di dalam ulasan-ulasan tersebut mengatakan bahawa Penghulu Baba dan Bukhari adalah satu watak. Dari itu saya dan juga penuntut-penuntut sekolah ini ingin tahu pendapat encik mengenai masalah tersebut.*

Belum sempat saya menyambungkan lidah penuntut-penuntut itu, tiba pula Cikgu A dari Johor dibawa oleh seorang pereka sepejabat dengan saya. Cikgu A juga membawa masalah:

—Saudara, menatap buku *Pulanglah Perantau* saudara itu bagi pelajar-pelajar saya, seperti bertemu dengan anak dara. Mula-mulanya dalam bab pertama, begitu susah hendak berkenalan. Tapi, sekali sudah berkenalan, alamak, sukar pula hendak

melarang jangan. Cuma, sayang seribu kali sayang, saudara banyak campur tangan.

-Umpamanya?

-Saudara begitu gelojoh bercerita sehingga di banyak tempat saudara menjenguk di tengah-tengah cerita dan seolah-olah bercakap kepada pembaca. Selain itu, kronologi sejarah saudara perturunkan secara langsung hinggakan nyanyian lagu *Berjaya* juga saudara perturunkan *in toto*. Demikian juga watak dan tokoh-tokoh dalam *PP* saudara perkenalkan secara langsung. Jadi oleh itu kemesraan kami dengan *PP* terganggu langsung oleh campur tangan saudara itu.

-Cikgu, saya memohon maaf kalau benar mengganggu orang yang sedang syok berkhawlat dengan *PP*. Tapi sebelum mendenda saya, eloklah kita fahami istilah 'campur tangan pengarang' dalam kesusasteraan. Dalam hal ini janganlah hendaknya kita manusia berlumba-lumba untuk menang sorak tapi kesusasteraan kita tinggal menjadi abu. Berpandulah kita kepada yang berilmu. Ada juga pengarang penceroboh dalam kesusasteraan Inggeris. Kajikanlah buku-buku mereka ini untuk memahami istilah 'campur tangan pengarang' dalam karya masing-masing iaitu:

*Vanity Fair* oleh Thackeray

*Adam Bede* oleh George Eliot

*Silas Marner* oleh George Eliot

*The Mill on The Floss* oleh George Eliot

*The Sad Fortune of Rev. Amos* oleh George Eliot.

Kemudian, untuk mengetahui di mana seorang pengarang itu boleh campur tangan dan untuk apa dibuat demikian, bacalah:

*The Gulliver's Travel* oleh Jonathan Swift.

Mengenai kronologi sejarah, tarikh dan bahan-bahan bukan fiksyen yang diperturunkan langsung oleh penulis, bacalah buku-buku pemenang Pulitzer Prize:

*The Wings of War* oleh Herman Wouk

*USA* oleh Dos Passos

*Destination Chungking* oleh Han Suyin atau  
*War and Peace* oleh Tolstoi.

Tentang watak-watak dan tokoh-tokoh dalam *PP* 'diperkenal dan diberikan komentar secara langsung oleh pengarang' bukanlah satu perkara campur tangan pengarang sekiranya cikgu memahami sedalam-dalamnya istilah 'sudut pandang Maha Mengetahui' atau *omnicient point-of-view*.

Banyak lagi perkara yang dibawa oleh Cikgu A yang menggambarkan bahawa AJ merupakan seorang tolol yang bernafsu besar hendak bercerita, tetapi mulutnya berbau alkohol. Jadi, botol yang bercakap - tak tahu hujung pangkalnya. Terpaksa-lah audiennya pula mengaturkan semula ceritanya dari A ke Z. AJ pun menerangkan satu persatu kekeliruan yang berlaku. Pada akhir pertemuan, Cikgu A memohon maaf kalau-kalau tersinggung AJ kerana kata-katanya itu. Sebenarnya Cikgu A ada pendapatnya sendiri iaitu bertolak dari dua perkataan ~ *Pulanglah* dan *Perantau*. Tetapi fikirannya telah dikecamukkan oleh pelajar-pelajarnya yang berpandukan buku-buku ulasan!

Lantas AJ pun segera mengunjukkan surat daripada penuntut sekolah Maahad Al Elya Al Karim itu:

-Cikgu, saya berbangga dengan pelajar-pelajar sekolah Arab ini. Bagi mereka, apa yang tersurat bukanlah Quran; apa yang terdengar bukanlah sabda Junjungan. Syukurlah mereka bersikap demikian. Terselamat sastera kita. Kalau pelajar-pelajar cikgu hendak juga satu-satu buku panduan untuk mengkaji dan mengulas sastera, belilah buku induk yang menjadi panduan bagi sesetengah para pengulas *PP* itu. Perolehlah buku Hashim Awang iaitu *Cerpen-cerpen Melayu Sebelum Perang Dunia Kedua*, terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka. Pandai-pandailah menggunakan buku itu. Jangan hanya menumpukan perhatian kepada ciri-ciri yang menunjukkan kelemahan-kelemahan pengarang dan kemudian menggunakan ciri-ciri itu pada *PP*, hingga tidak segan silu menggunakan melulu ungkapan-ungkapan kata Hashim Awang, lupa bahawa Hashim Awang mengulas cerpen-cerpen sebelum Perang Dunia Kedua.

ua dan bukan *Pulanglah Perantau!* Cara ini menduakan Hashim Awang. Bagi saya, Hashim Awang sungguhpun belum pernah saya temui merupakan seorang yang sedar akan peranannya dalam sastera. Sebagai pengkritik, dia menjadi jambatan menyambungkan karya kepada audiennya. Sebagai pengkaji dan pengulas, beliau selaku pembimbing dan bukan pembimbang pelajar dan pembaca. Bacalah bukunya *Meneliti Cerpen-Cerpen Hadiah*, terbitan Balai Penerbitan Nusa sebagai satu contoh yang lain.

## LABA BALA

Pergi sahaja cikgu dan rakan perekanya, AJ pun berkhawatir. Air matanya kelihatan tergenang, satu-satunya yang tidak pernah dilakukan dahulu oleh veteran penangkis kecaman dan caci-maki orang. Tidak mungkin kerana mengenangkan nasib sepanjang dia berkarya sastera. Tahun 1958 dalam usahanya untuk menarik orang membencikan perang dan senjata pemusuhan sebaik sahaja Rusia melancarkan sputniknya yang pertama, dia telah dikecam hebat dan dicapkan sebagai pengacau ketenteraman dan perosak sejarah drama radio, akibat dari kesan karya Sandiwara Radionya *Renungan Tahun* yang menggemparkan tanah air. Tetapi, berkat sabarnya, perkaryanya yang dibawa ke Kabinet Persekutuan Tanah Melayu dahulu menjadi bahan lelucon sahaja. Saya pula yang dapat berkat daripada kesabaran AJ itu. Tahun berikutnya, saya ditendang naik daripada jawatan *Division III* ke *Division I* menggantikan tempat Pak Sako di *Malayan Film Unit*.

Empat belas tahun kemudian, dalam usahanya untuk menarik audiennya berevolusi mental dia dicap pula sebagai anti-kerajaan oleh sesetengah kalangan manakala yang lain menganggapnya sebagai penghina pemegang sijil SPM serta gadis kampung yang kononnya tidak kenal kepala paip dan lampu elektrik. Perkaranya dibawa ke Parlimen. Dirinya menerima surat ugutan hendak membunuhi dan menculik keluanga-

nya serta seorang pegawai kanan di RTM jika diteruskan juga tayangan siri *Tiga Dara* itu. Syukurlah dia menyerahkan kembali dirinya dan hal ehwalnya kepada Tuhan, sumber ilham siri *Tiga Dara* itu. Berkat tindakannya itu, karya-karyanya yang lain mula mendapat perhatian para cendekiawan. Cerpennya *Mengandam Novelis Saguhati* yang telah dua tahun diperam dalam satu redaksi kerana ditulis ala *stream-of-consciousness* di terima oleh Saudara Abu Bakar Haimid dan Abdullah Hussain ke dalam antologi *Hadiyah* sebagai teks bagi peperiksaan SPM/MCE 1974/75 disusul pula dengan pemilihan novel *Pulanglah Perantau*. Manakala saya pula dapat berkatnya menyrah diri kepada Tuhan itu dengan suatu anugerah negara.

Kini, empat tahun sesudah *Tiga Dara* yang para penonton hingga hari ini tidak-tahu hujungan kisah dan watak sebenar Saodah itu, dalam usahanya hendak menempatkan sastera Malaysia di peta sastera dunia dengan *Pulanglah Perantau*. . . .

-Kau menangis AJ, mengenang nasib kau?

-Apakah aku sebagai alat kepada Perancang Semesta ada berasib sendiri?

-Yang tadinya air matamu tergenang kini bercucuran pula, apakah gerangan lantaraninya?

-Perjuangan seni, perjuangan halus-perjuangan hati nubari bangsa. . . . Aku terkenang akan isi kandungan kertas-kertas kerja dalam buku kritik sastera di Malaysia dan aku teringat lidah pengarang *Berita Harian* tak lama dulu mengenai pengajian kesusasteraan di tanah air kita. Aku terkenang nasib lebih 50 000 orang pembaca *PP* terutama sekali anak bangsa kita yang sedang melangkah bendul ke kamar kesusasteraan. Aku tidak mahu mereka tersungkur seperti engkau dan kemudian selama-lamanya menyalahkan Shakespeare dan Henry James kerana memincangkan kau dalam istana sastera!

Dengan itu juga dia membelaikan saya dan selaku manusia yang tidak bertulang belakang, sekali lagi dalam hidupnya berkarya, dia merengek lagi kepada Tuhan. Habis—dengan Penghulu, Imam dan Hati Quran dan surah-surah yang

lain, dia merancang doa entah apa kepada Tuhan.

Cuma saya harapkan jangan AJ menjadi Dr. Saito—apabila tidak bersua kebenaran dan keadilan, disuruhnya Juriah menyembelih perutnya! Tapi biasanya apabila AJ kena pelangkung, sayalah yang beruntung!

### ALANGKAN FIRMAN DISUNGGLAP ORANG

Baru hendak terlelap, terkejut saya melihat AJ bangkit dari sejadahnya serta mengeluarkan dari tempat simpanan khas di kamar tidur, Tafsir Quran al-Karim lantas dibukanya Surah al-Baqarah dan direnungi Ayat 75 hingga 79 yang bermaksud:

Inginkah kamu mereka beriman kepadamu? Sesungguhnya di antara mereka itu ada yang mendengar perkataan Allah tetapi mengubah-ubahnya kemudian, setelah memahamiinya: padahal mengetahui mereka (akan perbuatanmu itu).

Apabila berjumpa mereka itu dengan orang-orang beriman, mengakuilah mereka kononnya: 'Telah beriman kami'. Tetapi apabila bertemu sesama mereka: 'Akan kamu sampaikan kepada mereka perkataan (Wahyu) Allah itu, hingga nantinya akan berhujah mereka (mengalahkan kamu) di sisa Tuhan? Tiadaklah kamu berakal (memahami niat mereka)?

Padahal, tidakkah mereka itu tahu, bahawa Allah mengetahui apa yang mereka sembunyikan dan apa yang mereka nyatakan.

Di antara mereka itu pulak, ada yang umi atau tak mengenal kitab melainkan perkara-perkara taliayul dan tiada berilmu pengetahuan melainkan mengigak-agak sahaja.

Maka azablah bagi mereka yang menulis kitab dengan tangan mereka dan kemudiannya berkata mereka: 'Ini adalah daripada Allah' supaya membolehkan mereka mendapat sedikit wang daripadanya. Azablah bagi mereka kerana tulisan tangan mereka sendiri; azablah bagi mereka kerana barang yang mereka usahakan.

AJ pun mengambil iktibar daripada perbuatan Yahudi di atas ini sehingga luput dalam *Old Testament* dan *New Testament* di *Bible* salah satu kebenaran Allah ialah kedatangan Nabi Muhammad s.a.w. Kalauolah kitab Allah tidak segan silu dipu-

tarbelitkan manusia 'supaya membolahkan mereka mendapat sedikit wang daripadanya' apakah lagi karya makhluk-Nya!

*Lahaula wala quwatailla billahilaiul Azim.*

Malam itu AJ bekerja seperti Anak Jin hingga terjaga saya oleh kentung subuh. Dia pun meletak kalam dan memunjukkan kepada saya penjelasannya akan kekeliruan yang timbul pada novel tunggalnya itu.

Waduh! Kalau cerpennya *Mengandam Novelis Suguhati* merupakan karya ala *stream-of-consciousness* yang prototaip, tulisannya kali ini memerlukan Hashim Awang sekali lagi menghuraikannya. Demikianlah halnya dengan AJ yang tidak dapat lekang daripada penulisan kreatif. Kami sebenarnya kemberan sekandung, dwi nan asa, dupa nan padu berisi sanggahan yang menjadi sandang pangan jasad dan jiwa kami. Jadi, kami menjadi tugas sayalah menjelaskan kabur daripada penulisan AJ, khusus untuk para pelajar yang sedang menatap *PP*, di samping mengasamgarangkan tulisan ini dengan perbualan saya dengan AJ mengenai masalah-masalah ekoran seperti pemahaman dan pengkritikan yang sekiranya tidak diamati akan terpelantun ke batang hidung sendiri sambil mendedahkan kepincangan diri sendiri.

Sepatutnya perkara kecaburan ini tidak timbul sekiranya sudi para pengulas *PP* bertemu atau mengirim surat kepada AJ sebagaimana dilakukan oleh para pelajar, Cikgu A dan Profesor Tang dari luar negeri yang pernah mengikuti karya-karya AJ di TV, antologi *Hadiah* dan novel sulung AJ. Dalam hal ini, AJ juga bersalah kerana lembap mengambil iktibar daripada kitab Allah tadi.

## AWAL KARYA, KARYAWANNYA

'Awal agama mengenal Tuhan'. Demikianlah juga agaknya maksud Shahnnon Ahmad apabila menyarankan supaya pengkritik memahami penulis dahulu sebelum mengkritik karyanya. Lebih tegas lagi, Ali Ahmad menandaskan bahawa 'Pengajian

kesusasteraan tidak akan mendalam tanpa memahami akan latar budaya penulis. . .

Di atas tadi telah saya tunjukkan sebahagian daripada sumber-sumber yang boleh didapati pendapat orang lain terhadap karya-karya AJ. Manakala sikap AJ terhadap semi serta sebanyak sedikit yang berkaitan dengan *Pilanglah Perantau* pula boleh dapat ditinjau daripada cerpennya *Mengandam Novelis Saguhati*.

Pernah saya sampaikan kepada AJ pendapat seorang budayawan terkenal akan asal usul datuk AJ di sebelah ibunya iaitu ada kaitannya dengan Abdullah Munsyi. AJ menunjukkan kembali kepada saya hidungnya yang pesek dan matanya yang sepet lalu berkata, 'Lebih Mongoloid daripada Aryan Gelap!'

Terlonjak-lonjak hati saya hendak membalaunya, 'Mungkin proses pengacukan selama seratus tahun telah merubah an rupa. Tetapi kegemarannya akan pembaharuan dan kritikan sosialnya yang so sial. . .' Takut pula hati ini hendak membuka apa yang terbukti—takut kalau-kalau dicerpenkan saya sebagai Yahudi yang membangga-banggakan yang usang.

Tetapi yang pasti ialah AJ muncul menjelang umur saya suku abad iaitu sebaik-baik sahaja saya gagal dalam peperiksaan Kesusasteraan Inggeris yang diwajibkan untuk menjadi guru *normal*.

'What can't I do which Shakespeare could?' Dengan itu jadilah AJ *the angry young man* mengikut istilah ketika itu, konon untuk menebus malu saya. Bersama-sama dengan Saudara A. Aziz Abu Hassan, penyelia Bahagian Melayu, Radio Malaya, AJ pun memulakan rancangan Sandiwara Radio dari Kuala Lumpur dengan merubah teknik drama radio ketika itu melalui karya sulungnya *Atan Pahlawan Negara* (1953) iaitu dengan meniadakan lagi periwayat dan menggantikannya dengan piring-piring hitam irama klasik yang membawa suasana atau *mood* tertentu bagi babak-babak drama radionya, serta efek-efek latar belakang yang dahulunya diriwayatkan oleh seorang periwayat. Hasil dari pengalaman inilah agaknya kali

pertama AJ mengenali apa itu teknik bagi sesuatu cabang seni.

Kejayaannya yang pertama itu telah mendorong Radio Malaya mengkomisennya untuk mengadakan Sandiwara Radio sekurang-kurangnya dua minggu sekali. Selepas dua bulan, tersedar dia akan suatu masalah—bagaimana caranya hendak menjauahkan kebosanan audiennya dan mencegah penyakit stereotip menular dalam karya-karyanya. Pada mulanya dipel-bagaikan jenis-jenis tema dramanya seperti perang, psikologi, agama, jenayah, rumah tangga, masyarakat, cereka sains dan sebagainya. Kira-kira faham orang akan bentuk-bentuk drama yang dibawanya seperti komedi, tragedi, dengan cabang-cabangnya tumpama kelakar atau *farce*, melodrama, fantasia tragik-komedi dan lelain, dia pun bermain dengan teknik persembahan seperti *projected characterisation* dalam *Kena Buat* (1957), *stream-of-consciousness* dalam *Renungan Talun* (1958), *dual development* dalam *Kisah dalam Cerita* (Hari Raya 58), *comedy of humours* dalam *Madu Bersengat* (1959), *flashback* dalam *Menjelang Maut* (1959), *satire* dalam *Jiran Setangga* (1960), *comedy of manners* dalam *Mami dan Dedi* (1961) dan beberapa karya dramanya yang lain yang mendatangkan berbagai-bagai reaksi di kalangan audiennya.

## PEROSAK BAHASA

Setelah menulis beberapa tahun sedemikian rupa, tidaklah hairan kalau sudah menjadi darah daging baginya gemar akan pembaharuan atau inovasi. Tetapi dalam dunia cerpen atau penulisan media cetak, dia menghadapi kebuntuan. Cerpennya yang pertama *Malam, Tima dan Perempuan Tua* (1947) ala teknik *surprise ending* diterima juga oleh sebuah mingguan yang prestigious tetapi dirubah hingga menjadi satu bentuk rencana bernaratif bermauduk *Cara Menolong Orang* dengan bahagian hujung cerpen itu dipotong! Amatlah besar *surprise* AJ hingga tidak sudah-sudah dia mencari sebab-musababnya. Rupanya, dalam kegelojohnnya hendak membawa aliran rea-

lisme dalam drama dia telah mendapat gelaran 'perosak bahasa' kerana memperlakukan dialog-dialog drama hingga para pelakonnya tidak lagi dapat berbahasa istana dan berbunga-bunga seperti drama-drama bangsawan dahulu. Demikianlah kuatnya pengaruh gelaran 'perosak bahasa' itu hingga bertanya beberapa orang ahli bahasa kepadanya adakah suatu iklan dahulu yang berbunyi, 'Apa pasal? Saya lupa saya punya B. . .' itu bikinannya. B. . . cukup laris dibeli orang; AJ menghadap kebuntuan.

Dalam keraguannya mengenai bahasa dan teknik penulisannya, dia pun berturut-turut selama tiga tahun memasuki peraduan menggarang. Dalam tahun pertama iaitu 1956, dua buah cerpen pemenangnya kini terangkum dalam antologi *Aku di Sebuah Pulau*; pada tahun 1957 cerpennya *Membunuh Ketua Negeri* ditempatkan dalam antologi *Cerpen-Cerpen DBP*; tetapi novelnya *Berlindung di Balik Pelanian* yang bersama-sama Salina memenangi hadiah sagu hati Sayembara Novel DBP 1958 kini hilang manuskripnya. Daripada pengalaman sekalian ini, didapati melalui peraduanlah dapat karya-karyanya yang membawa teknik-teknik baru itu diterima dan dicetak orang.

Jadi, apabila terbaca sahaja mengenai Sayembara Novel Sepuluh Tahun Merdeka, memuncaklah nafsunya hendak mencuba tangan menulis kembali. Pada hal akhir sekali dia menulis cerpen ialah empat tahun sebelumnya dengan *Bunga-Bunga Detak* yang diterbitkan oleh Berita Harian. Kebetulan pula pada awal tahun 1967 saya kembali ke Jabatan Penerangan dan meninggalkan Filem Negara Malaysia dengan hati yang berat sesudah berkhidmat selama lebih tujuh tahun.

## BAHAN DAN PERSEMPAHAN

Sebelum itu, karya filem saya *Modal Sahaja Kurang Berjaya* baru sahaja memenangi *Golden Harvest Award for Best Planning* di Pesta Filem Asia di Kyoto, Jepun. Dengan itu sudah empat buah karya filem saya mendapat hadiah antarabangsa. AJ semacam iri hati. Tidak sudah-sudah ditanyakan teknik filem,

proses pembikinannya, pengalaman saya sebagai penulis, pengarah dan penerbit filem dokumentari/cerea dalam tempoh konfrontasi dan membawa kembali ke zaman saya menjadi pemberita, penterjemah, guru pelatih semasa Darurat, peon/-penyuluh di zaman Jepun dan budak ingusan dalam pemerintahan British hingga ke zaman arwah ayah dan datuk dan perjuangan mereka masing-masing ke arah kemerdekaan.

Sesudah dikutip butir-butir pengalaman saya itu, disuruhnya saya mencari fakta-fakta sejarah tanah air. Saya tidak membangkang suruhannya itu kerana saya syak dia hendak buku kan riwayat hidup saya ataupun menjadikan saya pelaku utama atau hero dalam bakal novelnya itu. Begitulah ghairahnya saya mengutip buku-buku daripada simpanan saya dan juga abang saya Sudar Majid di Melaka. Kira-kira sebulan jenuh saya mencungkil fakta-fakta untuknya. Tetapi apa yang dibuatnya? Hanya duduk, baring, melanguk, mengelamun, termenung dan merenung! Apabila saya serahkan fakta-fakta yang dikchen-dakinya itu, dibuatnya suatu carta mula-mula secara kronologis mengikut periode:

Campur Tangan British  
Pemerintahan British  
Pendudukan Jepun  
Pentadbiran Tentera British (*BMA*)  
Malayan Union  
Federation of Malaya  
Darurat  
Persekutuan Tanah Melayu  
Konfrontasi  
Penauapan Serumpun

Tiba-tiba dirombakkan semula susunan itu serta diangkatnya naik Konfrontasi dan Campur Tangan British diselaraskan dengan Pentadbiran Tentera British dan demikianlah seterusnya dicampuradukkan yang lain. Saya protes kerana kacau-bilau susunan kronologi sejarah tanah air dibuatnya.

-Diam! Aku bukan menulis buku teks tawarikh. Aku mereka sebuah novel sejarah. Novel sejarah - novel, fiksyen: sejarah, fakta. Fiksyen dan fakta perlu diadunikan dalam bentuk seni. Ingat temanya yang dituntut oleh pengajur sayembara - perjuangan dan pengisian kemerdekaan. Jadi, isinya apa? Negara dan warganya dalam arus sejarah. Polanya apa? Dalam sejarah ada apa yang dipanggil 'susur-galur' atau 'asal usul' pemerintahan. Demikianlah juga novel ini mengambil bentuk sebatang pokok susur-galur yang setiap manusia dan peristiwanya berupa dahan yang berpangkalkan batang yang satu iaitu watak utama. Persembahannya? Seperti sejarah atau tawarikh yang selalunya dikenang kembali, demikianlah juga teknik novel ini akan aku gunakan *flashback*.

Saya kaget apabila mendengar dia hendak menggunakan *flashback* sebab pernah saya mlarangnya kerana dalam semu filim, *flashback* biasanya mengganggu kelincinan perjalanan cerita. Rupanya AJ masih seperti budak-budak kecil orangnya. Yang dilarang itulah yang dikarang.

Gasaklah. Pandai awak. Saya hanya hendakkan kesempurnaan dalam karyanya. Saya pun mendiamkan diri kerana takut kalau-kalau dia berubah fikiran dan enggan menjadikan saya watak utamanya. Mahu juga merasa jadi hero dalam novel. Entah mengarangkah atau mengerang dia, saya kurang pasti. Tetapi kira-kira empat puluh hari ke tarikh penutup sayembara, barulah dia meluncur dari katil lalu terpaku di kerusi menaip dan terus menaip dari jam lima petang hingga ke larut malam seperti orang kena rasuk jin. Untuk memperhebatkan lagi daya kreatifnya, dibunyikan lagu-lagu klasik dengan gerak yang pantas terutama klasik Sepanyol dan ciptaan Ravel. Bosan dan membising agaknya orang sebelah-menyebelah. Tetapi ketika itu belum ada lagi Rukun Tetangga.

Saya tidak dibenarkan membaca manuskrip itu hingga selesai dikirimkan kepada Setiausaha Sayembara iaitu menjelang hari penutup. Waduh! Berdebut hatiku jatuh seperti nangka busuk - hampa.

-Mania dia aku dalam cerita kau ni, AJ?

-Itu, si Lajih OBE tu. Siapa dia lagi?

Sebenarnya, selepas membaca *PP* pada kali pertama, saya berkeriau:

-Oi AJ, mengapa kau mengarang novel berbelit-belit? Sekejap sini, sekejap sano; sekejap kini, sekejap kuno!

Ruang dan masa telah dimanipulasi oleh AJ sedemikian ru-pa hingga bercelaru jadinya. Umpamanya, sedang diseting per-khemahan Johari di Tompian dalam masa Konfrontasi, tiba-tiba bertukar tempat di Kampung Seberang Tekah di zaman Jepun pula dan terus-menerus beralih ruang dan masa padahal kisah di Tompian dalam masa Konfrontasi itu belum habis lagi.

Aziz Jahpin hanya tersengih-lalu menyuruh saya membaca kali kedua sambil membuka sedikit rahsia semi tulisnya:

-Apakah peranan bab pertama itu? Sengajakah aku hendak menyusahkan pembaca dengan istilah-istilah perfileman kau itu?

Rupa-rupanya bab pertama itu semacam memberi amaran akan jenis bentuk bacaan yang bakal kita hadapi. Teringat saya betapa bersungguh-sungguhnya dia menanyakan teknik per-fileman. Sekarang nyatalah digunakan teknik filem itu dengan beberapa *device*nya dalam *PP*. Paling nyata sekali ialah cara sambung-sinambungan di antara satu bab dengan bab yang lain iaitu serupa dengan kontinuiti filem dari satu adegan ke satu adegan atau dari satu babak ke satu babak yang lain.

Lihatlah hujung bab 3. Bunyi beduk Masjid Tompian se-masa Konfrontasi disambungkan dengan bunyi kentung surau Kampung Sebarang Tekah iaitu di permulaan bab 4 yang membawa kisah dalam zaman Jepun. Teringat saya kembali di bilik penyunting filem, lebih-lebih lagi apabila menyoal mengapa bunyi beduk dan kentung dijadikan alat penyambung kalau tidak kerana kedua-duanya boleh juga melambangkan 'genderang perang' atau seolah-olah muzik *match* atau *martial* yang selalu digunakan dalam filem untuk menimbulkan *mood* atau suasana bagi audien akan kisah perang selanjutnya. Jadi, dengan sekali gus AJ menggunakan beberapa elemen untuk

mendapatkan peralihan masa dan ruang tanpa dirasai oleh audiennya dalam usahanya menjalin cerita dengan teknik *flashback*. Apabila saya mengikuti bab-bab yang lain untuk mencari yang mana peristiwa kini dan yang mana *flashback*, saya dapat satu bentuk seperti berikut iaitu jelas menunjukkan apa yang terjadi pada kronologi sejarah yang dicampuradukkannya dahulu:

K	K	K	K
1 2 3 4	5 6 7 8 9 10 11 12	13 14 15 16 17	18 19

**BRITISH & JEPUN      CPF      DARURAT**

K=Konfrontasi C=Campur tangan British P=Pentadbiran  
Tentera British F=Federation of Malaya/Merdeka.

Angka=nombor bab

Garisan atas=masa kini. Garisan bawah=masa flashback.

Di sini nampaklah kita berapa bahagian novel *PP* dipenuhi dengan *flashback*. Kajikanlah cara-cara sambung-sinambungan yang terdapat dalam bab 13, 15 dan 18. Adakah sesuai dengan *mood* atau suasana peristiwa selanjutnya? Bab 19 juga ada unsur-unsur drama pentas atau sesetengah filem konvensional di mana semua pelakonnya dikumpulkan dalam suatu *finale*.

Pendek kata kalau diubahkan bentuk penulisan iaitu diasing-asingkan perihalan lokasi di satu bahagian halaman surat dan dialog serta bunyi alam dan efek latar belakang di bahagian lain maka novel *Pulanglah Perantau* ini menjadi sebuah skrip filem yang lengkap. Hal ini merupakan satu *reverse process* daripada apa yang lazim dibuat orang. Biasanya filem-filem, terutama sekali jenis *eksperimen* atau *cinema verite* mencedok teknik novel-novel *avant garde* atau *novel d'art*. Tetapi AJ mencipta novel ala teknik perfileman.

Ada baiknya juga jika pada carta tadi dicatatkan dengan sepatuh kata atau sekalimat ayat mengenai peristiwa besar dalam tiap-tiap bab terutama sekali yang berkaitan dengan Johari. Dengan itu akan ternyata bentuk cerita *PP* iaitu di mana-munya, perkembangannya, klimaksnya dan penghurauan atau

kesudahannya seperti struktur novel konvensional. Dengan itu mungkin akan nampak tali-temali bab di pangkal dengan yang akhir atau yang di tengah dengan yang lain. Dalam hal ini saya dilarang oleh AJ untuk menjelaskannya. Saya diminta untuk memandu sahaja.

Saya tatapi sekali lagi carta tadi. Terlihat saya akan suatu kepincangan AJ yang menonjol-nonjolkan novelnya kononnya berjenis *novel d'art* yang *prototype*.

-Hei, di mana seni kau AJ? Tengok macam mana kau bahagikan masa dalam buku kau. Tak imbanglah! Masa British lari, Jepun masuk dan British datang kembali—lebih empat tahun—kau bahagikan sembilan bab. Masa Darurat, dua belas tahun, hanya dua bab saja! Mana dia seni kau?

-*Ulysses* oleh James Joyce yang mengandungi peristiwa satu hari sahaja iaitu 16 Jun 1904 menelan 719 halaman. *Orlando* oleh Virginia Woolf berlaku dari 1588-1928 iaitu 340 tahun. Tetapi tidak pula sampai  $719 \times 340 \times 365$  halaman tebalnya.

Ada sahaja jawapannya.

Namun demikian, mengenai teknik buku ini, ada baiknya juga diperingati sentiasa akan dua dialog dalam bab I ini: 'Ingat ya. Lain kali, dalam filem-filem aku, satu shot itu mesti ada sekurang-kurangnya dua jenis action.' (halaman 2) '...bila askar menyerang, pan ~ kisarkan kamera pelan-pelan dari kiri ke kanan sampai ke Commander. Zum lekas ke muka Pegawai Pemerintah.' (halaman 1)

Dalam dialog pertama itu seolah-olah pengarang mengingatkan bahawa baik pun dalam gambaran *action* mahupun dalam penggunaan kata-kata AJ biasanya menyelitkan dua lapisan makna atau maksud. Penduaan ini kerap berlaku di sana sini dan menjadi jerangkap samar bagi mereka yang tidak menghiraukan peringatan ini.

Dialog kedua pula menunjukkan siapa yang difokuskan di antara watak-watak yang ramai dalam *PP*.

#### WATAK DAN PERWATAKAN

Sebagaimana dalam filem, watak-watak berkeliaran dari satu

babak ke satu babak, demikianlah tokoh-tokoh AJ dalam halaman-halaman *PP*: kebanyakannya tanpa wajah kecuali yang ditayangkan dalam syot dekat dan rapat seperti tokoh-tokoh utamanya. Nampaknya AJ lebih mementingkan sifat dalam daripada luaran sesuatu tokoh itu. Pendedahan perwatakananya itu secara beransur-ansur seperti *strip tease*. Carilah sesuatu peristiwa yang diada-adakan semata-mata untuk bertele-tele bercerita tanpa mendedahkan perwatakan pelaku-pelakunya atau mengembangkan plot. Pengalaman AJ dalam penulisan drama membolehkannya menggunakan beberapa cara untuk menggambarkan watak-wataknya iaitu dengan perihalan secara langsung, melalui perbuatan, menerusi perbualan serta pemikiran wataknya. Tetapi seperti Tuhan menghakimkan perbuatan kita dengan menilik hati iaitu pendukung niat kita, demikianlah juga perlunya kita meneliti maksud dan tujuan di sebalik tindak-tanduk watak-watak dalam *PP* sebelum menentukan peribadinya.

Ada baiknya jika dicatatkan nama-nama watak yang ditemui serta nombor-nombor halaman yang mengandungi perihalan selanjutnya seperti:

Irwan - hal. 16, 26, 72, 222 . . .  
untuk mengulang semula apabila membuat pengkajian perwatakan. Tetapi penting ialah mendalamai isi hati tokoh-tokoh *PP* yang menjadi pendorong segala perbuatan mereka.

-Begitulah berhati-hatinya kau menggambarkan watak luaran dan dalaman tokoh-tokoh kau, mengapa nama mereka kau tak begitu teliti? Umpamanya nama *Lawrence von Groot* kononnya anak Malaysia keturunan Belanda. Setahu aku *Lawrence* itu nama Inggeris bermakna 'mahkota'; *von* itu pernah dipakai oleh orang Jerman seperti *von Ribbentrop*, nama Menteri Luar Jerman Nazi yang terkemuka, dan *Groot* itu nama kapal perang *flagship* Belanda *de Groot* atau Yang Besar, sewaktu Perang Dunia Kedua dahulu. Habis kau campur adukkan nama Inggeris-Jerman-Belanda. . .

-Jadi, apa ertinya *Lawrence von Groot* itu?

- Mahkota yang besar.
- Mengikut pendapat kau, bagaimana sifat dan perwatakan Lawrence von Groot?

Sejenak saya bertikir lalu terbayang saya satu perwatakan anak kacukan yang tidak punya identiti serta 'kepala besar' yang boleh dikiaskan sebagai sompong bongkok. Saya tidak mahu kalah lalu membentak:

-Hah! Pandailah kau mengadakan-adakan alasan sesudah Aha dan Uj mendedahkan ketidaktelitian kau dalam mengarang novel....

-Ya. Aku menggunakan nama *Wong Siu Chin* sesudah Wong Swee Chin @ Botak Chin menjadi heboh dalam akhbar. Aku menggunakan kisah Datuk Bahaman dan Tok Gajah ayahanda Allahyarham Mat Kilau sesudah kedua-dua pahlawan itu diperkatakan orang. Aku gunakan peristiwa Nuraini @ Wong Siu Chin pergi belajar agama di rumah rakannya sesudah PERKIM mengadakan kelas-kelas agama Islam bagi saudara baru dan aku menggunakan riwayat Nabi Muhammad dalam *Bible* hingga Lawrence masuk Islam selepas pihak Kristian mengaku kenabian dan kerasulan Junjungan kita itu di Seminar Islam-Kristian di Libya!

Wah! AJ menggunakan ragam bahasa menyindir! Saya tahu sekalian peristiwa yang disebutnya itu berlaku jauh sesudah *PP* dikenalpasti. Di sini saya menginsafi akan kudrat dan iradat Tuhan yang demikian pemurah sekali mengurniakan ilham kepada yang memerlukannya di zaman tanpa wahyu lagi ini.

Berbalik kepada cara AJ mengolah perwatakannya, teringat saya akan kisahnya dengan penerbit-penerbit drama radio dan TV yang kerap menanyakan sifat dan perangai watak-watak dalam karyanya setiap kali sebelum digambarkan oleh mereka. Oleh kerana kerap pula saya membawa AJ terbang ke sana sini ketika itu, maka untuk memudahkan penerbit-penerbit tadi disuruhnya mereka mencari erti dan makna akan nama-nama yang diberikan kepada tokoh-tokohnya. Kelak itu satu rabsia lagi untuk mencari sifat-sifat watak dalam karya-karya AJ.

‘Maaf, Hakim . . . oh dari sebutan Law . . . Lawrence itu jadinya nama Hakim tu’ (hal:281). Kajikanlah pergolakan Lawrence von Groot daripada seorang yang ‘kepala besar’ menjadi ‘hakim’. Apa yang dihakimkan?

‘Nuraini kelihatan malap nurinya.’ dan ‘Johan pun cuba menaikkan seri cahaya mata Nuraini’ (hal: 271). sesuaikah nama Nuraini yang semacam perkataan Arab + Cina untuk Wong Siu Chi(n) dan bukannya *wong cilik*?

Ada satu perkara lagi mengenai cara perwatakan AJ. Saya telah mengingatnya tentang ketidaktelitiannya tentang fakta-fakta dalam PP: salah satu daripadanya ialah perihal *Gondoruso di Jawa Barat*. Kalaupun ada wujud nama pekan Gondoruso itu, tempatnya ialah di Jawa Timur ketara Jawa Barat berbahasa Sunda.

-Salahkah aku membuat Suprapto menguji *intelligence* orang-orang di sini dan dengan itu mendedahkan wataknya yang sebenar? Masakan kau tak tahu apa sebenarnya *Gondoruso* itu dan lelucon Allahyarham Bing Slamet mengenai makhluk di angkasa lepas dalam salah satu acara lawak Panggung Merdeka Studio Jakarta di zaman 50-an dahulu?

Dalam halaman 50 di mana soal *Gondoruso* ini timbul, terlihat bahawa Suprapto sedang disiasit. Seperti biasa AJ yang memandang tinggi akan *intelligence* pembaca dan audiennya, tidak pernah menerangkan sendiri implikasi sesuatu dialog atau peristiwa melainkan secara *subtle* diberikan petunjuk-petunjuk atau *cue* untuk kita mengambil kesimpulan.

Dalam halaman 53 iaitu di luar bilik penyiasatan, barulah Johari mendedahkan kesungsianya terhadap perwatakan Suprapto kepada pegawai tingginya dan kedua-duanya ada menggunakan perkataan *intelligence* dan *intelligensia*. Mengapa tidak serta-merta Johari membentak Suprapto apabila dikatakan olehnya, ‘Kampung saya namanya *Gondoruso di Jawa Barat* . . .’? Di sini juga satu lagi pendedahan akan sifat Johari itu sendiri dan juga Suprapto.

Mengenai *Gondoruso* itu sebenarnya ialah suatu jenis pohon

kecil, gandarusa (*Gandarissa vulgaris*) namanya, yang kerap dibuat ubat sakit pinggang oleh arwah bapa kami! Tentang lelucon Allahyarham Bing Slamet itu ialah beliau pernah menggunakan suatu bahasa yang aneh kononnya bahasa makhluk di angkasa lepas. Setelah diteliti rapi didapati bahasa itu adalah salah sejenis telor Sundi ala Bing Slamet!

-AJ, mengapa watak Johari yang kau gambarkan sebagai wira yang serba sempurna tiba-tiba cemburu dengan rakan karibnya Irwan hingga menjadi satu konflik dalam jiwa Johari?

-Sebenarnya ada dua soalan itu. Pertama, benarkah Johari seorang wira yang serba sempurna? Tiliklah niat dan tujuannya menentang Jepun, didikannya, minatnya, sikapnya dan kelakuannya terhadap ayahnya sendiri sebelum bertemu dengan Irwan. Adakah Johari berpendirian sendiri atau sentiasa di bawah pengaruh demi pengaruh orang lain? Apakah yang mendorongnya mengikut jalan yang betul akhirnya? Mengenai soalan kedua, adakah petikan berikut ini daripada halaman 74 membawa kesimpulan bahawa Irwan dicemburui oleh Johari?

Lama termenung Johari seorang diri. Kemudian tersentak ia bila teringat rakananya Irwan yang tinggal berhampiran dengan isterinya itu. Mungkin dapat ia memberitahu gerak-geri isterinya selama ditinggalkannya itu. Apakah kegiatannya selama dua tahun ini? Pecahkan sudah ia akan janjinya setelah meledaknya Konfrontasi yang kini terang-terangan diaikui oleh Suprapto tadinya didalangi oleh komunis? Kembalikah isterinya itu kepada fahaman komunisnya itu untuk membenarkan penentang-pententang perkahwinannya dulu yang berhujah bahawa "sekali komunis tetap komunis".

-Baiklah. Mengapa pula Johari yang begitu gagah perkasa kau jadikannya manusia yang kuat mengelamun?

-Perbuatan mengelamun memang ada pada setiap manusia. Nabi juga kerap berkhawlwat. Tapi, lamakah Johari mengelamun untuk mencari penyelesaian akan masalah hidup yang mendadak datangnya? Ada tiga kali dia mengelamun iaitu:

Dari maghrib ke isyak:  
Dari Johor Bahru ke Kuala Lumpur; dan  
Dari pemergian isterinya hingga ketibaan Polis  
Tentera.

Kesemuanya lebih kurang 12 jam—itu pun yang lama sekali ialah di kereta api kerana tiada apa lagi yang hendak dibuatkan. Apakah dilakukan oleh Johari sesudah diseret oleh Polis Tentera?

—Bagaimana pula bapa Johari iaitu Bukhari? Semula-mula pejuang kau lukiskan baginya tapi kenapa pula suka dia berbim banyak hingga menghilang diri daripada ibu Johari?

—Dua sahaja isterinya. Itu pun, adakah dia berulang-alik menemui isteri pertamanya padahal dalam halaman 211 isteri pertamanya sewaktu mengisahkan dirinya pernah berkata: ‘Nama saya Munah. Dah nak dekat 30 tahun sudah saya ditinggalkan dek bapak budak-budik ini, orang tua Bukhari itu.’

—Perhatikan kata-kata Munah iaitu ‘ditinggalkan’ bukan ‘ditinggal-tinggalkan’. Ke mana pula sebenarnya Bukhari menghilangkan diri? Dalam dialog Johari memarahi ayahnya di halaman 203 ada tersebut:

... Ayah, jangan fikir saya tak tahu apa ayah buat tempoh Jepun dulu. Saya di dalam Bahagian Penyiasatan Rahsia. Saya tahu dengan siapa yang ayah bersubahat masa itu menjadi musuh dalam sekejut — belot kepada negeri. Ayah bersubahat dengan seorang Jepun yang telah menembus barisan belakang pihak tentera di Tanah Melayu. Kerana apa? Jangan fikir saya tak tahu riwayat Tam Yukata yang dipanggil orang ‘Raja Harimau’ itu.

## SUDUT PANDANGAN

Satu perkara lagi yang kerap menimbulkan kekeliruan dalam PP ialah aspek sudut pandangan. AJ amat gemar bermain dengan unsur sastera ini, kelak akibat daripada pengalamannya dengan drama TV, radio dan filem,

-AJ, jenis sudut pandangan apa yang digunakan dalam *PP*?  
-Sudut pandangan berbaur.

-Eh! Setahu aku dalam persuratan hanya ada sudut pandangan orang pertama, sudut pandangan orang ketiga maha mengetahui dan sudut pandangan orang ketiga terhad. Tapi, dalam seni filem memanglah ada beberapa lagi yang lain. Jangan-jangan kau merojakkan persuratan dengan seni filem, tak?

-Semenjak Henry James memperkatakan *central intelligence* yang kini diistilahkan sebagai *point of view* atau sudut pandangan, sudah bertambah lagi jenisnya selain daripada yang tiga kau sebutkan tadi. Bacalah cerpen *Maria Concepcion* oleh Katherine Anne Porter atau *The Shadow in the Rose Garden* oleh D.H. Lawrence untuk memahami sudut pandangan dwiwatak atau *dual character point of view*; *The Boarding House* oleh James Joyce atau *The Idiots* oleh Joseph Conrad yang menjelaskan jenis sudut pandangan watak majmuk atau *multiple character point of view* dan *The Black Minister's Veil* oleh Nathaniel Hawthorne atau *The Lottery* oleh Shirley Jackson yang membawa sudut pandangan tanpa watak atau *no character point of view*. Aku hanya menggunakan sudut pandangan maha mengetahui, sudut pandangan sewatak dan ada kalanya dwiwatak.

-Macam mana pulak boleh dicampuradukkan sudut pandangan itu?

-Sebagaimana dalam seni filem ada settingnya dengan segala hiasan, lampu dan suasannya mengikut sudut pandangan watak yang penting dalam set itu, demikianlah juga dalam *PP* aku membahagi-bahagikan bab-bab mengikut setting-settingnya dan kemudian aku pun merisik dari rusuk watak yang penting dalam setting itu dan menulis dari sudut pandangannya.

Jelas dalam *PP* sudut pandangan digunakan oleh AJ untuk memainkan dua fungsi sampingan iaitu mendedahkan perwatakan dan mempelbagaikan cara penulisan.

## GAYA DAN BAHASA

-AJ, cerita *PP* ini bolehlah dikatakan cerita moden, tapi kau cacatkannya dengan gaya lama.

-Maksud kau?

-Tengah-tengah bercerita dengan prosa tiba-tiba kau masukkan pula puisi . . . semacam gaya Abdul Rahim Kajai, Lutfi dan penulis-penulis lama yang lain.

-Umpamanya?

-Bila Mak Munah mengisahkan dirinya dengan Bukhari, kau celahkan dengan perbilangan Adat Perpatih.

-Kalau mengikut kronologi cerita *PP*, kira-kira tahun berapa kisah Munah-Bukhari itu?

-Hmmm. Dalam tahun 20-an.

-Itukah saja yang menunjukkan gaya lama *PP*?

-Ada dua tiga lagi. Waktu kau perihalkan Kampung Sebarang Tekah dan pemuda pemudinya mencari jodoh, kau gunakan pantun pula.

-Tahun berapakah itu mengikut kronologi *PP*?

-30-an agaknya.

-Jadi, salahkah aku memparodikan gaya penulisan tahun-tahun 20-an dan 30-an dalam *PP*?

-Parodi?

-Dulu, bila kau baca *Point and Counter Point* dan terdapat Huxley memparodikan watak-watak dalam karya-karya D.H. Lawrence dan Oswald Mosley, tak ditegur sepatah pun. Tapi kalau anak Malaysia, menjadi salah pula.

-Alah! Yang Juriah menghantar surat-surat sajak kepada Johari selepas perang, adakah pernah dibuat orang?

-Kenapa kau tak mahu mengintai surat-surat daripada cinta-cinta lama aku tahun-tahun 40-50-an dulu?

-Di mana?

-Di atas peran rumah ibu!

-Pandailah nak berseloroh untuk menutupkan kelemahan sendiri! Mengakulah aje kau nak menonjol-nonjolkan kebo-

lehan kau memalas sajak. Nak bersastera kononnya.

-Masyak! Kau ni bila membaca sebuah karya, kau bukakan hati kau sepenuh-penuhnya terhadap karya itukah atau menutupnya dengan prasangka terhadap karyawannya? Kok aku nak menunjukkan kebolehanku, akan aku alirkan sajak-sajak imagisine dari hujung pena Juriah. Tapi, secocokkah dengan wataknya yang baru saja bermain-main dengan persajakan—mungkin dipengaruhi oleh Dr. Saito, atau mungkin oleh desakan bakatnya. Bandingkanlah perbezaan di antara Juriah dengan adik tirinya dari segi kaji baka.

-Kau ni suka merojakkan unsur sastera. Novel dan prosa. Kenapa kau baurkan puisi pula?

-Sudah dikatakan *PP* sebuah novel sejarah. Sejarah perjuangan dan pengisian kemerdekaan dan pembangunan negara. Adakah kita berjuang itu semata-mata untuk nusa saja? Betapa bangsa dan agama? Dan betapakah jiwa bangsa kalau tiada bahasanya? Apa pula yang menjadikan bahasa kalau tidak prosa dan puisinya? Salahkah aku mensejarahkan secara tak langsung perkembangan gaya prosa dan puisi sekurang-kurangnya dan tahun-tahun 20-an hingga lewat Konfrontasi?

-Tapi bahasa kau sendiri tiada berbunga – tak ada perbandingan, perumpamaan dan sebagainya.

-Bahasa yang terlampau berbunga akan memukaukan pokok bicara. Lagipun cara perbandingan pada kata-kata, indahnya pada kulit saja. Tapi, nampakkah kau perbandingan pada peristiwa-peristiwa dalam *PP*? Umpamanya bab *flashback* kedatangan Jepun.

-Peristiwa apa yang dibandingkan dengan kedatangan Jepun itu? Aku tak nampak sesuatu!

-Bilakah timbulnya *flashback* itu?

-Sewaktu beduk maghrib di Tompian berbunyi maka teringatlah Johari ketung surau kampung cinta pertamanya di Sebarang Tekah. Itukah perbandingannya?

-Itu juga satu kemungkinan. Tapi, dari bila ke bila Johari mengelamun tentang tempoh Jepun?

-Dari senja ke isyak.

-Mengikut kepercayaan orang Melayu, waktu senja atau maghrib, mengapa dilarang terutama budak-budak keluar rumah?

-Kononnya ketika itulah mambang, jembalang, jin dan setan keluar berkeliaran.

-Jadi, nampakkah kau sekarang kedatangan Jepun itu diumpamakan sebagai apa? Cubalah kaji *flashback-flashback* yang lain. Mengapa peristiwa menuntut kemerdekaan dilamunkan oleh Johari di atas rel kereta api; mengapa ledakan Darurat dilamunkan tatkala memuncaknya prasangka Johari terhadapisterinya? Masing-masing penulis punya gayanya tersendiri. Bagi diriku, cerita adalah setua Adam dan Hawa; yang membarukannya ialah gaya persembahannya. Aku mencari kesatuuan di antara idea, bahasa dan bentuknya. Untuk memberi kesan pada kata-kata hingga terbentuk sesuatu imej pada pembaca aku menggunakan metafora dan personifikasi, aliterasi dan asonansi; paradoks dan pant; ironi dan sarkasme.

-Kalau begitu, habislah segala jenis peribahasa dan simpulan bahasa kau gunakan.

-Juga ragaman bahasa.

-Bahasa beragam macam mana?

-Bahasa-bahasa sindiran, menggiat, mengejek, mengajuk, tempelak, herdik, bahasa terbalik, melampau, naik, berulang, mengeluh dan sebagainya.

-Juga bahasa buku teks dan laporan kewartawanan!

-Contohnya.

-Lihat deskripsi kau mengenai Kampung Periuk Kera. Begitu terperinci sekali sehingga asal usul kampung dengan perihal pokok periuk kera itu merupakan satu penerangan dalam buku pelajaran dan bukan lagi gambaran yang bermilai sastera.

-Hah! Pandailah kau mengutip pendapat Hashim Awang dan mengambil contoh yang dikemukakannya dalam halaman 164 *Cerpen-Cerpen Melayu Sebelum Perang Dunia Kedua*. Tapi sayang tak kena pada contoh yang kau beri untuk PP. Mung-

kin kalau deskripsiku mengenai pohon periuk kera itu berhenti begitu saja tanpa implikasi apa-apa selanjutnya, tepatlah ulasan kau bahawa deskripsi aku itu tidak bermilai sastera. Tapi, kaji kanlah peristiwa selanjutnya dalam bab itu, kemudian bandingkannya dengan deskripsi pohon periuk kera tadi. Nam-pakkah dua peranan yang dimainkannya - sebagai simbolisme dan *foreshadow* atau imbas muka?

-Baiklah. Yang itu mengenai pokok periuk kera. Tapi perihalan kampungnya pula seperti laporan kewartawanan!

-*Laporan kewartawanan* itu juga salah satu pendapat Hashim Awang seperti dalam halaman 162 bukunya tadi mengenai sesetengah karya-karya Pak Sako, Abdul Rahim Kajai dan Pungguk. Kalau dalam tahun 40-an lagi, sudah ada unsur-unsur kewartawanan dalam kesusasteraan Malaysia, maka Malaysi mendahului Amerika Syarikat dalam aliran *neo-journalism* yang diwakili oleh Truman Capote dengan novel *non-fiction*nya *In Cold Blood* (1966) dan *The Amies of the Night* (1967) oleh Norman Mailer. Perkahwinan di antara kewartawanan dengan kesusasteraan tak dapat dibendung selagi surat khabar berpengaruh.

-Pandailah kau mengalih pandangan. Tapi fakta-fakta sejarah kau kutip berjela-jela panjangnya, buat apa? Kahwinca buku novel dengan buku teks?

-Soalnya, apakah peranan fakta-fakta sejarah pada watak-watak dalam buku novel itu? Adakah membawa sesuatu pengalaman atau perubahan peribadi bagi mereka? Berapa juu murid telah membaca sejarah dalam buku tawarikh. Tetapi mengapa nama-nama penjajah masih bersempena di jalan-jalan raya dan sekolah-sekolah manakala pejuang-pejuang yang menjadi korban penjajah itu bersemadi dalam bumi saja? Fakta sejarah yang dilaporkan mempertontonkan sejarah kepada pembacanya tapi fakta sejarah yang difiksyen atau dicerekakai menuntut pembaca menyertai sejarah itu. Malah, ramai yang mengetahui perperangan Napoleon dan sejarah Rusia bukan daripada buku tawarikh bahkan daripada novel *War and Peace*.

oleh Tolstoi: perang saudara Amerika melalui *The Red Badge of Courage* tulisan Crane: perang dunia pertama menerusi *All Quiet on the Western Front* karangan Remarque dan beberapa buah novel kini menggambarkan peperangan dunia kedua. Betapakah halnya jika *Pulanglah Perantau* membawa sejarah Malaysia yang tidak tepat?

-Alah! Tepat fakta kononnya. Kenapa sampai Saiful Bahri (*Allahyarham*) dikatakan penggubah lagu *Indonesia Raya*?

-Salahkah fakta itu? Aku tak pernah menulis *Allahyarham* itu **mencipta** sekadar **menggubah** saja lagu tersebut. Sebelum aku menggunakan perkataan itu, dalam halaman 48, sudah pun aku membayangkan secara *foreshadow* maksud istilah itu enam halaman sebelumnya iaitu, '... bunga plastik siap tergubah oleh tangan yang nampaknya mahir dengan *ikebana* Jepun.'

Kemudian ditekankan lagi pada halaman 48 itu sendiri bahawa *Allahyarham* **pencipta** lagu *Berjaya* dan dijelaskan lagi sejelas-jelasnya pengertian istilah **gubah** itu, 'Sukarno memerintah penggubah-penggubah Indonesia menyusun lagu kebangsaan. Pak Saifullah satu-satunya dari pihak partikuler yang mengirim *arrangement* yang berjaya....'

## RISIK DARI RUSUK

Jika setiap patah kata perlu diteliti, betapa pula setiap ungkapan, kalimat, perenggan, bab hatta peristiwa-peristiwa dalam *PP*? Mustahaklah difahami setiap lapisan makna dan maksud yang terkandung di dalamnya. Itu agaknya stail AJ yang tersendiri, memusatkan perasaan dan meragangkan intelek pembaca dan audiennya.

-AJ, daripada hujah-hujah kau yang begitu ilmiah sekali tidaklah salah kalau *Pulanglah Perantau* disifatkan sebagai novel Malaysia yang lebih mirip ke sastera Barat daripada timur.

-Siapakah kau sebenarnya? Ejen anti-Tuhan? Neo-Imperialis yang membelenggu akal dan fikiran manusia? Sebagaimana kita mentauhidkan Tuhan, tiadakah kau bercita-cita

hendak menyatukan manusia menghayatkan kembali firman Tuhan bahawa manusia berasal daripada umat yang satu? Adakah kesatuan manusia itu sekadar penyatuan tubuh dan badan saja tanpa mengirakan unsur-unsur yang menjadikan budi dan daya manusia? Adakah Barat mencemuh sumber imannya kesrama *Bible* itu datang dari Timur? Adakah Barat malu dengan dayanya ke bulan kerana *chemistry* berasal dari Timur? Dan apa pula jadinya dengan daya fikiran Melayu yang disusun oleh pengaruh khayal Hindu dari *Mahabarata* dan asyik maksyuk Parsi dari *Laila Majnun* hingga mengambil masa berabad lamanya untuk memahami maksud tujuan tulisan anak bangsa-nya sendiri—*Hikayat Hang Tuah*? Mengapa mesti dibiarkan penulis mendahului pembaca dan pengkritik? Dan kau terus-menerus menggalakkan anak bangsa mengejar pelangi indera tapi terkejur di gelanggang akal atau minda? Kajikanlah perkembangan novel malah kesusasteraan dunia dahulu sebelum membahagi-bahagikan sastera Barat dan Timur.

Aku tahu kau dah tiga kali khatam mengaji. Cubalah pula sekali-sekala mengkaji Quran itu. Ambillah saja kisah Nabi Hud yang pendek ceritanya dalam kitab suci itu. Berapa surah mesti kau kaji, berapa rujukan ilmu alam dan tawarikh dan kaji masyarakat mesti kau buat selain daripada unsur-unsur sastera yang mesti kau mengerti sebelum dapat memahami pengajaran di sebalik cerita Nabi Hud itu. Bandingkan pula kisah nabi itu dengan peristiwa-peristiwa dalam hidup Junjungan kita. Kemudian, bacalah ‘sastera Barat’ seperti *Ulysses*, *A la Recherche du Temps Perdu*, *Zer Zauberberg* dan lain-lain novel modenisme dan pascamodenisme. Kaji strukturnya dan bandingkan dengan struktur *al-Quran*. *Quo vadis*—ka ma sastera?

—Aku bukannya apa AJ. Sekadar memikirkan jauh ke depan. Bila kau mati nanti, kau akan dicapkan sebagai watak bikinan kau sendiri—Lajih OBE—lebih Barat daripada orang Barat dengan karya kau itu.

—Ya Allah! Tak nampakkah kau jiwa pantun dalam *Pulanglah Perantau* itu? Bangsa apa yang mendukung pantun?

Riiiiiiing! Loceng rumah berbunyi menggantikan seruan salam.

Ada tetamu gerangarnya berkunjung. Berkecipas AJ meninggalkan saya membuka pintu untuk tetamu.

-Ahaha! Din Londhu! Lama tak jumpa.

-Jumpo tak jumpo. Bertemu dalam buku ekau ni ha.

-Oh! Peminat *Pulanglah Perantau*.

-Peminak apo? Topakso menatap ho! Awak baghulah nak caghi tetel dokek hujung namio.

-Mak o! Dah masuk universitilah ya? Jurusan apa?

-Sastera! Apo ha kompeghatif hiteghicor nak dibuekkan dongan nobel ekau ni?

-*Comparative Literature*? Nak banding dengan karya siapa?

-Apo samoe ekau dongan Flöber?

-Gustave Flaubert! O... bapa masing-masing sama dari satu lubuk. Flaubert anak doktor perubatan. Aku berbinkan '*Malay Doctor*' mengikut surat beranakku.

-Hah! Itu pulak. Kontra ho apo pulak?

-Bila *Madame Bovary* diterbitkan, Flaubert diseret ke mahkamah. Tapi bila *Tiga Dara* ditayangkan, perkara itu cuma dibawa ke Parlimen. Menunjukkan orang kita lebih matang dan luas fikirannya.

-Den tak tanyo *Tigo Dagho. Pulanglah Peghantau!*

-Kajilah Johari dan Bovary. Bandingkan pendidikan mereka dan apa kesudahan masing-masing.

-*To the Lighthouse*?

-Karya Virginia Woolf?

-Haaaaa! Kenapo terbeliak mato ekau?

-Macam mana nak bandingkan *PP* dengan karya modenisme itu? Oh ya! Kajilah pola yang digunakan masing-masing dalam mengolah cerita. Kalau tak salah, Virginia Woolf membawa pola gelombang laut untuk aliran *stream-of-consciousness* karyanya itu. Aku cuma bentuk pohon susur-galur bagi aliran *flashback* novel sejarahku.

-Apo dio modenisme yang ekau katokan itu?

-Baik juga kedua-dua buku itu dijadikan kajian. *Madame Bovary* sebuah novel realisme yang disifatkan orang sebagai novel pramodenisme manakala *To The Lighthouse* sudah melewati kemuncak modenisme.

-Dan *Pulanglah Peghatuih?*

-Dah ketinggalan zaman modenisme. Tapi kajilah ciri-ciri modenisme dan pascamodenisme bandingkannya dengan *PP*. Dan jangan lupa bandingkannya dengan struktur al-Quran.

-Eh Lajih. Tadi edan poi ko Dewan Bahaso nak buek penyelidikan tontang nobel ekau ni. Di sanunlah dapek edan tau alamek ekau dan dapek jugak mengintai sekali fail ekau. Mak oi! Daghi tahun 50 sampailah kok la ni, tak beghonti ekau kono bclasah, setiap karya ekau! Tapi nobel ekau jugak yang dipilih oghang. Tak kau maghah pengkritik-pengkritik ekau?

-Hesy! Gila kau? Nak marah dengan orang yang naikkan nama kau? Kita kan orang Islam. Tahu hukum-hakamnya. Orang berhasrat Tuhan berkudrat. Bagiku, yang terduga ialah iman dan Islamku. Lagipun kan dah jadi adat dunia, pelopor dipelupuh; peneroka diseloka; itulah hadiah dan balasan baktinya. Muncul pula pengekor, dialah yang akan menerima syukur! Lihatlah apa yang diterima oleh Leo Tolstoi setelah maha karyanya *War and Peace* diterbitkan dalam tahun 1869, sebagaimana yang diabadikan dalam *The Reader's Companion to World Literature*:

*Yet the work has angered many. Historians quarrel with the appraisal of Napoleon and with Tolstoi's theories of history; military strategists find faults with the accounts of battles; non-Russian readers are confused by the many classes and groups and literary critics have decried the loose episodic structure.*

*The problem of the reader is orienting himself. . . .*

Dan orang yang tidak dapat mentertawakan kepincangan-nya sendiri bukanlah manusia.

-Bukan seimuo mengoji ekau. Terimonyo oghang nobel ekau ni nunjukkan banyak lai yang muji ekau dalam hati. Tapi kejayaan ekau itu bukanlah pulak 100 peghatuih.

-Din, bagi seorang penulis, apakah yang lebih memberi kepuasan? Dipuji orang keronnya dia berjaya seratus peratus? Atau bila dibuka radio, masih dikekalkan orang teknik yang dipeloporiinya; tonton televisyen, ramai dia menulis cerita-cerita tergantung; baca cerpen, sudah ada yang berjinak-jinak dengan *stream-of-consciousness* dan absurdisme; telaah novel, ramai yang menulis dengan kesedaran teknik dan stail.

-Oh! You Lajih! Botoi-botoi damned bloody conceited egoist! Go to heck with you.

Reaksi terhadap tulisan di atas ini berbagai-bagai. Yang paling menarik merupakan satu soalan mengapa dikreatifkan apa yang sepatutnya satu tulisan deskriptif. Katanya, lebih baik dikutip *in toto* ulasan-ulasan yang mengelirukan itu serta nama buku ulasannya supaya dapat para pelajar mengawasinya di samping menyediakan bakal-bakal penulis menghadapi jemis kritikan yang serupa akan karya mereka kelak.

Penulis menjelaskan panjang pula ceritanya nanti kerana terdapat semacam ada langgam Pak Pak Alang pada setengah-setengah ulasan. Seorang cakap demikian, demikianlah diikuti oleh yang lain. Tetapi yang diikuti itu adalah perkara yang silap seperti menyatakan watak Bukhari dengan Penghulu Baba sebagai bapa Juriah di samping beberapa perkara unsur-unsur sastera. Ada juga yang menyalahkan konsep saya membina novel seperti plot, perwatakan, sudut pandangan, dialog dan sebagainya dan menyuruh saya merombakkan seluruh struktur novel ini mengikut kehendaknya! Malah, ada yang tidak dapat memisahkan karyawan daripada karyanya dengan menuduh saya hendak menunjuk-nunjukkan kepandiatan saya menulis sajak dan berbahasa Inggeris!

Selain daripada itu alangkan tanpa menyebut nama dan buku pengulas serta dikreatifkan pula tulisan tersebut, reaksi sesetengah orang. Ah, malu hendak merakamkannya! Inikan pula jika disebutkan nama dan dideskripsikan sebagai esei atau *critical study*.

Telah pun saya cuba menulis secara esei akan karya-karya

saya yang lain di dalam majalah *Widya*. Akhirnya saya menjadi kera sumbang dalam sastera Melayu.

Di sinilah saya menginsafi akan kebenaran kata-kata dan nasihat seorang sasterawan yang apabila saya menanyakan mengapa dia begitu murung dan monyong, diterangkan bahawa karyanya telah diulas oleh pengkritik sedemikian rupa hingga dipandang orang serong terhadapnya. 'Mengapa tidak dijelaskan apa yang dianggap sebagai salah faham atau kekeliruan?' Saya mengesyorkan. 'Nak mampus!' jawabnya tegas.

Tahulah saya sekarang apa takrifnya istilah 'mampus' itu. Rupanya ada juga manusia yang menganggap dirinya serba sempurna.

Saya juga bukanlah tidak tergores hati sebagai manusia serba lemah. Di dalam banyak-banyak ulasan, yang paling menyayat sekali jahah apabila disarankan supaya ditolak firman Tuhan di dalam dialog-dialog kerana bukan sahaja ia membuatnya 'bertele-tele bahkan bersifat khuthbah dan mencacatkan karya'.

Dialog berkenaan ditutur oleh Juriah kepada Johari seperti berikut:

Lagipun tidakkah kita berjuang dan hidup mengikut satu-satu dasar sekurang-kurangnya, mengikut ajaran Islam. Lupakah saudara apa yang termaktub di dalam Quran yang berbunyi lebih kurang begini: 'Di dalam sesuatu peperangan sekiranya si kafir itu ingkar akan janjinya beberapa kali, barulah kita mansuhkan perjanjian itu. Tapi tiap-tiap kali dia ingkar berikanlah masa untuk bertaubat sebelum memberi keadilan yang sewajarnya. Hukumkan ketua mereka dan jika ada yang meminta perlindungan, berilah kepadanya. Biarlah dia mendengar firman Allah dan pimpinlah ia ke jalan selamat. Jujurlah kepada mereka yang jujur. Perangilah peperangan yang suci tetapi hasil peperangan jangan direbut. Hanya Tuhan saja berkuasa membahagi-bahagikannya. Kasihilah musuh supaya kasih jadi basaannya'.

Apakah yang mencetuskan dialog ini? Apabila Juriah mendapati Johari yang sedang dirawat terus-menerus berkeras dan kasar terhadap Dr. Saito yang bagi Juriah telah membuat pe-

ngorbanan besar untuk berjasa kepada Pasukan Gerak yang menentang bangsanya sendiri, Jepun.

Mengapa bertele-tele jadinya dialog ini sedangkan kebiasaan dialog saya 'pendek-pendek dan hidup' demikian pendapat beberapa orang pengulas? Hal ini untuk mendedahkan sifat kedua-dua insan. Juriah berpendidikan agama dan Johari juga beragama orangnya dengan mematuhi kehendak Allah supaya mendengar dan menghayati setiap firman Tuhan yang disampaikan orang. Lihatlah selanjutnya pengaruh dialog ini ke atas Johari.

Mengapa dicapkan dialog itu sebagai 'khutbah' dan disaran-kan supaya ditolak firman Tuhan untuk mengelakkan kecacatan karya? Begitulah kehendak ajaran *humanism* yang menjadi asas pendidikan British dan Barat. Antara pegangan humanis ialah bahawa manusia itu sudah sempurna. Oleh itu hendaklah mengutamakan akal atau *reason* dan menolak wahyu. Bagi orang humanis ini, penemuan-penemuan sains hingga membolehkan manusia naik ke bulan dan menjadikan dunia yang luas ini hanya sebuah kamipung sejagat saja serta kejayaan-kejayaan sains yang lain membuktikan keunggulan akal manusia itu. Inilah gerakan intelektual.

Kedua-dua pegangan itu jelas terkeluar daripada akidah Islam. Tanggapan bahawa manusia itu sempurna bererti makhluk sudah merampas hak Khaliknya dan menyamakannya dengan sifat Allah—syirik hukumnya. Menolak wahyu berimakna meniadakan Tuhan—kufur hukumnya.

Ya Allah, lindungilah daku daripada fahaman demikian. Aku sedar bahawa Engkau sedia mengampuni segala dosa jika Kau kehendaki kecuali dosa syirik.

Tertutupkah sudah pintu pengampunan Tuhan bagi mereka yang melakukan dosa syirik itu?

Jawabnya belum, bagi mereka yang tidak menolak wahyu Tuhan iaitu al-Quran dan as-Sunnah dan berpegang pada Surah az-Zumar: Ayat 53 yang bermaksud: 'Katakanlah hai hamba-hamba-Ku yang melampaui batas terhadap diri mereka sendiri,

janganlah kamu berputus asa akan rahmat Allah. Sesungguhnya Allah mengampuni dosa-dosa semuanya. Sesungguhnya Dia adalah Yang Maha Pengampun lagi Maha Penyayang.'

Apa yang menyebabkan turunnya ayat ini? Mengikut Hadis, beberapa orang pemimpin Quraisy telah berputus asa tatkala Junjungan s.a.w. menyampaikan firman Allah (An-Nisa':43) bahawa Allah akan mengampuni segala dosa kecuali dosa syirik. Kata mereka kepada Nabi s.a.w. apalah gunanya lagi mereka melakukan ibadat-ibadat Islam sedangkan mereka pernah menduakan Tuhan dengan menyembah berhala dan kini tahu pula mereka tidak akan diampunkan. Maka turunlah ayat ini. Ayat 54 menyusulnya pula menunjukkan cara-cara mendapatkan pengampunan itu iaitu kembalilah kepada Allah, dan ikutlah sebaik-baiknya apa yang telah diturunkan Allah. Kedua-dua cara ini pula ada bersyarat iaitu 'sebelum datangnya azab yang tidak boleh ditolongi lagi atau azab yang datang dengan tiba-tiba tanpa disedari.'

Mengapa diadakan peraturan-peraturan ini? Ayat-ayat 55-58 menjawab soalan ini. Manakala ayat 59 pula ditujukan kepada mereka yang menolak wajyu Allah dengan menyombong menyebabkan berlakunya 'melampaui batas terhadap diri sendiri'. Ayat tersebut berbunyi: 'Sebenarnya telah datang keterangan-keterangan-Ku kepadamu lalu kamu mendustakannya dan kamu menyombongkan diri dan adalah kamu termasuk orang-orang yang kafir.'

Lihatlah beberapa ciri dalam struktur al-Quran. Untuk memahami satu ayat sahaja terpaksa kita 'melompat-lompat' dari satu surah ke surah yang lain di samping mengaitkan pula Hadis. Misalnya az-Zumar:53 melibatkan an-Nisa':43 dan Hadis Nabi mengenai turunnya ayat itu. Kemudian disusul pula dengan peraturan-peraturan dan sebab-sebabnya melalui ayat-ayat 54-58. Ayat 59 pula dijelaskan maksudnya lagi oleh al-A'raf: 40-41.

Inilah yang kerap saya baca dan inilah secara tidak sedar saya terbawa-bawa sewaktu berkarya. Dan inilah apa yang saya namakan teknik bercerita al-Quran. Secara inilah dapat saya me-

nyahut seruan Allah supaya berceritalah kisah-kisah agar mereka berfikir. Tetapi sayang sekali kebanyakan pembaca mahupun penonton hari ini tidak suka berfikir tetapi suka disusap sahaja untuk menikmati santapan rohani sedangkan Tuhan pernah bertegas Allah menimpakan kemurkaan ke atas orang-orang yang tidak menggunakan akal (Yunus:100).

Namun, dalam segala hal kita tidak boleh berputus asa. Di antara enam buah buku ulasan yang ada di dalam tangan saya terdapat seorang sahaja iaitu Hanapiyah Sudin yang berusaha menyusun semula jalan cerita *Pulanglah Perantau* dari ABC hingga XYZ dalam sebuah sinopsis. *Allhamdulillah* faham dia bahawa cara imilah yang dikehendaki untuk memahami al-Quran dan karya-karya pascamodenisme, malah segala karya sastera. Penggunaan akal secara beginilah saya kira yang dituntut oleh Allah sewaktu berkarya dan ketika hendak memahami karya. Seorang lagi dari Singapura membuat penyusunan yang serupa tetapi untuk perwatakan Johari saja bukan sinopsis seluruh cerita. Ini mengingatkan saya akan Profesor Mohd. Taib Osman yang tidak terasa tercemar duli menjemput saya ke rumahnya untuk menyemak kajianinya ke atas *Pulanglah Perantau*. Diunjuk kepada saya suatu carta selebar muka meja tulisnya dan di dalamnya tersusun secara kronologis watak-watak dan perlakuan masing-masing sepanjang cerita.

‘Tengok Jes, apa kau sudah buat. Terpaksa orang menyusun semula jalan cerita kau dan menyemak balik sesuaikah tidak apa yang dilakukan itu mengikut umur masing-masing.’

Saya sungguh kagum melihat usaha Profesor Mohd. Taib itu kerana saya sendiri menulis mengikut gesaan tangan dan gerak hati saja sebab mengejar masa. Sebaik saja empat buah buku pemenang hadiah diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, pada 17 Oktober 1971 tersiar di dalam *Berita Minggu* ulasan-ulasannya oleh Mohd. Affandi Hassan antara lain mengenai *Pulanglah Perantau*:

Yang menarik di dalam novel ini ialah tekniknya. Berpandukan pengalamannya di dalam dunia perfilman, Aziz Jahpin (AJ) meng-

gunakan teknik perfileman ketika mengemukakan ceritanya.

Lebih dari tiga suku cerita dikisahkan di dalam *flashback* yang dibuat dengan begitu bersahaja dan pandai sehingga tidak terasa ditampal-tampal tanpa alasan.

Inilah novel Melayu yang pertama, saya kira, yang ditulis dengan segala kesedaran teknik dan stail.

Selama ini novel-novel kita mengemukakan *flashback* pendek-pendek untuk menjelaskan sesuatu kejadian. Tetapi AJ menggunakan betul-betul teknik *flashback* ini untuk membentuk ceritanya. Tetapi cerita tidak menjemukan dan masih masuk akal kerana kepandaian AJ mengemukakannya.

Ada *continuity* yang sangat halus menghubungkan bahagian-bahagian tertentu sehingga seorang pembaca yang tidak hati-hati sukar hendak menangkap sambungan itu. Misalnya, bagaimana cerita yang berlaku pada masa kini di dalam tiga bab pertama disambungkan ke masa lampau di dalam Bab 4 hingga Bab 12 dengan begitu bersahaja dan *natural* hingga tidak terasa dibuat-buat. Di dalam Bab 13 kita dibawa ke masa kini lagi, di mana Johari bersiap-siap hendak pulang menemui isterinya. Di dalam kereta api berlaku lagi *flashback* hingga bahagian akhir Bab 14 apabila Johari sampai ke Kuala Lumpur.

Di dalam Bab 15 kita diperkenalkan dengan Aini, isteri Johari. Tetapi hanya sekejap kerana dia keluar tergesa-gesa dan Johari tertinggal di dalam lamunan lagi, kali ini dengan hati yang marah dan cemburu kerana ditinggalkan isteri demikian rupa. Sesuai dengan perasaan itu maka penulis menceritakan bagaimana Johari menemui isterinya, seorang bekas komunis. Demikianlah cerita ditamatkan dengan amat memuaskan di dalam dua bab terakhir.

Jelas sekali kekuatan AJ ialah kekuatan teknik yang sering kali diabaikan oleh penulis-penulis kita. Pada AJ terlihat dengan nyata akan kesedaran betapa pentingnya teknik di dalam ciptaan. Percubaan AJ menggunakan teknik *flashback* dengan seluas-luasnya di dalam novelnya adalah suatu hal yang baru di dalam petulisan novel Melayu.

Dan bagi saya ini satu petanda yang baik, suatu bukti bahawa penulis-penulis kita sudah mula memikirkan dengan serius akan masalah teknik ini.

Bagi saya novel *Pulanglah Perantau* lebih berhasil dan lebih bererti sebagai sebuah karya fiksi. Teknik dan stailnya terkawal dengan baik dan seluruh cerita diolah di dalam kesedaran akan fungsi teknik yang

penting iaitu untuk memperjelas dan memberi makna kepada permasalahan yang dikemukakan.

Komen dan ulasan Pengkritik Mohd. Affandi Hassan ini disokong oleh dua orang sarjana. Profesor Sahlan Mohd. Saman di dalam bukunya *A Comparative Study of the Malaysian and the Philippines War Novels*, Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 1984 menjelaskan:

*There is nothing outstanding about the story pattern; it is the moulding of the politico-historical incidents of Malaysia from the years 1940 to 1967 when the Indonesian confrontation over Malaysia was ended. This novel depicts those important eras of our politics and history namely:*

- *the Japanese Occupation*
- *the return of the British, forming the British Malaya Administration, later changed to the Federation of Malaya*
- *the Emergency and independence struggle*
- *the Independence, and*
- *Indonesia-Malaysia Confrontation*

*The way the author moulds these incidents and eras with his focal character, Johari, is thus the interesting point to observe as something with plot creation in Malaysian novel-writing among our writers. Most Malaysian writers use the conventional plot sequence with its introduction, rising action, climax and denouement. In this novel, the author opens his story with the introduction of the two main characters — Johari, as the army captain, and Iriam, a film director at a film shooting site in Tompian — sometime around the beginning of the Indonesian Confrontation, 1963. Their portrayals are found in Chapters I to III. Only starting from Chapter IV, he retreats to as early as 1941 when the Japanese enters Malaya, and Johari is then only a member of the volunteer corps stationed in Kuala Lumpur. In this chapter begins the portrayal of the Japanese Occupation in Malaya, which goes on until Chapter X.*

*The main character, Johari, comes back to his normal sense (after some wild recollections) on his way home to meet his wife Nuraini. Another era is depicted showing how he meets the latter during the Emergency period in Malaya (1948-1960) when the army has to fight the communist terrorists in the thick jungles. He meets Nuraini in one of these operations. She is then Wong Sui Chin, a woman terrorist. From here, the author reveals Johari's role as one of the army personnel during the Confrontation; he is stationed as a radio monitor in the headquarters at Kuala Lumpur until he meets Nuraini and*

decides to retire after twenty-five years in the service. By then Johari is promoted to Lt. Colonel.

This non-chronological plot had been noted earlier among the Malay novel of Indonesian origin in Achdiat Kartika Mihandja's *Atheis* of 1949. For sometime, Malaysian readers debated on their total perceptions and understanding of this particular creation of Aziz Jalipin (AJ). As Pulanglah Perantau portrays more of the social after-effects of the Japanese occupation and the struggle of independence, scholars and critics have to consider the sociological aspects of the moment, the race and milieu of Malaysia.

We see the author's skill in churning multi-faceted characters without damaging or lessening the question of logic or cause-effect in any of them. Bakhtiar, as an old man, sometimes acts suspiciously but we see the reasons later. Johari, as an army officer, changes his personality according to the needs of the moment. He can speak the Indonesian dialect, appreciates art and music, is involved in politics, is a good lover, and is also temperamental as a young man. So too, are the unexpected behaviour of Dr. Saito, Juriah, Lawrence von Groot etc. It is probable that the author's skill in writing drama scripts helped him a lot in this success. Only, we sometimes see him intruding as he narrates.

The author too, tends to depict historical events—not less than fourteen—according to dates which are historically reliable. It seems that the author depicts these dates to be both realistic and factual. To preserve the local colour he retains the conversation of Irwan and Lawrence von Groot in Chapters I-II in its bilingual form, English and Bahasa Malaysia. And in Chapter III he changes the structure of Bahasa Indonesia to preserve the interview of Capt. Johari with Major Suprapto, the Indonesian infiltrator during the Confrontation. In Dr. Saito's dialogue too, the Japanese accent is obvious in the alphabetical change of 1 to r as in Malai to Marai.

It is beyond reasonable doubt that Johari is the hero of Pulanglah Perantau with his patriotic achievement for national interest. AJ's perception are thorough in character delineation to conform with the political and historical milieu of his novel.

(halaman 63-71)

Profesor Mohd. Taib Osman pula, dalam bukunya *An Introduction to the Development of Modern Malay Language and Literature* (revised edition) Times Books International 1982 antara lain berkata:

*Pulanglah Perantau* by Aziz Jalipur is interesting from the point of technique. Aziz employed the flashback device in telling his story which spanned the period of the Pacific War to the end of the Indonesian Confrontation. Without the flashback technique, it might not have been as interesting. It revolves around the adventures of Johari, the hero of the story. It is clear that in Johari the author saw an ideal Malay. Johari was, in turn, a loyal soldier of the British colonial regime, a guerilla with humanitarian principles fighting the cruelty of Japanese military occupational forces, a nationalist struggling against the British design to turn Malay states into a Malayan Union, a Malay Regiment soldier fighting the communists during the Malayan Emergency and finally an officer of the same regiment fighting the Sukarno-inspired Indonesian infiltrators during Confrontation. Johari was a composite figure—into him were infused all the ideals the author perceived in a Malay man, a kind of modern Hang Tuah, the Malay hero of old.

Although Aziz was not known to have written other major novels, his keenness for technique must have been derived from his interest in drama, which he wrote quite a number for broadcast by Radio and Television Malaysia. An idealistic man and punctilious when it came to technique or details of a scene, Aziz was capable of turning out good scripts for drama.

(halaman 119)

Berkenaan dengan plot saya yang dikatakan terpatah-patah sampai terlompat-lompat jalan cerita hingga tiada kesatuan yang meyakinkan, pada mulanya saya tidak menjelaskan dari mana saya dapati teknik ini kerana saya tidak mahu kerana saya ada orang yang berdosa nanti. Melalui pengalaman saya berkarya drama, saya dapati apabila ada unsur agama di dalam karya itu reaksinya semacam ada suatu cemuhuan. Apabila terbaca buku *Pendidikan Estetika daripada Pendekatan Tauhid* oleh Mohd. Affandi Hassan barulah kepadanya seorang saya mengakui bahawa teknik *Pulanglah Perantau* sebahagian besarnya saya menggunakan teknik bercerita dalam al-Quran serta disulamkan dengan beberapa ciri pascamodenisme yang tidak menyalahi akidah. Berikut adalah apa katanya di dalam Kata Pengantar buku *Bunga-bunga Derhaka dan Cerpen-cerpen Pilihan*, Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd. 1996:

Sepanjang yang diketahui, mungkin satunya karya yang dari segi tekniknya mengambil teknik bercerita al-Quran, yang kemudiannya diadun dengan teknik-teknik baru. Saya bersetuju dengan pengakuan AJ kerana dari segi bercerita, beliau kelihatan seolah-olah melompat-lompat, seperti kisah-kisah nabi di dalam al-Quran yang tersebar di sana sini, tetapi pada hakikatnya dengan berbuat begitu dia memberi kesempatan kepada pembaca untuk berfikir dan merenung tentang segala peristiwa yang dikemukakaninya. Dengan itu, apabila semua episod itu dikumpulkan dengan teliti dalam satu analisis, seperti yang kita buat terhadap kisah-kisah dalam al-Quran, maka kita akan mendapat pengajaran atau makna yang dimaksudkan oleh penulis. Pada fikiran saya, inilah sumbangan besar AJ yang hingga kini tidak dibicarakan dengan bererti oleh para sarjana dan pengkritik. Hal ini kerana mereka terlalu terikat dengan teori-teori Barat.

(halaman xv-xvi)

Dengan terpaparnya di sini beberapa komen dan kritikan, penjelasan dan pendedahan mengenai *Pulanglah Perantau* adalah diharapkan apalah jua dapat kiranya dinikmati dan dimanfaatkan karya ini sekurang-kurangnya memahami sejarah tanah air kita dan perjuangan ibu bapa dan nenek moyang kita dalam memerdekaannya.

Ini bukan pula bermakna hendak menutup mulut pengulas hingga ada yang menyalahkan penulis bahawa ketandusan pengkritik hari ini disebabkan oleh penjelasan akan kekeliruan *Pulanglah Perantau* yang pernah tersiar di dalam *Dewan Sastera* tahun 1977 dahulu hingga tidak berani pengkritik mengkritik karya-karya penulis lagi.

Sebaliknya niat penulis ialah hendak merangsangkan pemintat dan penggiat sastera membahas kembali tulisan tersebut hingga menjadi satu polemik ilmiah demi kemajuan sastera kita. Sewaktu 'ponteng rumah' kecil-kecil dahulu (sila lihat *Zamzam Zaman*, Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.,) penulis pernah melepak di *Malacca Library* membaca buku-buku yang tidak dibenarkan dibawa keluar. Di antaranya terdapat koleksi kritikan, ulasan dan surat-surat penulis dengan pengkritik atau rakan-

rakannya serta keratan-keratan aklibar mengenai karya yang dipersoalkan. Beginilah salah satu cara karyawan bahkan para sasterawan British meningkatkan lagi mutu sastera mereka hingga ke tahapnya hari ini. Tetapi malangnya, saya pula ter-silap jangka. Kita di sini belum lagi sampai ke tahap demikian.

Namun, jika *Pulanglah Perantau* pernah diperbandingkan dengan *Madame Bovary*, novel sulung realisme dan *To the Lighthouse*, novelet modenisme, ada baiknya juga diperbandingkan dengan karya-karya pascamodenisme seperti *The French Lieutenant's Woman* oleh John Fowles dan *Travelling People* serta *Alberto Angelo* oleh B.S. Johnson.

Hampir 30 tahun sudah *Pulanglah Perantau* muncul tetapi hari ini kita masih teraba-raba lagi di dunia sastera sampaikan Pak Idrus, sasterawan teragung mengutuk dalam persidangan akhbarnya, 'Sesungguhnya sastera telah mati. Sesungguhnya para sasterawan layak ditalkinkan. Mereka pun telah musnah dan perlu dimusnahkan. . . .' (sila lihat *Wajah Pendeta* oleh Mohd. Affandi Hassan, Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., 1996).

Kalaularah dari dahulu lagi kita berpegang kepada akal serta wahyu iaitu al-Quran dan as-Sunnah, dapatlah kita mengikis sifat-sifat negatif kita agar diulhamkan Tuhan dengan karya-karya yang dapat dirahmati-Nya serta berkarya dengan nilai-nilai kita sendiri tanpa terikut-ikut Barat yang tanpa disedari telah menyebabkan kita melakukan dosa-dosa syirik. Inilah yang ditakuti. Sambil berkarya yang disifatkan sebagai satu perbuatan harus kita telah melakukan yang haram pula. Di samping itu tidaklah pula kita memberi bahan kepada penulis-penulis seperti Mohd. Affandi Hassan yang berjaya menghasilkan suatu quartet (empat buah novel) mengenai sastera dan sasterawan.

Alhamdulillah dan bersyukur saya ke hadrat Ilahi kerana mengurniakan taufik dan hidayat-Nya menjayakan karya ini. Dan berterima kasih kepada Kerajaan Malaysia yang mementangkan hadiah pertandingan dan kemudian terpilih pula karya ini menjadi teks bagi peperiksaan Kesusastraan Melayu. Sijil

Pelajaran Malaysia selama lima tahun. Terima kasih juga kepada Dewan Bahasa dan Pustaka yang menerbitkan karya ini dan kemudiannya mengembalikan hak cipta kepada penulis. Tidak kurang penghargaan saya kepada pihak Penerbit Fajar Bakti yang menggalakkan saya dan menerbitkan semula karya ini. Semoga mendatangkan manfaat bagi semuanya.

*Petaling Jaya  
Selangor, Darul Ehsan.*

AZIZ JAHPIN

Siapa Saya  
—

'KAMERA, siap!' Irwan pun menyingsing lengannya. Matanya mendakap seplatun Askar Melayu Diraja yang sedang bersiap sedia.

Lawrence, ingat ya. Mula-mula kamera *static*—tak bergerak. Kemudian bila askar menyerang, *pan*—kisarkan kamera pelan-pelan dari kiri ke kanan sampai ke *Commander*. Zum lekas ke muka Pegawai Pemerintah dan tunggu sampai saya suruh kerat. Tahu?"

'*Cannot!*' Lawrence menghentakkan kakinya di belakang kaki kamera. 'Tak pernah orang buat macam itu—*never before!*' dia bersungut.

Serta-merta telinga Irwan metah. Hujung hidungnya berpeluh. Menggerat-gerat giginya; mengetap-ngetap bibirnya. Inilah kali pertama Irwan dipasangkan dengan Lawrence von Groot dalam tugas-tugas penggambaran di medan perang. Lawrence baru balik berlatih di luar negeri dalam kursus seni sinematografi.

'*Cannot! I say cannot.*' Salah dalam undang-undang *cinematography*,' ucap Lawrence bercekak pinggang. Matanya seolah menjengkal muka Irwan.

Para perajurit Askar Melayu Diraja serta pegawainya, Kapten Johari memerhatikan Pasukan *Combat Syarikat Filem Bebas* itu bekerja. Sudah tiga kali mereka didera berlakon menyerang untuk difilemkan. Tetapi muka mereka belum juga masuk kamera. Pakaian seragam mereka sudah mulai basah.

Irwan mendongak ke langit. Matahari mulai menegak. Apabila sudah di atas kepala, sang suria akan meninggalkan

bayangan yang kurang menyenangkan bagi jurukamera dan pengaroh filem. Silap diambil, pemandangan tengah hari akan menjelma menjadi pemandangan tengah malam. Ketika itu sang suria masih bermurah hati menciumkan cahayanya pada muka perajurit. Pohon-pohon rimbun di tepian ladang nana itu masih indah disinarinya. Bayangan di sebalik cahaya mes nimbulkan keindahan latar belakang di pentas semula jadi tempat serangan Askar Melayu Diraja itu.

Irwan tampil ke kamera, dikuisnya kuat akan Lawrence yang tercegat di belakang kamera. Dia pun mendakap kamera yang terlekap pada kaki tiganya itu, matanya melekat pada alat peninjau pemandangan. Dengan suara bisik menengking, dihalaunya Lawrence pulang ke rumah dalam bahasa yang dimegah-megah dan difaham penuh oleh Lawrence.

*'Go home. Leave the camera, lenses, magazines and all other ancillaries behind. Go . . . go!'* Sambil menengking perlahaan-lahan digerakkan kamera mengikut arahannya tadi—tetap kisar, henti, zum, tunggu, kerat!

Tidak dapat disuruh askar-askar itu mencuba mengulangkan lakonannya kerana sudah tiga kali dideranya. Irwan hanya mengagak-agak saja. Sungguhpun banyak sudah karya filemnya tetapi dia tidak pernah mengambil gambar sendiri. Tetapi di ripada pengalaman dia tahu akan kemungkinan-kemungkinan kamera. Kali ini pula dia terlupa akan peribadi kanta kamera yang dicubanya itu, terutama tentang had jarak kejelasan gambar. Sambil mengisarkan kamera, diagaknya sejarak mana askar-askar itu akan berada di hadapan kamera. Kemudian dengan jari telunjuk tangan kiri, diputarnya alat fokus. Memang suka kerja itu. Jika terputar banyak, kabur kelak gambarnya. Untuk mengelakkan kekaburan, dikeciklan apecer kamera itu. Dengan itu had jaraknya lebih luas.

*'Tuan, I'm sorry, tuan, I'm very sorry indeed.'* Kedengaran di telinga Irwan bisikan Lawrence.

*'Go home. I told to go home. Why are you still here?'* so Irwan keras.

'Tuan, give me a chance. Saya minta ampun. I apologise, tuan.' Sayu mendayu suara, lebih-lebih lagi daripada orang yang sompong bongkak baru insaf.

Perintah pulang dan rampasan kamera—alat mata pencarian seorang jurukamera—satu pukulan mati bagi Lawrence. Dia silap congak. Difikirnya Irwan yang tidak berijazah dan berdiploma, selama ini menunggangi jurukamera. Jurukamera punya susu, pengarah dapat nama. Tetapi hari ini dia menunduk ke lutut. Dia menjunjung yang bakal dipijaknya. Pertama kali, dia mengakui ketuanan putera Malaysia, orang Asia.

'Tuan, I am sorry. I apologise.' Bertelut Lawrence mencari-cari cabaya rahiim mata Irwan yang sedang terlekap pada peninjau pemandangan.

Tuan Irwan ialah seorang orang Eropah, Mr. Whites, berbangsa Inggeris. Irwan faham apa maknanya *I apologise* bagi seseorang Inggeris. Tetapi Lawrence von Groot adalah anak Malaysia keturunan Belanda.

Matahari menegak. Para pelakon resah gelisah.

Irwan pun menyeluk pinggang Lawrence lalu ditariknya ke belakang kamera sambil dia beralih dari alat penggambaran itu.

Kelakuan Irwan itu dari jauh kelihatannya seperti tiada sengketa di antaranya dengan jurukamera.

'Saya minta maaf, ya tuan-tuan. Kamera ini nakal pula hari ini. Matanya terkebil-kebil. Dah, betul dah, sekarang.' Irwan melindungi ribut kecil tadi.

'Saya minta bersedia ya. Tiarap semuanya. Jangan tunjukkan muka di balik semak tu. Dan tolong ingat, walau apa pun berlaku, jangan sekali-kali tengok kamera ni,' ucap Irwan memberi arahan.

Perajurit dan ketuanya pun sibuk mengambil tempat masing-masing.

'Lawrence, are you ready?'

'Sudah siap, tuan,' balas Lawrence melekapkan matanya pada alat peninjau pemandangan.

'Tolong ingat semuanya, ya. Bila saya cakap *action!* barulah

bangkit dan rempuh ke depan dan terus mara." Irwan memberi ingatan akhir.

Sang suria tersenyum bersinar.

'Baik! Sedia semuanya. Kamera, mulai!'

'Kamera lati, tuan.' Lawrence menterjemahkan istilah *camera man*.

Irwan menahan perutnya daripada gelak geli akan terjemahan Lawrence itu. Ditariknya nafas seraya melaung, '*Action!*'

Rimbun yang tadinya kelihatan lena ketiduran, tiba-tiba bangun dan menghembur, riuh garau dengan suara menerkam musuh.

'Kisar kamera, Lawrence. Kisar pelan-pelan.'

Irwan memerhatikan kisaran kamera dan gerakan para pelakon. Askar sudah mara sekaliannya. Tiada lagi dalam bidang gambar.

*'Right! Frame commander and zoom!'*

'Eh! Irwan, askar-askar tu dah masuk parit lumpur!' jen Kapten Johari kecemasan. 'Suruh berenti! Suruh mereka berenti mara!'

'Kerat!' Irwan menyuruh berhentikan kamera itu.

'Hold on, tuan!' Lagi sekali Lawrence melanggar perintah.

*'Come on Lawrence, cut the camera!'* tengking Irwan.

'Nanti, tuan! Muka Captain, very interesting.'

'Tengok tu, Irwan. Orang-orang aku masuk selut.'

Irwan menoleh ke belakang. Dilihatnya platun itu sedang mengharung lumpur dalam parit, senapang masing-masing terjuak di atas kepala.

'Undur, undur!' jerit Irwan memerintah.

Serta-merta perajurit itu berpusing belakang dan mengundur diri balik ke tebing sini parit itu.

'Tengok, Lawrence. Patut kita semua mesti jadi askar dulu. Baru boleh bekerja sebagai satu pasukan.'

Lawrence tertangkap akan kiasan Irwan itu dan segera menjawab, 'Lagi sekali saya mintak ampun, tuan. Dari kamera ini saya tengok expression kapten very impressive. Itu sebab saya tak

mau potong kamera. Saya mintak ampun tak ikut kata tuan tadi.'

Irwan teringat soal penggambaran tadi setelah kagum menyaksikan taat setianya Askar Melayu Diraja. Kecuali bahagian dada ke atas, perajurit itu kini berpakaian lumpur.

'Kenapa tuan-tuan sekalian tak berenti di tepi tebing parit itu tadi?' soal Irwan dengan perasaan terharu.

Sarjan Samad menghentak kaki seraya berdiri tegak menggarukan suara, 'Kami ikut perintah tuan direktor. Arahan akhir tuan direktor rempuh ke depan dan terus mara!'

Bera muka Irwan.

'Itulah saya katakan dulu. Jangan memain dengan askar,' celah Kapten Johari.

Keadaan platun yang kotor berlumpur sungguh memurahkan hati Irwan. Sekalipun perlu digambarkan semula, keadaan seperti itu tidak mengizinkan. Dia pun mengerahkan platun itu kembali kepada Pegawai Pemerintahnya.

'Saya minta maaf mengubangkan tuan-tuan sekalian di lumpur. Sebenarnya bila saya memfilemkan Kapten Johari tadi, saya tak nampak lagi apa berlaku di belakang saya. Saya minta maaf. Bukan disengajakan.'

Perajurit itu tidak pula memasamkan muka malah gelihati melihat diri masing-masing seperti kerbau.

Irwan pun menoleh kepada Lawrence, 'Lagi sekali?'

'Saya sudah mintak ampun tadi. Sudah kasi tahu apa pasal saya tidak potong kamera....'

'... Apa kata kau ni? Saya cuma tanya mau *shot* adegan ini sekali lagi?' pintas Irwan.

'Adegan? Apa adegan?' soal Lawrence, menggaruk kepala.

'Adegan ertinya *scene*. Kalau *sequence*, babak. Mau *shot* adegan itu lagi?'

'Oh! Tak payah!' tegas Lawrence penuh keyakinan.

'Kau fikir sudah *perfect* penggambaran tadi?'

Lawrence menggenggam tangannya dengan ibu jarinya tegak keras.

'*Perfect!* Cukup cantik. *Banyak dramatic.* Itu hutan kecil mula-muli tak ada *life*. Macam orang tidur. *Suddenly sojar kita keluar charging.* Expression cukup berani. Tapi kapten nampak *worried*. Dia sayang sama sojarnya. Tapi dia mesti kasi kalah sama musuh. Dia kasi *order*. Mukanya macam cakap, 'Lekaslah! Kasi mati sama musuh. *Charge...charge!*'

Jauh di hati Irwan, terasa tangannya menampung kesyukan kepada Ilahti. Syukur kerana Lawrence von Groot, anak Malaysia keturunan Belanda kini menunjukkan hasratnya mahu kembali ke peribadi kebangsaan Malaysia. Sekalipun pelat-pelat lidah, sengau-sengau hidung, kendatipun salah-salah nahu, warna coklat kulitnya mulai timbul.

'Apa macam Irwan, mau sekali lagi?' soal Kapten Johari dari jauh.

Irwan menghampirinya sambil memberitahu, 'Encik Lawrence kata penggambaran kita tadi *perfect—joto na!*' Irwan menegaskan dengan berbahasa Jepun.

'Sekarang babak apa pula lagi?' soal Kapten Johari.

'Basuh seluar!' balas Irwan segera.

Seluruh platun berdekah-dekah ketawa.

'Dah habis lakonan kami di sini?' soal Kapten Johari keharanan. 'Tak mau ambil orang-orang ni merangkak dalam lumpur?'

'Tak payah. Kami dah ada gambar-gambar sambungan.'

'... Sambungan dari sini?' pintas kapten itu berasa pelik.

'Ya, dari sini—dari apa yang kita gambarkan tadi.'

'Eh! Bila ketikanya kau ambil gambar sambungan itu?' soal Kapten Johari hendak tahu kalau-kalau ada gambar-gambar yang diambil di luar kebenarannya.

'Kami ambil sewaktu Pasukan Indonesia terjun payung di Labis dulu,' jawab Irwan seraya mencabut kemuncup dari kak seluarnya.

'Awak ada di sana dulu?'

'Mana medan perang yang tak meninggalkan tapak kak saya?'

'Tapi Labis itu berlainan daripada Tompian simi, bukan?' soal Kapten takut kalau-kalau sejauh penggambaran tadi kerana tidak sama tempatnya.

'Keadaan bumi sama. Di sana ada juga ladang nanas seperti ini. Tetapi cara mereka mendarat saja yang lain. Di Tompian simi dengan motor sangkut.'

'Apa gambar-gambar yang awak dapat di sana?'

'Askar kita mengejar dan menangkap penceroboh. Askar kita mengangkat penceroboh-penceroboh yang mati kena tembak. Dan askar kita yang merempuh segerombolan musuh yang sedang berlindung di balik daun nanas.'

'Oh! Aku reti.... aku retilah! Sini mula menyerang hendap; kemudian sambung pula dengan gambar-gambar di sana menggempur musuh dan ditambah lagi musuh yang kena tangkap; dan mana yang mati diangkut keluar. Begitu kerja awak, ya?'

'Kalan Kapten hari ini bersara, dah boleh jadi pengarah filem.'

'Sarjan!' panggil Kapten Johari.

Dengan segak, Sarjan Samad berbaris tiba. Dihentaknya kaki, lalu tabik dan menggaraukan suara, 'Tuan!'

'Suraikan platun!'

'Surai platun, tuan.' Dilulangi kata Kapten untuk menge-sahkan perintah.

Sementara itu, Irwan menghampiri Lawrence yang sedang membersihkan kaca kanta kamerya.

'Lawrence, kemaskan barang!' perintah Irwan pula.

'Kemas?' Terkebil-kebil mata Lawrence.

'Pack up!' jelas Irwan.

Lawrence pun menutup kanta-kanta yang sedang dibersihkan itu dengan tudung masing-masing. Kemudian ditanggal-kannya kamerya daripada kaki tiganya. Irwan pun mengambil kaki tiga itu, dan direndahkan serendah-rendahnya lalu dilipat hendak diangkutnya.

'Biar tuan,' bantah Lawrence melarang. 'Saya boleh angkat sendiri.'

'Awak angkat kamera dan *magazine* tu. Biar saya angkat kaki tiga ini.' Teringat Irwan bila mula-mula hendak bertolak dahulu. Tidak pun dilarang oleh Lawrence mengangkut kaki tiga itu.

'Boleh tuan. Saya boleh angkat semua.'

'Tak payah. Engkau sudah puas angkat *tripod* dari dulu.' Berlapis makna kalimat Irwan.

Sedang Lawrence hendak menyandang kamera di bahu-nya, Kapten Johari tiba memegang tali kamera itu. 'Cuba saya angkat.' Lalu diangkat Kapten Johari dengan sebelah tangan.

'Wah! Boleh tahan juga beratnya!'

'Dua puluh lima paun itu,' tegas Irwan.

'Apa nama kamera ini?'

'Amflex, Kapten,' jawab Lawrence.

'Itu satu-satunya rahmat peperangan,' terang Irwan. 'Pakar Jerman merekanya untuk pasukan filemnya di garisan depan medan perang. Cukup kemas dan lengkap. Mudah diangkut.'

Mereka pun menuju ke kenderaan masing-masing. Irwan dan Johari rakan karib—bersama-sama bersekolah dan berjumba-jumba markah dalam darjah. Mereka sekampung di Petaling Jaya. Tetapi masing-masing merantau di tanah airnya, berbakti kepada ibunda. Pertemuan mereka secara kebetulan, tanpa berjanji. Bagi Irwan, bertemu dengan rakan lamanya itu, satu kemudahan bagi tugasnya. Boleh dikatakan separuh dari pada kerjanya selesai.

Sewaktu Konfrontasi, kawalan negara sungguh ketat. Sungguh sukar mengambil gambar, tanpa kebenaran daripada pihak berkenaan, sekalipun dia bertugas untuk urusan kerajaan. Pernah berlaku peristiwa berlalu tanpa rakaman—semata-mata kerana tiada kebenaran daripada yang bersangkutan. Di sinilah perlunya daya utama penerbit filem. Dengan pujuk rayu atau tipu muslihat, gambar mesti dapat.

Hati Irwan sangat lega apabila dapat meminjam anak buah rakkannya melakonkan apa yang telah ketinggalan. Sekurang-

kurangnya satu babak telah meluncur dari bahu bebanannya. Hanya hatinya sahaja mahu dipujuk mempercayai kata-kata Lawrence bahawa penggambaran tadi benar-benar *perfect*. Irwan tidak gemar sifat tawakal melulu dalam hidupnya.

'Macam mana yang itu? Boleh?' tanya Irwan perkara yang masih menjadi rahsia lagi.

'Oh! Baik juga kau ingatkan. Aku sudah berhubung dengan markas di Kuala Lumpur. Sudah diluluskan.'

'Horci!'

Irwan melonjak-lonjak kegembiraan. Lawrence seakan terpisat-pisat matanya kerana tidak pernah melihat pengarahnya kesukaan, malah selalu berlaku serius sahaja.

'Nah! Tolong isikan borang ini. Kalau kau tukar fikiran, lekas beritahu. Aku mesti berhubung dengan markas malam ini.'

Tanpa dibaca, borang itu disakui oleh Irwan yang riang gembira seperti kanak-kanak dapat gula-gula.

'Terima kasih . . . terima kasih, Jo.'

'Baik, jumpa lagi ya.' Johari menabik rakannya serta menyimpang ke hala kenderaannya.

'Apa itu, tuan?' Lawrence hendak tahu apa yang telah berlalu di depan matanya yang hanya dapat dipandang tetapi tidak dapat dierangkan.

'Tak ada apa. *Good news.*'

Tidak berapa lama kembali di bilik hotelnya, Irwan pun memanggil Lawrence membawa bersama kamera ke dalam biliknya.

Sekalipun sudah tiga hari berada di pekan Tompian di selatan Johor itu, tetapi hari itulah pertama kali Lawrence masuk bilik Irwan. Hotel Wan Kui di Tompian itu memang kecil, tempat pemandu-pemandu lori menginap sambil menunggu nelayan-nelayan mendaratkan ikan di kuala, kira-kira sepuluh batu ke selatan dari situ. Lori-lori itu mengangkutnya kalau tidak ke Johor Bahru, ke Singapura. Bilangan lori semakin ber-

kurangan sewaktu Konfrontasi. Perintah berkurung menghadkan masa nelayan ke laut. Bilangan nelayan ke laut semakin kurang kerana takut digempur oleh kapal meriam Rejim Sukbandrio.

Meskipun demikian, hotel di Tompian itu tidak kurang para penginapnya. Kali ini tempat kosong pembawa-pembawa lori itu digantikan pula oleh wartawan, penerbit televisyen, pengarah filem dan ada kalanya Polis Bahagian Khas. Ikan sudah kurang mendarat; tetapi gerombolan komando Indonesia kerap pula. Tibanya pun tidak tentu masa. Jadi, pihak akhbar dan media massa kerap dipancangkan di Tompian itu untuk skup atau berita hangat yang bakal dipancarkan ke seluruh dunia. Pasangan Irwan dan Lawrence von Groot dikehjarkan oleh Syarikat Filem Bebas kerana dikomisenkan oleh kerajaan Malaysia membuat filem khas mengenai pendaratan di bumi Malaysia Barat. Pasukan Filem Negara Malaysia milik kerajaan itu pula kini sudah tipis oleh anggotanya tersebar di segenap pelosok Malaysia—timur dan barat.

'Tuan, baik tukar tempat sama saya.' Lawrence membuat ulasan.

'Ini tempoh darurat. Mana tempat pun boleh jadi.'

'Tapi tengok itu, tepi-tepi dinding papan, ada banyak lubang,' balas Lawrence, dia pun memeriksa rapat akan lubang-lubang itu. 'Eh! Ini lubang bukan ulat yang makan!'

'Lubang tak lubang, tak jadi hal sama aku. Sapa nak mengintai dan apa yang nak diintainya? Cubalah kalau tak pengsan nanti,' tukas Irwan, menyerongkan bibirnya. 'Mari tengok kamera tu. Mana kanta untuk gambar *shot* jauh, *shot* dekat, *shot* rapat?'

Lawrence pun menunjukkan cara dan gaya menggunakan ketiga-tiga kanta yang terlekap pada kamera itu.

'Mana kanta untuk *shot* luas?'

'Wide-angle, tuan?'

Irwan mengangguk-anggukkan kepala.

Lawrence pun mengambil kanta khas itu dari sebuah kotak

kecil. Hatinya tersoal-soal mengapa pengaruhnya hendak tahu menahu segala-galanya.

'Yang ini untuk laju kamera bukan?' Ditunjuknya pemutar bulat di bawah batang kamera itu.

'Ya saya sudah fixkan laju normal.' Suara Lawrence mulai menggetar-getar ketakutan kalau-kalau akhirnya, dihantarkan juga balik ke syarikat.

'Kamera ini boleh tidak, dikurangkan bisingnya?'

Lawrence termenung sejurus.

'Kalau di studio ada *blim*— kotak jangan kasi bising.'

'Aku tahu! Tapi kita bukan di studio lagi.'

Lawrence pucat mukanya. Kerongkongnya kedengaran meneguk air.

'Saya pikir boleh kasi selimut dengan *changing bag*.' Lawrence terlihat lukisan rajah-rajah gambar di kertas-kertas yang bersepah di atas katil Irwan. Rajah-rajah itu menunjukkan gaya dan *angle* kamera. Mungkin Irwan hendak bekerja sendirian. Makin cuak hati Lawrence. Terbayang dia dibuang kerja. Kelihatan di ruang matanya majikan lain enggan mengambilnya. Membalam-balam kelihatan kekasihnya berpisah dan bergandingan pula dengan orang lain. Pecah empangan hatinya dan tidak segan-segan dia tersedu-sedan.

'Eh! Kenapa kau ni Lawrence?' soal Irwan hairan.

'Berapa kali saya mintak ampun. Saya mintak ampun. Jangan hantar saya balik opis. Saya mau kerja. Saya mau kerja sama tuan.'

'I'm sorry, Aku tak boleh bawa kau kali ini,' Irwan menengangkan.

Daripada tersedu-sedan kini menangis pula.

'Hes! Lawrence. Jangan jadi budak-budaklah!'

Irwan sibuk dengan kamera. Pada mulanya dia endah tak endah dengan kelakuan Lawrence itu. Tetapi apabila Lawrence bertalu-talu meminta ampun dengan iringan lagu mendayu serta esak-teresak dengan ingus tersendat, terasa Irwan betapa seriusnya keadaan Lawrence itu.

'Saya banyak lagi hutang mau bayar. Dulu pergi belajar di England saya pergi Eropah, joli.' Lawrence meminta belas kasihan.

'A . . . ya. Kau pergi ke luar negeri dulu, apa yang kau belajar?'

'Saya cuma belajar teori saja, tuan. Enam bulan saya di sana, tak ada satu kali pun pegang kamera,' jawab Lawrence mengakui kelemahannya.

'Habis macam mana kau boleh dapat diploma?'

'Saya tak ada *miss lecture*. Di luar, bila ada *crew* peng *shooting*, saya pun ada pergi sama. Guru suruh.'

'Ada peluang macam itu, kenapa tak mau *shot* gambar?'

'*Union* tak kasi, tuan,' balas Lawrence.

'Patutlah. Bila aku suruh kau cakap tak boleh.'

'Bukan tak boleh, tuan.'

Irwan mengangkat kamera serta mengacu-acukannya ke muka Lawrence sambil memainkan batang zum itu.

'Bukan tak boleh? Jadi, tujuan kau nak jatuhkan air muka aku—beri malu aku di depan askar-askar tadi, ya?'

'Tidak, tidak tuan!' pintas Lawrence segera. 'Saya belajar dulu kalau macam itu punya *scene* . . . apa . . . apa . . . adegan. Kalau itu punya adegan, mesti potong buat tiga *shot*. Satu *establishing shot* dan askar bangun, *charge*. Kemudian ambik lagi *midshot* askar *charge*. Lepas itu *commander* punya muka—dua kali, *midshot* dan *close up*.

'Itu bukan tiga kali lagi. Cara lama dan mundur itu. Lagipun tak sesuai untuk pasukan filem gerak cepat. Lebih-lebih lagi dalam keadaan peperangan seperti sekarang. Ada pernah kau menyoalkan bentuk apa filem kita?'

'*Documentary*,' jawab Lawrence segera.

'Memanglah filem dokumentari tetapi apa tema dan jenisnya? *Musical*?'

'Bukan *musical*, tuan. Ini filem perang.'

'Ingin tu. Filem perang—dokumentar perang. Dan perang bukan mengalun-ngalun lembap seperti muzikal. *Action* . . .

*action . . . action!* Gerik . . . gerak . . . tempur. . . .' Irwan menonjol-nonjolkan kamera itu ke muka Lawrence.

'Ingat, corak filem kita ikut temanya. Tapi tiap-tiap filem aku, aku mahu melihat satu-satu pergerakan. Kalau tidak watak atau *character* bergerak, kamera mesti digerakkan. Apa kursus yang kau ambil di England?'

'Cinematography, tuan.'

'Untuk movie, bukan?'

'Ya, tuan.'

'Apa erti *movie*?'

'Movie sama macam move. Move cakap Melayu, jalan. . . '

' . . . Bergerak,' pintas Irwan membetulkan. 'Ingat, bergerak. Filem bergerak. Dan tiap-tiap shot yang kau ambil untuk aku, aku tak mau macam gambar poskad—kaku, kejang—*no life*. Reti?'

'Ada erti, tuan.' Sinar harapan mengintai di celah hati Lawrence. Ada tanda-tanda dia akan terus bekerja dengan Irwan.

'Ingat, engkau bukan jurufoto tapi jurukamera. *Movie camera*. Bukan *still camera*.'

Secara menarik benang di tepung, Irwan berhati-hati menusuk jarum halus mengaitkan benang sutera dalam renda peribadi jiwa raga Lawrence. Daripada pengalaman, didapat karyanya kerap sumbing kerana jurukameranya tidak dapat menangkap maksud atau faham akan aliran fikirannya.

'Tempoh kau di England, ada pernah tengok filem-filem Perancis atau *continental*?'

Lawrence ketawa nakal, 'Oh! Filem Perancis dan *continental* memang banyak sedap.'

'Apa sedapnya?' soal Irwan menduga.

'Selalu banyak adegan *nude*, adegan bilik tidur dan bintang filem banyak *topless*,' jawab Lawrence berdekah-dekah ketawa sendiri.

'Macam mana kau, satu orang profesional tertarik dengan gambar-gambar telanjang saja?' Irwan menggelengkan kepala-

nya menyoal diri apa sebenarnya tujuan maksud Lawrence menjadi jurukamera.

'Ada kau dapat campur gaul dengan pengarah-pengarah golongan *avant garde*?'

'Apa *avant garde*?'

'Gelombang baru—satu aliran baru dalam seni. *New Wave*.'

'*New Wave?*' soal Lawrence terkebil-kebil matanya.

'Filem jenis *cinema verite*, ada pernah kau tengok?' soal Irwan sambil memangku kamera.

'Tak ada dengar itu. Brigitte Bardot punya filem saya suka tengok,' jawab bermuka bodoh.

Irwan terasa betapa ruginya bagi pihak yang mengirim Lawrence ke luar negeri. Lebih baik rasanya berkursus sendiri dengan membaca-baca dan menonton di tanah airnya. Tidak hairanlah mengapa separuh daripada kerjanya mendidik juri-kamera-jurukamera sambil bertugas.

'Minta kanta luas tu, Lawrence.'

'Nanti tuan. Saya boleh fix sendiri.'

'Tak payahlah. Aku nak belajar memasangnya sendiri.'

Sekali lagi Lawrence berasa cuak, sambil mengunjukkan kanta itu kepada Irwan. Irwan terus memasang; sedangkan Lawrence mencangkung memerhatikan pengarahnya berlatih menjadi jurukamera.

'Lawrence, tadi kau ambil gambar, apa yang kau dapat dan segi teknik?'

'Excellent, sir!'

'Apa yang excellentnya itu?' soal Irwan resan Lawrence hendak mengampunnya.

'Saya fikir itu teknik banyak baru dan banyak bagus.' Kepala Lawrence dangkal hendak menyelami satu-satu ulasan yang bernas.

'Itu bukan teknik baru. Sudah ada orang pakai!' herdik Irwan.

Bertambah kecut lagi perut Lawrence.

'Kau tau apa kau buat tu? Kau buat kerja penyunting filem

selain daripada tugas kau sebagai jurukamera.'

Teringat Lawrence bagaimana dia mengambil adegan tadi tanpa henti, terus-menerus. Nampak dia sekarang perbezaan caranya dengan teknik Irwan.

'Ya tuan. Saya sudah ingat. Tadi satu kali saja kita ambik. Editor tak payah potong-potong lagi.'

'Ingat ya. Lain kali dalam filem-filem aku, satu *shot* itu mesti ada sekurang-kurangnya dua jenis *action*. Kalau boleh dapat satu babak terus-menerus, lebih baik.'

'Saya *try*. Saya *try* nanti, tuan.' Lawrence girang kerana dapat dua tiga rahsia mata pencariannya.

'Kau mesti cuba menyunting filem dalam kamera kau ini. Ada pernah kau tengok penyunting membuat kerja?'

'Tak ada tuan.'

'Kali ini kau mesti datang ke bilik penyunting. Sunting sekali filem ini, tahu?'

Kembang lagi harapan Lawrence.

'Tengok, betul tidak ni? Aku pasang kanta luas.'

'Tuan' sudah boleh jadi jurukamera. Eh! Ampun . . . ampun.' Lawrence takut menyinggung hati Irwan kerana teringat kerja jurukamera itu rendah tarafnya.

'Kenapa mintak ampun?' soal Irwan kehairanan.

'Tuan seorang *director*. Mana boleh jadi *cameraman*?'

'Lawrence, betulkan konsep kau dalam tempat kerja kau. Dan dari situ betulkan *perspective* diri kau di tengah-tengah masyarakat Malaysia. Filem bukan karya perseorangan. Tiada penulis, tiada filem. Tetapi ada penulis, ada pengarah, tiada filem juga: tulisannya tidak siapa pun dapat menterjemahkan—*interprete*—pada layar putih. Ada penulis, ada pengarah, tiada pula jurukamera, tiada filem juga. Imaginasi penulis dan interpretasi pengarah tidak dapat dirakam dan digambarkan pada filem tanpa jurukamera. Ada penulis, ada pengarah, ada jurukamera, tiada penyunting, mungkin ada filem tetapi tidak begitu hidup. Penyunting itulah yang boleh menghidup dan mematikan satu-satu karya filem sebagaimana kau, jurukamera.'

menjelitai atau *glamourise* dan juga mencacatkan bintang filem. Dan kalau ada penulis, ada pengarah, ada jurukamera, ada penyunting, tetapi tiada pula juruteknik bunyi, bisu filem kau. Jadi, pembikin filem satu usaha bersama. Antara satu sama lain mesti bersikap seperti aur dengan tebing. . . ?

'... Aurkah air, tuan?'

'Aur—buluh, *bamboo*.'

'Oh! Saya tahu. Jangan kasi tanah jatuh.'

'Tetapi ada juga seseorang itu beruntung mempunyai dua tiga sifat seperti membawa sifat penulis dan pengarah. Atau pengarah dan jurukamera. Atau jurukamera dan penyunting. Orang-orang macam ini memang susah hendak dicari. Dalam dunia perfileman, Charlie Chaplin di antara yang ternama yang membawa pelbagai bakat—penulis, pengarah, pelakon dan penerbit sekali gus. Perkara ini tidak akan kita tahu adanya dalam jiwa kita hingga kita menguji dan menduganya. Sepertinya, kalau kau benar-benar hendak bertempat dalam dunia perfileman, hendaklah cita-cita kau menuju ke matlamat menjadi ahli filem serba boleh atau serbaguna.'

Lawrence mengangguk-anggukkan kepala yang sedang disinari cahaya penjelasan akan sifat-sifat Irwan. Di studio Irwan tidak banyak cakap orangnya. Setiap detik dia di bilik penyunting, bersama-sama penyunting mengusahakan karyafilemnya. Karyanya tidak pernah dipuji dicaci; tetapi kerap menimbulkan iri hati. Bagi dirinya, Irwan tidak tahu berpuasati dengan karyanya. Ada sahaja salah silap karyanya itu, sekalipun orang lain tidak dapat mengesannya. Gerak-geri Irwan seperti aliran air yang tenang. Siapa yang pernah menghirunginya, tahulah dalam tohornya.

"Tuan, tuan orang Melayu yang pertama sekali saya angkat tabik." Tercetus pujian dari mulut Lawrence.

"Lawrence, jangan kau pandang aku sebagai orang Melayu!" tengking Irwan marah.

Lawrence mengisar buntut ke belakang, ketakutan.

"Kerana kau pandang aku sebagai orang Melayulah, mungkin

kau tak hormat kami. Jauh dalam hati, kau menganggap kami orang Melayu sebagai *a backward race*. Demikian bukan, tertulis dalam surat-surat khabar tempatan, dalam ensiklopedia seperti *Pax Britannica* dan dilaung-laungkan oleh ahli-ahli politik?"

Lawrence seperti ikan kedaratan, tercungap-cungap-hen-dak bersuara tetapi tidak terkata apa-apa.

"Lawrence, orang Melayu bukan sebagai satu bangsa lagi sekarang. Sudah tiada bangsa Melayu. Dia tinggal sebagai satu aiku bangsa atau satu kaum saja dalam negeri ini. Inilah satutunya bangsa yang rela membuang bangsa untuk diasimilasi-  
an ke dalam bangsa Malaysia."

"Aku tahu kau menganggap apa-apa juia yang berbau Melayu sebagai *backward*, sebagai yang mundur. Itulah maka-  
ya kau tak menghargai sedikit pun bahasa kebangsaan!"

Lawrence terkebil-kebil, "Tak ada, tuan...."

"...Kerana bahasa kebangsaan bahasa Melayu, bahasa mun-  
dr, bahasa yang tak ada *economic value*, bukan?"

"Bukan, tuan. Saya selalu kena pergi *location*."

"Bagus alasan kau. Berselindung di sebalik tugas. Dan gitulah sikap syarikat kita yang mahukan komisen-komisen pada kerajaan! Macam mana kita hendak berhubung  
ngari kerjaan kalau bahasa kebangsaan sudah jadi bahasa  
ni yang tunggal nanti? Semuanya, surat-menyurat dan  
cakap dalam telefon pun dalam bahasa kebangsaan!"

Saya sudah mula cakap sama tuan dengan bahasa kebang-  
. Tapi banyak kawan saya kerja dengan opis kerajaan masih  
p bahasa Inggeris, tuan." Lawrence memberi hujahnya.

Lawrence, kalau niacain itu sikap engkau, ketinggalan bas-  
i bila tiba tahun 1967. Dan kau akan marah dan boleh jadi  
berontak. Semuanya mau Melayu. Raja mau Melayu;  
ana menteri mau Melayu; ketua pejabat mau Melayu;  
n mau Melayu; cakap mau Melayu. Tapi Perlembagaan,  
*stitution* negeri murah hati beri sepuluh tahun untuk tiap-  
warganegara menguasai bahasa kebangsaan. Sekarang  
tujuh tahun, Lawrence."

"Nanti, lepas ini saya betul-betul belajar, tuan."

"Tengok Lawrence, sikap tolak ansur orang Melayu. Sampaikan bahasa rasmi pun bukan dia mau panggil bahasa Melayu tetapi bahasa kebangsaan. Di mana di dunia, satu bangsa atau negeri yang mau begitu timbang rasa? Mungkin satu masa tiada lagi bahasa Melayu di dunia ini, tetapi bahasa Malaysia. Hari ini juga sudah berbeza di antara bahasa Melayu dengan bahasa kebangsaan. Tengoklah murid-murid yang mengambil peperiksaan."

Telinga Irwan mulai merah seperti yang dilihat oleh Lawrence di tempat penggambaran tadi. Lawrence gelisah dan menyumpah diri sendiri kerana memulakan topik yang sangat kontroversi.

"Saya *swear*, tuan. *Cross my heart*. Saya akan *study* bahas kebangsaan betul-betul." Lawrence cuba menutup mulut Irwan dengan ikrarnya itu, sambil mensalibkan dadanya.

"Kau jangan mengejek-ejek kaum kami. Kami sudah banyak berkorban semata-mata mengikut pemimpin kami supaya aman tenteram negeri ini. Kami tak mau apa-apa daripada kau. Jadilah sebenar-benarnya orang Malaysia sebagaimana kaum kami rela membuang bangsa untuk diasimilasikan ke dalam bangsa Malaysia."

"Ada baiknya juga kau dalam dunia perfileman. Sebagaimana aku katakan tadi, seseorang ahli filem itu perlu membawakan beberapa sifat penjaya-penjayanya yang lain, begitulah juga menjadi orang Malaysia. Sebaik-baik orang Malaysia berjiwa patriotisme Melayu dan bumiputera yang lain; berdaya usaha Cina; berlidah kepetahan India dan bersusuk badan sesegak Serani."

Lawrence mendada mendengar kaumnya disebut oleh tuannya. Hanya dia sedih sedikit kulitnya lebih kebumiputeraan daripada kebelandaan.

"Saya berterima kasih atas *advice* tuan. Saya yang menuang perintah." Teringat Lawrence akan hujung surat yang bermakna *Your obedient servant*.

'Tuan bawa saya mana-mana mau pergi *shooting*, ya.'

'Kali ini tak dapat aku bawa kau. Aku sendiri mau mengambil gambar,' ujar Irwan.

Kembali lagi mendung di panorama jiwa Lawrence.

Segala langkahnya tidak kena. Terasa dirinya seperti anjing berkor bengkok. Apa lagi hendak dibuatnya untuk menunjukkan taat setianya? Tidak pernah dia pertuan-tuankan pengarah-pengarah lain. Inilah kali pertama. Sekali bengkok; nampaknya terus-menerus bengkok. Dia berdiri menghentakkan kakinya, serba salah.

'Eh! Tidak, tidak tuan. Saya tak marah apa-apa.'

Bunyi hentakan kasutnya itu menyedarkan dirinya masih menghadap Irwan. Dia ketakutan. Kalau mujur, syarahan panjang lagi: kalau malang, diantar pulang dia kerana biadab kepada pegawai tinggi.

'Saya bukan mau lawan sama tuan. Saya mau ikut mana tuan pergi. Saya mau tuan ajar saya jadi jurukamera. Saya tahu di bawah tuan, saya boleh *progress*.'

'Lawrence, kau bukan jurukamera *combat*. Kau jurukamera studio. Tengok saja pakaian kau. Seluar ini kain *suit*. Kasut ini kasut *ballroom*. Jiwa kau aku tengok menghambat *glamour* dalam dunia perfileman. Perempuan-perempuan jelita saja yang padan bagi kau menggambarnya. Bukan askar-askar yang berlumpur itu.'

Lawrence senyap kali ini. Takut kalau-kalau dibalas nanti, jadi berlarut-larut pertengkaran. Dia duduk mencangkung semula. Dibuka kasutnya. Dibelek-beleknya dengan perasaan separuh marah.

'Mengapa aku tak kaji dulu peribadi pengarahu sebelum berpasangan dengannya?' kata hati Lawrence. Terasa bersalah dia. Nampak kebenaran kata-kata Irwan tadi apa-apa yang berbau Melayu rendah mutunya, tidak perlu diutamakan.

Keinsafan Lawrence itu disedari oleh Irwan. Tetapi gerak sikirannya itu mengikut peribadinya—seperti aliran air yang

tenang. Apabila dirasai Lawrence telah menjelak tempat yang dalam, dia pun bertindak segera supaya jangan tenggelam. Kerana sifat orang sedang tenggelam membawa unsur-unsur pemberontakan. Rumpai lumut pun jadi untuk tempat ber-paut.

'Lawrence, aku tak kan hantar kau balik. Aku cuma mahu kan kau tinggal di hotel sini, jaga barang-barang. Aku hendak pergi mengambil gambar sendiri.'

Mendengarkan perkataan Irwan itu dia sungguh seronok—makan gaji buta saja. Tetapi memikirkan kata-katanya itu sungguh pahit—masuk jerat teringanga.

'Tuan, saya satu kali buat salah sama tuan. Kenapa macam ini tuan hukum saya?' rayu Lawrence.

'Ceh! Itu bukan hukuman. Ini perintah! Aku bertanggung-jawab atas keselamatan kau.'

'Tapi tuan, itu kamera saya punya *responsibility* juga. Patut tuan tak boleh pegang.'

'Dalam darurat, apa jua pun boleh buat,' tegas Irwan. 'Tak usah bising-bising lagi. Kau takkan dapat menunaikan tugas penting ini.'

'Apa itu tuan, yang saya tak boleh buat?'

'Ingin ya, kau datang sama aku sesudah bersumpah menyimpan rahsia kerajaan.'

'Ya, saya sumpah dengan *Bible*, tuan. Nanti jadi satu jika kalau saya buka rahsia. Tuhan banyak marah.'

Irwan pun bangun mengangkat bersama kamera serta menuju ke katilnya.

'Lawrence, kunci pintu itu dan mari sini. Ambil kerusi itu ke mari.'

Lawrence pun merapat dan menguncikan pintu. Kemudian diangkutnya kerusi lapuk dalam bilik hotel usang itu dan duduk berhadapan Irwan.

'Lawrence, kita belum ada lagi gambar-gambar askar kita di bahagian paya rawa. Kami sudah dibenarkan mengambilnya. Tetapi, sebelum itu, nah, pihak tentera sini minta kita

sain,' sambung Irwan sambil menunjukkan sekeping kertas yang diberi oleh Johari tadi.

'Apa surat ini, tuan? Bahasa banyak tinggi. Saya tak berapaerti,' soal Lawrence, mengumpukkan kembali surat itu.

'Ini surat sain mati. Kalau kau kena tembak mati, kau tak boleh tuntut atau *claim* apa-apa pun sama kerajaan. Inilah pasalnya saya tak boleh bawa awak. Baik awak duduk sini tengok barang-barang. Kalau saya mati, awak boleli hantir mayat saya balik ke rumah.'

Mendengar perkataan 'mayat' itu, terbayang pula roh dari mayat Irwan akan menyumpahnya sebagai pengecut dan tidak berjiwa patriot. Tergambar dia mayat itu akan bangun dan mencekiknya dalam perjalanan kembali kelak. Kalau hidup pun dia akan dihadapi di mahkamah dan akan terbongkar tembelangnya sebagai seorang pengecut.

'Saya berani sain, tuan.' Pantas mulutnya memanah dan serta-merta hendak dikeluarkan pena dari saku.

'Sabar dulu. Jangan tergesa-gesa. Fikir baik-baik. Awak belum kahwin lagi. Baru dua puluh lima tahun—suku abad—hidup. Dunia masih luas terbentang di hadapamu. Fikir baik-baik. Ada dua jam sebelum saya pergi jumpa Kapten Johari.'

'Ingat ya. Awak pergikah tak pergi, jangan sekali-kali beritahu perkara ini kepada sesiapa pun.'

'Baik, tuan.' Lawrence pun membawa surat itu ke biliknya.

'MATA jampukkah mata kucing yang memandu Land Rover di depan itu?' sekoroh Irwan selepas kian lama membantu dalam kereta Land Rover yang ditumpanginya.

'Jalan ke kubur selalunya terang, encik.' Terdengar suara menjawab dalam gelap.

Kehadaan di luar kereta sudahlah gelap, lampu *headlight* tidak boleh dipasang sekadar lampu *sidelight* sahaja. Lima buah kereta Land Rover boleh dikatakan dipandu dengan nafas pemandu semata-mata. Lebih tiga puluh orang perajurit dan pegawai serta alat kelengkapan di dalam tangan mereka.

Irwan telah dikejut dan dibawa dari hotel lebih awal daripada masa yang dijadualkan. Dia tidak bersama-sama dengan Kapten Johari. Keretanya di tengah-tengah konvoi.

'Ke mana kita ni?' soal Irwan kehilangan arah hala.

'Ke mana saja arahan membawa kita, encik.' Kedengaran suara tadi menjawab lagi. 'Kalau ibarat ular, kami cuma ekornya. Mana kepala pergi ke sana kami mengkor.'

'Kapten Johari, kepalaunya berotak, tak?' soal Irwan cuba merisik hati anak buah rakannya.

'Kalau tak pasal kami sekalian, dia dah di Kementerian han ini, encik.'

'Macam mana pulak tu?'

'Pernah kami kena maki hamun olehnya. Tetapi kasih kami dengannya tak retak. Macam simen pulak jadinya maki hamun itu merapatkan lagi persaudaraan kami. Kami hanya askar tetapi macam sateria dididiknya kami. Tinggi semangatnya encik.'

'Dia berjuang, macam mana pulak?' soal Irwan menduga kegagahan rakannya.

'Kalau encik nak tahu, tanyalah sama Sarjan Samad tu. Nyaris-nyaris, sarjan itu jadi tawanan Indonesia yang pertama. Kami di Sarawak masa itu. Pergi *operation* di sempadan, dekat Ukelili. Tengah jalan kami kena serang hendap.'

'Sarjan Samad masa itu koperal. "Koperal Bodoh" kata budak-budak kecil.'

Tergelak askar-askar lain di dalam kereta itu.

'Koperal kena semasa tembakan pertama. Pada betis dan bahunya pulak tu. Dah kondem dia. Dan tak boleh pakai lagi. Berjalan tak boleh, menembak apalagi? Mula-mula peluru datang dari satu arah. Tak berapa lama, dari tiga hala pula. Tuhullah kami dah terkepung. Menggeliat saya tengok kapten nak beri perintah suruh undur. Selama itu dia pantang undur. Pernah kami merempuh dengan bayonet terhunus dulu. Hari itu tak pakai bayonet lagi.'

'Kami pun segera berundur dan berkumpul di satu tempat yang kami janjikan terlebih dulu. Wah! Berderau hati kami bila kapten belum sampai-sampai lagi. Kami pun berpecah dua pasukan pergi semula ke tempat pertempuran tadi. Puas kami cari. Terdapat pula bangkai musuh tetapi ketua kami dan koperal ghaibal ghuyub! Dua jam kami merayau-rayau. Tak juga kami jumpa. Akhirnya, bangkai orang kami pikul pulang. Ketua sendiri entah mana. Sampai saja ke pangkalan, apa yang kami dapat, encik tahu?'

'Saya tak ada di sana,' jawab Irwan dalam gelap.

'Ya tak ya jugak, encik tak ada, ya?' sambung pencerita sambil gelak. 'Beginilah kecut hati kami. Apa nak kami jawabkan bila disoal tentang kehilangan ketua dan koperal kami kelak? Tiba-tiba kami tengok telentang di *stretcher*, ketua kami dengan satu botol darah bergoncang-goncang. Kalau kami sakit lemah jantung, berdebu-bu itu saja. Apa tidak? Ketua kamihlah yang kami sayang. Tiba-tiba dah telentang dengan botol darah!'

'Dia kena tembakkah?' soal Irwan cemas.

'Bukan keňa tembak, tuan! Dia menderma darah rupanya untuk Koperal Samad! Di Sarawak bukan macam di Semenanjung sini, encik. Jalan perhubungan dengan speedboat dan helikopter kalau nak lekas. Tabung darah tak ada di kubu hutan kami itu. Sambil menunggu helikopter datang subuh-subuh hari itu, terpaksalah darah dibagikan sama koperal kita itu. Koperal tak sedarkan diri lagi masa itu.'

'Hari ini dia sedar tak dirinya?' tempelak Irwan.

'Emh! Kalau tak sedar juga dirinya, bukan manusia dia, encik.'

'Dah masuk darah kapten, tak?' cungkil Irwan.

'Baik pun darah Kapten Johari, orang yang baik budi dan pandai menilai baik jahat orang. Ya jugak tu. Saya agak betul juga kerana dah masuk darah Kapten Joharilah maka Sarjan Samad tu bertimbang rasa orangnya. Tak macam sesetengah sarjan...'

'... Kalau Prebet Bidin ni jadi sarjan, mati kami semua ditelannya, encik,' celah suara baru di sudut Land Rover.

Berdekah-dekah suara enani orang dalam Land Rover itu ketawa. Sarjan Samad dan pemandu kereta di bahagian depan tertutup oleh cermin penyekat.

'Syyy! Usah kuat-kuat ketawa. Malam gelap-gelap ni, kalau nak sampaikan salam rindu pada angin berlalu, lekas sampaiinya,' seloroh Prebet Bidin.

Lagi sekali gelak ketawa.

'Dah... dah cukup tu. Suara awak sampai ke telinga musuh malam hari ini, peluru nanti yang menyahutnya pula,' sambung Prebet Bidin mengingatkan.

Senyap kembali. Tiba-tiba kesat rasanya roda kereta. Perjalanan pun semakin perlahan. Kemudian terhentak-hentak pula: disusul dengan terhuyung-hayang penumpang-penumpang.

'Mat Kelasi, kau makan ubat tadi, tak?' soal Prebet Bidin sedang kereta terhogali-hagih.

'Usahlah kau ingat-ingatkan aku, Bidin!'

'Kau baik-baik Mat, suara kau aku dengar dah meloya.'

'Hah! Diamlah situ. Orang nak lupa-lupakan, dia pula ingat-ingatkan. Kalau aku huekkan, mau kau bersihkan?'

Marah sungguh bunyi suara Mat Kelasi.

'Ha, itu melampau tu. Kami biarkan kau duduk di hujung Land Rover tu, kerana apa? Dia tu mabuk darat, encik,' balas Prebet Bidin, dia mencuit kepala lutut Irwan.

'Di laut tak mabuk pula?' sampuk Irwan, tersenyum dalam gelap.

'Itulah kami gelarkan dia Mat Kelasi.'

Irwan menoleh ke arah Mat Kelasi duduk. Di situ mudah dia muntah dan dilap oleh angin. Di luar kelihatan samar-samar, deretan pokok. Mungkin ladang getah yang sedang di-tempuh mereka, fikir Irwan. Lecah berlumpur agaknya jalan. Berago-go pula kereta kali ini. Akhirnya kereta berhenti.

'Turun, turun!' Sarjan di hadapan sudah pun menjekak tanah.

'Banyak-banyak tangkap gambar saya, encik. Habis sah bolehlah saya jadi bintang filem,' usik Prebet Bidin, sambil terjun ke tanah.

Tentera kesemuanya telah turun kereta.

'Lawrence, turun dulu. Mintak kamera tu.' Irwan memberi arahan.

Lawrence terkesot-kesot turun. Kedengaran suara Lawrence, 'Oh my God!'

'Kenapa Lawrence?'

'Kaki masuk lumpur, tuan.'

Terdengar lecak-lecuk Lawrence menarik kakinya yang tergelincir di tepi parit jalan ladang itu. Sejurus kemudian, Lawrence pun menghampiri buritan kereta.

'Mana kamera, tuan?' soal Lawrence sambil menghulurkan tangannya.

Irwan pun membongkok dalam kereta menatang kamera 25 paun itu sambil mengheret beg sangkut yang berisi *magazine* dan bekalan filem serta kelengkapan penggambaran yang lain.

'Beg tuan kasi sayalah.'

'Kau jagat kamera itu baik-baik jangan jatuh. Aku boleh uruskan barang-barang ini.' Irwan pun terjun dengan barang-barang kira-kira empat puluh paun yang tersangkut di dalam dua buah beg tersebut lempang di kedua-dua bahunya.

Irwan pendek orangnya. Dengan barang-barang berat yang bergantung itu, semakin pendek nampak orangnya. Dalam keadaan demikian, dia tiada tokoh lagi sebagai pengarali filem hanya seperti seorang kundang, seorang budak *caddie* di padang-padang golf mengekor orang-orang besar negeri.

Perawakan Irwan tidak hebat; tetapi perwatakaninya sungguh dahsyat sebagaimana ditemui oleh Lawrence.

'Mau ambil gambar, tuan?' soal Lawrence tergesa-gesa setelah melihat perajurit berbaris di tepi kereta.

'Ada bawa lampu?' tengking Irwan.

'Tak ada, tuan.'

'Hei Lawrence, kau ini tengah mimpikah?'

'I'm sorry, tuan. Sermalam saya *too excited*. Saya tak boleh tidur.'

Kelak inilah kali pertama dalam hidupnya dikejutkan pada pukul tiga pagi. Patutlah dia seperti tikus mondok di bawah batang dalam kereta tadi. Gelap gelita dia dalam kereta melindunginya mencuri-curi tidur.

'Lawrence, ingat ya. Ini bukan berlakon lagi. Kita dalam satu gerakan tentera—*real operation*.'

'Saya tak ada tidur lagi, tuan.'

Pasukan Kapten Johari pun mengular panjang, melata dalam ladang getah menuju entah ke mana. Irwan dan Lawrence ditempatkan di tengah-tengah barisan.

Daun-daun getah lebat menutup ular yang sedang menyusup itu. Sekali-sekala terlihat bintang-bintang mengerlip di celah-celah daun pokok yang sakit. Kerap juga askar-askar itu menahan gelihati melihat Lawrence terbolos dan tersungkur oleh akar-akar getah yang timbul-timbul seperti jari-jari kurus orang sakit batuk kering. Keadaan tanah di situ

sepertinya tidak lagi sesuai bagi tanaman getah. Tetapi getah di situ banyak ditanam ketika perang Korea. Sewaktu itu, sifat pekebun-pekebun getah seolah-olah dunia mereka yang punya.

Kira-kira setengah jam menapak di ladang getah itu, merayap pula mereka di suatu denai. Lawrence yang tinggi itu kerap ditampar mukanya oleh daun-daun yang melampai. Dalam hati saja dapat dia memaki hamun. Mereka diminta supaya bergerak sesenyap-senyapnya. Ular menyusup pun boleh nampak kelibat-kelibatnya. Tapi mereka yang melata, hanya kedengaran laksana angin dipapas sahaja.

Kian lama merayap kian memis daun penudung. Terang-terang langit mulai kelihatan. Ayam sayu-sayu kedengaran berkокok.

Tiba-tiba pengakap di hadapan memberi isyarat berpecah. Kedua-dua Irwan dan Lawrence diheret otang. Dalam sekelip mata sahaja denai itu terang dan perajurit menghendap di tepinya. Tidak berapa ketika, kedengaran suara orang seperti berbual-bual.

'Kenapa kau lambat datang rumah tadi?'

'Ah! Kau pun tak bertimbang rasa. Semalam kan malam Jumaat.'

'Tengoklah dah lewat. Berapa pokok yang dapat ditorch?'

'Sekali-sekala terlambat, apa salahnya? Awak tinggal kampong, apa hiburan ada lagi? Kalau di bandar tu lain kira. Lagipun kita bukan kerja dengan tauke.'

'Kalau kerja dengan tauke, senang kita berkira. Tapi ini kerja menipu tauke. Dah itu pula, di kawasan berkurung.'

'Hah! Kalau dah sampai ajal, di mana juga. Yang dulu sebelum konfrontasi, kita ke laut. Tak payah perintah berkurung. Gelombang laut sedia menganga saja. Sana sini pun susah mata pencarian.'

'Itulah, dulu bapak kau suruh kuat-kuat belajar sekolah, kau pergi pulak mengejar betina!'

'Awak tu, pas darjah enam sekolah Melayu, apa jadinya

sekang? Kan setaraf dengan kita hari ni?"

"Dah . . . dah. Awak berkelahi, anak bini mati kelapang nanti."

Senyap suara: hanya bunyi kaki berlari-lari anak saja.

Pokok . . . toreh . . . tauke . . . kawasan berkurung. Tiada penangkapan pula.

Irwan teresan Kapten Johari bukan setakat meronda sepen yang dikatakan dahulu. Sudah pasti ada sesuatu yang penting dalam gerakan tentera subuh-subuh itu. Semangat Irwan naik *Scoop! Scoop! Alhamdulillah*, dia bersyukur.

Terdengar bunyi burung kedidi. Askar-askar itu pun bangkit dari tempat sembunyi dan berderet di denai itu semula. Terus merayap lagi. Kali ini di pinggir kebun kelapa. Tidak berapa jauh kelihatan zink rumah-rumah kampung.

Kampung itu dijauhi: pasukan meneruskan perjalanan di tepian kebun kelapa. Tiba-tiba gelap semula langit.

"Kenapa gelap lagi?" bisik Lawrence kehairanan.

"*That's false dawn*," tegas Irwan supaya tiada ditanya lagi jika diberikan istilah Melayunya.

Belum masuk waktu subuh lagi.

Tidak berapa lama berjalan, tiba pula di kebun jagung. Sudah berbuah pohon-pohon jagung itu. Melihat buah-buah jagung yang sompong tegang itu, teringat Irwan akan nasilah gurunya dulu, 'Bila kau merantau di negeri orang, bawalah resmi padi—makin berisi makin memunduk; jangan sekali-kali bawa resmi jagung—bila berisi magang pula.' Gurunya orang perantau, anak Minangkabau.

Sesetengah pohon jagung itu berkesan dipetik orang buah-buahnya. Meliur Irwan pagi-pagi buta itu apabila terkenang sudah lama tidak makan jagung rebus. Teringat dia berap manisnya menyonyot hujung jagung muda. Seperti tebu adikala dimamahnya—manisnya disedut: sepahnya dibuang.

Sayang sekali pasukan tidak berhenti di situ, malah terdiseret oleh kepalanya. Tertinggal belakang kebun jagung itu. Masuk pula ke paya nipah. Pohon-pohon nipah di pinggir

kampung itu kebanyakannya sudah gondol diperbuat ataupunnya. Yang masih hidup berjambul sepucuk dua. Lama berjalan di pinggir nipah itu hingga bersua jalan orang.

Di situ pasukan diisyaratkan berhenti.

Nun di bahagian hadapan Kapten Johari memberi perintah kepada Sarjan Samad bersama-sama seorang lain. Sarjan Samad pun membisikkan arahan dan arahan itu disambungkan pula hingga ke hujung pasukan. Serta-merta masing-masing mengambil tempat. Ada yang mara ke hadapan. Ada yang undur sedikit ke belakang. Tetapi masing-masing menjauhi jalan orang itu. Irwan dan Lawrence pun bersama-sama mengambil tempat bersembunyi setelah diterangkan oleh Kapten Johari mereka sedang menabur jaring samar.

Teringat Irwan kebun jagung tadi. Mengapa tidak di sana saja menjadikan jagung itu umpan. Kalau tidak pun, dapat juga dia mengomel-ngomel jagung mentah. Perutnya sudah mula meraungkan makanan. Sebaliknya, difikir pula, bersembunyi di belakang jagung itu sama juga bersembunyi di sebalik jari. Hah! Imi muslihat tentera—di luar daripada kerjayanya. Irwan berhenti memikir.

Dia mula berdoa. Segeralah Sang Suria terbit. Janganlah berlaku apa-apa peristiwa sebelum ada cahaya. Sakit hatinya jika hanya dapat menyaksikan tetapi tidak dapat merakamkan sesuatu kejadian itu.

'Lawrence, kalau kau hendak tidur, baik tidur sekarang. Matahari pun belum ada,' bisik Irwan sambil bersandar di tanaman buah nipah yang masih muda.

Gelap malam sahaja yang dapat melindungi air muka Lawrence ketika itu. Seolah-olah seperti masih di hotel gaya Irwan menyuruh Lawrence itu tidur. Tuhan saja yang tahu betapa kencangnya nadi Lawrence ketika itu.

'Tidurlah, Lawrence.'

Irwan menguiskan ke arah pelepah nipah yang telah dipangkas tetapi ditinggalkan orang di situ. Menangkas lagi nadi Lawrence memikirkan segala kemungkinan sewaktu dia

ketiduran kelak. Baik-baik mau ia tidur ayam pada mulanya sekarang matanya sudah pecah mata belalang.

'Kau takut, Lawrence?'

'Tidak takut; saya excited.'

'Nanti sudah naik matahari, banyak kerja kau, Lawrence.' Irwan memberi amaran.

Sekali-sekala burung wak-wak berbunyi di tengah-tengah paduan suara cengkerik. Mujur juga tiada bunyi katak betung malam itu. Bagi Irwan, katak betung itu disifatkan sebagai suara hujan seperti juga kaki orang sakit *gout*. Hujan di paya; begitu rendam air semuanya.

Kerja menunggu sungguh menggelisahkan bagi Irwan. Tetapi askar-askar sekelilingnya tenang tenteram belaka. Alah bisaya tegal biasa. Supaya jangan bosan, Irwan pun memikirkan sesuatu perkara. Tidak pula timbul apa-apa pun. Dibukanya telinga. Terdengar lagu abadi orkes hutan. Teringat lagu Latin Amerika mainan Xavier Cugat—*Genderang Belantara, Fantasi Belantara*. Teringat lagu semi-seriosa bawaan Kostalanez—*Dansa Lebah Madu*.

Di tengah-tengah hutim Malaysia ini banyak unsur bunyi yang serupa dengan bunyi-bunyian abadi itu. Mengapa tu? seorang pun mahu mengaturnya untuk dijadikan lagu? Mengapa mesti dicuri lagu-lagu asing dan dipopularkan di tanah air kita? Mengapa Malaysia tidak dapat menyumbangkan sesuatu kepada dunia seni lagu?

Lagu pada Irwan bukan setakat didengar dan dinikmati saja. Filem-filemnya hidup oleh lagu dan efek. Tetapi kesalihnya lagu yang digunakan bukan lagu Malaysia. Tidak dapat dibangga. Apabila jadi filemnya kelak, apakah lagu Malaysia yang sesuai untuk menimbulkan suasana seperti dalam paya rawa ini? Tiada. Apakah lagu Malaysia selain daripada lagu pencak silat yang dapat menimbulkan semangat keperwiraan sebagai genderang perang? Tiada. Kelak ada pula tertangkap gambar percerobohan di Selat Melaka. Sesuaikah *Dondong Sayang* dijadikan lagu latar belakang filemnya nanti? Tidak. Irwan kes-

datuknya dulu melarangnya bermain muzik, kerana larangan agama kononnya. Sayang sekali datuknya tidak hidup menyaksikan pertandingan membaca Quran dan berzanji yang diselenggarakan tiap-tiap tahun sejak selepas merdeka. Dalam seni bunyi, Irwan ketiadaan bakat tetapi banyak terpengaruhi—dapat menerima tetapi tidak dapat memberi.

Tidak berapa lama, cengkerik sudah menarik diri dari pentas malam diganti pula dengan burung-burung paya mengalunkan suara keriangan akan kedatangan sang suria. Tiba-tiba di tengah-tengah keriuhan pagi itu kedengaran suara manusia berbual riang.

'Baik juga orang Indonesia pilih rantau sini mendarat, ya?'

'Semua sekali dah berapa ringgit kau dapat?'

'Aku pun tak tahu. Semuanya habis bapak aku cekup.'

Kalimat-kalimat itu serta-merta menimbulkan prasangka bahawa pembual-pembual itu pemandu-pemandu musuh. Tidak berapa lama, tubuh badan pembual itu muncul sajat-sajat di celah-celah pohon nipah. Mereka masih remaja tidak lebih dari 20 tahun usianya. Hanya dua orang saja, yang berjalan di hadapan kelihatan membawa scutas jala. Tetapi kedua-duanya berbakul ikan yang terikat di pinggang masing-masing.

Perajurit membiarkan mereka mara. Kemudian yang berjala ikan menahan rakannya, sambil berlegar-legar di keliling suatu tempat lecak di tengah-tengah jalan orang itu, seperti anjing bersua denai laku mereka.

'Manap, tapak kasut ni! Ada mendarat malam tadi agaknya,' beritahu yang berjalan itu.

Kedua-duanya pun berukuuk-rukuuk mencari hala arah ke mana yang empunya kasut itu. Sedang mereka membongkok-bongkok itu dua orang perajurit pun datang menyeruput mereka dari belakang. Mulut mereka terkatup dan tangan mereka terpintal ke belakang. Mereka diseret ke Kapten Johari. Di celah-celah semak paya itu mereka disoal.

'Kamu jangan menjerit dan jangan lari,' bisik Kapten Johari kuat. 'Kamu menolong musuh, ya?'

'Tuttidak, encik,' jawab yang berjala.

'Apa kamu buat pagi-pagi buta ni?'

'Cari peluru sama senjata musuh, encik,' terang Manaf.

'Cari peluru? Buat apa?'

'Buat duit, encik!' tegas yang berjala.

Teringat masing-masing akan adanya kerajaan menawarkan hadiah akan senjata-senjata musuh.

'Jala sama bakul ikan ni, buat apa?'

'Tak dapat senjata musuh, kami mesti bawa balik ikan untuk perut, encik. Dapat senjata, kalau senapang atau steng, boleh dipikul dalam jala ni; kalau peluru atau bom tangan boleh masuk dalam bakul ikan, encik.'

'Mintak kad pengenalan awak,' pinta Kapten Johari sambar menghulur tangannya, serta menyebut seorang orang awam yang ada bersama-sama. 'Wak Karman, kenal budak-budak ni, Wak?'

'Nang bowo jolo ni, Ahmad Suwito nomor. Nang ini, Manap' jelas Wak Karman mengikut telor Jawa. 'Kenepo koe orang tu tak nyempet nungeu motohari naik. Kan moso korpiun ni!'

'Maaflah, wak. Saya takut nanti sudah naik matahari, orang lain dah dului kami. Bolos!'

'Wak boleh jamin budak-budak ni? Mereka sudah melanggar perintah berkurung,' ucap Kapten Johari meminta kepastian.

'Boleh encik. Nanti saya repotkan ke polis.'

'Kau orang datang dari mana tadi?'

'Sebelah pantai, encik.'

'Imi, mana nak pergi?'

'Ingat hati nak cari duit lagi, encik. Tapi kalau encik tak suruh kami pulang, kami pulanglah imi jam juga.'

'Pergi pulang dulu. Lepas itu pergi ke balai polis. Kamu dah buat salah ni, tahu? Baik juga kami tak "dam" tadi.'

'Baik, baik encik. Boleh mintak kad pengenalan?'

'Kamu boleh ambilnya di balai polis nanti.'

Kedua-dua pemuda kelihatan sugul tetapi terpaksa ju

mereka mengikut perintah. Matahari pun sudah mula menunjukkan senyumannya. Sekiranya ditahan lagi, terpaksa juga mengikut apa jua hukuman yang dijatuhkan. Begitu begini pun terpaksa juga ke balai polis. Mereka pun meneruskan perjalanan. Tidak berapa lama kedengaran bunyi burung kedidi. Perajurit pun bangun dari tempat masing-masing serta berkumpul semula.

'Sepatutnya, musuh melalui tempat ini. Tetapi nampaknya sekarang matahari dah naik, mereka takkan datang ke mari lagi mencuri jagung. Boleh jadi juga, mereka dah menghala ke tempat lain. Jadi, kita cuba pergi ke pantai pula. Mungkin ada yang baru mendarat malam tadi,' beritahu Kapten Johari kepada pegawai-pegawaiannya.

Masing-masing mengerti Kapten Johari tidak puas hati selagi belum ada apa-apa *action*. Lebih-lebih lagi pulang dengan tangan kosong. Sekurang-kurangnya perkhabaran mengenai perkembangan baru mesti dibawa pulang.

Mengular lagi pasukan, melata pula kali ini di bahagian paya.

Konfrontasi kini berubah corak daripada bertikam lidah menjadi beradu senjata. Dari Perlis hingga ke Sabah, kawasan Malaysia dimasuki musuh. Di Singapura, kerap tersiar di akhbar bahawa bahan-bahan peledak dan peletup dicuri masuk. Sesetengahnya berjaya diletupkan. Tetapi letupan-letupan itu tidak berkesan. Sekadar memomok-momokkan saja.

Tetapi di Labis, para komando digugurkan dari kapal terbang *Hercules* buatan Amerika. Gerakan tangkas serangan balas pihak Malaysia dapat menjaringkan ketuanya Letenor Sutikno dan suku-sakatnya. Daripada keterangan-keterangan tawaian, didapati sebuah pesawat terbang yang lain menjadi korban di Laut China Selatan bersama-sama muataninya.

Gerakan payung terjun itu disusul pula dengan pendaratan di Pontian, Batu Pahat, Muar dan Melaka serta di beberapa bahagian Selangor, Perak dan Pulau Pinang.

Kali ini umat Malaysia keturtinan Indonesia pula yang teruji taat setianya terhadap negara dan raja. Semenanjung yang

merdeka kini menganjur dan melengkung ke wilayah Borneo taklukan British menjadi sebuah negara bulan sabit, membebaskan dan menerangi hidup sepuluh juta umat manusia. Lautan China Selatan yang menganga memecahkan dua bahagian bulan sabit itu. Persekutuan Tanah Melayu berubah menjadi Persekutuan Malaysia.

Cadangan pembentukan Malaysia pada mulanya direstu oleh Subandrio yang melafazkannya di Bangsa-Bangsa Bersatu. Tetapi apabila diusahakan pembentukannya hingga wujudlah Malaysia, kelahirannya sudahlah tidak disambut seperti dijanjikan mengikut *Manila Accord*, konfrontasi pula dilancarkan oleh Rejim Subandrio.

Seluruh alat propaganda dipegang oleh Subandrio sendiri. Negara bayi Malaysia yang belum tumbuh gigi diajar bertikam lidah. Tetapi bayi Malaysia praktik dalam tindak-tanduknya. Dia tidak cuba mahu menjadi raksasa yang rongak. Diajak bersidang, pergilah dia bersidang. Apabila keputusan persidangan tidak ditaati, ia tidak meragam, malah dijadinya ingatan. Ditinjau pula niat lawannya. Sedikit demi sedikit dapat terbaca yang corak tindak-tanduk dan idaman lama Sukarno terhadap Malaya dan kini Malaysia pula. Mulalah ternyata sebab-sebabnya mengapa kian lama Malaya merdeka. Sukarno tidak sudi mengunjungi rakyat Malaya yang menunggu-nunggu hendak menonton sendiri beliau berpidato. Sebaliknya pula beliau membelakangkan dasar bermuafakat warisan nenek moyang bersama dan mengirimkan konco-konconya menceroboh.

Bayi Malaysia yang belum pandai berperisai tombak dengan kakang saudaranya berpaut pada kekuatan kebenaran yang benar akhirnya benar juga. Timbul pula semangat Hang Tuah yang membawa bendera merah putih sewaktu ke Majapahit dahulu. Merah putih yang bermakna berani kerana benar.

Tetapi bayi Malaysia terdedah kepada tiga serangan. Pertama, mental—dari dakyah-dakyah jentera propaganda Subandrio yang dilepaskan melalui gelombang udara. Kedua-

ekonomi dengan ditahan perdagangan di antara kedua-dua negara dan terikatnya kewangan negara yang banyak ditumpukan pada pertahanan. Ketiga, jasmani—dengan dikirimkan pence-roboh-penceroboh bersenjata ke kawasan Malaysia.

Kekuatan Malaysia hanya pada perpaduan dan kebenarannya.

Pasukan Johari kini meninggalkan rimba nipah dan merangkak pula ke hutan bakau. Masing-masing tersungkur-sungkur oleh akar tunjang; terbenam-benam oleh lumpur serta selut dan tertampar-tampar oleh daun-daun bergayut. Hanya kegigihan Kapten Johari saja yang membolehkan pasukannya mara maju.

Tidak kurang cergas ialah Irwan dan Lawrence. Tanpa menghindarkan perjalanan pasukan, mereka giat mengambil gambar perajurit-perajurit kita meronda dalam keadaan yang serba sukar. Kali ini yang memakai pakaian berlumpur ialah pasukan *Combat Syarikat Filem Bebas*.

'Di mana kau beli uniform hijau ini?' soal Irwan kepada jurukameranya.

'Di tepi sungai pekan Tompian, tuan.'

'Ada jual di sana?'

'Tepi sungai lagi murah, tuan. Tapi saya fikir jaket ini datang dari Cina Komunis.'

Jaket yang berselaput lumpur itu tidak kelihatan rupa asalnya lagi.

'Lawrence, apa gambar yang sudah kau ambil?'

'Patrol jalan dari depan, long shot. Mid shot Patrol... . . .'

'... Keadaan dalam paya ini ada ambil?'

'Sikit-sikit saja.'

'Kau boleh kisarkan kamera, tak?'

'Tak ada tripod. Susah tuan.'

'Baik. Mintak beg tukar filem itu.'

Lawrence pun memberi kepada Irwan beg tukar-filem yang seakan-akan jubah hitam. Irwan melipatnya hingga menebal kecil; lalu ditangkupnya di atas kepala.

'Lawrence, taruk kamera itu di atas kepala aku ini. Tangga motornya biar tepat-tepat di tengah-tengah kepala.'

Irwan pun bertelut dengan kakinya terendam air dan lumpur. Lawrence meletakkan kamera itu betul-betul di tengah-tengah tengkorak kepala Irwan pada bahagian yang datar.

'Lawrence, ambil gambar pasukan masuk ke hutan bakau situ. Bila semuanya sudah masuk, kisarkan kamera pelan-pelan, tunjukkan akar-akar tunjang dan lopak-lopak lumpur, sarang ketam dan terus kisar sampai ke tempat yang gelap itu. Berhenti di situ sebagai optika-kelain-gambar secara *natural*. Lepas itu kerat.'

'Tuan, pasukan sudah jalan.'

'Lekas ambil.'

Menggeleng-geleng Kapten Johari melihat kepala rakannya dijadikan pengalpu kamera 25 paun itu. Putaran jenter kamera dengan bunyinya menggegarkan isi otak kepala Irwan seperti bunyi lubang gigi sedang dikikir. Dalam masa 50 saat berhenti bunyi gegaran itu.

'Apa macam Lawrence, bagus?'

'*Perfect*, tuan.'

'Ambil *shot* rapat lubang-lubang ketam itu dengan ketamnya sekali.'

'Mau ambil sekarang?'

'Nanti. Bila-bila ada jumpa ketam.'

'Eh! Tuan. Mana sojar pergi?'

Mereka ketinggalan belakang. Berlari-lari mereka mengejar. Hal seperti ini kerap berlaku di sepanjang jalan. Apabila bersua semula, mereka dapati berada di tepian anak sungai yang tohor airnya.

'Air surut.'

'Tak ada can nak mandi laut.'

'Cari siput sedap ni.'

'Hah! Siput nyonyot buntut, mabuk dibuatnya. Cari keranglah!'

'Ya tak ya jugak. Dah lama kita tak merasa kerang, ya!'

Semangat askar kita sentiasa tinggi, meriah dan lucu. Tengik bau lumpur paya menjadi harum oleh lelucon mereka. Sudah lima jam mereka berjalan; belum tahu letih lesu. Mereka mara mengikut anak tebing sungai itu. Hutan bakau menebal. Nun di sana di celah-celah bakau mula kelihatan semula rimba nipah dan semak samun daun-daun paku.

Sekali-sekala di angkasa terdengar gagak tergelak bermakna. Matahari hanya mengintai-intai di celah-celah rimbun bakau dan nipah. Di tepi lautkah atau di tepi kampung? Masing-masing bertanya dalam hati.

Tet... tet... tet... tet... tet!

Askar yang ketiga di barisan depan terguling di tepi tebing. Rakan di belakangnya menembak beberapa das.

'Aiyyaaah!'

Kelihatan nun di semak samun mayat terbungkang song-sang, tali perutnya terburai di lereng suatu busut. Dalam sekelip mata Irwan dapat dirinya bersama-sama Lawrence di sebalik tebing anak sungai itu. Lawrence pucat menggigil. Askar seorang pun tiada lagi yang berhampiran—hilang lesap, seolah-olah ditelan oleh rimba raya.

Hanya tembak-menembak saja membertiuh bunyinya. Tiba-tiba dari tiga penjuru. Tahulah Irwan bahawa para perajurit sedang bergerak menggepung.

'Eh! Lawrence, mana kamera?' soal Irwan sambil tersentak melihat Lawrence tidak berkamera lagi.

Lawrence terbeliau matanya seperti orang tolol. Lidahnya kelu.

'Lawrence, mana kamera kau?' soal Irwan sambil menghogah-hogahkan badan jurukameranya yang memucat mayat itu.

Bertambah pandir muka Lawrence, Irwan pun merangkak-tangkak mencari kamera. Irwan sungguh takjub mengenainya. Dia masih ingat lagi kamera itu tersandang talinya pada badan Lawrence. Bagaimana boleh tercaimpak keluar? Apakah yang telah berlaku?

Lama sudah dicari-cari kamera itu di sebalik sini tebing

anak sungai itu. Tiada kelihatan apa-apa pun di jari-jari akar bakau yang lama tidak menggenggam tanah lagi. Mungkin di bahagian sana tebing itu. Dia pun merangkak perlahan-lahan benda menjenguk. Tiba-tiba kepalanya ditekan orang.

'Nak mati Irwan! Bukan pakai topi besi kepala kau ni! Kedengaran suara Kapten Johari.

'Aku hilang kamera,' beritahu Irwan.

'Ada terguling di sebalik tebing ini. Macam mana orang kau tu?'

'Saudara kita tu umat Kristian. Dia lebih tahu apa ertiinya *baptism of fire*,' jawab Irwan, ketawa di tengah-tengah dentam-dentum peluru.

'Kau ini kalah macam *veteran*. Tak kenal takut!'

'Ini apa, kalau dibandingkan dengan Pasukan Gerak Cepat K.K.O. di Kesang dulu.'

'Ini belum tahu apa pasukannya. Eh! Irwan, nah pistol ni untuk kecemasan nanti.'

'Terima kasih. Terima kasih. Aku orang awam, Jo. Walau apa pun berlaku, kamera itulah senjataku untuk aku *shot*.'

'Tengok sini. Kau berdua jangan bergerak dari sini. Aku sedang mengepung musuh. Selesai saja segala-galanya, barulah keluar dari sini, tahu? *That's an order!*'

'Nah! Keris kecil aku kalau tersesak nanti.'

Belum sempat dikembalikan keris kecil itu, Kapten Johari sudah jauh merangkak ke tempat orang-orangnya. Pendek kerisnya. Hanya empat inci panjang bilahnya. Berkarat. Segera membunuh. Hulunya daripada tanduk. *Jawa Demam* bentuknya. Lama dibelek-belek oleh Irwan sebelum disarungkan semula. Apa gerangan di hati Johari sewaktu menyerahkan keris penemannya itu kepada rakan karibnya?

'Tahan . . . tahanan si bangsat itu. Jangan lepaskan dia lari.' Kedengaran suara bertelor keindonesiaan dari semak samun itu.

Dentam-dentum mulai reda dan tidak semena-mena sunyi senyap semula.

Irwan pun mencuri-curi menjengah ke kepala. Kelihatan nun di semak samun bendera putih dari baju singlet tercabak nyata.

'Letak senjata dan keluar semuanya! Angkat tangan di atas kepala!' perintah Kapten Johari.

Sementara itu orang-orang Johari sudah ketat kepungan-nya. Seorang demi seorang mulai keluar dari semak samun itu. Pakaian mereka sudah robak-rabik.

'Siapa ketua di sini?' tanya Kapten Johari.

'Saya, bapak!' jawab seorang yang kurus-kurus cengkung sambil memberi tabik hormat.

'Nama, nombor, pasukan. Berapa ramai?' soal Johari.

'Sarsan Suprapto, Pasukan Lombok Rawit, Kodam Setia-jaya. Mulanya tiba dua petahu—seramai 24 orang. Satu kena pelor. Satu dapat lari. Tinggal 22 orang.'

'Cukup 22 orang, tuan,' beritahu Sarjan Samad setelah mengaturkan orang tawanan dan menghitungnya.

'Yang lari, ke mana perginya?' soal Kapten Johari.

'Ke sana, pak,' jawab Sarsan Suprapto menunjukkan ke arah utara.

'Dia orang Malaya, pak. Sama yang mati itu.'

'Hmh!' desis Kapten Johari mengetap bibirnya.

'Sebenarnya kami sudah mau menyerah diri secara suka-rela, pak. Tapi bajingan itu melepaskan tembakan. Bagaimana nasib kami sekarang, pak?'

'Ini peperangan yang tak disyiharkan. Layanan diberi mengikut kerjasama yang diterima. Saya orang tentera dan bukan saya yang memberi jaminan. ...'

'Tet . . . tet . . . tet . . . tet . . . tet!'

Para tawanan dari penawan semuanya menuarap. Merangkak-rangkak askar Malaysia mengambil tempat menjaga musuh yang baru ditawan sambil menghadap lawan yang halimunan.

'Aduh! Aduh! Tolong aku.' Kedengaran orang kesakitan dari balik kayu bakau di hujung sana.

'Jaga tawanan, sarjan!' perintah Kapten Johari sambil

menghambur menghala ke suara kesakitan itu, dia kenal suara anak buahnya.

Di bawah rimbun kayu bakau di celah-celah akar tunjang yang tercacak, Prebet Kassim menggelupuh-gelupuh seni terpintal-pintal badannya dengan tangan kirinya melekat pada bahu kanannya. Tidak berapa jauh darinya terguling penyergangnya mati menggeliat. Seekor ular—ular kapak yang ang bisa.

Beberapa orang perajurit sudah menghampiri kedua-dua perajurit dan ketuanya. Seperti peluru di lalang seluruh tawanan dan penawan mendapat tahu salah seorang daripada mereka dipagut ular. Kapten Johari mengoyakkan lengan baju anak buahnya itu.

'Mintak ranting kayu yang bersih. Ha . . . siapa ada bawak pensel?'

Koperal Dolah mengunjukkan sebatang pensel kepada Kapten Johari. Kapten Johari pun mengeluarkan sapu tangannya serta mengikat Prebet Kassim pada bahagian lengan kesan gigi ular kapak itu. Dipintalnya batang pensel itu sebagai penahan darah. Nadi di lengan perlu dihentikan perjalananannya. Bisa ular itu mulai lebam.

'Pak, kenapa tu, pak? Dipagut ular?' soal Sarsan Suprapto kepada Sarjan Samad.

'Ular kapak dengarnya.'

'Waduh! Paling bahaya tu, pak. Bisa mati segera. Permisi, pak,' ujar Sarsan Suprapto menjenguk-jenguk mencari anak buahnya. 'Heh! Suparman! Ayuh! Mari sini lekas.'

Seorang yang bersusuk gagah tetapi kini menggelebir kulit tubuhnya tampil di antara tawanan-tawanan yang duduk dalam bulatan yang terkawal.

Bersama-sama dengan Sarjan Samad, kedua-dua orang tawanan itu menghampiri Kapten Johari.

'Benarkan saya, pak. Suparman ini, boleh kami dalam pasukan. Dia bisa menawarkan racun ular. Izinkan dia menyembuhkan saudara itu. Pagutan ular kapak bisa membunuh

serta-merta, pak,' pohon Sarsan Suprapto.

Dalam keadaan darurat demikian yang melibatkan satu jiwa, demi perikemanusiaan, Kapten Johari perlu berkompromi dengan apa jua pihak, sekalipun musuh ketat. Tetapi dapatkah dipercayai pihak yang tadinya menyemburkan peluru pembunuhan?

Peluh sejuk mulai berembun di dahи Prebet Kassim. Dia mengerang dan menggeliat kesakitan. Mahu dipanggilkan helikopter di paya rawa itu akan memakan masa lagi untuk menebas dan menebang pohon-pohon. Keadaan tanah yang tidak mainpat itu mungkin tidak membenarkan helikopter menjajak bumi di situ.

'Bapak, jangan takut. Saya jamin dengan diri saya sendiri. Apa jua yang berlaku saya bertanggungjawab,' jawab Sarsan Suprapto dengan penuh keyakinan menjangkitkan perasaan keyakinan itu di hati pendengar-pendengar di sekeliling.

'Bapak izinkanlah kami. Hidup mati saudara kita itu menjadi tanggungan kita bersama sekarang. Kalau mati dan tanpa diusahakan hidupnya, saya dan kami yang lebih menanggung dosanya. Sekurang-kurangnya bapak sudah pun berusaha. Izinkanlah, pak.'

Kapten Johari pun mengengsot dari situ. Segara tempatnya digantikan oleh Suparman yang serta-merta meriba Prebet Kassim.

'Pak, berikan air kepada Suparman,' pohon Suprapto.

Tiga biji botol air segera terhulur.

Suparman membuka suatu bengkung di pinggangnya. Aneka jenis tangkal-mangkal tersisip di dalam bengkung itu—yang berkain hitam, yang berbalut kuning. Di pundi-pundi bengkung itu ada berbagai jenis daun dan ramuan serta perkakas perubatan yang lain termasuk pil dan penyeprit.

Diambilnya sejenis pisau berlipat. Bilahnya berkilat nipis seperti *razor blade*. Diperhatikan kesan siung ular itu. Mulutnya mula bermuncung-muncung panjang seakan-akan hujung belalai gajah yang meraba-raba makanan. Diambilnya sebotol

air. Serta-merta digogok air itu hingga habis. Diambilnya botol lagi. Dikuinur-kumur air itu dan diluahnya.

Sekali lagi diperhatikan kesan siung ular itu. Mata Suparman menenung tajam; muncungnya membelaai. Entah memehati, entah menjampi, seorang pun tidak pasti. Kemudian dia kurisinya kesan siung itu dengan pisau khas tadi. Serta-mewinyonyot keluar darah yang berbisa itu. Tiga kulum datar terluah. Daging yang lebam benjol mulai surut. Ngerang yang sayu reda. Suparman pun mengambil sebutir batu hitam, dan lekapkannya pada kesan kurisan tadi. Batu hitam itu pun melintah lekap. Suparman mengeluarkan setanganinya. Sudah hamis berpeluh lumpur.

'Mintak setangan yang baik,' pinta Suparman.

Kapten Johari menghulurkan setangan bekalannya yang belum dipakai. Suparman pun membuka lipatan setangan itu dan mengelapkan peluh yang berembun di dahi dan mukanya. Prebet Kassim.

Perlahan-lahan Prebet Kassim membuka matanya. Seketika kemudian ditutupnya lagi.

'Minta air,' ucap Prebet Kassim lemah lesu.

Suparman pun menghulurkan borol yang sebiji lagi dan berkata, 'Minumlah sebanyak-banyaknya seberapa yang bisa.'

Prebet Kassim pun menggogok air itu scolah-olah bangetpas berpuasa di kering kontang.

Pemerhati dan penonton drama perang di tengah paya itu pun terlega dada yang tadinya sesak sempit. Sarsan Suprapto kelihatan jelas berseri mukanya. Nyawa digadai; jiwa tertebus.

Suparman pun mendudukkan Prebet Kassim lalu dipeluknya seperti saudara lama yang baru bertemu dan diciumnya batang leher Prebet Kassim. Gugup dia menahan hati yang terbukui. Dengan mata yang separuh tertutup dan mulut terkatup, dia pun melambai orang-orang yang berhampiran supaya mengambil tempatnya memangku Prebet Kassim.

Sarjan Samad tampil menyumbang bakti. Prebet Kassim belum terdaya berdiri lagi.

Suparman pun mengemaskan bengkung perubatannya. Sekali-sekala dikesat air mata yang tidak keluar. Kemudian berdiri dia terhuyung-hayang.

Kapten Johari merapat hendak memapah Suparman yang mungkin tertelan bisa ular tadi. Suparman menggongangkan gongangkan tangan dan menggelengkan kepala: lalu terus mendapatkan batang kayu. Dipeluknya batang yang menggerutu itu serta melaung sekuat-kuat hatinya. Sambil melaung ditumbuk-tumbuk batang bakau.

Semua penonton tercengang-cengang melihat kelakuan Suparman itu. Sarsan Suprapto menghadang sesiapa yang hendak datang rapat.

Setelah melaung-laung dan menumbuk-numbuk, tersedih-sedan dia menangis. Suparman menangis hiba. Bergegaran daun-daun bakau itu.

Masing-masing yang melihat, baik yang kawan maupun yang lawan, membawa tafsiran masing-masing akan drama peristiwa yang aneh ini. Apa yang di dalam hati Suparman mungkin tersemat juga di dalam hati bangsa yang serumpun. Antara lawan dan kawan, aliran jiwa telah berbelah bagi oleh serapah sejarah.

### 3

BALAI Polis Tompian menjadi sarang lebah setelah tiga minggu sunyi sepi. Di luar pagar duri, berdengung-dengung bunyi suara wartawan dan orang ramai yang berduyun-duyun bertumpu sejak zuhur tatkala terhebah berita datangnya tawanan yang baharu diberkas itu.

'Berapa tadi, dua puluh lima orang?'

'Dua puluh dua.'

'Hah! Kau datang lambatlah. Tak tengok yang mula-mula?'

'Dua puluh orang saja! Kau ni masuk-masukkan orang kampung yang ikut sesama askar kita pulak.'

'His! Takkak buta aku. Tak mengenal mana yang kena tangkap: mana yang panangkapnya. Dua puluh satu aku kintadi.'

'Oi, orang-orang belakang, tak usah asak-asaklah, tolong Karat pagar duri ni. Bisa!'

'Macam mana orangnya? Tegap? Gagah?'

'Hah! Orang askar. Yang mana gempal: yang mana kurus? Semuanya dah jadi gaduh-gaduh.'

'Ada yang mati?'

'Ada tadi awal-awal lagi helikopter bawak orang naik street.'

'Mane, mane dia orang Indonesia tu? Macam mana rupanya?'

'Hah! Tengok sajalah. Awak dah datang lambat, macam siamang tak pernah tengok orang.'

'Tunggu apa, orang ramai-ramai ni?'

'Tak dengarkah musuh mendarat kena tangkap?'

'Mane . . . mane? Dah sampai ke balaikah?'

'Berapa yang kena tangkap?'

Berlegar-legar, beredar-edar soal jawab. Yang menanya bersungguh-sungguh. Yang menjawab beria-ia. Yang mendengar mulai bosan dengan soal jawab yang diulang-ulang oleh orang-orang yang baru datang. Dan semakin ramai lagi yang berkerumun. Mereka menjangka lambat-laun orang-orang tawanan itu akan dipindahkan keluar ke penjara lain yang besar-besar. Itulah yang menahan mereka di tepi pagar dari Balai Polis Tompian itu. Berselang-seli suara mereka ialah bunyi garau-parau wayarles menerima dan mengirimi pesanan.

Padang bola di antara balai polis dengan berek polis terkawal rapi. Pegawai-pegawai pasukan polis dan angkatan tentera termasuk Kapten Johari berderet di tepi longkang balai.

'Hal itu dia agaknya,' kata seorang pegawai polis menunjuk ke arah segumpal awan hitam. Di bawah awan itu suatu bintik halus kian membesar.

Sebagai patung-patung besi berjentera, helikopter berlegar-legar dan teracah-acah hendak menjajak bumi di padang bola balai polis itu.

Dua tiga 'topi perata' askar berterbanggi oleh angin kencang kipas panjang helikopter itu. Jejak saja di bumi helikopter itu, keluarlah beberapa orang tentera dan polis termasuk Pegawai Pemerintah Briged Tentera dan Kontinjen polis. Mereka menerima tabik daripada barisan sambutan.

'Syabas Johari!' tempelak Kolonel Kamaruddin, Pegawai Pemerintah Briged mengucap tahniah sewaktu bersemuka dengan Johari. 'Dua puluh tiga orang tawanan, kurang gah kau kata?'

'Bukan itu sebabnya, Kolonel. Kurang gah kerana kurang berjuang.'

'Aku tahu siapa kau. Jangan rendah-rendahkan diri. Mesti berjiwa besar!'

'Tapi, itu yang benar, Kolonel.'

'Gerak tindak kau terlampau pantas untuk mereka berjuang balas, agaknya.'

Sambil berbual mereka berjalan ke balai polis. Kelihatan saja muka mereka dari pagar duri di luar balai itu, kanak-kanak dan orang dewasa pun riuh berlagu.

*Dari Perlis sampailah ke Sabah  
Kita sudah merdeka  
Negara makmur, rakyat mewah  
Kita sudah berjaya  
Dengar semboyan kita berjaya  
Gemuruh di angkasa  
Satu bangsa, satu negara  
Malaysia berjaya.*

Riuh gemuruh sorak-sorai 'Berjaya! Berjaya!' dari orang ramai. Riang ria mereka itu dibalas oleh Kolonel Kamaruddin dan rombongannya dengan melambai-lambaikan tangan.

Di Balai Polis Tompian yang kecil itu berderet tawanan tadi, diperiksa oleh pegawai-pegawai kanan yang baru tiba ini. Kebanyakan tawanan itu menundukkan kepala.

'Sudah makan semuanya?' soal Kolonel menegur.

'Sudah, pak. Terima kasih,' jawab Sarsan Suprapto bagi pihak tawanan.

Kolonel Kamaruddin dan rombongannya pun meninggalkan tempat itu seraya menuju ke Bilik Gerakan. Peta dan angka menghiasi dinding Bilik Gerakan itu. Sayup-sayup dan anjungan kedengaran lalu lintas suara menerusi wayarles. Jawatankuasa Gerakan Daerah mulai bersidang.

'Kelak hari ini hari gembira bagi kita sekalian dengan berjayanya satu *operation* sesudah tiga minggu dilaporkan tiada apa-apa berlaku di tanah air kita,' ujar pengurus persidangan memulai ucapannya.

'Sakali lagi dan tidak jemu-jemu, saya sebagai Pegawai Daerah mengucapkan kepada pihak yang berkenaan, khasnya tentera dan polis dan tidak kurang, orang ramai, terima kasih atas usaha tuan-tuan untuk mengamankan kawasan kita ini yang menjadi idaman hati, nampaknya kepada pihak lawan.'

'Untuk menjelaskan Gerakan Sikat yang berjaya ini, Kapten Johari, sila terangkan.'

Tepukan tangan menyambut Kapten Johari yang bangun menuju ke salah sebuah peta gerakan di dinding Bilik Gerakan itu.

'Kejayaan sebenarnya tak mungkin tercapai oleh kita tanpa kerjasama orang ramai yang taat setia. Atas maklumat yang disampaikan oleh salah seorang setiawan tu maka dapatlah kita mengesahkan jejak langkah penceroboh hingga tertangkap mereka.'

Seterusnya, Kapten Johari dengan dibantu oleh peta menarangkan segala kejadian dari pukul tiga pagi meninggalkan pangkalan hingga kira-kira jam 12.00 tengah hari manakala tertawannya penceroboh yang telah terkandas selama tiga malam di paya rawa itu.

'Ada orang kejar tak, yang dapat melepaskan diri itu?' tanya Kolonel Kamaruddin selepas kian lama senyap meminati penjelasan Kapten Johari.

'Ada, Kolonel. Kami sedang menunggu berita daripada pasukan yang saya perintahkan untuk mengesahkan jejak yang lari itu.'

'Siapa ketua pasukan musuli?'

'Seorang yang mengaku dirinya berpangkat sarjan.'

'Sudah disoal?'

'Belum lagi, Kolonel. Kami beri dia rehat sebentar,' jawab Ketua Polis Cawangan Khas.

'Oh! Mungkin ada maklumat yang perlu ditindak segera.'

'Daripada perbualan kami sejak tertawannya tadi, tak nam-pak sesuatu yang perlukan tindakan gerak cepat, Kolonel.'

'Mungkin selepas makan, ada sesuatu yang hendak dimuntahkan.'

'Ya, begitu begini pun, kami sudah jadualkan supaya dimulai siasatan sesudah mesyuarat ini.'

'Kalau dibuat sekarang juga, bagaimana?' soal Kolonel tidak menyabar lagi.

'Baik juga tu,' jelas Ketua Cawangan Khas Polis membenarkan sokongan.

Mereka pun bersurai. Hanya sebilangan pegawai tertentu sajalah yang dibenarkan mengikuti penyiasatan tawan. Di antara golongan khas ini termasuklah Kapten Johari dan Pegawai Penerangan yang juga Ketua Bahagian Perang Saraf.

Dari Bilik Gerakan itu, golongan khas tadi beralih ke sebuah bilik di tengah-tengah balai polis itu. Hiasan bilik ini istimewa. Aturan kerusi dan perabot yang lain seakan-akan di serambi rumah. Dinding bilik itu indah dengan gambar-gambar lukisan pemandangan tanah air dan potret-potret puteri-puteri jelita ibunda. Di atas meja pula bunga plastik siap tergubah oleh tangan yang nampaknya mahir dengan ikebana Jepun. Pendek kata, suasana di bilik itu membangkitkan perasaan seolah-olah di rumah sendiri. Tidak berapa lama duduk, mereka didatangi oleh 'tetamu'.

'Sarsan Suprapto melaporkan diri, bapak!' ucap tetamu itu mengangkat tabik dibalas oleh 'tuan-tuan rumah'.

'Sila, silakan duduk,' balas Kolonel Kamaruddin menjemput 'tetamu' menarik kerusi.

'Terima kasih, pak.'

Sarsan Suprapto pun duduk sambil membetul-betulkan pakaianinya. Dia telah berhias dengan satu persalinan yang diberi oleh 'tuan rumah'. Oleh kerana perawakannya kurus-kurus cengkung, mungkin persalinan kurniaan tuan rumah itu mengingatkaninya 'baju sack' yang pernah dipinta oleh isterinya yang sedang sarat mengandung.

Setelah didapati tidak boleh diapa-apakan lagi pakaian labuhnya itu untuk menyegakkan diri berhadapan dengan tuan-tuan rumah, dia pun duduk serta takjub melihat perhiasan bilik itu.

'Rumah bapak, ni?' soal Suprapto.

'Mengapa?' soal Kolonel pula sambil menghulurkan rokok kepada Sarsan Suprapto yang menerima dengan ucapan terima kasih.

'Sungguh indah sekali, pak. Karya siapa lukisan-lukisan itu?'

'Namanya tak bisa dibaca. Hanya keindahannya saja yang bisa dinikmati,' jawab Kapten Johari mencuba telor Indonesia.

'Ya, Sungguh halus dan lembut. Potret yang itu menggodakan, pak.'

'Mengapa disifatkan demikian?'

'Kerlingan matanya dan senyuman bibirnya laksana Mona Lisa. Sekedarkan pakeyannya saja berlainan sedikit. Baju lewatunya, kiranya tidak berapa sopan seperti Monalisa.'

'Sarsan pernah melihat gambar Monalisa?'

'Cuma reproduksinya saja. Originalnya berapa kali kecurian, ya pak?'

Ketua Cawangan Khas mengikuti dengan teliti perbualan di antara Suprapto dan Johari. Dia membuat beberapa catatan. Kolonel Kamaruddin pun membiarkan mereka bermesra.

'Oh! Pernah kecurian gambar aslinya?'

'Bukan kecurian saja, pak. Berapa insan telah membunuh diri karena senyumannya. Hingga kini dijaga rapi Monalisa itu di muzium, toh mana saja ia sedang berada.'

'Apa pendapat saudara sarsan mengenai Monalisa itu? Apakah aliran pelukisannya, dadaisme?'

'Oh! Dadaisme. Terlalu kebelakangan zamannya, pak, daripada bab Monalisa itu. Pada pandangan saya, pendapat saya sendirilah ini. Gambar Monalisa itu mengikut aliran naturalisme. Tidak lebih daripada karya semu foto saja.'

Pena Ketua Penyiasat berdesis-desus meninggalkan impresinya di atas kertas seperti Kiraman Katibin mengira dan merakam pahala dosa seseorang insan.

'Saudara Suprapto, adakah aliran dadaisme itu popular di Indonesia?'

'Ah! Masakan bapak tak tahu dadaisme itu antara beberapaisme seperti nabismen dan kubisme yang membawa aliran *abstract art* dipelopori oleh angkatan *avant-garde* di Perancis. Saya kira di Indonesia, bahkan di negara-negara lain juga, ada gerakan *abstract art*. Tapi kami di sana selalu mencemuhkan

saja mereka yang mau tiru-tiruan kebudayaan Barat dan asing itu tanpa mengetahui asal usulnya. Malah monyet juga, jika sekiranya diberi cat dan warna dapat menghasilkan karya-karya yang tinggi mutunya. Justeru, apakah nilaiannya *modern art*?

'Bahkan kita bangsa yang serumpun tak kurang dengan kesenian kita membawa aneka bentuk, pelbagai corak, berbagai macam pola dalam apa jua karya kerajinan tangan kita. Lihat saja batik kita. Apa motif dan peten yang tak seakan motif *modern art*—celupan, ganggung, kawung, tambal, poleng, sawat, parang rusak, semin? Saya kira ada baiknya pelukis-pelukis kita malah lain-lain para karyawan seni menumpukan tenaga dan usahanya menghasilkan sesuatu yang berupa kesenian kebudayaan nasional, yang ada berperibadian nasional.'

'Awak datang dari Pasukan Lombok Rawit. Adakah ini dari Pulau Lombok?' soal Kolonel Kamaruddin menarik layang-layang perbualan yang sedang dipertmainkan angin.

'Oh! Bukan begitu, pak,' tegas Sarsan Suprapto. 'Lombok Rawit itu cakap Jawa. Apa Melayunya, ya.'

'Cili api atau cabai burung,' jelas Johari.

'Oh! *Cabe* jugak di sini? Kami jugak gunakan *cabe rawit*.'

'Ada daerah-daerahnya yang menggunakan perkataan *cili* itu di sini.'

'Sarsan berasal dari mana?' soal Kolonel menarik balik ke pangkal penyiasatan.

'Kampung saya namanya Gondoruso di Jawa Barat. Tapi sudah kian lama tak pulang.'

'Ke mana pergiannya selama ini?' soal Pegawai Cawangan Khas:

'Seluruh Nusantara, pak.'

'Buat apa?'

'Banyak dinasnya. Tapi penting sekali berjuang.'

'Sudah berkeluarga?'

'Oh pak, saya mohon jangan ditanyakan itu! Saya takut kalau-kalau saya nanti kerinduan, pak.'

'Datang mendarat di sini dari pangkalan mana?'

'Dari Pulau Merikun, nun di sana. Eh! Betulkah saya tunjukkan ni? Mana Selatan?'

'Bagaimana caranya tiba ke mari?'

'Mulanya naik kapal Bea . . . apa panggilannya di sini?'

'Kapal kastam.'

'Ya kastam. Kemudian bila sudah masuk ke perairan Melaya, kami berpecah dua menaiki dua perahu bermotor. Malam itu gerimis. Cuaca kurang baik. Penglihatan pun kurang jelas. Kabus mulai menyelubungi pante. Mungkin sesat. Kami mendarat jauh dari sasaran.'

'Mengikut rencananya, di mana tempat mendarat?'

'Suatu anak sunge bernama Sungé Belut.'

'Lantas ke mana akhirnya?'

'Ke Gunung Pule.'

'Apa maksudnya ke sana?'

'Pertama menawan tempat perhubungan telekomunikasi. Kedua, menguasai tempat perbekalan air dan dengan itu mendahagakan Kota Singapura.'

'Mengapa lekas menyerah diri sebelum berjuang?'

'Banyak sebabnya. Penting sekali kita manusia berakal. Kita perlu praktik dalam perjuangan hidup mahupun perjuangan di medan pertempuran.'

'Dengan apa yang hendak berjuang kalau senjata tiada di tangan lagi?'

'Bukankah kalian tiba dengan senjata yang lengkap?'

'Benar bapak, tetapi begitu halnya cuma sewaktu di atas kapal saja. Sesudah mendarat dan sesat, kemudian mengarung paya rawa dalam lumpur, kami dapati daripada dua puluh lima laras senapang dan sten, hanya empat saja yang bisa dipake. Justeru sebagemana dikatakan dalam *Hikayat Bugis*: "Kalau tak beriela, baik berela-rela" maka kami pun menyerahlah.'

'Berimakna jika senjata masih baik, terus-menerus akan berjuang, begitu?'

'Tidak jugak, pak. Sebagemana yang saya katakan tadi, ini baru masalah pertama.'

'Apa pulak yang lain lagi?' Terus-menerus soalan berteriak dari perkara tentera membawa ke perkara awam.

'Pasukan kami tidak bersatu padu. Di antara kami banyak kesangsian. Kalau bapak, pihak yang asing, ada bersama-sama di tengah-tengah pasukan kami, mungkin jelas ternampak lakonan lelucon yang disandiwarakan oleh pasukan kami itu. Sebenarnya kami belum mengenal sedalam-dalamnya anggota dalam pasukan kami itu. Karena komposisinya datang dari sejauh gala cabang Angkatan Bersenjata Republik Indonesia, termasuklah pasukan sukarelawan rakyat yang baru diorganisir. Boleh dikatakan corak komposisi pasukan kami itu sama seperti bentuk *Foreign Legion*. Yang mengorganiser kami, juga mempunyai tujuan yang tertentu.'

'Sebelum kami berangkat, kami dibriefingkan bahawa sekiranya berjaya kami membantu para pemberontak di sini hingga dapat menawan seluruh negeri bahagian Johor dan Federasi Malaysia ini, kamilah bakal jadi pemerintahnya.'

'Para pemberontak? Mana ada pemberontakan di sini?'

'Kami diberitahu pemberontakan besar-besaran sudah pun meledak di sini di kalangan rakyat. Tetapi *news*nya kontinjen disupresskan oleh pihak pemerintah di sini. Dan pasukan-pasukan yang mendahului kami sudah pun berjaya membuat kontak dengan para pemberontak. Dan semakin menyala pemberontakan di sini.'

'Begitukah pendapat Saudara Suprapto sendiri setelah mendarat di sini?'

'Itulah yang melemahkan perjuangan kami. Berbalik ke pada anggota pasukan kami tadi. Briefing itu rupa-rupanya salah mengertikan oleh anak buah saya. Mereka hingga hari ini belum dapat menggariskan di antara realitet dan fantasi. Kelak mereka masih berkhayalan menjadi pemerintah sesuatu daerah dalam negara yang dianggap mereka sayalah bukti menjadi Ketua Negaranya.'

'Waduh! Kalok hidup lagi Cervantes, sekalian kelaku-

anggota pasukan kami itu akan dijadikan bahan untuk meng-  
sahkan *Don Quixote Modern*. Lucu sungguh saya menyaksikan  
mereka berbalah sesama sendiri di atas kapal lagi, merebut tanah  
yang masih di awang-awangan. Bila dua tiga orang bercita-cita  
yang sama, mahukan tanah perkebunan karet, maka jadilah  
perbalahan sesama mereka. Kemudian yang mahukan tambang  
tanah, hampir-hampir terjadi pergelutan di antara empat orang  
bakal *tin miners* saya. Tapi adakah bijih timah di bumi sini?

'Apa jadi bila lumpur paya jadi permaisuri merah me-  
nyambut kedatangan saudara?'

Tiba-tiba pintu terbuka dan masuk seorang pegawai yang  
kelihatan kecemasan air mukanya. Dia mengangkat tabik dan  
terus menghampiri Ketua Kontinjen Polis lalu berbisik di tel-  
inganya, 'Maaf encik. Encik dan anggota Jawatankuasa Ger-  
akan diminta bersidang sekarang juga.'

'Ada apa?'

'Rakyat setempat hendak menunjuk perasaan, encik.'

Ketua Kontinjen Polis pun segera berbisik dengan Pegawai  
Pemerintah Briged dan juga ahli-ahli Jawatankuasa Gerakan  
yang lain termasuk Kapten Johari. Mereka keluar meninggalkan  
Suprapto dan Ketua Cawangan Khas.

Sambil berjalan keluar, Kolonel Kamaruddin menghampiri  
Kapten Johari seraya berkata, 'Tawanan kau tu, luar biasa  
orangnya.'

'Saya fikir dia berbohong bila katanya dia seorang sarjan.'

'Kau mesti siasat perkara itu. Siapakah dia sebenarnya?  
Adakah dia seorang *Intelligence*?'

'Saya dapat pastikan dia dari golongan *intelligensia*.'

'Dan kau dari golongan apa pulak? Mana awak belajar *mod-  
ern art* dan apa saya dengar tadi . . . dadaisme?'

'Sebenarnya saya ada seorang rakan lama. Penetbit filem.  
Ada ikut bersama-sama tadi meronda. Kami selalu berpolimik  
tentang banyak perkara termasuk kebudayaan. Kita dari tenten-  
ta selalu dianggap sebagai kuasa penuisnah. Tetapi saya mau

kontrakkan tanggapan yang demikian. Saya mau menunjukkan kita tentera juga bertenaga membina dan mencipta.'

'Syabas, Kapten.'

Mereka telah tiba di ruangan bilik mesyuarat. Denduk Pegawai-pejawai Angkatan Bersenjata, Pegawai Daerah pun membuka persidangan.

'Tuan-tuan, kami dari pihak awam telah ditemui oleh rombongan kaum Cina tempatan yang meminta izin hendak menunjuk perasaan.'

'Apa jenis perasaan yang hendak ditunjukkannya?' Ketua Kontinjen Polis ingin tahu.

'Sudah merebak berita bahawa di antara tawanan yang dapat kita berkas ialah seorang anak tauke nanas di Tompian ini. Perkara ini didapati sungguh memalukan dan merbahaya.'

'Takutkan nila setitik rosak susu sebelanga, maka kenapa kaum Cina tempatan memohon supaya dibenarkan mengadakan perarakan melafazkan taat setia yang tak berbelah bagi kebaikan raja dan negara.'

'Menunjuk perasaan taat setia? Bagaimana pihak polis?'

'Pada dasarnya kami tiada apa-apa halangan. Hanya kiasan kekurangan anggota untuk menjaga keselamatan. Maklumlah, hampir semua anggota kami bergilir-gilir pergi meronda dalam hutan. Saya cadangkan supaya diadakan satu rapat perhimpuan di padang sebagai ganti satu perarakan keliling bandar. Kita tak mahukan terjadi sekali lagi apa yang berlaku dalam perarakan Maulud Nabi di Singapura dulu.'

Jawatankuasa pun menghalusi perincian-perincian keselamatan yang bakal diambil dalam rapat umum itu. Tamat sahaja bersidang, Kolonel Kamaruddin pun mendapatkan Kapten Johari untuk menyambung semula penyiasatan awal Suprapto itu.

'Johari, karni rasa ada baiknya kalau awak dan Pegawai Cawangan Khas saja menyolo siasat dengan Suprapto. Suasana pun lebih mesra dan mungkin lidah pun lebih longgar.'

'Pegawai-pejawai kawan yang lain?'

'Jangan khatirkan kami. Kami ada di luar.'

Setelah keputusan Jawatankuasa Gerakan membenarkan rapat taat setia itu sampai kepada orang ramai di luar pagar balai polis, sekali lagi kedengaran lagu *Berjaya* diselang-selikan sorak-sorai *Hidup Malaysia* dan *Berjaya Malaysia*.

Sementara itu, Kapten Johari dapat Suprapto masih berhat-hat dengan Pegawai Cawangan Khas apabila dia memasuki bilik khas itu.

'Apa itu kedengaran orang menyanyi-nyanyi di luar itu?'

'Mereka melafazkan rasa gembira dengan lagu *Berjaya*.'

'Bersemangat sungguh lagu itu. Siapa penciptanya?'

'Mungkin saudara heran kok tahu siapa dia.'

'Apakah itu satu rahsia?'

'Sudah jadi rahsia umum bahawa penciptanya seorang tokoh muzik Indonesia—Saiful Bahri. Kenalkah?'

'Ooooo... siapa yang tak kenal pemimpin Orkes Studio Djakarta dan penggubah lagu *Indonesia Raya*. Bapak tahu, bila Presiden Sukarno memerintah penggubah-penggubah Indonesia menyusun lagu kabangsaan. Pak Saifullah satu-satunya daripada pihak partikuler yang mengirimkan arrangement yang berjaya—mengalahi beberapa penggubah dari tentera. Mungkin dari situ, bintangnya naik.'

'Tabukah mengapa Pak Saiful ke mari?'

'Beliau ke mari sebelum konfrontasi, bukan? Tapi saya ada dengar dari beberapa punca, dia berbalahan dengan Presiden Sukarno sendiri tentang banyak perkara. Terutama tentang bendak menjawakan kebudayaan Indonesia.'

'Saudara Suprapto, dari seorang perajurit kepada seorang perajurit, dapatkah saudara berterus terang kepada saya?'

'Jiwa saya di tangan saudara. Apa juga yang disuruh bisa saya lakukan.'

'Siapa sebenarnya saudara?'

Suprapto menundukkan muka serta menyentali-nyentalkan daki di kakinya. Lama difikirkan soalan itu. Terasa dirinya terperangkap. Sejurus kemudian mendongak dia melemparkan

mata ke arah Kapten Johari, 'Bapak tak percaya saya sarsan dalam TNI?'

Kapten Johari menggeleng-gelengkan kepala, 'Terlalu tinggi ilmu pengetahuannya untuk seseorang sarsan.'

'Bijak . . . bijak. Bapak sungguh bijak. Bapak juga saya kira bukan seorang tentera dengan pengetahuan bapak mengenai *arts* dan sebaganya.'

'Tapi, nah. Dari awal lagi kita bertemu, saudara sudah tahu saya memang seorang perajurit.'

'Perwira. Bukan sekadar perajurit biasa, pak.'

'Dan saudara daripada golongan cendekiawan.'

'Benar, pak. Saya bukan ahli tentera pada dasarnya. Bila dikenangkan kembali, saya juga dari golongan petualang. Pengalaman dua hari tiga malam di paya rawa tidak sama seperti pengetahuan yang saya dapat dalam empat puluh tiga tahun hidup. *The spirit of adventure.* Itulah yang meruntun saya lemar, pak. Sesama itu, kelak mengejar ilmu dan mengumpul pengalaman juga jadi pendorongnya.'

'Saya kelepasan Universitas Paku Alam mendapat gelaran Sarjana Sastera. Ibu bapa saya kaum tani. Tak punya wang untuk melanjutkan persekolahan saya lagi. Saya punya cita-cita mahu dapat gelaran doktor kesusastraan atau falsafat. Saya perhatikan di tanah air sana itu, golongan militer jadi golongan terpilih di antara golongan-golongan karyawan yang lain. Jadi saya masuki tentera agar dapat saya melanjutkan cita-cita sambil membantu orang tua saya.'

'Pangkat apa sebenarnya dalam tentera?'

Suprapto tersenyum, 'Mayur, pak. Pernah memimpin batalion penggempur.'

Kapten Johari tersentak.

Suprapto menggoyang-goyangkan tangannya, 'Usah gusat pak. Bagi diri saya, tak keberatan disoal oleh seorang kapten. Apalah pangkat kalau benaknya dangkal. Bukan tujuan memuji-muji. Saya rasa senang sekali berhadapan dengan kapten. Mungkin sama jiwa, atau mungkin secocok kita.'

'Kenapa tidak diberitahu dari mula lagi pangkat Mejar?'

'Ada beberapa sebab. Tapi sebab-sebab itu sudah tiada bermakna lagi sesudah saya faham kita saudara kandungan bukannya berperang dalam erti kata yang sebenarnya.'

'Saya fikir hingga ketika ini, apa yang diterangkan kepada kami tidak benar. Semuanya satu fabrikasi, bukan begitu?' tekan Kapten Johari.

'Oh! Tidak, tidak! Demi Allah. Hanya pangkat saya saja yang saya lindungi. Bapak mungkin faham taktik perang. Bagaimana semangat anak-anak buah, kalau diketahui bapaknya sudah dicaplok orang?'

'Sebenarnya saya mendahului batalion penggempur saya.'

'Bermakna ada lagi yang menyusul sesudah membuat pendaratan di sini?'

'Benar begitu. Pada mulanya, saya kira sudah benar berita-berita yang mengatakan pasukan-pasukan yang mendahului kami itu sudah ada *establish* satu *bridgehead* di sini. Makanya, saya pun meminta dikirimkan ke sini sekalipun dilarang keras oleh Panglima Kodam Setiajaya. Sesampe di sini barulah saya mengerti mengapa dilarangnya dulu.'

'Apa yang dimengertikan sesampai di sini?'

'Pertama saya dapati di sini sebenarnya tiada pemberontakan seperti mana yang sering digembar-gemburkan di sana.'

'Bagaimana dapat tahu tiada pemberontakan di sini padahal selama ini hanya berada di tengah-tengah paya rawa itu tanpa apa-apa kontak pun dengan dunia luar?'

'Kisahnya demikian, pak. Tapi saya mintak bapa beri jaminan tidak diapa-apai dengan orang yang menjadi kontak kami yang ulung. Janji, pak.'

'Baiklah. Tapi cakap benar, ya.'

'Sekalipun tempat kami mendarat itu jauh dari kampung, namun kami dapati di tempat-tempat yang ada penduduknya, kami tak bisa melakukan infiltrasi begitu mudah. Pada malam kedua kami di Malaya, kami dihinggapi penyakit kelaparan. Catuan kami habis hanyut dalam air tatkala yang membawa-

nya jatuh sewaktu menyeberangi anak sungai dalam gelap.

'Saya pun gigih mahu cari sesuatu makanan untuk anak buah saya itu. Saya sendiri menembusi benteng pertahanan. Ada saya ketemui sepasukan patroli lengkap bersenjata. Saya kira askar dan kemudiannya, sepasukan lain pula tanpa senjata. Saya kira Pasukan Keselamatan Desa tapi gelap pekat malam hari dapat melindungi saya serta seorang lagi. Hingga sampai di tepian desa. Saya pun mampir rumah yang paling dekat se kali. Besar rumahnya.'

'Sapa nama tuan rumahnya?'

'Jangan menangkapnya ya, pak.'

'Saya sudah berjanji tadi.'

'Wak Karman, katanya. Saya pun kurang pasti benarkah betul nama yang diberikan itu. Tapi dia pun keturunan Jawa seperti saya.'

'Apa buat di rumahnya itu?'

'Tak ada apa-apa, pak. Saya tidak mintak maklumat daripadanya. Dia pun tak ada bocorkan apa-apa. Kami hanya perlukan makanan.'

'Ada diberinya makanan?'

'Ada, pak. Tapi mungkin atas dorongan perikemanusiaan. Bukan lebih dari itu.'

'Apa makanan yang diberinya?'

'Kami mau membeli beras daripadanya. Tapi beras di kilengnya sudah kehabisan. Yang ada nasi baru masak agaknya di periuk. Jadi, dibungkuskannya dan diberinya tanpa menerima wang daripada kami. Dia enggan menentimanya sekali-pun bertalu-talu juga kami menghulurkan wang kertas lima puluh ringgit Malaysia.'

'Tiap-tiap orang yang datang ke mari, berapa ringgit wang Malaysia dibawanya?'

'Mengikut pangkat, pak. Perajurit biasa, 50: bintara, 75 hingga seratus dan saya dibekalkan dengan 250 ringgit. Jadi kembali kita dengan kisah pertemuan saya dengan kontak yang pertama. Dia tak banyak cerita melainkan menanyakan kisah

di Kebumin tempat tumpah darahnya. Maaf saya, ya pak. Saya juga mau tahu tanggapannya terhadap pemerintah di Malaysia ini.

‘Saya sungguh kagum melihat reaksinya yang tak begitu ghairah akan kedatangan kami. Katanya di mana ada pembertonan di Malaya ini? Rakyat Malaysia sedang sibuk dengan usaha-usaha pembangunan. Tiada terlintas pun dalam benaknya mau memberontak. Itu sebenarnya kekecewaan saya yang pertama. Lantas bila saya sampe ke tempat persembunyian kami di paya itu, saya dapati Wak Karman itu bukan sembarang orangnya.’

‘Apa yang dilakukan?’

‘Bungkusnasi itu rupanya dilampirkan lagi dengan hari-an *Bentuk Tanahair* cukup dua belas halaman. Saya kira hal itu disengajakannya agar dapat kami mengetahui perkara yang sebenarnya di Malaysia. Saya pun selepas memberi nasi itu kepada anak buah saya, harian itu segera saya ambil dan kononnya saya jadikan alas tilam tanah tempat saya tidur. Terang-terang tanah, saya pun sudah menatainya seorang diri tanpa ketahuan yang lain.

‘Waduh! Tatkala membacanya, saya rasa seperti ditampar muka saya. Pelanggaran kami dan Konfrontasi ini seolah-olah main-mainan belaka. Tidak begitu serius dianggap oleh kebanyakan rakyat negara ini. Malah, paling lucu ada juga pembaca-pembaca yang merungut mengapa wayang gambar mobil tidak didatangkan ke kampungnya! Kami mati-matian mendarat di sini rupa-rupanya satu lelucon saja bagi orang Malaysia.

‘Di samping itu, di tengah-tengah perang, ada juga Pak Menteri di sini yang membuka projek-projek pembangunan. Ini sungguh tak lojik. Kelihatan satu *irony* atau perbuatan sinis kepada kami. Dan kalok dipikirkan dua kali, kami rasa kami berdosa. Mengapa mesti diperangi orang yang tak mau berperang, malah menumpukan masa dan tenaga untuk membina dan membangunkan negara?’

'Saya perhatikan ucapan-ucapan yang saya baca menandakan bahwa orang-orang sini tidak bermusuhan dengan rakyat Indonesia. Jadinya, saya ini terasa diri saya sebagai benar-benar penceroboh. Itu sungguh memalukan. Saya mula menyoal apakah ada baiknya konfrontasi ini? Malah, warisan dari keturunkan kita yang sama pernah memoleskan supaya bermuafakat selanjutnya bersepakat.'

'Adakah ini memberi keinsafan kepada saudara?' soal Johari memecahkan monolog Suprapto.

'Inilah antara beberapa faktor yang merubahkan cara berfikir saya terhadap Malaysia. Selama dua hari, saya sering mencuri-curi baca segala-galanya dalam harian tadi, hingga ke iklan-iklannya sekali. Malam harinya pula saya memasang telephone mencuri-curi mendengar kesemua stesen radio di Malaysia hingga yang berbahasa Tionghoa juga. . . .

'... Mengapa saudara kata mencuri-curi?'

'Di tengah-tengah kami ada pengawas gerak-geri sendiri anggota pasukan kami itu. Hal inilah satu-satunya yang menyayat hati kami. Mengapa diadakan apa yang dinamakan *misaris politik* disisipkan di tengah-tengah kami yang memang sudah mau mengorbankan jiwa? Mengapa mesti diadakan unsur-unsur kecurigaan dalam satu-satu perjuangan? Dan orang yang mengintip kami itu disisipkan sebaik-baik saja kami tungkapal mendarat di bumi Malaysia ini. Adakah itu dengan pengtahuuan pemerintah atau adakah dengan persetujuan ABRI.'

'Siapakah pengintip itu?' soal Kapten Johari ingin tahu.

Suprapto tersenyum-senyum mengenangkan tindak-tindaknya di paya rawa tadi.

'Ingat Suparman tadi, pak?'

'Suparman yang membuang bisa ular dan menyelamatkan salah seorang anak buah kami?'

'Ya . . . ya. Yang itu, pak. Awas dia, pak. Saya kenal dia cuma di daratan Malaysia saja. Tahu saya dia pintar mengabubatkan orang tatkala seorang anak buah kami disengat suami ikan yang berkumis panjang.'

'Oh! Saya mengerti. Mungkin dengan mengubat-ubatkan itu dia akan dapat *confidence* atau keyakinan daripada anggota pasukan dan dengan cara itu dapat. . . .'

'... menusuk jarum halusnya untuk mengindoktrinerkan atau mencungkil rahsia,' pintas Mejat Suprapto menyambung lidah Kapten Johari.

Johari mengangguk-anggukkan kepalanya.

'Awas, pak. Kita serumpun Melayu dari dulu lagi patah bukan karena termakan racun, tapi termakan budi. Mungkin Suparman ini mengambil kesempatan nanti.'

'Baik. Terima kasih, Pak Mayur. Saya kurang mengerti mengapa. . . mengapa Pak Mayur begitu murah harti sekali sama kami?'

'Mungkin kalok didengar oleh pihak Jakarta, mereka menganggap saya sudah diindoktrinerkan oleh pihak Malaysia. Tapi kalok mereka ada bersama-sama kami dalam perahu ber-motor pergi menceroboh tanah orang, mata mereka akan terbuka. Pak, negara kita berdua sedang menghadapi bahaya besar di masa depan.'

'Bahaya? Apa bahaya yang lebih besar dari konfrontasi yang kami hadapi ini?' soal Kapten Johari, gusar.

'Nah! Saya terangkan apa yang sebenarnya berlaku sewaktu kami mendarat di sini. Dan atas bapaklah sendiri membuat kesimpulannya. Dari pangkalan kami diberitahu pemberontakan sedang meluap di sini. Orang Melayu perlukan bantuan. Rame tentera Inggeris sedang mengepung anak-anak negeri di sini. Di antara kami ada tiga orang yang boleh dikatakan asing bagi kami. Suparman, komisaris polik itu. Tekong perahu kami dan pemandu di darat. Kedua-duanya dari Malaysia.'

'Lantas di sini kami dapat tahu sebenarnya tiada pemberontakan. Wak Kartman hidup makmur dengan ladang kelapanya. Tak mau sedikit pun dengar kata kami. Dengan hormat diemuhkan kami. Di sini segala-galanya menuju ke arah pembangunan dan kami mendarat membawa keruntuhan pulak. Setelah itu bapak pula tiba. Mula-mulanya kami sangkakan

Inggeris. Kemudian susuk badan yang serupa merigesahkan kami saudara scrumpun yang kami hadapi. Senjata tinggi empat sahaja yang bisa dipake.

'Kami memutuskan supaya menyerah. Tapi orang-orang asing itu enggan menurut kami. Belum sempat apa-apa, si bajingan itu niemulakan tembakan. Saya sungguh diukat pak, peristiwa itu. Mujur juga tiada kematian tertanggung oleh pihak bapak. Kecuali si bajingan itu yang menebus dosanya.'

'Begitulah pak sebenarnya, yang lain bapak sendiri tahu apa yang menyusul. Saya, diri saya sendiri, sungguh insaf. Bapak sendirilah mengambil kesimpulan daripada peristiwa yang dikisahkan tadi. Tapi bagi saya, saya sungguh insaf akan nas depan rumpun Melayu kita seluruhnya.'

'Orang-orang yang dipanggil *asing* itu adakah terlatih di Indonesia?'

'Ini bukan kepastian, pak. Tapi kami dengar mereka datang pada kumpulan yang terpilih. Saya kurang pasti yang mana satu pernah dilatih untuk Trikora, istimewa untuk Irian Barat. Setelah Irian Barat, dia masuk Barisan Dwikora.'

'Banyakkah orang Malaysia yang termasuk dalam barisan itu? Dan di mana tempat latihannya?'

'Bilangannya masih dirahsiakan. Tempat-tempat latihannya di pulau-pulau keliling Singapura.'

'Siapa yang membayai latihan itu?'

'Segala-galanya atas nama pemerintah. Tetapi yang saya tahu, yang mendesak semuanya ini sebagaimana juga mendorong dan mendalangi konfrontasi ialah pihak Kom dalam NASAKOM.'

'Bagaimana pihak tentera?'

'Kami punya rukun kami. Sumpah Perwira dan Sapta Marga. Mengikut segala perintah. Tapi, sesudah mendarat di sini dan menghadapi segala-gala peristiwa yang tak terduga dulu, barulah saya mengerti mengapa bapak-bapak ketua saya kurang senang bila saya menggesa supaya dibenarkan datang ke mari.'

'Ya Pak Nas dan Pak Ahmad Yani anti-Kom. Dari jauh sini saya baru nampak bagaimana pihak Kom mengadu-dom-bakan kedua-dua perwira kami itu. Saya masih ingat sebelum datang ke mari mendengar cerita bagaimana Barisan Rakyat pengaruh Kom, membunuh seorang perwira ABRI yang hendak menyelesaikan masalah pembahagian tanah di Sumatera. Sebelum itu tuntutan mereka untuk dipersenjatai Barisan Rakyat ditentang hebat oleh pihak kami. Itu ada kaitannya dengan kononnya konfrontasi mengganyang Malaysia. Ya, kiranya didalam lagi fikiran siapa sebenarnya memulakan konfrontasi, saya akan kata mereka. Untuk apa? Ini yang membimbangkan saya. Saya tidak heran kalok berlakunya lagi Madiun Kedua di tanah air saya sama.'

'Mengapa Pak Mayur berkata demikian?'

'Saya masih ingat lagi sebelum ditarik masuk Pasukan Dwikora. Dalam pasukan lama saya dulu sudah pun ada secara tidak disedari, infiltrasi dari pihak Kom. Mungkin banyak juga anak buah saya yang sudah terpengaruh. Ini pak, baru cuman satu pasukan saja yang saya ketahui. Bagaimana pulak pasukan-pasukan yang lain. Mungkin sudah menular pengaruhnya.'

'Bagaimana Pasukan Siliwangi?'

'A . . . itu satu-satunya pasukan yang tak dapat diinfiltar oleh sesiapa pun. Dalam sejarah Indonesia, ia kelihatan menjadi pembela dan pengoreksi negara. Jadinya, yang paling saya takut sekarang ini, kita bangsa yang serumpun akan jadi mainan untuk papan catur kuasa asing. Saya kira Inggeris di sini makin kuat kekuatannya sebelum konfrontasi dulu. Ya, begitu, pak?'

'Konfrontasilah yang membenarkan mereka menambahkan kekuatannya di bahagian alam sini.'

'Begitu juga Jakarta dirangkum ke dalam *Axis Hanoi-Peking-Pjong Yang-Jakarta. Quo vadis* alam Melayu?'

'Siapa punya pasal?'

'Itulah, pak. Pada pendapat saya, pemimpin-pemimpin kita jangan lebih usianya dari 60. Tuhan hidupkan nabi kita

hingga ke peringkat itu untuk kita mengambil tanisil, bukan Lewat, nyanyuk. Bagaimana bisa wajar lagi fikirannya? Tapi itu pulak, kalok pemimpin terlalu muda, nafsu seksnya tak terbatas. Dan jika kita berkepalakan pemimpin yang suka berzina, alamat karam negara oleh qadik Allah.'

'Kalau berzina itu, tidak kira pemimpin tua muda.'

'Itulah. Sudahlah jadi kakek nyanyuk, suka perempuan pulak. Saya khawatir ke mana kita akan diseretnya?'

'Jadi, di mana Pak Mayur berdiri sekarang?'

'Demi keselamatan Nusantara Melayu, saya tak bisa berdiri di atas pagar. Tapi apakan daya saya sudah jadi tawanan bapak. Pernah saya baca bagaimana satu-satu orang itu dicapkan pembelot kepada negara asalnya. Tapi hari ini negara sudah diatai oleh ideologi. Orang taat dan belot bukan kepada tanah airnya lagi tetapi kepada fahaman dan ideologi.' jelas Suprapto tens menggaru kepalanya kebingungan.

'Baik Pak Mayur. Buat sementara waktu ini janganlah puas-pusingkan kepala mengenai perkara itu. Istirahatlah dulu.'

'Terima kasih, terima kasih, pak. Sekurang-kurangnya setengah semangat saya terpulih oleh layanan bapak yang tak terduga ini. Insya-Allah, bila datang kewarasan kelak, carik-carik bulu ayam, lama-lama bercantum juga. Bersama-sama lah kita berdoa.'

'Baik. Sama-sama lah.'

Kapten Johari pun bangun berdiri lalu keluar dari bilik dan serta-intra tempatnya diambil oleh Pegawai Cawangan Khas. Kapten Johari terus mendapatkan Kolonel Kamaruddin di bilik anjung.

'Maaf Kolonel. Tak dapat saya ikuti jalan yang pendek dan lurus. Terpaksa juga mengambil lorong yang berbelit-belit dan berliku-liku. Masa saja yang menjadi mahal.' Kapten Johari menggambarkan panjangnya masa penyiasatannya tadi.

'Johari, bila kau belajar bahasa Indonesia?' soal Kolonel Kamaruddin hairan mendengarkan fasihnya Kapten Johari bertelor keindonesian.

'Kalau dulu kita menjauhkan diri dari Indonesia, saya rasa konfrontasi inilah yang memaksa kita mendekati diri dengannya. Lebih-lebih lagi kita yang di *front line*. Saya sudah bersedia lebih dulu, takut kalau-kalau jadi peristiwa seperti ini yang memaksakan kita berdepan dengan mereka dan berbual dalam bahasa mereka. Sekalipun bahasa Indonesia dan bahasa Melayu serumpun, tetapi sesetengah kata-katanya dan ungkapan kata-nya dan nahunya ada berbeza. Saya tak mau diketawakan oleh mereka kerana gagap-gagap berbahasa Melayu dan salah menggunakan bahasa mereka. Dan lagipun dengan secara berbahasa mereka itu, mereka rasa lebih mesra. Kemesraan itu bakal membawa keuntungan yang lebih besar.'

'Awak sepatutnya di dalam bahagian *Intelligence*.'

'Saya yang memurut perintah, Kolonel. Bujur lalu lintang patah. Mana saja diperintah saya taat setia mengikut cogan kata Askar Melayu Diraja kita.'

'Pasukan Siliwangi Malaysia?' Berdekah-dekah Kolonel ketawa.

'Benarkah tidak seperti saya katakan tadi? Tawan-an awak tu bukan sembarangan orangnya.'

'Saya fikir perlu disiasat lagi bukan saja daripada dirinya bahkan daripada anak buahnya.'

'Bagus begitu. Jangan mudah percaya. Pindahkan dia ke tempat yang setara dengan pangkat yang dia kuinya dan beri layanan yang sesuai.'

'Baik, Kolonel.'

Kapten Johari pun mengiring Kolonel Kamaruddin dan pegawai tinggi yang lain ke helikopter yang lama telah menunggu di padang polis itu.

'Beri laporan pemburuan penceroboh yang satu lagi itu. Dan awasi tunjuk perasuan. Jangan dibiarkan jadi satu peristiwa.'

'Baik, Kolonel,' jawab Kapten Johari. Lelain pegawai tentara dan polis yang ada di tepi parit berek polis mengiring pegawai-pegawai kanan masuk ke dalam helikopter.

Berangkat saja pegawai-pegawai kanan, Kapten Johari pun menuju ke Land Rovernya yang lesu menunggu. Kapten Johari juga letih—lebih letih daripada pergi *operation*. Sambil menuju ke khemahnya dicubanya membuat rumusan dan pada penyiasatan sulungnya ke atas Suprapto. Benarkah apa yang diluahkan tadi atau hanya mencari helah supaya men- dapat hak-hak keistimewaan? Jika benar ada bahaya bersama di antara Malaysia dan Indonesia, dapatkah diambil langkah-langkah yang sewajarnya? Adakah bersungguh-sungguh pihak Angkatan Bersenjata Republik Indonesia menyertai konfron-tasi yang kelihatan dihasut oleh komunis? Jeneral Nasution terkenal sebagai pakar dalam peperangan gerila. Buku-bukunya pernah jadi bahan kajian perajurit-perajurit dari Amerika ke Burma. Tapi, gerila-gerila yang didaratkan di Malaysia tidak mengikuti ajaran-ajaran Nasution. Ini jadi tanda tanya kepada Kapten Johari.

Khemah Kapten Johari sentiasa kemas dan bersih—lengkap dengan kemudahan. Sekalipun dia dibenarkan berumah di bangunan biasa, dia enggan mengambil kesempatan itu. Dia mahu bersama-sama dengan perajurit-perajuritnya mengalami pahit getir keadaan perang. Bersama-sama berkhemah kan kanvas, bersama-sama berkatil kanvas, dan berlantaikan tanah bumi. Sikapnya ini merapatkan lagi perhubungannya dengan orang-orang di bawah perintahnya. Tanpa disuruh, anak-anak buahnya dengan sendirinya menjadikan khemah ketuanya serehat-rehat tempat untuk menginap. Daripada papan-papan kotak kosong, dijadikan lantai. Daripada derma kutipan sesama mereka dibelinya kipas angin. Tiap-tiap hari bergilir-gilir mereka menjaga kebersihan khemah ketuanya itu.

Sesampai sahaja Kapten Johari ke khemahnya, dia pun membuka radio *transistor* yang diperkuatkan tangkapan aerial-nya. Kedengaran lagu *Helo-helo Bandung*. Dibiarkan lagu itu mengalun sambil dia menyalin pakaian. Baru sahaja menanggalkan butang seluar, tiba masuk Irwan yang serba muram mukanya. Dihulurkan keris Johari kepada tuannya.

'Terima kasih segala-galanya, Jo. Ini aku pulangkan kerismu.'

'Kalau ya pun nak pulangkan keris, biarlah aku siap bersalin seluar ini.'

Cerah sikit air muka Irwan.

'Eh! Kau dengar lagu-lagu Indonesia?'

'Irwan, dalam hal seni dan kebudayaan, kita tak boloh sempit fikiran. Mereka nak perang, peranglah. Tapi muzik, suara semesta antarabangsa—mungkin juga satu suara muhibah.'

'Lagu *Helo-helo Bandung* ini lagu pembukaan dan lagu tema *Suara Indonesia Bebas*. Betulkah stesen itu?'

'Aku pun pelik dari mana sebenarnya stesen itu. Katanya dari Bandung, Indonesia Barat. Tapi takkanlah tak teresan oleh Rejim Subandrio. Kata orang dari Jurong. Tapi takkanlah propagandanya begitu kesat dan kasar. Kerajaan pun dah nafikan.'

'Ya, memang betul propagandanya terlampau kasar—memanggil Sukarno *Sontoloyo Agung* dan Subandrio *Menteri Ketoprak*. Mesti marah kebanyakan orang Indonesia. Dengan itu kehilanganlah pendengar. Dan propagandanya pun kadang-kadang melampaui batas kewarasan. Tidak meyakinkan. Dari segi alat propaganda, saya pikir kurang berjaya. Tapi yang menarik stesen ini muzik-muziknya.'

'Benar . . . benar. Kalaulah nak dengar lagu-lagu baru Indonesia, di sanalah stesennya. Titik Puspa banyak juga lagunya.'

'Tapi tak boleh lawan ciptaan-ciptaan Ismail Marzuki sewaktu perang Belanda dulu. Terasa kita jauh mendalam kesan satu-satu karyanya. Tengoklah saja lagu *Selendang Sutera Hidup!*'

'Dia orang tu cukup pandai mencipta. Sikit-sikit pun mesti ada keindahan Indonesia dan keperwiraan orang Indonesia.'

'Mengapa orang kita tak begitu menarik ciptaannya?'

'Di negara kita manalah ada akademi seni? Yang mencipta pun bukan para cendekiawan dan intelek.'

'Itulah bezanya antara penjajah Inggeris dan Belanda. Orang Inggeris pentingnya wang perdagangan. Dalam hal kebudaya-

an, dia menekankan kebudayaannya ke atas kita sambil memindas kebudayaan anak negeri. Tengoklah saja bahasa Melayu kita. Sebagai penjajah yang licin, dia amat mengerti apa peranan bahasa kepada bangsa—satu alat perpaduan, kan?

'Tapi apa yang dibuat kepada kita? Digalakkan sekolah berbagai bahasa dan dipentingkan sekolah bahasa Inggeris. Jadi, dalam negeri yang hanya secebis tanah dalam samudera yang luas ini, ada terbentuk masyarakat *English-educated*, *Malay-educated*, *Chinese-educated*, *Indian* atau *Tamil-educated*. Dan dengan itu dapat dia "pecah-pecah dan perintah" kita sekali-sekali. Di situlah letaknya kelincinan penjajahan Inggeris.'

'Tapi di Indonesia pula, Belanda menggalakkan kebudayaan anak negeri dan tidak mengganggu-gugat perkembangan bahasa Indonesia hingga termaktub dalam *Sumpah Pemuda* bahawa bahasa Melayu menjadi asas bahasa Indonesia. Dengan itu dari Sabang sampai Marauke, Nusantara yang berpuluhan lebih 3000 dan berbahasa lebih 300 dapat disatupadukan dengan daya kuasa satu bahasa sahaja.'

'Tapi di sini apa jadi pada bahasa Melayu?'

'Di sini, bahasa Melayu bahasa yang paling layu sekali. Tidak punya *economic value*. Paling dicemuh sekali, anak-anak yang *Malay-educated*. Kerana apa? Bibit penjajahan semaiian British itu masih hidup menjalar di hati sanubari Angkatan Tua kita. Mereka tak percaya bahasa Melayu boleh jadi bahasa antarabangsa, bahasa diplomasi, bahasa perniagaan dan bahasa pentadbiran malah bahasa agama seperti pada zaman nenek moyang mereka dulu. Oleh kerana mereka sudah lupa, maka Angkatan Baru sekarang ikut tidak tahu atau tak mau tahu bahawa bahasa Melayu telah berkembang dari Pulau Madagascar di Afrika hingga ke pulau-pulau Lautan Teduh; dan dari selatan Pulau Taiwan hingga ke utara benua Australia. Patutnya kau boleh membuat filem akan perkembangan bahasa Melayu itu.'

'Kau mesti tahu siapa yang memegang kuasa dalam syarikat filem aku, Jo. Awak dalam kerajaan bolehlah bermegah tentang kedaulatan bahasa kebangsaan kita. Tapi kami di luar

lebih tertarik melihat tentang perkembangan bahasa Cina. Tidak payah dimasukkan dalam Perlembagaan. Ia digunakan di dunia kewangan dalam negara kita. Mana perniagaan, mana perusahaan yang tak pakai bahasa Cina? Penuntut-penuntut kelulusan sekolah-sekolah menengah Cina dapat akuan dalam dunia kewangan di negara kita. Jadinya, nilai ekonomi bahasa Cina itu lebih memuncak daripada bahasa Melayu kita. Ada baiknya kalau orang Melayu kurang berpaut pada kerajaan atas serba-serbinya. Bentukkan sendiri perniagaan, bina sendiri perusahaan dan ciptakan pekerjaan dan mata pencarian untuk pemuda-pemuda sekolah aliran Melayu. Bila maju alam kewangan kita, dengan sendirinya bahasa Melayu itu menjadi bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan dalam negeri ini.'

'Kau sungguh pesimis dalam soal bahasa, ya Irwan. Kenapa tak boleh tunggu tahun 1967 manakala bahasa Melayu itu menjadi benar-benar bahasa rasmi yang tunggal?'

'Itulah aku cakapkan tadi, kau tak begitu terasa apa yang sedang dilakukan oleh orang-orang di luar kerajaan atas bahasa kita. Apa gunanya bahasa Melayu dikhazanahkan dalam Perlembagaan manakala pada praktiknya bahasa lain yang lebih luas dipergunakan? Pihak kerajaan dan alat pentadbirannya hanya satu bahagian saja dalam susunan sesuatu masyarakat. Dapatkah kerajaan mendorongkan bahasa Melayu dipergunakan dalam lapangan lain kalau masyarakat terus-menerus menggunakan seluas-luasnya bahasa lain?'

'Hah! Apa yang kau risaukan soal bahasa itu? Kalau nanti sudah menjadi bahasa rasmi yang tunggal, perkara-perkara yang lain mengikut sajalah!'

'Bukan perasmian bahasa itu yang aku risaukan, tetapi perpaduan bangsa yang aku bimbangkan. Selagi bahasa Melayu hanya tinggal sebagai bahasa rasmi pada surat Perlembagaan, tetapi bahasa-bahasa lain luas dipergunakan di segenap lapisan masyarakat kita, selagi itulah kita tak seja sekata. Sama seperti keadaan kita sewaktu penjajah dulu. Yang si Melayu tak faham si Cina; yang si India tak faham si Melayu. Mengapa tak

dapat dipulihkan kembali keadaan semasa Kerajaan Melayu Melaka dulu manakala kedudukannya sesungguhnya indah khabar dengan rupanya sekali?

‘Sabarlah hingga tahun 1967, Irwan. Kau dari pihak syarikat dan aku dari pihak kerajaan akan bersama-sama berbangga. Cita-cita perjuangan kita akan terlaksana.’

‘Asal saja mau kesemuanya mengikuti undang-undang alam. *Di mana bumi dipijak, di sana langit dijunjung* dan janganlah hendaknya terus-menerus seperti amalan sesetengahnya, yang sudahlah bumi dipijak, langit pun mau diinjak juga.’

‘Ha, itu alamatlah nak kena tangkup dek langit tu. He, Irwan, dengar-dengar lagu ni.’

Mata hati kedua-dua rakan karib itu pun teralih pada radio yang sedang membawakan lagu daripada paduan suara kanak-kanak yang mengharukan—merayu dan memohon.

‘Dengar seni kata itu baik-baik Irwan.’

Telinga pun dibuka lebar untuk seni kata yang berbunyi:

*Bilakah hari terang  
Saatku senang  
Dibimbang seorang  
Bilakah saat itu datang?*

Seni kata itu disusul puja dengan melodi instrumental. Paduan suara kanak-kanak itu melanjutkan lagi:

*Bilakah datangnya  
saatku bahagia  
Bilakah seorang  
memanggilku ‘sayang’?  
Oh! Bilakah, haai.  
Bilakah seorang  
mendengar kataku,  
pedulikan daku.  
Bilakah daku  
dibelai sayang?*

Berulang semula melodi instrumental. Disusul sekali lagi dengan paduan suara. Kali ini sungguh mengharukan bunyi nada suara yang mengulang seni kata:

*Bilakah hari terang  
saatku senang  
dibimbing seorang.  
Bilakah saat itu datang?*

Serta-merta seni kata dan irama instrumental terhenti begitu saja.

'Jo, awak hafal lagu kanak-kanak itu? Dah berapa kali mendengarnya?'

'Banyak kali sudah. Bolch dikatakan tiap-tiap hari lagu itu dialunkan di udara.'

'Ya jugak tu. Mesti ada membawa sesuatu mesej. Bila dianalisa rangkap yang diulang-ulangkan itu, seolah-olah ia jadi suara rakyat Indonesia yang tertekan dan tertindas, menunggu-nunggu dan mendoa-doakan *hari terang... saat senang*. Kalimat *dibimbing seorang* itu mencurigakan. Adakah mengandungi hastat mahu dibimbing oleh seorang pemimpin baru yang bakal membawa *hari terang... saat senang* itu?'

'Itulah pertanyaan yang menunggu jawapan di ruang otaku, Irwan. Tapi, siapa jua penciptanya, saya sedia angkat tangan menabiknya Di tengah-tengah kawalan rapi Lekra, badan kesbudayaan komunis Indonesia dapat juga secara halus melepaskan suara rakyat yang menderita, menerusi paduan suara kanak-kanak yang serba *innocent* itu.'

'Begitulah satu-satu bangsa kalau tertindas, akal itu tahu mengakar. Sama juga penulis-penulis kita sewaktu penjajahan British dulu. Di tengah-tengah cerpen dan sajak pena penulis meradak.'

'Itu makanya saya katakan tadi. Kita punya bahasa yang satu dulu. Usaha dan perjuangan penulis kita disanjung dan dimengerti oleh hanya sebahagian kecil masyarakat kita saja— golongan yang miskin. Masyarakat lain lebih mementingkan

kemajuan di negeri asal mereka. Malah, ada yang lari pengkhidmat di sana dan membawa balik pangkat dan darje untuk mempengaruhi sejenisnya di sini.

‘Siapa di antara mereka yang tahu akan perjuangan bangsa Melayu untuk tanah air ini sejak robohnya kota Melaka? Itu yang aku katakan tadi perlu kita sekalian sepakat sekata. Dengan itu dapat bersama-sama membanggai segala-galanya mengenai negeri kita ini. Perpaduan bangsa yang sehati dan sejawa itulah yang saya hendakkan.’

‘Irwan, Aku tahu kau menyalak kerana orang keliling kau persenda-sendakan bahasa Melayu. Sabarlah dulu. Kan negen kita perkembangannya secara evolusi bukan revolusi. Sabar Irwan. Kau dah kian bersabar. Sabarlah sikit lagi. Tahun 1967 di liku jalan. Heh. Kau tak ambil gambar orang tunjuk perasaan nanti?’

‘Sudahlah. Aku tak mau dengar kisah pengambilan gambar lagi,’ balas Irwan mula sugul semula.

‘Mengapa kau ini Irwan? Kalau kisah kebudayaan dan politik, berkuliah-kuliah kau bersyarah. Tapi perkara filem kau sendiri, kau tak perniwa pula. Mengapa?’

Irwan terus bangun dari tempat duduknya lalu menghala ke pintu khemah.

‘Terima kasih ya, Keris kau tu, Jo. Terima kasih segalahgalanya.’ Irwan pun terus menonong pergi. Datangnya seperangin mengangkutnya. Perginya seperti ribut menyambarnya.

Johari amat mengerti akan tabiat rakannya itu. Dia tidak mengambil hati. Dia tahu Irwan dikecewakan oleh jurukarmeranya. Johari pun menjulurkan kedua-dua belah kakinya lalu terus baring menikmati lagu-lagu merdu. Tidak berapa lama terkebil-kebil matanya pada bumbung khemah, kedengaran pula warta berita dari Suara Indonesia Bebas itu.

Daripada berita-berita itu kadangkala dapat Johari mengwasih pendaratan dan pencerobohan yang bakal dilakukan oleh pihak musuh. Itulah satu-satunya yang mendorongkan Johari mendengar berita-berita daripada stesen yang tidak dikenali ini-

Petang itu tiada pula apa-apa berita yang menarik perhatian. Berita tawanan penceroboh pagi tadi belum diluluskan oleh kerajaan lagi nampaknya. Johari pun terus mencapai surat khabar *Berita Tanah Air* yang terletak di atas meja lampu lalu dibacanya.

Tidak seketika pun dilepaskan mata dari halaman akhbar. Tiba-tiba dia tersentak lalu bangun duduk dan merenung lembaran depan surat khabar itu. Matanya terbeliau. Bibirnya terketap kuat. Dengan sekuat-kuat hatinya ditamparkan tua-nan yang sedang ditatapnya itu. Terkoyak sedikit kesan tamparannya itu.

*'Penceroboh Di Batu Pahat Mahu Bertemu Isteri Pegawai Tenteni Malaysia'*, demikian tajuk besar lembaran yang jadi kemarahan Kapten Johari.

*'Sahab seorang tawanan yang mendarat di Daerah Batu Pahat kebmarin telah menyatakan kepada orang-orang kampung bahawa dia mahu bertemu dengan Wong Siu Chin seorang isteri pegawai Angkatan Bersenjata Malaysia. Tawanan itu adalah bekas anggota Partai Komunis Malaya yang dapat melarikan diri ke Indonesia. . . .'* Demikian perenggan penting dalam berita yang menggugat Kapten Johari.

Nama tawanan tidak disiarkan. Wong Siu Chin itu adalah sbl Nuraini binti Abdullah, isteri Kapten Johari dari Angkatan Bersenjata Malaysia. Mungkinkah ada perempuan lain yang senama? Tapi adakah yang senama itu senasib pula menjadi isteri pegawai tentera? Atau adakah yang senama itu seperbu-hungan dengan anggota Partai Komunis Malaya? Berangkai-rangkai soalan tiba. Setelah dicongak-congakkan, Wong Siu Chin itu tidak lain daripada isterinya. Berjela-jela pula memburaus soalan yang merunsing dan menghampakan.

Gagalkah aku sekali lagi? Tersuratkah sudah di lohmahfuz bahawa aku ini dijadikan semata-mata untuk membina dan menegakkan insan di persada percintaan? Kepala Johari ter-tunduk oleh soalan-soalan nasib diri.

Sudah kian lama Johari merantau dari zaman ke zaman,

Dia lahir sejak bumi bertuah ini bernama British Malaya. Baru menyandang beg sekolah sudah pula memikul senapang se-waktu bumi ini berubah nama *Malai*. Mahu dilupai perjuangan; tetapi British kembali membawa bingkisan *Malaya Union*. Teruslah dia memikul senapang lagi sewaktu tanah ini berubah nama *Federation of Malaya*. Berjuanglah dia menentang sahaman asing manakala yang lain mengecap nikmat kemerdekaan negara yang mendapat nama baru Persekutuan Tanah Melayu. Berehatlah sejenak selepas tamat darurat. Tetapi kini terpaksa lagi dia mengangkat senjata apabila Tanah Melayu membesar menjadi Malaysia.

Membela tanah air memang sudah menjadi darah dagingnya. Tetapi bunuh-membunuh tanpa bina-membina mula membosankannya. Kalau benar apa yang tersemat di hatinya ketika itu, maka sudah dua kalilah kegalannya dalam usaha membina manusia. Kini, mulai merekah parut lama. Dia mengahwini bekas seterunya dengan harapan tersembuh luklamanya dan terpulih kembali kepercayaan dan keyakinan terhadap manusia dan keperimanusiaan.

Benarkah isterinya yang sengaja ditinggalkan jauh untuk menjaga tenteranya kini bertabiat anjing yang kembali menjilat tahinya semula? Konfrontasi telah memisahkannya dengan isterinya. Kalau dahulu, sekalipun jauh dapat diulang-ulang juga. Tetapi kini naluri sedia berkorban untuk negara dengan sendirinya mencegahnya menjumpai isterinya.

Lama termenung Johari seorang diri. Kemudian tersentak dia apabila teringat rakannya Irwan yang tinggal berhampiran dengan isterinya itu. Mungkin dapat dia memberitahu gerakgeri isterinya selama ditinggalkannya. Apakah kegiatannya selama dua tahun ini? Pecahkah sudah dia akan janjinya setelah meledaknya konfrontasi yang kini terang-terangan diakui oleh Suprapto tadinya didalangi oleh komunis? Kembalikah isterinya itu kepada fahaman komunisnya itu—untuk membenarkan penentang-penentang perkahwinannya dahulu yang berhujah sekali komunis tetap komunis?

Gagalkah segala eksperimennya membuktikan bahawa manusia itu makhluk Tuhan yang lebih mulia daripada segala makhluk dan perikemanusiaan itu timbul sesudah tiba keinsafan?

'Sarjan!' Tiba-tiba dia menjerit.

Sarjan Samad yang sedang hendak mengambil wuduk menjelang maghrib berlari-lari meluru ke khemah Johari.

'Sarjan Samad, encik.'

'Bawa ke mari Encik Irwan, lekas!'

'Baik, encik.'

Sarjan Samad meluru pergi tanpa apa-apa soalan lagi, sekalipun Kapten Johari memberi perintah dengan tidak menghadap mukanya. Malah, dari mula dia masuk ke khemah hingga keluar, hanya termampak belakang Kapten Johari yang duduk memandang dinding tarpal khemah yang menghijau lumpur itu. Kapten Johari terus merenung kain kanvas yang semakin direnung semakin merupakan kain skrin tayangan gambaran kenangan lamanya membawa dia ke alam yang dirasainya telah membawa sekurang-kurangnya dua kegagalan besar.

Beduk masjid Tompian yang berhampiran dengan khemah tentera bergema.

Dok . . . dok dok dok dok dok dok . . . dok!

GEMA beduk tanpa dentung itu berkesan hanya di alam nyata. Tetapi di telinga sanubari Johari yang terkhayal, bunyi beduk itu menggemarkan kembali bunyi kentung kampung cintanya yang pertama.

Tong . . . tong . . . tong tong tong tong tong . . . Bertambah deras lagi kentung surau Kampung Seberang Tekah itu dipala orang.

'Siapa yang meninggal tu?'

'Hah! Bukan macam itu bunyinya kentung orang meninggallah!'

'Isyarat apa tu? Memanjang pulak paluannya tak berentri-renti!'

Penduduk-penduduk di dalam kampung itu pun masing-masing berlari ke jendela rumahnya berdiri tercegak sebagai bangau kedadangan bahaya. Di dalam hati masing-masing beberapa soalan timbul. Semuanya cemas.

'Lari! Lari! Tinggalkan kampung. Oi! Lari! Lari' Nyaring nyaring suara daripada beberapa orang budak yang mula-mula nya hendak pergi ke surau sembahyang, kini berlari balik ke rumah masing-masing.

'Wah! Ini mesti alamat askar Jepun dah masuk!'

'Mana kau tahu?'

'Siang tadi aku pergi Melaka. Aku tengok banyak orang dibil beras di gudang. Semua diberi percuma. Ada juga aku tengok askar Punjab kena boni di Pokbian. Melambak perutnya!'

'Hah! Sudahlah! Mari kita pergi kemas barang-barang kita.' Kampung Seberang Tekah terletak di tengah-tengah sawah

tidak berapa jauh dari Sungai Tekah yang merintangi kampung itu dengan jalan raya dari Pantin ke Melaka. Kampung itu adalah kampung asal entah berapa puluh tahun tuanya. Memang orang-orang dahulu kala yang tali perhubungannya hanya batang-batang sungai sudah tentu memilih tempat-tempat di tepi sungai sebagai tempat menetap mereka.

Pokok-pokok kelapa dan buah-buahan ditanam tidak teratur oleh nenek moyang penduduk-penduduk kampung. Tetapi sawah padi di kampung itu telah memberi jaminan hidup kepada mereka. Mereka pun tidak banyak kisah: tidak banyak centa. Fikirannya ringkas dan dunianya hanya dari rumah ke surau atau ke sawah sahaja. Sekali-sekala mereka ke pekan Pantin. Ada seorang sahaja yang selalu pergi ke bandar Melaka iaitu Pak Baba, penghulu kampung itu. Itu pun kerana Juriah dimasukkan sekolah Inggeris. Supaya jangan sumbang mata orang tidaklah dia melepaskaninya berulang-alik bersendirian. Pendek kata di kampung itu, kecuali rumah Pak Baba belum-lah dapat tamadun moden menjamahnya. Anak-anak dara tidak berkehendakkan bedak dan alat-alat *Max Factor* untuk menawan teruna kerana teruna-teruna kampung itu sudah turun-temurun memegang falsafah orang tuanya:

Apa guna berkain batik  
Kalau tidak dengan sujinya  
Apa guna berbini cantik  
Kalau tidak dengan budinya.

Inilah ukuran kecantikan bagi perniada-perniuda kampung yang pelurus. Anak-anak dara kampung itu pun saban hari berbedak lumpur di sawah dan pemudi-pemudanya pula berbajukan belulang tubuhnya sendiri.

Perhubungan antara Kampung Sebarang Tekah itu dengan dunia ialah melalui orang Cina yang datang ke situ membeli hasil-hasil kampung itu untuk dijual berlipat kali ganda untungnya di pekan. Hah! Apa salahnya Cina itu beruntung mereka bawa duit ke tepi tangga. Demikianlah sikap orang-

orang kampung itu terhadap perniagaan. Selain daripada orang Cina sebagai jambatan ke dunia luar, daripada Pak Haji Tuan Guru pula tahulah mereka bukan sahaja hal dunia ini tetapi dunia yang lagi satu—dunia tempat kita sekalian kekal tinggal. Bersama-sama itu dibawanya juga satu bahasa yang menaikkan bulu rompi di tengkuk—bahasa yang mesti dihafalkan sebagai burung kakak tua menghafalkan kata-kata dengan tidak diketahui maknanya. Tetapi bahasa itu sangat penting. Ya! Tuan Guru cakap mesti dihafalkan sebab katanya Tuhan tidak akan menerima apa-apa doa dan permintaan kita melainkan dengan bahasa itu. Dengan bahasa itu saja syurga boleh dicapai di dunia yang akan datang. Wah! Di kampung orang-orang lebih mengetahui apa yang ada di syurga dengan bidadari dan emas permata! Tetapi jika dapat diangkat dan diletakkan mereka di tengah-tengah kota Melaka, matilah akal mereka—sesat di tengah jalan. Oleh yang demikian tahu tak tahu maknanya dihafalkan juga kata-kata dalam bahasa itu. Tuhan sahaja hanya menimbangnya, bukan kebodohan orang-orang kampung ini tetapi kebijaksanaan Tuan Gurunya, kerana di dalam tangga guru itulah pelita. Tetapi pelita itu boleh jadi petunjuk dia boleh juga jadi pembakar.

Walaupun demikian keadaan penduduk-penduduk kampung itu, tahu juga mereka Jepun hendak masuk dia. Semenanjung Tanah Melayu sedang berperang. Tetapi mereka tidak tahu mengapa tanah airnya mesti berperang. Oh! Agaknya negeri Melaka tempat mereka tinggal adalah kepunyaan British dan Jepun hanya hendakkan tanah takluk British saja. Tetapi mengapa pula negeri-negeri Melayu yang ada sultansultannya sendiri diperangi juga? Di sini soalan terhenti, tidak berjawab. Tetapi ditanya juga dari mana datangnya bang Jepun itu. Bagaimana bentuk rupa Jepun itu? Adakah mereka beragama seperti mereka? Apa baiknya kedatangan mereka itu? Hail! Retak kepala memikirnya. Mujur juga ada orang Cina dan Tok Guru yang pernah keluar masuk kampung itu.

Daripada orang-orang Cina itu mereka dapat bahawa Jepun itu suatu bangsa atas angin negerinya. Wah istimewa juga itu! Katik gempal orangnya, Agamanya tidak diketahui apa sebenarnya tetapi menyembah matahari dengarnya. Rajanya, itulah tuhan kononnya. Tetapi perangainya. Hal inilah yang sangat digeruni. Seram, seram tengkuk dibuatnya. Orang Cina yang menceritakan itu kononnya datang ke Semenanjung Tanah Melayu kerana kampungnya di negeri Cina dibakar. Ibu dan adik perempuannya dirogol. Harta benda ayahnya dirampas. Hanya dirinya saja dapat lepas lari. Tidak diberitahu pula bagaimana dia melarikan dirinya itu melainkan diterangkan pelariannya itu sebagai lari daripada mulut harimau masuk ke mulut buaya, apabila bumi sudah dibakar hangus dan beratus-ratus ribu manusia mati tidak bertanam. Sebaik-baik tindakan yang harus dijalankan ialah meninggalkan negeri itu. Dan tibalah dia ke Semenanjung Tanah Melayu yang sedia terbuka menerima anak-anak asing dengan tiada bersekut kira lagi.

Biji mata bagaikan hendak meloncat dan mulut melopong hingga dihirung lalat orang-orang kampung itu mendengarkan keganasan dan kezaliman bangsa Jepun ke atas bangsa Cina. Orang-orang kampung itu tidak panjang kira. Ditelannya cerita-cerita tauke-tauke itu bulat-bulat.

Daripada Tok Guru, timbul pula cerita-cerita baru—cerita bagaimana dunia hendak kiamat. Tanda-tandanya itu, katanya memang sudah ada pada masa itu. Satu daripadanya bulan berpayung. Orang-orang kampung pun tengadah. Benar juga ada lingkungan putih keliling bulan. Gerun! Tidak cukup itu ditambahkan lagi bahawa *ya'juj wa ma'juj* akan turun dari negeri atas angin dan kemudian turun pula Imam Mahadi dan apabila bertemu kedua-dua pasukan itu maka berakhirlah zaman. Kiamatlah dunia.

Teringat pula cerita-cerita Cina tadi bahawa bangsa Jepun itu datangnya dari atas angin maka bertambahlah lagi keperca-yaannya bahawa Jepun itulah *ya'juj wa ma'juj* dan oleh kerana kafir majusi ini sudah mulai menyerang orang-orang Islam

maka kelak akan muncullah Imam Mahadi di tengah-tengah pejuang-pejuang Islam nanti. Kecutlah perut masing-masing. Mana hendak memikirkan bahaya perang dan keganasan Jepun, mana hendak memikirkan dunia hendak kiamat. Alangkah manusia yang bertamadun tinggi goncang juga apabila berhadapan dengan soal-soal tersebut, inikan pula orang-orang yang lurus fikirannya dan tidak dapat mendalami sesuatu.

Perasaan takut pun mencangakkkan kepalanya di hati mereka. Perasaan takut pula, makin jauh benda yang ditakuti itu makin menjadi-jadi ia.

Sesudah sahaja terdengar budak-budak kampung itu menjerit-jerit menyuruh lari, maka kampung itu pun serta-merta seolah-olah seperti dilawati oleh puting beliung. Tiap-tiap rumah bergerak—orang berlari ke sana sini memungkah membungkus. Tiap-tiap rumah berbunyi—memanggil, memerintah, menjerit dan menangis.

'Dah siap kalian semua?' soal dari sebuah rumah.

'Macam mana nak ngangkut bungkusian berat ni?' soal dari rumah lain.

'Hah! Apa jadahnya nak angkat bantal-bantal air liur tu?' soal dari rumah sebelah pula.

Riuhan rendahlah di kampung itu tetapi masing-masing hanya kedengaran suaranya sendiri. Walau bagaimanapun lucu atau membuka rahsia kata-kata itu, orang sebelah-menyeberang tidak kedengaran lagi melainkan suara diri sendiri sahaja yang paling penting di kala itu.

Di dalam riuhan rendah itu, kedengaran juga sayu-sayu sun tangis. Menangis mengenangkan kampung tua yang berpuluhan-puluhan tahun akan dibakar; meluang mengenangkan harta yang dikumpulkan beberapa tahun akan menjadi abu tersedu-sedan mengenangkan kasih di hati akan bercera. Mujur juga tok guru tidak bersama-sama mereka. Padahal sudah bertalu-talu diajarkan bahawa dunia ini hanya pinjaman sahaja. Hanya Tuhan sahaja yang kekal. Kekasih dunia ini akan menjadi debu kembali.

Di tengah-tengah riuh-rendah dan tangis-menangis itu pula kedengaran juga tempik sorak, tepuk gelak kanak-kanak. Puaslah ibu menyuruhnya berdiam jangan bersuka-sukaan, tetapi semakin dilarang semakin menjadi sorak-soraiannya. Sudah dikatakan kanak-kanak, kalaupun menangis mereka bukanlah disebabkan seperti orang dewasa menangis. Mereka hanya tahu menangis apabila dipukul sahaja. Perasaan duka belum lagi menempel di hati mereka. Di tengah-tengah air bah, di tengah-tengah huru-hara merekalah yang meriahkan dengan tempik soraknya.

Tetapi bukan air bah, bukan huru-hara bahkan takut yang mencengkam kampung itu. Dan sebagaimana kanak-kanak, apabila dalam ketakutan tidak berhenti menjerit dan melalak hingga datang ibunya memberi perlindungan, demikianlah juga orang dewasa. Tetapi hendak menjerit dan melalak mereka bukanlah pula kanak-kanak lagi. Jadi, mereka bergerak. Anggota mereka bergerak—berjalan, berlari semua untuk satu tujuan—mencari tempat perlindungan.

Hampir-hampir terbenam matahari di kaki langit, keluarga demi keluarga berjalan keluar meninggalkan Kampung Sebarang Tekah itu. Pantas-pantas mereka bergerak. Raksasa takut mengejar mereka. Ke mana ditujunya?

Di sini hilanglah semangat gotong-royong yang menjadi pusaka batin turun-temurun di kampung itu. Di dalam keadaan takut rupanya menyelamatkan diri sendiri lebih penting daripada berusaha beramai-ramai untuk keselamatan kesemuanya. Jadi, masing-masing membawa dirinya sendiri. Yang ada saudara-mara di kampung jiran, di sanalah mereka hala mencari perlindungan. Yang tiada sahabat handai, mereka pun turus juga berdedai-dedai asalkan bergerak mereka. Itu agaknya boleh meredakan perasaan takut.

Walaupun bergopoh-gapah mereka berjalan dengan bungkus besar lagi berat di atas bahu dan kepala masing-masing, tidak juga tertahan mereka menoleh ke belakang, melemparkan pandangan kelak pada kali yang terakhir akan kampung

halaman yang sudah sejiwa dengan mereka. Air mata menitik sungguhpun tangis tiada kedengaran. Kalau bercerai kasih mematahkan hati, bercerai kampung halaman menghancurkannya. Di mana lagi hendak dicari tempat hidup, tempat bermain, tempat beramal ibadat yang sudah mesra dan sebagi serta dengan aman, rukun dan damainya seperti kampung sendiri? Benar juga pepatali Melayu, hujan emas di negeri orang, hujan keris lembing di negeri kita, manakan sama negeri sendiri.

Namun, bahana takutkan rampas dan rogol, bakar dan bunuh, terpaksalah juga meninggalkan kampung. Hidup mahu bumi Allah luas. Ada hayat langkah panjang. Sudah maut habis kira.

Menitik air mata, kaki bergerak juga. Jauh, jauh hingga samar-samar kelihatan kampung. Pohon nyiur tidak lagi melambai-lambai, bumi kampung tidak lagi berwarna cerah dan semangat kampung muram duka.

Tinggallah kampung kelak dimakan sang api yang dibawa oleh manusia durjana. Tinggallah kampung kelak ditelan oleh rimba raya yang dibawa oleh Dewata Kala.

---

## 5

---

'MACAM mana kau Suhaimi? Mau sama-sama undur ke Singapura?'

'Mak akulah, Johari. Dia tak bagi.'

'Ceh! Dah besar pun melekap di ketiak emak lagi!' ejek Johari.

'Maklumlah aku ni anak tunggal. Emak manalah yang nak melepaskan anaknya?' balas Suhaimi memberi alasan.

'Kalau macam ini, baik kau buang uniform kau tu. Mana dia taat setia kau?' tengking Johari, radang.

Dam! Dum!

Meriam penangkis kapal terbang meludah ke pesawat terbang Jepun. Askar-askar di kem pun berlari susup-sasap. Ada yang masuk longkang, ada yang meniarap dalam lubang. Yang berani, pergi berlari mendapatkan *Lewis Gun*.

'Mana perginya siren-siren dalam bandar Kuala Lumpur ni? Nak tunggu kapal terbang Jepun boim dulu baru hendak buniyikan siren agaknya!' sungut seorang pegawai yang tadinya sedang berehat kerana semalam-malaman berjaga.

Bum! Bum!

Tatatatatat. . . Tatatatat.

'Tengok, tengok ni, Johari,' ujar Suhaimi menunjuk tembok lubang tempat mereka berdua berlindung.

'Kenapa?' soal Johari.

'Tengoklah berapa kuatnya bom Jepun itu. Entah berapa jauh tempat yang kena bom, tanah sini boleh bergegar—runtuh sikit-sikit bahana germanya.'

Benar juga ledakan bom itu kuat. Cermin di rumah-rumah

batu Cina berdekatan dengan kem itu retak dan ada yang pecah. Bagi orang yang lemah semangat, senak-senak perut dibuatnya setiap kali bom gugur.

'Takut kau, Suhanni? Mana lebih kau takut, bom Jepun atau belot pada sumpah perajurit dan ibunda kita?' soal Johari

'Kita ni kan cuma pasukan *Volunteer*—tentera sukarela. Bukannya macam Askar Melayu sain mati. . . .'

'Jadi, maksud kau sampai sini sajalah tamatnya cita-cita kau berbaju perwira ini? Apa jasa yang kau dan aku sudah tinggalkan sebagai perwira negara? Adakah kita pakai uniform ini untuk menunjuk-nunjuk kacak lawa berlagak sebagai orang yang berani? Tetapi berani cuma di tengah padang berbaris saja? Sudah sebulan Jepun menyerang; ada pernah kita ke medan perang? Pulang balik dengan motosikal kita menghantar *de-patch* dalam bandar Kuala Lumpur ini. Dan sekarang bila tenaga kita makin dikehendaki untuk mempertahankan pulau Singapura, alih-alih kita hendak membuang pakaian perwira ini. Di mana taat? Di mana setia?'

Tatatatat! Tatatat!

Habis-habis bom, peluru pula dimuntahkan dari mulut mesingan kapal-kapal terbang *Hayabusa* Jepun yang sedang menyerang bandar Kuala Lumpur. Di manakah pergi nyata kapal-kapal terbang British? Menunggu sahaja kah mereka hingga terbang balik pesawat Jepun itu maka barulah naik konon mengejar musuh yang sudah tiada lagi? Selalunya kelebihan juga di angkasa kapal terbang British yang kompot jenis *Buffalo Fighter* dan kadang-kadang kapal terbang pengembom *Mosquito* yang rangkanya dibuat daripada kayu dan termasyhur di padang pasir serta di medan perang *Scandinavia*. Ada juga terdengar kapal terbang jenis *Spitfire* dan *Hurricane* yang amat laju serta hebat alat pembinasanya sudah tiba di Singapura. Tetapi di manakah semua ini?

Apabila kapal-kapal perang kebanggaan Inggeris *Prince of Wales* dan *Repulse* tenggelam di Lautan China dengan tidak menembak satu das pun ke atas angkatan laut Jepun yang

dihendap-hendapnya, maka tahu lah orang yang pandai tentang musuh peperangan bahawa serangan ke atas Semenanjung Tanah Melayu dan Singapura akan dipertahankan oleh pihak British tanpa bantuan kapal terbang. Di dalam perjuangan tentera moden ini bermakna sudah jatuhlah telur kemegahan British dari hujung tanduk seladang Melayu. Pengunduran yang sangat cepat tentera British merupakan bukti yang nyata.

Namun demikian, Johari tidak juga mahu memandang pada kenyataan. Delapan tahun didikan sekolah Inggeris dengan mengkaji dan menghafalkan tawarikh Inggeris dan Empayar British meyakinkannya bahawa British tidak akan kalah walau di barang mana medan perjuangan pun. Lebih-lebih lagi pula *Front ABCD* mustahil pula dapat dipecahmusnahkan oleh Jepun kerana *Front* ini sebagaimana namanya mengandungi empat bangsa—Amerika, British, Cina dan Dutch atau Belanda. Sedangkan Jepun hanya satu bangsa sahaja. Mungkinkah satu dapat menewaskan yang ramai? Demikian fikiran Johari yang belum keluar sekolah dengan rasminya.

Koperal Johari sebelum masuk dalam pasukan *Volunteer* telah menyandang pangkat Leftenan dalam Pasukan Kadet di sekolahnya.

Tidak berapa hari selepas dia mengambil peperiksaan *Senior Cambridge* dari England untuk bekalan hidup mewah dalam negerinya sendiri, peperangan Asia Raya atau *Dai Toa Senso* pun meletus dengan pengebomian Pearl Harbour di Pulau Hawaii dan pendaratan di pantai Kota Bharu pada 8 Disember 1941 oleh askar *Kamikaze* Jepun. Khabarnya mereka dari Indo-China yang semasa itu di bawah pemerintahan Vichy Perancis yang bersubhat dengan pihak Axis.

Semenanjung Tanah Melayu sebenarnya belum bersedia lagi hendak menangkis serangan-serangan Jepun itu. Bukaninya tiada tenaga manusia dan semangat perjuangan di kalangan anak-anak Melayu. Tetapi angkatan darat terutama sekali Askar Melayu sungguhpun ditubuh dalam tahun 1933 iaitu sembilan tahun sebelum peperangan Asia Raya namun hanya baru dua

batalion sahaja yang ada bagi mempertahankan negeri yang kaya raya ini. Selain daripada itu ialah pasukan *Volunteer Strata Settlements* dan *Federated Malay States*.

Entah apa sebabnya Askar Melayu tidak diperbesarkan se-kurang-kurangnya menjadi satu ketumbukan. Tetapi askar askar asing dari negara-negara Komanwel dan jajahan takluk British dibawa masuk beramai-ramai ke Semananjung Tanah Melayu.

Ada juga kedengaran desas-desus bahawa sewaktu perang ratan di Kota Bharu ada juga peluang bagi satu Kompeni Askar Melayu di sana membunuh sejumlah besar musuhnya. Tetapi peluang itu terbantut kerana peluru yang dibekalkan tidak cukup. Patutlah Radio Malaya bahagian Melayu pada masa itu menghebohkan di dalam siaran warta beritanya bahawa Askar Melayu kita berjuang dengan gagahnya hingga menggunakan penumbuk sahaja!

Orang-orang Melayu sebenarnya masih berjiwa perwira sungguhpun telah lama semangat ini malap dipukau penjajahan. Apabila terlihat negerinya diserang musuh tidak ragu-ragu lagi, malah tanpa menyoal untuk siapa mereka harus berjuang, mereka sedia menyahut panggilan kerahan tenaga. Kerajaan telah mengadakan Pasukan Penjaga Serangan Udara orang Melayu tidak sunyi melamarkan diri. Kerajaan mengadakan *Home Guard* untuk menangkis serang hendap ke dalam kampung-kampung, orang Melayu tidak menolak. Dilakukannya pula pembentukan Batalion Kedua Askar Melayu, banyak yang menangis kerana tidak dapat masuk tentera.

Johari yang masih di dalam sekolah itu pun tidak ketinggalan melaporkan dirinya apabila dipanggil berkhidmat di dalam Pasukan *Volunteer*—Pasukan Sukarela. Oleh kerana dia boleh berbahasa Inggeris dan daripada rekod-rekod kadetnya didapati dia sebagai seorang pemuda yang bertanggungjawab maka dia diterima di dalam satu pasukan khas yang dipanggil *Special Wing* di dalam pasukan *Volunteer* dengan diberi pangkat kopral.

'Ha! Tu siren *all clear* dah bunyi,' ujar Suhaimi yang selama ini mendiamkan diri.

'Macam mana kau ini? Jadi ke Singapura?'

Johari mengelap peluh di mukanya sambil keluar dari tempat perlindungan.

'Awas! Tiarap! Kapal terbang Jepun!' teriak salah seorang *Volunteer* di dalam kem itu.

Masing-masing yang ada di tengah-tengah lapangan kem itu pun rebah meniarap. Di atas udara bunyi kapal terbang mengaum-ngaumi. Pada masa itu yang di atas tanah tidak bergerak sedikit pun takut kalau-kalau dibom atau dimesingan dari udara.

'Ha ha ha! Alamiak sakitnya perut aku!'

Tiba-tiba suara gelis dan gelak mendadak di tengah kesunyian itu. Masing-masing di lapangan kem yang sedang meniarap itu pun mengangkat muka menghala ke arah suara ketawa itu. Kelihatan seorang *Volunteer* bangkit berlari mendapatkan orang yang sedang menekan-tekan perutnya terbahak-bahak ketawa itu. Kerap juga di dalam peperangan orang mudah hilang akal oleh otak yang tidak berdamai.

'Kenapa kau ni, Mohid! Kau nak kena mesingan?' soal pengejar tadi naik berang.

'Kau tak tengok? Yang terbang di langit tu semuanya kapal terbang British,' jawab Mohid.

Masing-masing pun bangun daripada tempat tiarapnya lalu pergi ke khemah.

'Macam mana kau?' soal Johari lagi.

'Tengoklah nanti,' jawab Suhaimi.

'Walau bagaimanapun kita sekalian akan bertolak ke Singapura juga,' jelas Johari.

'Kita sekalian?' soal Suhaimi tidak percaya setelah mendengar kata-kata itu.

'Ya kita sekalian. Kita Pasukan *Volunteer F.M.S.*,' tegas Johari.

'Mana kau tahu?'

'Inilah satu-satunya kecelakaan menjadi askar *Special Wing*.'

'Kenapa dari tadi kau tak mau cakap sama aku? Tahan pulak bertengkar-tengkar!'

'Perkara ini akan diketahui oleh semuanya esok dan aku bisikkan kepada kau hari ini supaya bersiap sedia. Jangan terperanjat pula.'

'Kalau sudah perintah, aku takkan ingkar.'

'Bagus, bagus! Adat Melayu tak pernah derhaka,' tegas Johari sambil meneputuk-nepuk bahu rakannya.

Malam itu hujan renyai-renyai. Kata orang, hujan mencuci darah orang mati dibunuh. Memang benar serangan udara Jepun pada siangnya itu mengakibatkan banyak korban orang yang tidak berdosa. Di hospital, doktor dan dresar, jururawat dan toti tidak dapat mengelap peluh. Kilat pula sabung-menyabung dengan petir. Kadang-kadang tersilap orang katanya bom meletup, api menjulang.

Pada malam itu juga, waktu *off duty* kedua-dua Johari dan Suhaimi balik ke rumah. Johari ke Kampung Baru, Suhaimi ke Kampung Sebatu. Masing-masing hendak bertemu dengan ibu bapa dan kaum keluarga kelak pada kali terakhir.

Dijalan-jalan raya penuh sesak dengan kereta-kereta pemeran dari Kedah, Perak, Pulau Pinang dan Pahang. Sekaliannya sarat dengan orang dan barang yang terikat di atas tuduk kereta. Ada setengah kereta sengaja dicopak-capukkan dengan lumpur. Ada juga satu dua yang berkerawang dimesinggarkan dari udara. Berselang-seli di antara kereta-kereta itu, banyak juga lori tentera. Semuanya menuju ke selatan. Polis trafik sudah tiada kelihatan lagi, harus ada bersama-sama di dalam kereta-kereta yang penuh sesak itu pulang ke kampung masing-masing. Tercepat di tengah-tengah simpang jalan Polis Tentera mengawal perjalanan arus lalu lintas seperti empang pecah itu.

Walaupun demikian banyaknya kenderaan namun kota Kuala Lumpur tinggal sunya sepi malam itu. Bandar bergelita kerana *black-out*. Ada sekali-sekala kedengaran bunyi

tembakan senapang. Pegawai A.R.P. menembak cahaya lampu yang tidak diserkup dengan kain hitam.

Di sesetengah rumah orang Melayu di Kampung Baru sudah gelap-gelita dan tingkap-tingkapnya terkatup. Harus tuan rumah dan keluarga telah berangkat pindah atau menumpang di rumah-rumah saudara-maranya di luar bandar Kuala Lumpur. Kalau di dalam bandar bising dengan bunyi kenderaan, di Kampung Baru sunyi oleh kerana tidak banyak orang Melayu yang mempunyai kereta. Jadi, bunyi motosikal Johari di dalam kampung sebagai guruh menderu di malam lengang. Ada juga orang membuka tingkap melihat siapa yang masuk kampung.

Sesampai sahaja di tangga rumah, Johari pun menghentak-hentakkan kasutnya lalu mengetuk pintu.

Tok! Tok! Tok!

Tidak dibuka.

Tok! Tok! Tok! Diketuknya lagi.

'Mak, mak! Buka pintu, mak!'

Kali ini suara menyertai bunyi. Pintu perlahan-lahan dibuka.

Johari tidak menyabar lalu ditolak kuat.

Bab! Kedengaran orang jatuh dan terpelanting sebilah parang panjang. Johari menyeluk pistolnya.

'Mak! Tolong!'

'Oh! Kau Joned!'

'Bang Johari! Mak, Bang Johari balik!'

Ibu Johari pun keluar dari bilik mendapatkan anaknya yang tunggal itu.

'Kenapa berparang-parang panjang ni, mak?' tanya Johari sambil memasukkan balik pistol ke dalam sarungnya.

'Ada Jepun khabarnya dah masuk dalam kampung kita.'

'Ceh! Takkah dah ditembus pertahanan kita di Tanjung Malim tu, Jepun masih jauh lagi, mak!' balas Johari cuba me-nenteramkan hati ibunya.

'Entahlah Johar. Entah Jepun entah orang kampung sendiri

nak merompak, tak tahulah," ucap ibu Johari sambil mengesek air sirih daripada bibirnya. "Dulu ada budak-budak kampung ini buat jaga-jaga jangan bangsa lain datang menyerang. Teta pi sekarang budak-budak kampung dah pergi."

Johari pun menarik kerusi serta membuka butang bajunya. Dia kepanasan. Sambil duduk dia memandang-mandang buntung rumah mencari jalan bagaimana hendak memecahkan berita dia hendak bertolak ke Singapura itu supaya jangan terperanjat ibunya.

"Kau tak minum, Johari? Ada siang tadi mak buatkan kuih puteri mandi."

"Elok juga tu, mak."

Johari meminta sedikit kalau ada lagi. Johari mengambil peluang ini supaya dapat dia masa sejurus untuk berfikir. Makin dia memandang muka ibunya yang sugul itu makin berat rasanya mulut hendak dibuka. Tidak berapa lama, ibunya pun datang menatang dulang berisi air teh secawan, kuih puteri mandi semangkuk dan biskut sepiring.

"Mak, Johar hairan mengapa kuih ini dipanggil puteri mandi?" soal Johari sambil menyudu kuih itu daripada mangkuknya ke sebuah piring.

Ibu Johari pun membuka kisah zaman purba mengenai penjelmaan seorang puteri yang ingin hendak melihat hari seorang putera rupawan yang kononnya tidak mahu berkahwin dengan orang di dunia.

Johari menelengangkan telinganya tetapi tidak kedengaran kata-kata ibunya itu kerana bukan itu yang hendak didengarnya. Sebelum ibunya menamatkan cerita, Johari menyampuk. "Babah mana mak?"

Itu satu soalan sebagai damak beracun disumpitkan ke hulu jantung ibunya. Begitulah minatnya si ibu tadi menceritakan kisah purba itu, serta-merta terdiam dia sejurus.

"Apa dia, Johar?" tanyanya lagi seolah-olah tidak kedengaran tepat soalan anaknya itu.

"Saya tanya, babah mana?"

Pada tengah-tengah cahaya lampu yang malap itu terlihat juga Johari akan wajah ibunya bertukar muram dan berkerut dahinya.

'Aku tak tahu lah, Johar,' jawab orang tua itu seolah-olah ada terbuku sesuatu dalam hatinya.

'Belum balik dia ke rumah?'

'Dari bulan dua belas dulu. Ini dah lapan hari bulan satu. Tak ada pernah jengah-jengah rumah ini pun,' jelas perempuan tua itu.

'Emak. Ini kita cakap anak-beranak, ya. Johar pun menyatakan ini secara ikhlas dan secara berterus terang. Adakah di antara emak dan babah ada sesuatu yang . . . yang.'

'... Tidak, tidak!' pintas ibunya segera. 'Emak tak pernah kelahi, emak tak pernah kelahi! Bukananya kau tak tahu. Yah, gaduh kecik-kecik tu dah maklumlah antara laki bini. Tetapi sepanjang dua puluh tiga tahun mak kahwin, yang mak takut tak adalah satu-satu perkelahian besar sampai terbuku hati.'

Johari mengangguk-anggukkan kepalanya. Sesungguhnya, kedua-dua ibu bapanya itu pada mata kasarnya memang ten-teram. Tetapi dia tidak dapat mendalami tabiat bapanya yang semasa setahun lalu jarang pulang ke rumah. Benar juga dia seorang saudagar dan tidak senangnya di rumah tiap-tiap hari. Tetapi apabila dia di rumah, kelihatan dia selalu resah seolah-olah seperti duduk di atas duri. Hendak dikatakan kerugian berniaga, bertambah pula wang simpanannya. Tidak berapa jam kemudian, keluarlah dari rumah dengan beg keleknya. Pendek kata dia ke rumah itu hanya menunjukkan muka sahaja.

Bagi diri Johari kelakuan bapanya itu tidaklah mendatangkan kehairanan lagi. Dia sudah lama hidup sebagai anak yatim —terbiar sahaja tidak dipedulikan entah maju tidak persekolahannya, entah cukup tidak makanan dan pakaiannya, entah ada tidak didikan agama. Tetapi jika benar dia seorang anak yatim yang kematian bapanya tidaklah begitu terencat hatinya. Malah, kini dilihat bapanya masih hidup segar sihat dengan wangnya seperti pucuk ubi —tiada keputusan walaupun selalu

dipetik. Tetapi apakah yang sedang dilakukan ke atas dirinya itu? Inilah yang menyayatkan hatinya. Johari tidak pernah mengeluarkan apa-apa kata niista terhadap bapanya itu tetapi dari gerak-gerinya dapatlah ibunya menilik apa yang terbuka di dalam hatinya terhadap ayahnya itu.

'Ada dikeluarkan duit 250 ringgit untuk kita,' jawab ibunya yang hendak mengetahui apa yang sedang difikirkan oleh anaknya itu.

Dua ratus lima puluh ringgit ketika itu memang besar nilainya.

'Apa mak buat dengan duit itu?'

'Aku dah belikan beras seguni dan makanan-makanan dalam tin.'

Ibunya terasa tidaklah disesiakan sekalipun ditinggal-tinggal kan oleh suaminya itu.

'Beras dalam guni itu baik emak masukkan kapur sikit. Jangan ulat-ulat makan pulak. Joned!' panggil Johari akan adik sepupunya yang baru empat belas tahun umurnya.

'Bang Johari panggil?' jawab Joned dari dalam bilik.

'Mari sini.'

'Kenapa bang?' tanya Joned sambil mengesat-ngesat matanya.

'Engkau tak usah pergi mana-mana. Tengok Mak Long kau, tahu?'

'Ya bang,' jawab Joned.

Ibu Johari berubah air mukanya mendengarkan perintah anaknya itu. Mungkin ada mengandungi sesuatu yang tidak gemar didengarnya. Dia menggesot dari tempat duduknya.

'Engkau . . . kau . . . kau nak pergi, Johar?' soal orang tu itu, gugup.

'Saya mahu taat pada perintah, mak,' jawab Johari, menarik dan menghembuskan nafas panjang melegakan sedikit hatinya.

'Taat pada perintah?' soal ibunya meminta penjelasan.

'Ya, mak. Uniform yang Johar pakai ni bukan untuk melarang.'

Dapatlah orang tua itu menangkap apa yang di sebalik kata-kata anaknya itu. Dia tunduk menahan air matanya. Dia tersak. Terasa dia kesal kerana tidak melarangkan anaknya masuk Pasukan *Volunteer* dahulu.

'Mak, tengok Johar ni,' sambung Johari tenang sambil memegang bahu ibunya menyuruh menolehkan muka menghadapnya.

Mahu tidak mahu, emaknya memandang juga muka anaknya itu.

'Mak, mak mesti bangga kerana dapat Joltar sebagai anak mak,' ucap Johari lagi cuba tersenyum sambil menahan hatinya sendiri. 'Inilah anak mak yang bukan pengecut dan bukan penakut, lari dari medan perjuangan dengan pakaian pahlawan di tubuh badan. Membelot anakanda tak tahu: walaupun kita mungkin kalah. Tetapi selagi belum anakanda diperintah menyerah diri, beginilah anakanda. Tetap berjuang. . . .'

'... Johar, kau bukan tak tahu babah kau tu. Tengoklah ibu kau ini.'

Johari bukannya tidak sedar akan nasib ibunya itu. Dia juga sedar bagaimana perasaan ibunya itu. Masih dalam ingatan lagi bagaimana ibunya mengasuh, mendirikan dia sembahyang dan memberi apa jua hiburan kepadanya supaya jangan terasa sangat bahawa dia anak yang terbiar. Johari masih terkenang lagi bagaimana ibunya itu berusaha seberapa daya membuat dirinya kasih akan ayahnya itu dan menghilangkan segala perasaan benci terhadapnya. Sekalian itu di dalam timbangannya Johari walaupun mulutnya kelu. Tetapi dia mengerti masalah yang sedang dihadapinya itu adalah masalah baru bagi ibu-ibu Melayu. Semenjak Tok Gajah ditindas di Pahang, persaan keperwiraan Melayu sengaja dimalapkan dengan kemewahan. Ibu-ibu pun mudah lupa bahawa Melayu ada tanah takluknya dahulu, ada zaman gemilangnya dan ada pahlawannya. Sudah

lama ibu Melayu tidak menghantar anaknya ke medan perang. Tetapi sekarang penjajah Timur telah turun hingga sampai ke perut ibunda. Sudah lewat tempohnya bagi memeluk tubuh. Air mata dialirkan sekalipun takkan berganjak peristiwa masa. Di dalam masalah ini Johari sedar dia mesti tegas. Kelemahan jika ditunjukkan kepada seseorang yang sedang berasa walang akan menghindarkan sesuatu maksud. Johari mengetapkan giginya serta menahan hati.

'Mak, ini seratus ringgit lagi untuk emak. Besok Johari nak berangkat. ....'

Belum sempat Johari habiskan kata-katanya, badannya terkam dan dipeluk ketat oleh ibunya, 'Johari!'

'Jangan menangis, mak. Johar ikut ajaran mak. Kan pemah emak kata hayat dan maut itu di tangan Tuhan? Tiap-tiap kepercayaan kita itu Tuhan mendatangkan ujian. Inilah dugas besar kita,' balas Johari cuba meredupkan gelora sedih ibunya. 'Mak, Johar akan membela mak. Johar akan cari babah.'

Senyap! Sunyi! Ibu Johari tahu segala usahanya bagi menahan anaknya itu akan menemui jalan buntu. Sunyi. Hanya bunyi sedu-sedan ibu Johari. Tidak berapa lama kemudian bunyi suara. Suara jam dinding. Pukul sembilan. Johari mesi balik ke kerm.

'Mak,' panggil Johari, bangun dari tempat duduknya. 'Johar pergi dulu mak. Insya-Allah Johar akan pulang membawa babah balik bersama.'

Johari cuma menghilangkan kekhawatiran ibunya bahawa yang dia pergi itu adalah kerana hendak berjuang. Johari pun memeluk ibunya serta mencium dahi ibunya manakala ibunya melaung seperti guruh membawa hujan.

'Joned, nah lima ringgit. Jangan pergi mana-mana. Tengok Mak Long sampai abang balik, tahu?'

'Selamat jalan, bang,' balas Joned sambil mencium tangga abang sepupunya.

Johari pun memakai baju hujannya serta turun tangga mendapatkan motosikalnya. Berdiri dia di hujung tangga melihat

bunga-bunga yang ditanamnya tiap-tiap petang selepas mengulang kaji pelajaran sekolah. Walau malam itu dia tidak terlihat bunga-bunganya, namun tahu dia bunga-bunganya sedang berkembang. Bunga sundal malam mengharumkan udara malam itu. Demikian juga bunga jasmin. Yang menghibakan hatinya ialah bunga bakawali yang ada dua kuntum. Satu malam nanti, waktu tengah malam, kuntum-kuntum itu akan kenibang dengan letupan berdebu dan seorang puteri akan menjelma terbang dari kembang yang rekah itu. Tetapi Johari tidak akan ada di situ menyaksinya dan mencium bau kembangan yang semerbak itu. Memandang bunga itu teringatlah Johari akan nendanya, tempat dia bermanja-manja yang selalu menceritakan kisah bunga bakawali itu. Tetapi kini nendanya tiada lagi, tiada lagi untuk mengucapkan: 'Pergilah sateria negara. Belalah ibunda, bangsa dan agama.' Menitis air mata se-nitik dua. Turun pula air hujan menyiram air mata itu. Johari mesti pergi sekarang, pergi sebagai pahlawan gagah tiada kenal tangis; tiada tahu kesal.

## 6

'JOHAR, Johar, bangun Johar!'

Johari memalingkan badannya ke sebelah kiri serta menarik selimut.

'Heh Johar, bangunlah!' panggil Suhaimi sambil menghogah-hogah badan Johari.

Johari menguap serta menengking. Rasanya terlalu dera jam berjalan. Dia teringat pukul satu baru dia terlelap walaupun dia pergi baring pukul 10.00 malam. Dalam tempoh ini bukan soalan hendak pergi perang tetapi masalah ayahnya mengganggu fikiran. Dilihat jam di tangannya. Baru pukul tiga setengah pagi.

'Heh Ami! Apa siang benar kejut orang ni?'

'Ini perintah,' jawab Suhaimi.

Johari pun segera bangkit. Dibasuhnya muka dan bila kembali siuman oleh udara dinihari itu, kedengaran bunyi lori-lori berkeliaran ke sana sini.

'Apa hal, Ami?'

'Aku tunggu kau ni,' jawab Suhaimi.

'Semalam kau pulang, tak ada apa-apa?'

'Apa yang nak diadakan apa-apa?' soal Suhaimi puas sambil membidaangkan dadanya.

'Yalah. Tak ada orang rumah kau meraung menahan kau?'

'Hah! Ini pahlawan negera. Tak ada tangis yang boleh mengikis perasaan kesateria dari dalam dadaku,' jawab Suhaimi menepuk-nepuk dadanya yang membusung itu.

Johari teringat pertengkaran kecil semalamnya. Dapat dia menduga hati Suhaimi. Dia tersenyum.

'Mari kita berangkat. Aku berbangga berdamping dengan orang yang tak kenal takut,' ucap Johari mengajak kawannya.

Di luar bilik khemah itu anggota-anggota *Volunteer* sibuk berlari ke sana ke mari menaikkan buntil pakaian dan barang-barang masing-masing ke dalam lori. Lori-lori pun berulang-alik—berdesas ke sana berdesas ke sini. Ada yang mengisi minyak, ada yang mengangkut perbekalan, ada yang mengangkut ubat bedil dan banyak yang menyusun diri berderet-deret, bakal ditumpangi oleh pasukan *Volunteer* itu.

Jauh sayu-sayu pada pagi hari itu kedengaran bersahut-sahutan ledakan meriam. Hari itu 9 Januari 1942. Sudah satu bulan satu hari Jepun melanggar Semenanjung Tanah Melayu. Sudah separuh Semenanjung itu ditakluk oleh tentera Jepun. Kini, di sebelah pantai barat, mereka telah menghampiri pekan Tanjung Malim di sempadan Perak dan Selangor.

Pasukan daripada Ketumbukan India yang ke-45 yang mula-mula cuba menangkis serangan-serangan Jepun di Kota Bharu dan Kedah kini berundur mengikut rancangan kata Radio Malaya dan sekarang pasukan *Volunteer Negeri-Negeri Melayu Bersekutu* bahagian Selangor ikut berundur ke selatan. Rantau mana hendak dipertahankan tidak diketahui. Kelak di tengah jalan akan dibuat rancangan. Atau terus-menerus ke kubu Singapura? Seorang pun tidak dapat menduganya tetapi di hati masing-masing demikianlah jangkaannya.

Pukul empat pagi, Masing-masing pun sudah bertempat di lorinya. Riuh-rendah waktu bangun tadi kini diselubungi dengan sunyi sepi. Masing-masing memandang muka rakannya. Tetapi dalam gelap hanya bayang-bayang sahaja yang kelihatan. Rantau manakah kelak mereka pertahankan? Solok manakah akan jadi kubunya? Di bumi manakah mereka berkubur? Inilah soalan-soalan yang membuat kening mereka mengerut di dalam gelap itu. Lori terus berjalan juga. Dia tidak tahu bertanya.

Prebet Wahid dalam sehari dua lagi akan menjadi bapa. Dia baru sahaja berkahwin—kahwin secara lama tidak bercinta-

cinta. Kini, kasih sayang mulai mekar di hatinya. Dia mulai mengerti apa dia kasih sayang itu lebih-lebih lagi apabila terkenang isterinya sedang mengandung, bakal hendak mengurangiakannya satu hadiah yang abadi. Abadi kerana anak itu akan mengekalkan bakanya di dunia ini.

Wahid adalah seorang pemuda yang tidak tahu hendak can nikmat dunia selain daripada di rumah tangga. Rumah dan keluarganyalah yang menjadi syurga, bidadari dan dayang-dayang di dunia ini. Dia pendiam orangnya tetapi ada juga orang-orang pendiam yang sudah dipesongkan ke jalan lain—diam-diam lepu jadinya.

Dahulu, apabila sempat dia pulang ke rumah, datang seorang saudaranya menasihatkan supaya menjaga isterinya itu. Isteri dan anak, benda bernyawa katanya. Anak itu baka. Apa yang sedang dibuatnya sekarang hendak memendekkan baka. Bukan satu sahaja jiwa akan melayang bahkan tiga nyawa. Tidak puas dilantakkan ke telinganya kata-kata itu didengung-dengungkan pula dengan soalan: Kerana siapa yang kau nak berjuang bermati-matian?

Apabila dia keluar dari rumah, isterinya tidak berkata apa-apa. Dia menghantar suaminya ke pintu dengan air matanya. Sekali-sekala dia menundukkan kepalamnya bukan hendak menyapu air matanya tetapi menitikkan air matanya itu ke atas perutnya yang sedang mengandungkan bakal baka Wahid itu. Mulutnya tidak juga mengeluarkan suara. Hah! Ada juga bisa yang membisingkan.

Prebet Wahid, waktu menjalankan lorinya pada pagi-pagi gelap menuju ke selatan itu membisu sepanjang masa. Bisunya pun membisingkan. Banyak suara kedengaran riuh dalam telinganya, banyak gambaran kelihatan lintas di ruang matanya. Giginya mengetap. Dia menunggu. Dia menunggu dengan sabar terpaksa. Kajang, Semenyeh, Beranang, Mantin, Seremban berlalu sahaja. Tiada juga berlaku apa-apa. Kemudian lepas sahaja pekan Tampin di tepi sebuah bendang sawah, lorinya berhenti serta-merta hampir-hampir dilanggar oleh

lori yang di belakangnya. Wahid pun tarik punat *starter*, tekan minyak. Tidak berbunyi enjin lori itu. Distatnya lagi, tiada juga hidup enjininya. Dicubanya beberapa kali lagi. Wah! Lorinya ikut membisu. Dia pun keluar membuka bonet enjin. Di-belek-beleknya alat-alat yang menjadikan enjin itu. Dirabanya sana dirabanya sim, kemudian distatnya semula.

'Apa macam, Wahid?' teriak drebar dari belakang.

'Tak tahu lah apa salahnya ni,' sahut Wahid.

Tiba pula sebuah motosikal.

'Kenapa ni?' soal Koperal Johari yang bertengggong di atas motosikalnya.

'Lori ni tak boleh stat lagi.'

Fajar telah lama menyingsing dan tirai kabus malam tersingkap di pentas alam. Cahaya inilah yang sangat ditakuti. Orang berani membunuh: tidak takut dibunuh kalau hanya dalam gelap. Apa yang dikerjakan sejak belum fajar menyingsing tadi akan patah maksudnya kalau cahaya siang dapat mengejar mereka.

Johari pun menyuruh sekalian orang di dalam lori Wahid itu turun bersalin lori sesudah menolak lori itu ke tepi jalan raya. Lori-lori yang di belakangnya disuruh segera bergerak sambil memberitahu Wahid membawa lorinya ke Sekolah Melayu Ayer Telaga sesudah dibetulkan.

Di Sekolah Melayu Ayer Telagalalah pasukan *Volunteer Negeri Melayu Bersekutu* berlindung hari itu. Sekolah itu tidak jauh dari bandar Melaka dan di tengah-tengah ladang getah pula—satu tempat pelindungan yang baik kerana lori-lori itu yang diberetkan di jalan estet itu tidak payah diselidungi dengan daun-daun kayu lagi.

Pada waktu asar hari itu, kapal terbang Jepun telah mengebom dan memesingan Pantin. Perhentian kereta api tidak kena tetapi seorang orang kampung yang sedang mengambil air sembahyang telah didapati terburai perutnya di tepi kolah masjid. Sebuah lubang sekubang kerbau besarnya terjadi di hadapan masjid itu.

Wahid belum tiba di Sekolah Melayu Ayer Telaga, tempat yang disuruh tujuinya apabila betul lorinya semula. Hingga jauh malam Hashim, rakannya menunggu kedatangannya. Tiada juga kelihatan imbasannya. Hashim menarik tangan ke hadrat Ilahi.

Kemudian kedengaran lori tiba dari jalan ladang getah. Lori itu ditahan di tempat senteri. Kelihatan dari jauh tangan senteri dan drebar lori itu bergaya kencang pantas. Tangan si senteri menunjuk-nunjuk ke arah bilik pegawai menjaga. Lepas itu digoyang-goyangnya tapak tangan yang berkembang lima jari. Drebar itu pula menunjuk-nunjukkan surat yang dipegang pada tangan kanan. Kemudian ditunjuk-tunjukkan pula dengan jari telunjuknya ke bawah ke arah bumi.

Tidak berapa lama berbunyi motosikal membawa Johari ke tempat senteri itu. Kedua-dua orang senteri dan drebar lori itu pun berhenti bermain tangan. Drebar itu mengunjuk sekeping surat kepada Johari. Johari pun menyuluh lampu piannya pada surat itu dan tidak berapa lama dikuit-kuitkan lengannya memberi isyarat suruh masuk kawasan sementara dia bercakap dengan senteri serta menunggang kembali motosikalnya.

Belum sempat sampai ke tempat pegawai menjaga, kedengaran bunyi berderum-derum lori banyak di belakang mereka. Senteri membuka palang penyekat kawasan dan lori-lori itu pun masuk. Ramai ahli pasukan *Volunteer* yang belum tular keluar dari bilik darjah sekolah tempat mereka menginap itu hendak tahu siapa gerangan tetamu-tetamu di tengah malam itu.

‘Selamat datang Kompeni C *Volunteer* Perak,’ ucap Johan menyambut kedatangan rakan seperjuangannya itu.

‘Hore!’

Bersorak tetamu itu. Luar biasa sungguh kegembiraan pasukan itu. Tetapi apabila mereka keluar dari lorinya kelihatan pakaian penuh lumpur dan seorang dua berbalutan putih kepalanya. Selepas berkumpul di hadapan ketuanya mereka

pun diarah ke sebuah bilik darjah bangunan sekolah yang masih kosong lagi.

'Bertempur kalian?' tanya Johari.

'Di Slim River,' jawab Koperal Megat Musa dari Bahagian Rahsia.

'Berapa dapat bunuh?' soal Johari berasa ghairah.

Megat Musa tersenyum lalu ketawa kecil. Johari tidak sedap hatinya.

'Mengapa ketawa?' soal Johari, turut ketawa menghilangkan perasaan dirinya ditertawakan orang.

'Tidak, koperal!' jawab Megat Musa takut tersinggung perasaan rakan barunya itu. 'Saya tengah mengenangkan macam mana kami berjuang tempoh hari.'

Johari menghembus nafasnya. Lega rasa dadanya kerana bukanlah seperti sangkaannya bahawa rakan barunya itu menertawakannya berundur sebelum berjuang seperti dirinya itu.

'Tahu Encik Johari? Kami sekalian diperintah membuat pertahanan di Slim River. . . .'

'... Pasukan Megat saja mempertahankan tempat itu?' sampaik Johari.

'Tidak, tidak. Kami bersama pasukan Punjab. Pasukan lain dah pun diundurkan dulu. Cuma kami dari Kompeni C saja diberi tugas itu.'

'Macam mana pertempurannya?' soal Johari tidak sabar hendak mendengarkan kisah perjuangan.

'Mula-mula pihak meriam kita membedil. Kami pun menunggu di lubang-lubang *trench* yang kami gali. Sehari semalam kami menunggu. Kapal terbang Jepun ada juga berkeliaran di atas langit. Tapi dek kerana pasukan Jepun ada berjuang bersama-sama dan tak tahu sejelas-jelasnya di mana mereka berada, jadi kami tak kenalah bom.'

'Tapi meriam katak daripada pasukan Jepun tak diam. Habis pokok getah gondol-gondol dibuatinya. Pasukan meriam kita pun tak berhenti membalaunya. Tapi kami yang menunggu di barisan depan ni tak ada apa yang nak ditembak. Jemu rasanya

duduk dalam lubang-lubang perkubuan itu. Rasanya daripada menunggu itu baiklah menyerang pangkalan musuh. . .

'... Dah macam itu, kenapa tak mau menyerang?' cebab Johari.

'Dengarlah ini. Lama sudah kami menunggu. Kira-kira waktunya asar dapat pula perintah berundur. Kami pun berkumpul dan pergi ke lori kami yang tersembunyi di bawah pokok getah lalu berangkatlah undur. Kemudian Erick Johari tahu! Kira-kira setengah batu kami berundur lori kami pecut sekuat-kuatnya seperti lipas kudung. Tapi pecut itu tak berapa jauh. Tat tat tat! Allah! Ada seorang rakan kami tembus perutnya. Itu jam juga dia mati tersungkur dalam lori kami. Lori itu pun terpusing-pusing dibuatnya. Kesudahannya berlanggar tebing jalan.'

'Bedilan itu terus juga tak berhenti. Kami sekalian pun melompat turun dan membalas tembak dari tebing jalan. Pula kami tembak, tidak juga berhenti bedilan itu. Lori-lori di belakang kami tadi pun berhenti juga sama-sama berlawan. Ada seorang koperal, agak berang hatinya, dia perintah menyerang. Tapi tak berhenti juga bedilan. Dua-tiga orang kami tewas. Hari sudah gelap. Kami pun hairan dari mana agaknya datang bunyi seperti mesingan itu. Tak berapa lama kami pun berhenti menembak. Musuh kami pun berhenti juga. Lama sudah, kami pun berjalan balik ke lori.'

'Tak berapa langkah, kedengaran orang melaung. "Awas!" dan meriyusul pula bunyi mesingan itu semula. "Ha tu dia! Tu dia! Atas pokok!" salah seorang menjerit. Kami pun memandang ke arah pokok itu. Benar kelihatan api menyembur dan mulut mesingan. Apalagi lima belas pucuk senapang memuntahkan pelurunya ke arah pucuk pokok kelapa kira-kira tiga puluh elai jaraknya. Kemudian senyap balik. Entah berapa orang ada di pucuk kepala itu. Bayang-bayangnya tiga orang. Tapi berapa orang kita dapat ditewas dan menghalangkan perjalanan kami sekalian? Kami terpaksa meninggalkan lori kami dan naik lori lain. . .'

Macam mana orang Jepun itu dapat menembak di belakang garisan perang?" cecah Johari kehairanan.

Megat Musa menggelengkan kepalanya.

"Tak ada peristiwa lain yang berlaku selepas itu?"

"Rupanya bukan kami saja yang kena setang. Seratus elai dari tempat kami itu ada juga bunyi tembak-menembak di tengah-tengah ladang getah. Tetapi M.P. yang berdiri di tepi jalan dengan lori-lori askar suruh kami berundur. Kami ingat hendak juga tumpang semangkuk."

Johari terbeliau matanya dan terasa iri hati kerana dirinya tiada berpeluang hendak menunjukkan keberanian di medan perang. Jauh dalam hatinya dia berdoa moga-moga diberi peluang itu. Dia minta. Dia minta-minta sangat.

Di Melaka, pasukan-pasukan *Volunteer* dari utara tidak ber-tugas apa-apa melainkan bergabung dengan pasukan *Volunteer Negeri-negeri Selat*, Cawangan Melaka. Masing-masing menunggu perintah diantar ke medan perang. Tetapi di Melaka tiada tempat yang strategik untuk dipertahankan atau melancarkan serangan balas. Apa yang dapat mereka perhatikan ialah pengeboman Kota Melaka oleh bakal penjajahnya yang batu. Kemudian pada 12 Januari mereka dapat perintah berundur lagi ke selatan.

Sekali lagi malam jadi pelindung mereka. Bersama-sama berundur ialah *Volunteer* negeri Melaka. Di Kota Melaka pada siangnya kelihatan orang mengerumun bangunan-bangunan simpanan barang di tepi sungai yang dibuka seluas-luasnya untuk penduduk Melaka. Walaupun kapal terbang Jepun tidak berhenti berkeliaran di angkasa dan membedil hingga terbungkang tujuh lapan orang askar Punjab dengan perutnya terburai kena serpih bom dan bedilan mesingan, namun orang-orang Melaka menutup mata mereka dan bertambah-tambah bilangannya mengerumuni bangunan-bangunan itu seperti semut bertemu gula melambak. Yang kuat, seguni demi seguni beras dipikul keluar dari bangunan itu. Beras percuma—beras yang memberi tenaga bergerak orang-orang Timur. Ada yang tiada

kekuatan, membawa lari beras *free* itu setelah menukarinya dengan wang. Antara wang dan beras *free*, ada juga darah mengalir.

Sesetengah yang panjang sedikit akalnya terpandang betapa untungnya kalau mereka membuat pakatan. Dan jadilah mereka bergeng-geng. Maka timbulah perasaan hendak kuasai menguasai. Apabila perasaan ini muncul undang-undang dan adab tertib pun dibelakangkan lebih-lebih lagi di dalam negeti yang sudah tiada alat negaranya. Pisau mengilat, belantar teryun, tinju membesi, darah pun mengalir. Jiwa melayang beras putih tersalit merah.

Peristiwa di gudang beras itu berjangkit ke kedai-kedai di kota. Tikam-menikam yang tiada terhalang memberi keyakinan kepada orang-orang bahawa negara sudah tiada berkerajaan lagi. Undang-undang di dalam tangan samseng-samseng. Kaca kedai-kedai pula dilontar batu. Pecah. Orang menderu masuk. Kain baju, yang dulu menjadi idam-idaman sekarang tidak terpilih lagi. Apa yang tercapai, ke rumahlah perginya—tiada berbeli. Demikian juga makanan-makanan orang putih dalam tin. Orang tiada membezakan antara *ham* dan *beef*. Apa yang di dalam tin adalah makanan orang kaya dan si miskin mahu juga merasa makanan orang kaya itu. Tetapi di kedai-kedi buku terkopak pintunya. Buku-buku menjadi papan lantai. Rakyat tidak tahu menjunjung tinggi buku-buku ilmu—semuanya berat.

Malam dan siang berkejar-kejaran. Pada 15 Januari akhirnya negara Hang Tuah ditakluk oleh penjajah baru dari Timur. Katik-katik orangnya; tegap dan bersemangat tinggi tetapi ganas. Tiada mengenal undang-undang; tiada menghargai jiwa. Telur yang diidam-idamkan; ayam di reban habis dikebas. Apabila air kelapa dicita-citakan, kelapa sebatang tumbang ditebang. Basikal tidak boleh lepas daripada pandangannya; kereta orang selagi boleh hidup enjinnya, jangan harap boleh ditegah mereka mengambilnya.

Kemudian yang cerdik pandai di antara mereka menge-

luarkan sekeping kertas tulisan Kanji. Ditukarkan azimat ini dengan duit seringgit bagi mereka yang mahu selamat. Maka kertas itu pun diperemkan dan digantung di ambang pintu menjadi tangkal mujarab menghalau syaitan-syaitan kepala hitam yang merampas telur, menyamun kereta dan merogol wanita. Tetapi tangkal itu dikeluarkan sesudah Pasukan *Kamikaze* atau Taufan Dewata menyapu bersih tempat-tempat yang dilandanya! Keganasan mereka lakukan dan daripada keganasan itu juga mereka mencari keuntungan. Tangkal penyelamat.

Selepas berlalu Pasukan Taufan Dewata mara ke selatan, tiba-tiba pula lori-lori yang kompot-kompot kepalanya berwarna coklat dengan askar bertopi kura-kura rotan. Pada malamnya merayap pula kira-kira enam puluh buah kereta kebal ke Gemas. Sebagaimana orangnya begitulah juga kereta kebalnya—kontot-kontot dan kecil-kecil berbelang coklat, hijau, metah, kuning, bertampal koyok merah di tengah-tengah badannya.

Pada pertengahan bulan Januari 1942 itu dari Melaka kedengaran bunyi letupan bergegaran yang tiada hentinya dari selatan. Selain daripada lori-lori Jepun yang pergi ke arah sana, ada juga yang datang tiba tertutup membawa hanya topi-topi besi—satu alamat yang menggirangkan hati orang-orang yang baru sahaja merasa kezaliman penjajah baru negara Hang Tuah. Jauh di dalam hati, mereka berdoa supaya dapat diundurkan kembali tentera Majusi itu.

Satu medan pertahanan telah dibina di Johor dari Gemas hingga ke Muar dengan kedatangan Pasukan Briged Australia di bawah Mejai Jeneral Gordon Bennet yang bertempat di Gemas. Muar pula dipertahankan oleh Briged India ke-45. Pasukan Australia itu memang baru terlatih di dalam cara-cara peperangan hutan dapat juga kali pertama mengundurkan tentera Jepun beberapa jauh. Malangnya Briged India di Muar itu masih dalam keadaan takjub melihat muka bumi Tanah Melayu yang penuh pohon kayu dan hutan paya yang berlainan bentuknya dengan padang pasir tempat mereka ter-

latih. Di dalam perjuangannya pertama kali ini, mereka telah menderita kehilangan pegawai-pegawaiannya yang terbunuh dalam pertempuran-pertempuran di hutan-hutan Sungai Muar. Panik telah terjadi di antara askar-askar India itu yang seperti anak ayam kehilangan induknya dan barisan mereka pun berpecah belah, disusup dari belakang. Dengan tertembusnya kawasan Muar ini maka kemenangan di Gemas itu tidaklah bererti lagi.

Berundurlah Pasukan British sekali lagi diburu oleh Pasukan *Imperial Guard* Jepun. Perunduran kali ini terus-menerus kecuali di Kehiang di mana mereka mengadakan perlawanan kecil.

Pada 31 Januari sekalian anggota pasukan bersenjata yang berundur dari Semenanjung Tanah Melayu telah berada di Pulau Singapura dengan satu juta penduduknya yang terdiri daripada orang awam termasuklah yang lari berlindung dari tanah daratan. Pada hari itu Jalan Tambak yang menghubungkan Pulau Singapura itu dengan Semenanjung Tanah Melayu diletupkan pecah di beberapa tempat.

Di dalam satu Perintah Harian yang disiarkan pada 1 Februari, Jeneral Percival, Panglima Agung bala tentera British di Singapura berbunyi:

Perjuangan di Malaya kini telah tamat dan perjuangan di Singapura kini dimulai.

Adalah tugas kita sekarang menimpa seberapa banyak kerugian ke atas musuh kita supaya dapat kita masa untuk membolehkan Pasukan-pasukan Bersekutu memadukan kekuatan mereka bagi perjuangan di Timur Jauh.

Sebagaimana Pasukan Bersekutu di Singapura memperhebatkan perkubuan mereka demikianlah juga tentera Jepun di seberang sana Selat Teberau.

Jeneral Wavell, Panglima Agung bala tentera Pasukan Bersekutu di Barat Daya Lautan Teduli sebelum kembali ke Jawa tempat markas besarnya waktu melawat medan perang

di Singapura telah mengeluarkan satu Perintah Harian yang berbunyi: 'Adalah menjadi satu kehinaan besar jika kita menyerahkan Kota Singapura yang diagung-agungkan ini kepada pasukan musuh yang serba kekurangan itu. Janganlah hendaknya ada rasa belas, baik kepada tentera maupun penduduk awam. Dan terhadap kelemahan dalam apa juia corak. Janganlah diberi ampun.'

Jeneral Percival pula menambahkan lagi pesanan itu: 'Jangan undur lagi kecuali diperintahkan.'

Pada 8 Februari serangan ke atas Singapura pun mulai dilancarkan. Serangan awal dapat ditangkis. Tetapi apabila kapal-kapal terbang Jepun menikuskan askar-askar ke dalam lubang perlindungan, maka tiga ketumbukan tentera Jepun dapat mendarat di Singapura. Kemudian berhari-harianlah terjadi pertempuran hebat di mana pokok-pokok berjalan bersaf-saf di medan perang, senapang dan meriam membara merah muncungnya dan lautan manusia datang gelombang demi gelombang menggulungkan jenis makhluknya sendiri dan meninggalkan darah merah di atas bumi.

Semangat *Busyido* Jepun yang mengakui rajanya Tenno Heika sebagai dewata dan memberi keyakinan berlakunya penjelmaan suci selepas berjuang tidaklah dapat ditandingi oleh jiwa yang memberi harga akan nyawa dan hidup. Hanya apabila semangat itu bertentang dengan semangat 'pantang undur' dan semangat 'taat setia' daripada Pasukan Askar Melayu yang bertahan di banjaran bukit Pasir Panjang, maka terjadilah pertempuran yang sengit, perjuangan mati-matian. Di sini Jepun bertemu lawannya yang sama semangat perjuangannya. Di sini juga tercelik mata Jepun dan terbuku di hatinya benci dan dendam akan bumiputera. Ini terbukti dengan disongsangkan mayat Leftenan Adnan serta ditusuk dengan bayonet hingga berkecai-lelai daging mayat pahlawan Melayu itu.

Perjuangan di Singapura dari awalnya sudah berat sebelah. Terutama sekali apabila tertawannya Kolam Air oleh musuh yang semakin hari semakin mengecilkan kawasan Singapura

itu hingga ke bandar rayanya yang penuh sesak dengan orang awam. Biar tiada makanan tetapi tanpa air tanpa hidup. Kemudian pada 15 Februari, bersemukalah dua orang panglima, Jeneral Percival dan Jeneral Tomoyuki Yamashita, di sebuah bilik Kilang Ford di Bukit Timah. Berlakulah drama yang kini menjadi sejarah. Drama ditamatkan dengan Jeneral Percival mengeluarkan Perintah Hatian: 'Adalah mustahak sekarang mengakhiri perjuangan kita. Askar-askar kita yang berhadapan terus-menerus melawan tidak berganjak dari kawasannya tetapi keperluan-keperluan peperangan kita makin bertambah sukar. Tidak berapa hari lagi kita ketidaan makanan dan petrol dan perbekalan air kita sedang mengancam.'

Dengan itu maka tamatlah peperangan yang diarah dan 8,000 batu jauhnya di 10 Downing Street, London. Dan di seberang laut, dikhabarkan British yang kebal itu telah kalah kerana belotnya anak-anak negeri ini yang kononnya telah membantu dan membimbing tentera Jepun menembus jauh ke belakang garisan peperangan mengakibatkan terpecahnya suatu pertahanan. Yang kalah mesti mengadakan sesuatu dalih untuk menghiburkan hati sendiri dan yang bersimpati dengannya, serta menutup mulut musuhnya. Itu sudah adat dunia.

Tetapi di antara 140,000 askar British, India, Australia yang menyerah diri di Singapura terdapat hanya 3000 orang nejen daripada pasukan *Volunteer* dan saki-baki sateria negara kita daripada Askar Melayu Batalion Pertama dan Kedua. Mengapa sedikit sahaja bilangan anak negeri membela tanah airnya sendiri?

Itulah hasil Perjanjian Persidangan Paris tahun 1919 manakala kerajaan British dan Amerika mencapai kata sepakat bahawa 'Tak ada satu-satu alasan moral yang munasabah untuk melatih tentera dari anak-anak tanah jajahan.'

'Macam mana kita ni, Jo?' tanya Suhaimi.

'Macam mana lagi?' tanya Johari pula seperti orang tidak gemar disoal-soal.

'Kita ni nampaknya diasingkan daripada Pasukan British'

'yang lain,' balas Suhaimi, cuba juga meminta penjelasan kalau-kalau Johari lebih tahu-menahu taktik musuh.

'Jadi, apa yang kau nak buat?' soal Johari kembali.

'Adalah tugas kita cuba melarikan diri daripada tawanan,' ujar Suhaimi membayangkan isi hatinya.

'Nak masuk ke dalam golongan mereka yang pengecut?' simpuk Johari mematahkan fikiran rakannya itu.

'Kuraaaaa!' jerit askar Jepun menyuruh tawanan-tawanan anak negeri beratur.

Setelah beratur mengikut platum dan kompeni masing-masing di bawah pegawai masing-masing maka sekali lagi diasing-asingkan orang di dalam pasukan itu mengikut bangsa. Cina diketepikan, Serani dan India diaturkan sebelah dan Melayu dilainkan. Sementara itu lori-lori pun tiba ke tempat tawanan itu dan pasukan Cina pun dikerahkan naik berhimpit-himpit ke atas lori-lori itu yang dibawa ke tempat yang tidak diketahui orang. Demikian juga orang Serani. Tetapi bagi orang Melayu disaruhnya buang pakaian uniform mereka. Sedikit sahaja yang menurut perintah itu. Mereka pun dinaikkan lori. Semua pegawai, baik dari askar Melayu atau pasukan Volunteer enggan mengikut perintah. Askar Jepun terbelak matanya.

'Kuraaaaa! Kasi buangrah itu baju!'

Perwira Melayu tidak berganjak. Askar Jepun bertambah berang. Dikerahkannya lagi. Perwira Melayu tegak membatang. Kemudian askar Jepun itu pun pergi merepotkan perkara yang tidak terduga itu kepada ketuanya. Ketuanya memanggil pegawai tertinggi Askar Melayu seorang bernama Kapten Azlan.

'Apa pasaru tak mau buang uniformrah?' tengking Yamaguchi, Komandan khemah tawanan.

'Kami sekalian daripada Pasukan Bersekutu. Dan minta dianggapkan demikian,' jawab Kapten Azlan.

'Oh! Suka British?' tengking Yamaguchi yang berubah warna mukanya.

'Kami tak tahu belot. Kami daripada pastikan yang taat setia.'

'Tengok ni,' jelas Kapten Azlan lalu menunjukkan lambang Askar Melayu dengan cogan katanya 'Taat dan Setia.'

Muka Yamaguchi seperti udang terbakar. Teringat dia seorang adiknya dibunuh oleh askar Melayu di Pasir Panjang. Teringat dia menyaksikan dengan mata kepalanya sendiri betapa seorang askar Melayu menembak dengan *Lewis Gun* akar komponi yang diketuainya sendiri hingga hampir-hampir terhapus sekaliannya dan terus-menerus perajurit itu menembak walaupun badannya disembur peluru.

Orang tidak takut mati imlah yang sedang dihadapainya. Hatinya menggelegak panas oleh kebencian. Dia tidak minum air tetapi mukanya sudah merah dan akalnya diselubung kabus murka.

Sementara itu perwira-perwira Melayu di luar pejabat komandan itu dikepung dengan lima buah lori. Masing-masing membawa mesingan. Pengawal-pengawal khemah itu ditambahkan bilangannya. Dari tempat perwira-perwira Melayu itu berdiri, kelihatan Kapten Azlan ditendang terajang oleh Yamaguchi. Jatuh bangun, pegawai Melayu itu. Setiap kali dia berdiri kelihatan tangannya menjengkal-jengkal muka Yamaguchi dan mulutnya berkumat-kamit. Akhirnya dia orang askar Jepun menghentakkan batang senapangnya di kedua-dua belah rusuk pegawai Melayu itu.

Seorang prebet di bawah Kapten Azlan berlari keluar dan barisannya menuju ke tempat Komandan itu. Lima laras mesingan meluahkan pelurunya mematahkan langkah prebet itu sekerat jalan. Kapten Azlan yang tidak boleh berdiri lagi terulang turun tangga dibawa di hadapan perwira-perwira Melayu dan di sanalah bersama-sama dengan orang-orangnya dibiarkan berjemuun sehari-harian di bawah matahari khatulistiwa dengan tiada makan dan minum.

Pada waktu maghrib mereka pun diangkut selori demi selori ke suatu tempat yang sunyi di tepi pantai. Masing-masing mengerti apa yang akan menimpa ke atas dirinya. Tetapi oleh kepanasan terjemur sehari-harian maka otak yang kering itu

tidak dapat berfikir waras. Juga, masing-masing sudah menuntaskan nasib masing-masing. Johari terasa rusuknya dihentak dengan buntut senapang sebagai lembu pedati dikehendaki berjalan pantas. Kemudian matanya diikat dengan sapu tangan hijau belengas busuk dan terasa dirinya berkepit-kepit berdiri dengan yang lain.

Kemudian sebagai kilat satu perasaan memancar di dalam jiwynya. Serta-merta dicangkulukan jari kedua-dua belah tangan dengan orang-orang yang tidak dikenah di kedua-dua belah sampingnya. Sifat manusia yang suka akan berteman teman itu hingga matinya pun mahu berasa dirinya ada berteman. Suhaimi sudah terpisah jauh. Tetapi semuanya makhluk juga. Di dalam agama Islam semuanya bersaudara.

Masing-masing berhadapan maut dengan perasaan rela—tiada tangis, tiada kesal. Di dalam hati masing-masing Tuhan mendapat kepujian.

Sejurus kemudian, mesingan berbunyi bagai bertih di goreng.

UT! Ut! Huuuuut!

Sahut-menyahut burung jampuk di atas kayu mati yang tercegat berdiri seperti Rowana, dewata Hindu yang begantangan sepuluh. Berselang-seli dengan bunyi burung hantu itu ialah desiran gelombang memukul pantai sebelum diketip-ketipnya tanah pesisiran itu. Sesetengah mayat yang bergelimpangan di kaki laut itu sudah pun dikulum-kulum oleh gelombang yang batu merasa darah dan daging manusia.

Uwerrr! Huwerrrrr!

Bunyi burung hantu mengatasi segala bunyi di pantai itu menambahkan ngeri suasana malam di tepi laut itu yang memang gerun dengan gelap-gelita serta mayat-mayat dari jiwa yang belum mau mati kim bertindih-tindih di atas pasir putih itu.

Bulan pun setanduk kerbau. Cahayanya yang sedikit itu menggariskan hujung ombak yang memukul pantai. Pohon ketapang serta bakau di gigi laut itu hanya bayangan sahaja. Pasir putih itu kelihatan cerah sedikit.

Uwerrr! Huwerrrrr!

Burung hantu dan burung jampuk itu kembang kuncup biji matanya.

Kelihatan samar-samar dua mayat ternaik perutnya membusut tinggi, kemudian turun semula terhempas. Tidak berapa lama ternaik lagi perut kedua-dua mayat itu, kemudiannya jatuh terhempas lagi. Lagi sekali perut kedua-dua mayat itu naik. Kali ini lebih tinggi dan . . . dan muncul di tengah-tengah perut itu satu lembaga—mula-mula kepalanya kemudian batang tubuhnya membongkok.

Uwerrrr! Terbang burung-burung hantu itu dari tempat tenggeknya. Mereka juga ketakutan.

Lembaga itu cuba berdiri. Jatuh pula membongkok di atas kaki tangannya. Dia merangkak. Jerih nampaknya dia menyeret badannya. Sekejap jatuh, sekejap bangun menyeretkan lagi badannya. Selutut demi selutut dia merangkak. Kemudian se-siku demik sesiku.

Embun betina sudah pun menitik. Alam terus beredar. Bahagian alam sini sedang menghampiri Sang Suria di dalam peredarannya.

Lembaga itu terus merangkak di tengah pasir itu hingga tercapai olehnya sebatang kayu bulat. Berpautlah dia sekutu-kuat hatinya akan kayu bulat itu hingga tercacak kuat ke dalam pasir. Setelah itu lembaga itu pun sebagai orang memanjat pohon dapat akhirnya berdiri dia. Lama dia berdiri sambil memeluk kayu itu kemudian jatuh balik melurut tangannya di kayu itu terus ke atas tanah. Sekali lagi dia cuba berdiri akhirnya kayu sebatang itu dapat dijadikan alat. Sebagaimana nelayan berdayung begitulah dia mendayungkan dirinya terjongket-jongket dengan tongkat kayu itu.

'Ayuh, jalan! Jalan!' Terdengar lembaga itu akan suara batinnya. Dan berjalanlah dia dibawa kakinya. Terhincut-hincut dia berjalan, terus berjalan membongkok-bongkok di dalam gelap.

Sudah tiga minggu nelayan tidak ke laut. Gelora perang di darat mencegah mereka ke laut Sekalipun mereka berani, anak isteri mereka pula menahan mereka. Tetapi dengan padamnya api perang di Pulau Singapura, seorang demi seorang nelayan menyusurkan sampannya yang lama kering terlantar di atas pasir. Desakan perut memberanikan mereka ke luar. Mereka tidak mempunyai beras simpanan dan tidak pula memiliki wang. Pinjam-meminjam wang, di antara kaum nelayan bukan mudah. Samalah juga seperti meminta darah dari ikan kering.

Pak Udin pun salah seorang nelayan yang turut ke laut.

Dia mahu ikan untuk dijadikan wang. Dengan wang itu dia akan tukarkan wang menjadi beras, kelak menjadi sayur, kelak menjadi asam garam. Itu semua tergantung pada sikit banyaknya tangkapannya hari itu. Sebagai biasa seperti burung yang hendak rezeki banyak dia pun sudah keluar rumah dinihari lagi pergi melihat kelongnya. Tergocoh-ganyah dia pergi menjelaskan masa kerama orang-orang pemborong dan pembeli selalunya naik sahaja matahari sudah tiada lagi di tepi-tepi pantai. Juga, dia mesti mendayung ke suatu tempat kira-kira lima batu dari rumahnya kerana di tempat situ sahajalah pemborong dan pembeli berkumpul dan dia mesti segera ke situ mendahului nelayan-nelayan yang lainnya.

Pagi itu tingggallah di rumah Pak Udin, isterinya Mak Gayah dan seorang dara, Peah namanya. Selepas menanakkan masakan suaminya waktu dinihari, Mak Gayah pun masuklah ke bilik hendak qadak tidur. Biasanya subuh-subuh lagi Peah bangun menjerang air dan mengemas rumah. Tetapi pagi itu, terkejut sahaja daripada tidur dia pun berlari-lari dengan satu tangan memegang perut seperti menahan nangka masak yang sedang dipotong pangkalnya. Kelak pada petangnya ayahnya telah membawa pulang rojak India yang dibeli di tepi jalan. Satu tangan lagi membuka engsel pintu di belakang rumah.

'Alamak! Tolong!' jerit Peah.

Berdebab-debab bunyi lantai di bilik tengah. Mak Gayah bergumpal dengan kain cadar yang dijadikan selimut. Setelah itu pula bajunya terbuka. Sebelum sempat dipinkan bajunya, sarungnya yang longgar oleh bergumpal dengan kain cadar tadi pun melongsor. Menghentak-hentak kakinya meradang. Makin hendak pantas makin tewas. Anak mesti ditolong; maruah mesti dijaga. Itu sopan Melayu.

'Ha! Inilah dia. Cakap orang tua tak mahu dengar!' tengking Mak Gayah melihat keadaan anak perempuannya itu. 'Dah tak puas dengan rojak dihentamnya pula dengan asam kundang!'

Anaknya yang pucat lesi itu terkelu lidahnya.

'Peah! Peah!'

Tidak dijawab oleh Peah.

'Heh! Kena cika budak ni. Heh! Peah! Peah!' panggil Mak Gayah sambil digoncang-goncang badan anaknya itu.

Tidak juga dijawab oleh anaknya.

'Rasalah kau! Suka sangat makan asam. Tak peduli orang tegur,' ujar Mak Gayah memulangkan paku buah kerasnya.

Ditengkingnya lagi dan dihogah-hogahkan badan anaknya itu. Tidak juga terjaga. Bunyi lagi lagu sungetan ibunya tetapi lagu ini seperti berpantun dengan si pekak.

Akhirnya diseret anaknya ke dalam rumah supaya dapat daun pintu ditutup. Tangan kiri memegang palang, tangan kanan menarik daun pintu mata dilempar ke luar rumah. Nun di laut masih hitam mendakwat. Kemudian dibawa mata itu ke halaman rumah. Tanah belum cerah lagi. Dijengukkan kepala ke hadapan rumah dengan tiada sebab tetapi hanya satu kelazimannya yang pernah dibuat sebelum memalang pintu. Kemudian hendak dilempar pandangan ke rusuk rumah. Baru separuh paling, tersentak dia. Terasa tulang lututnya tanggal dan perjalanan darahnya tersekat. Dia orang dewasa, walaupun perempuan tidak mudah menjerit begitu sahaja. Yakah tidak dia terpandang sesuatu? Dilihatnya sekali lagi di kaki tangga. Dia sedar dirinya sedang jaga bukan mengigau. Direnungnya lagi benda di kaki tangga itu.

Kelihatan olehnya orang sedang memeluk ketat anak tangga rumahnya. Kepalanya terbuai lentok sebagai orang tiada bermayaya lagi. Baju dan seluarnya terpalit darah; sudah hitam, sudah kering. Terselepot kakinya di atas tanah pasir.

Kesal rasa hati Mak Gayah menghainun anaknya tadi tanpa menentukan sebabnya terlebih dahulu. Dilepaskannya kayu palang dan daun pintu itu seraya turun tangga. Didudukkannya orang itu; dirasa dadanya. Ada bergerak. Mak Gayah walaupun kecil, kuat orangnya; pernah juga mengikut suaminya ke laut.

Dikejutkan orang itu. Digoncang-goncangkan badannya.

Tiada juga mahu bangun. Naik dia ke atas lalu membawa se-kole air. Disiramkan muka orang itu dengan air. Teringat pula darah di baju orang itu. Harus ada luka di badannya: ditanggalkannya. Tiada pula apa-apa cacat cedera. Dijirutnya lagi air.

'Bangun! Bangun, nak!' bisiknya kuat ke telinga orang itu.

Bergerak-gerak kepalanya. Dibuka matanya. Mak Gayah berundur diri. Mata orang itu kelihatan membular cengkung. Orang gila? Takut rasa hati Mak Gayah. Berdiri dia di atas kayu bulat yang malam tadinya dijadikan tongkat oleh orang itu. Mak Gayah berjaga-jaga. Kalau-lah naik angin orang itu, kayu itu akan memendekkan nyawanya. Tetapi Mak Gayah berhati-hati juga agar jangan orang itu menaruh perasaan takut. Perasaan takut ada dua akibatnya—tidak melarikan diri, menerkam orang pula.

'Kau berdepan dengan orang baik.' Terdengar orang itu akan suara batinnya.

Dia cuba tersenyum dan membuka mulutnya hendak ber-kata. Tetapi hanya suara lopong sahaja yang keluar—suara yang lebih halus dari bisik.

Mak Gayah mara ke hadapan hendak menangkap bisikan orang itu. Tidak sepatah pun dapat dieritikannya.

Orang itu menunduk. Mukanya hampa. Belas timbul di hati Mak Gayah. Lebih-lebih lagi teringat dia tiada beranak lelaki dan orang itu pula kulitnya belum kendur. Masih muda lagi.

'Mari nak. Bangun. Emak tolong kau naik tangga pondok buruk ni.'

Hilang takut Mak Gayah. Orang itu cuba bangun tetapi jatuh semula. Dicubanya lagi, sambil memaut anak tangga itu. Kali ini diampu oleh Mak Gayah perlahan-lahan akhirnya dapatlah dia ke atas rumah. Sesampai sahaja dia pun meniatap kesal melihat seorang anak dara terlantarkan tiada sedar diri di pelantar rumah itu.

'Itulah akibat takutkan kau.' Kedengaran suara batinnya menerangkan.

Orang itu cuba bercakap sambil matanya memandang anak

dara itu dengan perasaan belas. Tiada keluar suaranya. Hanya suara lopong. Ditunjukkan jari telunjuk ke arah dara terlantar itu kemudian dilekapkan kedua-dua belah tapak tangannya menyembah-nyembah membawa makna memohon maaf. Mak Gayah mengerti dan mengangguk-anggukkan kepalanya.

'Kau mesti awas! Kau seorang askar. Kau ada musuh!' Kedengaran orang itu akan suara batinnya lagi.

Dia pun memandang pakatannya. Dibeliakkan matanya pada perempuan itu. Kelihatan matanya menyaga merahnya. Perempuan itu berundur.

Orang itu segera membuka butang bajunya, kemudian ditarik keluar dari lengan baju itu mula-mula tangan kanan setelah itu tangan kirinya. Lepas itu dilipat-lipatkan bajunya itu dan didakapnya di bawah dada sambil memerhatikan Mak Gayah yang serba salah melihat tingkah laku orang itu.

Semua kelakuan yang dibuat itu mengurangkan tenaganya yang sudah pun tercukai sewaktu merangkak naik ke atas rumah tadi. Dia rebah meniarap—kehilangan kekuatan lagi. Nafas yang kasar keluar dari lubang hidungnya.

'Mak.'

Kedengaran suara penuh ketakutan. Mak Gayah pun segera mendapatkan Peah yang baru siuman sesudah sahaja diselimutkan tadi.

'Ada orang mati di bawah tangga kita,' ujar Peah.

'Itu dia di atas kepala kau!' tegas Mak Gayah sambil menunjuk orang yang sedang berselubung itu.

Serta-merta Peah meloncat berdiri dari tempat terlantarnya itu dan dengan sebelah tangannya menegang dadanya dia memeluk ibunya sambil berani-berani takut menoleh, 'Macam mana dia dapat naik rumah kita, mak?'

Diterangkanlah oleh emaknya apa yang telah berlaku sambil menyambung kata jangan berani-berani mendekati orang itu. Takut dia orang gila.

Pak Udin hari itu pulang terlewat sedikit. Kerjanya lebih membersihkan kelongnya daripada mengaup ikan. Di kelong-

nya banyak ikan mati dan ikan mati yang membosuk itu mesti dibuang keluar. Sambil membersihkan kelongnya itu, otaknya berjalan mencari apa sebabnya ikan-ikan itu mati. Baru hendak dapat kesimpulan, teringat dia betapa besar untungnya hari itu jika ikan itu hidup. Setelah itu terasa kesal pula dia dan fikirannya tidak terganggu lagi. Terus-menerus dia mengumpulkan ikan-ikan yang masih hidup. Dia mesti segera, mesti mengejar masa. Akhirnya dia membawa pulang lima ringgit. Besar juga pada masa itu. Hatinya girang. Rupanya beberapa hari itu ikan naik harga kerana daging belum dapat disembelih. Dia singgah di pasar dan membeli makanan yang diidam-idamkan selama ini dan selepas itu mendayunglah dia sekutu-kuat hatinya mengejar masa yang laju larinya itu. Dia hendak segera pulang berhati sementara menantikan Mak Gayah masak.

Sesampai sahaja di ambang pintu rumahnya, kedua-dua isteri dan anaknya berjengket-jengket pergi menyambutnya. Pak Udin tersenyum. Sayur dan ikan dan barang-barang yang dibelikannya itu tidaklah rugi juga, memandangkan sambutan istimewa keluarganya itu. Dia membuka mulut tetapi belum sempat suara keluar, jari Mak Gayah menceroboh menutup mulutnya.

'Syyyt! Jangan bising!' bisik Mak Gayah kuat.

'Kenapa?' soal Pak Udin sedikit garau suaranya. Lekas ditekap mulutnya dengan tangan.

'Ada orang!'

Orang yang tidak dijemput naik ke pondoknya?

'Tak boleh jadi,' kata hati Pak Udin. Dia pun meluru masuk serta menghempaskan sayur dan asam garam yang dibawanya itu di tepi dapur.

Tersentak dia melihat selubung selimutnya sendiri membalut orang itu.

'Kenapa orang ni, Yah?' soalnya tidak sabar.

'Syyyt! Orang tu sakit. Pelan-pelan sikit cakap tu,' pujuh Mak Gayah.

Pak Udin pun membuka selubung selimut itu. Dilihat

orang itu sedang memiarap dengan memakai baju singlet sahaja. Badannya kiauyup basah berpeluh.

Tersentuh angin badannya. Bergerak orang itu hendak menelentang. Tetapi tidak berdaya. Dibantu oleh Pak Udin. Barulah telentang dia. Terkebil-kebil matanya memandang Pak Udin. Terlihat Pak Udin matanya terbenam jauh ke dalam serta merah. Dia berundur sedikit apabila terbelak mata orang itu. Walaupun Pak Udin tidak kurang tegap orangnya, namun pada orang gila takut juga dia akan kesyaitanan yang masuk di tubuhnya. Biar sahaja aku berlawan dengan binatang, fikirnya.

Orang itu pun manakala terlihat orang lelaki berhadapan dengannya maka mula terasa takut. Dia sendiri mengundurkan dirinya. Keningnya bertemu dan dahinya berkedut. Air muka sebagai orang minta belas. Dia menyeretkan diri ke ceruk bilik tengah itu hingga tiada dapat berundur lagi. Apabila terasa dirinya terceruk, perasaan takut semakin menjadi. Ditutup mukanya dengan uniform yang tidak lepas daripada genggaman itu. Perbuatan itu mendatangkan belas kepada Pak Udin.

'Jangan takut nak, bapak cuma nak tahu macam mana anak jadi begini.'

Walaupun garau suara orang tua itu namun ada terselit rasa belas kasihannya. Orang itu sedikit demi sedikit membuka mukanya. Tetapi bajunya itu ketat-ketat dipeluknya seolah-olah seperti satu benda yang mesti dirahsiakan.

'Jangan takut. Jangan takut,' bisik Pak Udin cuba menenangkan hatinya. 'Yah! Orang ini nampaknya lapar. Kau dah beri dia makan?' Pak Udin menoleh ke belakang pada Mak Gayah yang mengikuti apa yang telah berlaku.

'Dia tidur tadi. Saya pun baru saja menanak nasi,' jawab Mak Gayah.

'Hal! Bawak, bawak sepinggan. Apa lauknya?' soal Pak Udin lagi.

'Ada ikan kering semalam.'

'Baik. Baik lekas bawak sini.'

Orang itu pun duduk bersila apabila hidangan tiba. Tangan dibasuh; pinggan ditatang, nasi pun disuap. Yang melayan naik selera memandang lahapnya orang itu makan.

Pak Udin menggeleng-gelengkan kepalanya. Pernah juga dia menderita kelaparan. Tetapi ada rupanya makhluk Tuhan yang lebih menderita. Terbenam perasaan marahnya. Timbul perasaan insaf dan jauh di dalam hatinya dia berdoa mogamoga diampuni Tuhan akan sungutan-sungutannya apabila kekurangan rezeki.

Sesudah sahaja makan, orang itu pun duduk berehat mengurut-ngurut perutnya yang sudah kempis. Sejurus kemudian dipandangnya Pak Udin dan Mak Gayah yang memerhatikan tingkah lakunya dengan kehairanan. Mak Gayah menoleh belakang pura-pura dia tidak memandang selama ini.

'Sudah kenyang, nak?' tanya Pak Udin tergamam, kemudian terasa kesal pula takut-takut soalan itu sebagai mengejek-nejek orang itu. 'Anak ini dari mana?'

Orang itu mula membuat muka orang gila serta merenung keras akan Pak Udin. Matanya membesar bulat seperti biji guli tercungkil dari lubang. Dia memandang tetapi harus tidak nampak Pak Udin di hadapannya itu.

Tiba sekali lagi perasaan cuak di hati orang pondok buruk itu. Pak Udin kesal menyoal soalan itu. Tidak berapa lama tangan orang itu jatuh terslepot lalu rebah segala anggota badannya. Terbaring dia di atas lantai sambil matanya tidak berkelip-kelip memandang kedua-dua orang di dalam bilik itu.

Orang itu sedang menyoal dirinya dengan soalan yang dimajukan oleh Pak Udin—dari mana dia datang? Dari mana? Dari mana? Peringatannya tidak dapat dibalik-balikkan lagi seolah-olah seperti lembaran buku yang sudah kena gam. Mahu dipanaskan, mahu dicairkan. Pendek kata mahukan masa untuk mengembalikan peringatan itu. Ingatannya bakal dikatup buat selama-lamanya di dunia ini. Dia bakal membawanya ke dunia yang kekal untuk dibentangkan di hadapan Tuhannya. Dan di dalam peringatannya inilah segala peng-

laman dan amalannya yang baik dan jahat di dunia untuk diimbangkan di atas neraca keadilan—menentukan mana yang berat, dosa atau pahala. Tetapi kini jiwanya belum menempuh ajal dan peringatan yang bakal dikatup tidak terkatup hanya tenaga untuk membalik-balikkan peringatan itu belum tiba padanya.

Dia terus menyoal dirinya. Dari mana dia datang? Siapa sebenar dirinya? Baginya jawapan-jawapan ini sangat penting. Dia sedang berada di garisan yang nipis di antara daratan kewarasan dan jurang gila. Tempatnya hanya satu sahaja. Dan keputusan itu berdiri atas apa yang sedang direnungkannya itu. Dari mana datangnya? Siapa sebenar dirinya itu? Begitulah akibat orang yang berhadapan dengan maut tetapi maut hanya menyikunya sahaja. Tiga hari dia baring terlantar, tidak mahu bersuara, tidak mahu membuat apa-apa. Hanya matanya yang terbehak merah itu sahaja yang menunjukkan dia masih hidup lagi.

Kemudian apabila teringat dia akan bajunya yang dijadikan bantal peluk itu, maka barulah sedar bahawa dia salah seorang daripada ahli pasukan bersenjata. Terbayang dia digembalakan oleh Jepun dan berdiri berhimpit-himpit di tepi pantai. Kemudian bunyi mesingan. Terbayang dia semua itu. Mulalah terpancar sinar cahaya di alam peringatannya yang gelap itu. Sekalian gambaran ingatan itu tertayang seolah-olah baharu sahaja berlaku. Terang, terang. Serta-merta dia meloncat berdiri dari tempat terlantarnya itu lalu lari merempuh hingga terlanggar dia akan dinding.

'Bang! Bang bangun, bang! Tengok orang itu,' panggil Mak Gayah mengejurkan suaminya.

'Apa! Apa dia?' soal Pak Udin tiba-tiba berdiri dan membuka silat. Tadinya dia termimpi kelongnya dimasuki jerung.

'Hisy! Pergi tengok orang itu. Apa dibuatnya bunyi bedebing itu sampai nak runtuh pondok kita.'

Pak Udin pun keluar dari bilik sambil membawa lampu sentir. Dilihatnya orang itu terkulai duduk di tepi dinding.

Diletaknya lampu itu jauh serta dihampiri orang itu.

‘Eh! Nak, kenapa ni?’

Orang itu terjaga apabila terasa badannya kena hogah. Rupanya tidak begitu menakutkan lagi apabila dibukanya. Tetapi tangannya berjalan menunjuk ke arah sana menembus dinding itu. Suaranya yang seperti angin itu mula garau halus. Tetapi Pak Udin tidak dapat menangkapnya.

Orang itu berdiri dan dengan tangan dan kakinya dituntukkanlah mula-mula berdiri berhiinpit-himpit kemudian lan di sebelah sana barisan berhiinpit-himpit itu seraya memegang tangan satunya serta dilakukan seolah-olah orang menembak temmygan. Lepas itu dia lari ke barisan tadi dan melakukan sebagai orang kena tembak lalu rebah. Kemudian ditunjukkan tempat orang rebah tadi serta ditepuk-tepuk dadanya berulang-ulang kali.

‘Orang itu kawan kau?’ tanya Pak Udin.

Diangguk-angguk kepalanya. Tahu lah orang tua nelayan itu bahawa dia hendak tolong kawannya yang kena bumuh. Berkesan lagi perasaan insaf orang tua itu mengenangkan bagaimana manusia antara manusia suka tolong-menolong walaupun dirinya di dalam keadaan kemahuan pertolongan sendiri.

‘Engkau tak boleh pergi sana. Badan dan fikiran kau belum pulih betul lagi. Engkau sudah empat hari di sini,’ beritahu Pak Udin lalu ditunjukkan jari empatnya itu.

Orang itu memandang hairan. Fikirnya, baru sekejap tadi dia dan rakan-rakannya dibunuh. Dia pun menguit-nguit tangannya suruh orang tua itu pergi tidur dan menyembahnyembah konon meminta maaf. Waras mulai tiba di akal fikirannya.

Esok paginya dihulurkannya wang sepuluh ringgit kepada Pak Udin menyuruh membeli baju, seluar dan sarung. Dengan itu juga dia sendiri menggali lubang seraya menanam baju uniformnya setelah ditetaskan tanda pangkat serta lambang pasukannya.

Walaupun hatinya berkata mestilah pergi ke tempat pembu-

nathan itu tetapi apabila teringat dia sudah empat hari meninggalkan tempat itu maka tiadalah jadi dia melangkah ke sana.

Tetapi makin sehari makin teringat dia akan kampungnya. Dia mesti pulang. Bagaimana negeri, sudalikah pulih semula? Jarakkah sudah kereta api? Adakah kenderaan yang boleh membawanya pulang kampung? Dilihatnya muka Mak Gayah. Dia seorang yang bertimbang rasa, kata hatinya. Direnung muka Peah. Dia seorang gadis penuh sopan santun dan tatatertib, kata kalbunya. Dipandang muka Pak Udin. Dia seorang beriman dan baik hati, diri batinnya menegaskan. Tidak sampai hatinya meninggalkan orang-orang itu serta-merta.

Tiga hari kemudian sesudah sahaja dia pulih sedia kala dia pun pagi-pagi lagi ikut bersama Pak Udin ke kelongnya dan bersama-sama lah menangkap ikan dan menjualnya.

Udara laut yang bersih itu menyegarkan tulang uratnya dan apabila melihat laut yang luas itu lega rasa fikirannya walaupun jauh di dalam sanubarinya berlegar perasaan benci terhadap keganasan Jepun.

Sehari demi sehari ke laut dia hendak membalas budi nelayan-nelayan yang baik hati itu walaupun hasratnya menjulang hendak pulang. Tetapi sebagai seorang Melayu jati dia mesti menghormati adat Melayu. Dan adat Melayu menabur budi. Kini, jika tidak dapat menabur budi, dapat membalasnya pun cukuplah bagi menenteramkan hati.

Tetapi semakin dia hendak pulang kampung semakin besar pula rintangan bagi hasratnya itu. Hatinya selalu menduga. Ada-ada sahaja yang berlaku sebagai penghalang maksudnya, kadang-kadang Mak Gayah sakit. Kadang-kadang terlihat si Peah tiada berbaju. Kadang-kadang Pak Udin pergi berhari-hari menziarahi kaum kerabatnya. Mengapa? Mengapa demikian hebatnya rintangan hajatnya? Pernah dia menyoal diri.

Lama sudah teringat dia akan janjinya yang dibuat kepada ibunya—janji yang dibuat hanya untuk menyedapkan hati seorang ibu yang bakal ditinggalkan oleh cahaya matanya.

Ya, dia mesti membawa balik ayahnya. Dia, Johari mesti

membawa kembali ayahnya bersama-sama. Johari berasa kesal membuat janji yang bukan kecil itu memandangkan betapa besarnya bandar Singapura ini dengan ramai penduduknya.

Dia sayangkan ibunya yang selalu ditinggal-tinggalkan oleh ayahnya itu. Dia tidak mahu mengecewakan hatinya. Dia mesti berusaha mencari. Di dalam Kota Singapura itu ada sebuah toko yang selalu dilawati oleh ayahnya. Dia tahu perkara ini daripada sampul-sampul surat yang kerap diterimanya di rumah. Dia masih teringat akan alamatnya. Dia mesti pergi.

Pergilah dia ke sana esok harinya selepas sahaja mendaratkan ikan untuk dijual oleh Pak Udin. Dia tidak perlu bersalin pakaian. Bukan dia pergi kerana hendak meminta kerja. Menumpanglah dia di atas lori sayur pagi itu terus ke Singapura. Kota Singapura masih di dalam keadaan sepem rumah sedang digeledah. Di sana sini bangkai-bangkai kereta dan rumah yang kena bom dan bedilan meriam, bersepah belum dibersihkan lagi. Longkang berbau dan tauke-tauke Cina terpaksa menyapu sendiri kaki lima dan parit rumahnya kerana tidak tahan bau sampah sarap yang sudah membusuk.

Johari terus berjalan tidak dihiraukan kiri kanannya. Dia terus menuju ke alamat toko buku yang dijangka bapanya mesti ada di situ. Alamat itu membawanya ke suatu lorong di belakang kedai. Ditutup hidungnya dengan tangan. Kalau boleh berjalan dengan dipejamkan matanya nescaya dibuatnya demikian. Terjolok-jolok rasa tekak apabila terlihat benda-benda di belakang rumah-rumah kedai itu. Lalat langau bermahrajalela.

Berlari Johari tidak tertahan lagi. Bunyi sepatunya pun menakutkan hati. Teringat dia dirinya sebagai seorang musuh pihak yang berkuasa sekarang. Bunyi sepatunya lantang seolah-olah ada orang mengejarnya dari belakang. Dia pun berhenti dan berjalan semula. Kemudian berbau pula benda-benda di atas jalan belakang kedai-kedai itu. Nafasnya yang tercungap-cungap kerana berlari-lari tadi mempercepatkan

bagi tusukan bau busuk itu ke dalam hidungnya. Dipantaskan perjalananmya.

Lama sudah dia mengharung dalam udara busuk itu, akhirnya betemu dia sebuah kedai terselit di tengah-tengah kedai besar. Sebagaimana setengah-setengah kedai di bandar Singapura di kala itu toko kecil ini pun tertutup dan terkunci dari luar. Mahu diketuk pintunya tetapi hati berkata takkan ada orang di dalam. Johari pun menarik nafas panjang me-ngeluh. Begitu susah payah dia berusaha demikian pula hasilnya. Hampa!

Ke mana pula dari situ? Ditujunya stesen kereta api. Setelah itu pulang ke rumah tumpangannya sesudah membeli beg kam Cina.

Di dalam perjalanan pulang itu terbayang dia akan ibunya. Sudah cengkung mukanya. Dia duduk di pintu, di muka pintu. Pohon-pohon paku di dalam pasu di kaki tangga layu menguning tiada segar. Ibunya menoleh ke kanan, tiada terlihat suaiminya. Menoleh ke kiri, tidak kelihatan anaknya. Dibangau-bangaukan lehernya menjengahkan kepalanya keluar jalan. Tiada seorang pun datang. Menitis air matanya. Merah matanya. Bertambahlah cengkung lagi mukanya.

Aku mesti pulang. Aku mesti pulang, tiba-tiba hati Johari berkata. Gerak hati bukan mudah hendak dihalang. Malam itu juga dia berkemas.

'Johari, nantilah dulu. Engkau belum baik betul,' pujuh Mak Gayah mengenangkan dirinya tiada anak lelaki.

Johari menunduk, terasa dirinya dikasih orang, tetapi pula dia mesti pulang.

'Mak, makin lama saya memandang mak, makin pilii rasa hati saya,' ucap Johari cuba menerangkan kepada orang tua itu dengan tidak mahu memecahkan hatinya. 'Layanan yang mak berikan kepada saya membuat saya terkenang kepada ibu kandung saya sendiri. Emak tidak ubah daripada ibu saya. Juga hatinya. Sudah lama saya meninggalkan dia dan harus dia me-

nunggu-nunggu kepulangan saya. Atau hampakah sudah hatinya bila sehari demi sehari tiada juga tiba orang yang ditunggu-tunggunya? Ataupun jatuh sakitkah dia sekarang?

'Emak pun seorang perempuan dan tahulah bagaimana rasa hati kalau misalnya Peah lama tidak pulang ke rumah.'

Johari hemat bercakap takut kalau-kalau terbawa-bawa nafsu memecahkan tembelang ayahnya yang tiada ingatkan rumah tangga dan anak isterinya itu.

'Pulang saya pun bukanlah saya tidak mengenangkan emak, Pak Udin dan Peah lagi. Tidak, mak,' ujar Johari menghela langkan kekhuitiran orang tua itu kalau-kalau tidak bertemu lagi. 'Saya masih terhutang budi dengan emak dan bapak. Selagi belum dapat saya membalaunya tidak akan saya berdiam diri. Saya tak pandai bercakap mak, tapi insya-Allah satu mau nanti kalau diizinkan Tuhan....'

Mak Gayah tidak terkata apa-apa. Mahu dihukumnya Johari tinggal bersama, Johari bukan budak dan bukan anaknya sendiri. Dia tunduk dan menitiskan air matanya. Hiba hatinya mengenangkan bahawa harapan tiba berlalu sahaja. Baliklah kelak hidup ayam-ayaman sebagaimana dideritai oleh kaum nelayan seluruhnya.

Berderau-derau ombak memukul pantai. Sehari sejengkal pantai diketipkannya. Di atas laut manusia bertarung nasib mengaup isi perutnya. Di dalam laut arus berpusar menelan mereka yang malang. Laut bukan kawan yang setia.

BILA seseorang itu sudah diraja oleh sesuatu kemahuan, lambatnya siang tidak menyabar. Jadi, waktu ayam baru berkокok lagi, Johari sudah keluar rumah. Beg kecilnya yang baru dibeli itu kim di tangannya. Enggan dia membawa bekalan kuih atau nasi untuk di jalan nanti. Di dalam beg kecil itu hanya baju buruknya dan kelak dia akan membeli barang-barang sedikit untuk menghiburkan ibu dan adik sepupunya, Joned. Tetapi di dalam sakunya terselit satu-satu miliknya yang dibanggabunggakan—lambang Pasukan *Volunteer* dan *stripe* pangkat kopralnya.

Kau mesti lekas! Kau mesti lekas! Kereta api pagi lagi ber tolak! Terdengar dia akan suara batinnya. Dan tangkaslah langkahnya menuju ke jalan tambak. Sejurus kemudian tiba lori sayur. Berselitlah dia di celah-celah sayur yang basah segar. Sesampai di pasar, Johari pun turun membawa begnya menuju ke stesen kereta api. Keras jalannya walaupun pakaiannya kusut. Dia mesti lekas, lekas ke perhentian kereta api. Kereta api sahajalah yang boleh membawanya segera ke rumahnya di Kuala Lumpur. Bas tiada, kereta sewa juga sekali.

Mula-mula difikirnya senang tiba ke perhentian kereta api itu. Tetapi bila hendak dicari nama jalan, dilihatnya tiada lagi buruf Rumi di papan-papan nama jalan melainkan tulisan baru seakan-akan tulisan Cina. Dia menggaru kepala. Insaf dia betapa gelapnya pandangan orang yang buta huruf. Hendak bertanya pada pagi-pagi itu orang tiada, kedai masih tutup, kelak sudah lama tutup juga tiada berbuka-buka sejak British kalah. Kakinya tiada mahu berhenti—berjalanlah dia bagai

kereta tiada stereng dan kapil tiada kemudi. Tidak kesampaihan pula setelah lama rasa berjalan.

Sinaran matahari mulai kelihatan menampar-nampar tembok bahagian atas bangunan-banguan kedai dan gudang di Singapura. Jam tiada di tangan. Johari berasa cuak takut-takut sudah pergi kereta api yang dikejar-kejarnya itu. Dia pun berlari-lari anak. Kelihatan niij di tepi jalan seorang yang bersarung kot dan seluar panjang dan bertopi *felt hat*. Hati Johari mula gembira. Dipantaskan rentak kakinya hendak mendapatkan orang itu. Kelihatan dari belakang orang itu mengepit kertas-kertas di bawah ketiaknya serta membawa tongkat semambu. Kacak tampannya orang itu walaupun dari uban yang kelihatan di tengkuknya yang tidak tertutup oleh topi itu, dia seorang yang sudah lampau umur dan lagak jalannya sebagai orang kaya. Dia pasti bukan orang Melayu.

*'I say, mister excuse me,'* tegur Johari dalam bahasa Inggeris.

Orang itu tidak berhenti. Johari pun menepuk belakangnya,

'Pukul berapa ini?' soal Johari,

Orang itu tidak menjawab bahkan menepuk-nepuk baju kotnya pada tempat Johari tepuh di belakangnya itu seolah-olah menyapu-sapu bersih debu dan kotor dari tangan Johari itu sambil mencemik-cemikkan bibirnya dan selepas itu meninggi-ninggikan hidung seraya memandang-mandang ke atas langit biru itu.

'Maaf saya tuan. Boleh tolong beritahu pukul berapa sekarang?' tanya Johari sekali lagi sambil memandang-mandang pergelangan tangan orang itu. Tetapi pergelangan tangan itu tertutup dengan lengan baju kot yang panjang.

Orang itu diam juga serta terus berlagak seperti orang atas atasan.

Jika tidak takutkan biadab, mahu diselakkan lengan baju kot orang itu. Disoalnya sekali lagi. Seperti tungkul sahaja orang itu. Johari tidak sabar lebih-lebih lagi melihatkan lagak sombong angkuh yang meluat itu. Dia rasa orang itu tidak mahu

dihormati; lalu ditariknya ke atas lengan baju kiri orang itu. Tetapi bulu kasar di lengan orang itu sahaja yang dapat diihatnya. Jam tiada.

Johari pun berjalan hendak meninggalkan orang tua itu. Tiba-tiba leher bajunya terasa ditarik dan halkumnya tereckak. Johari pun menoleh ke belakang. Orang itu masam mukanya. Jari telunjuk kanannya menguit-nguit dia seperti orang memanggil anjingnya. Orang itu melepaskan leher baju Johari yang diseret dengan tongkat serta menarik keluar kertas-kertas di bawah ketiaknya dan disuruh Johari duduk di atas palang jambatan.

Johari menggongcang-gongangkan tapak tangannya, 'Maaf uya, saya hendak lekas. Mahu naik kereta api.'

Pinggang seluarnya pula ditarik hingga terduduk dia di atas jambatan. Kemudian orang itu pun menunjukkan kertas-kertas yang baru ditarik keluar dari bawah ketiaknya tadi. Johari terpegun sejurus melihat surat-surat itu yang hanya surat-surat jawapan dari beberapa syarikat. Kemudian di tempat kosong sebelahnya orang itu menulis angka 485 x 12.

'How much? Please multiply.' Suara orang yang berbahasa Inggeris itu halus, lemah lembut bunyinya.

Johari pun segera mendarab sambil hatinya tetsoal-soal apa maksud orang tua itu. Setelah itu diberi jawapannya. Orang tua itu ketawa terbahak-bahak.

'Where has all my money gone?' Terbahak-bahak lagi dia ketawa.

Johari sudah resan. Orang ini bukan betul akalnya. Tiada lengah lagi, dia pecut lari. Orang itu berhenti ketawa dan mengejarnya dari belakang. Johari lari. Kuat lagi bunyi hentakan kasut orang itu.

Johari teringat peristiwa dia berlati di lorong belakang rumah kedai. Dia berasa takut. Kalau dahulu hanya bayangan-bayangan fikirannya yang menakutkan tetapi kali ini orang betul yang mengejarnya. Bertambah lagi ketakutannya, bertambah kuat pula dia berlari. Ini orang gila pula yang me-

ngejarnya. Apa kata orang yang ternampaknya nanti. Merompak orang tua? Pucat dia lalu masuk ke dalam satu lorong yang berhampiran. Kemudian selekoh dia ke lorong kecil dan selekoh lagi ke jalan yang lain. Dilihat belakangnya, tiada lagi orang tua itu.

Segera dia berjalan sambil menoloh-noleh ke belakang.

Lima ratus ela selepas itu, tiba pula dia ke tempat jam besar yang terletak di suatu medan. Terkejut dia apabila terlihat jarum jam itu menunjukkan pukul 09.20. Hendak berlari dia, tetapi terkata-kata pula hatinya harus jam itu sudah mati. Menarik dia kembali langkahnya lalu berdiri tercegat. Matanya terpaku kepada jarum jam itu. Ya. Berjalan pula jarum jam itu! Sudah tiga minit dia berdiri! Dikesat matanya. Betul pukul 09.23. Orang pula ada terpencil-pencil seorang dua di tengah jalan. Oh ya, harus yang lain belum kembali bekerja. Jadi, masih tidur lagi, tetapi bagaimana matahari? Bersama-sama mengikut menganggur?

Digeleng-gelengkan kepalanya. Siapa yang gila sekarang? Dia sedar satu masa kira-kira dua bulan dahulu sebelum diselamatkan oleh orang-orang nelayan yang baik hati itu dia hilang fikiran setelah ditampar oleh malaikatulmaut di tepi pantai dahulu. Duduk dia sebentar di kaki lima. Datangkan lagi angin-angin gilanya? Jam itu menjawab dengan menjalankan jarumnya. Kini, jadi 09.25. Hah! Menunggu dan melayan-kan satu fikiran yang sia-sia! Jumlah yang gila.

Berdiri dia serta melangkah lagi. Sambil berjalan itu dicamkan bangunan-bangunan yang berhadapannya takut kalau kalau dia berpusing-pusing di sekitar satu tempat sahaja. Dis tidak berapa khuatir lagi kerana orang pun bertambah bilangannya di jalan-jalan taya itu. Ditanya seorang ke mana arahnya stesen kereta api. Orang itu menunjuk tegak nun. Diikuti-lah dia arahan itu. Apabila bertemu simpang, bertanya lagi ke mana arahannya stesen kereta api. Belok sana jalan terus. Kemudian apabila bertemu pula selekoh, ditanyanya lagi soalan yang sama itu. Masuk kanan jalan tegak. Demikianlah

seterusnya. Diri Johari sebagai bola. Sampai ke seorang ditendang ke sana; sampai seorang lain ditendang terus. Ada kalanya pula si lawan pula menendang. Berlegarlah dia ke pangkal jalan. Gol itu ada kalanya sudah dekat, ada kalanya semakin jauh.

Akhirnya tiba dia di suatu tempat. Jauh nun kelihatan kawat duri direntangkan melintang jalan itu kecuali suatu ruangan yang kecil untuk sebuah kereta sahaja meloloskan diri. Di ruangan ni berdiri seorang senteri Jepun. Tercepat Johari di balik tiang kedai. Matanya dilemparkan ke arah senteri Jepun. Dilihatnya orang-orang yang berjalan kaki dan juga memumpang basikal berhenti di hadapan Jepun itu, berdiri tegak dia dan menundukkan kepalanya rata ke arah pinggang Jepun itu seperti orang Islam rukuk dalam sembahyangnya. Johari keluarkan kahak dari anak tekaknya kemudian diludahnya ke arah Jepun itu. Tetapi Jepun itu jauh serta sedang sibuk membidaung-bidaungkan dadanya untuk diriuatkan perasaan sompong dan gah yang dibawa oleh rakyat takluknya yang baru.

Orang kata kalau jalan terus menembusi tempat senteri Jepun itu akan tibalah ke stesen kereta api. Perasaan Johari terlalu tinggi untuk merendah-rendahkan diri kepada musuhnya Jepun itu. Dia berundur dari situ ikut jalan lain. Harus ada jalan lain lagi menuju ke stesen kereta api itu dengan tidak payah berukuk-rukuk kepada kafir majusi itu.

Berjalanlah dia, sejurus kemudian kedengaran di belakangnya bunyi lori.

'Kinaaaaa!' jerit seorang askar.

Sebaik-baik sahaja Johari menoleh lori itu berhenti betul-betul di hadapan batang hidungnya.

'Manitah!' jerit askar tadi memujuk.

Johari memandang kepada penumpang-penumpang di dalam lori itu. Sekaliannya pucat dan ada yang mencemik-cemik menahan air mata. Johari resah.

'Rakasrah! Mari naikku!' tengking askar itu.

Lari bermakna maut, tetapi selagi ada hayat ada harapan. Johari pun mahu tak mahu naik juga lori askar itu dengan tiada bertanya ke mana gerangan hendak diangkutnya. Rasa hati hendak disoalnya penumpang-penumpang itu akan pertanyaan tadi. Tetapi apabila terlihat olehnya muka-muka yang muram itu, teringat dia di dalam sakunya ada lambang pasukannya dan tanda pangkatnya. Diseluknya tangan meraba benda-benda yang dibangga-banggakan itu.

'Buang! Buanglah! Benda-benda itu akan membunuh kau balik!' desak suara hatinya.

'Hah! Takkalah Jepun-Jepun itu sampai begitu sekali hendak meraba-raba saku orang?' kata pula jiwa hatinya.

'Malang tak berbau,' desak hatinya.

'Hayat dan maut di tangan Tuhan,' jawab kembali oleh diri batin.

'Mau mati membela sekeping lambang?'

'Daripada mengingkari sumpah perajurit,' salut oleh diri batin.

'Ada lagi mati yang lebih mulia,' hatinya mengagah.

'Apakah dia semasa ini?' soal diri batin.

'Melarikan diri daripada tawanan,' tegas hatinya.

'Untuk ditembak tanpa melawan?' soal diri batin.

Belum dapat dijawab oleh hati, lori pun berhenti.

Jepun-Jepun itu berkurah-kurahlah menyuruh penumpang-penumpang turun.

'Sekarang Nippon sama Marai adik-beradik.'

Baru inilah kali pertama Johari mendengar perkataan *Nippon* itu.

Adakah itu sama maknanya dengan *Jepun*? Disoalnya sendiri.

'Kita mau syinang. Kita sama-sama mesti kerja,' ujar Jepun itu membuka dan menutup ucapananya.

Lalu digembalakan kira-kira dua puluh orang di dalam lori itu ke bawah sebuah jambatan yang diletupkan oleh British. Di bawah jambatan itu ada kira-kira lima puluh orang kurus

dan gempal, tinggi dan pendek. Di belakang bahu orang yang belenggeng kelihatan peluh manik menitik. Yang memakai baju pula basah kuyup. Berapa lama sudah mereka bekerja di situ. Tuhan sahaja yang mengetahui.

Sekalian orang baru termasuk Johari itu diperintahkan mengangkut balak dan besi untuk dipancang di tengah sungai bagi menyambungkan putusan jambatan yang diletupkan oleh British itu. Apalah mereka tahu tentang kejuruteraan. Turutlah sahaja apa yang diperintah.

Sambil bekerja itu terdengar sungutan Wak Kasban, 'Apa ni? Tak tahu adat punya orang. Pagi-pagi lagi aku keluar rumah hendak beli makan minum anak bini, ni apa pulak khabarnya orang rumah? Ptui!' Terpancut keluar air ludahnya.

Jepun tidak dapat tangkap telor Jawa Wak Kasban itu.

Johari yang selama ini mendongkol hatinya kerana tersekat perjalanan pulang ke rumah, lapang sedikit sesak hatinya. Geli juga hatinya apabila Wak Kasban mencarut-carutkan askar Jepun yang tercacak seperti tiang pancang memerhatikan orang-orang bekerja.

'Mastar! Mastar! Kasi air sikit!' laung seorang yang gemuk gedempeng kepada askar Jepun sambil menganga-ngangakan mulut dan menepuk-nepuk lehernya.

'Nanda omae wa?' marah Jepun itu sambil menggaya-gaya-kan badannya menunjukkan bahawa orang gemuk patut lebih kuat kerjanya.

'Aku gemuk airtak! Tak ada air mampus aku!' tegas si gemuk tadi.

Pang! Lima jari tangan kanan Jepun tepat penuh di muka si gemuk itu.

Wak Kasban hendak ketawa mendengarkan kata-kata si gemuk yang dianggapnya lucu tetapi tersangkut gelaknya di bawah tekak.

Luka Johari merekah semula apabila terlihat akan kebuasan Jepun itu. Benar, dia juga berasa dahaga oleh terlalu berlari-larian paginya dan kini kepanasan pula.

Dilihatnya matahari tengah tegak. Itu matahari. Tuhan menjadikannya bersama-sama dengan cakerawala yang lain. Sesetengah orang berjiwa pujangga memanggilnya sang suria. Sang suria menentukan siang dan malam, hari dan bulan, tarikh dan tahun. Sang suria juga berkuasa sakti dengan panah sinarannya. Di negeri sejuk ia diidam-idamkan. Manusia mendedahkan tubuhnya untuk didakap sinaran cahayanya. Manusia juga ada sesetengahnya memuja dan menyembahnya hingga dibentukkan berhala mendewa-dewakan sang suria.

Johari melihat pula bendera di kemuncak bangunan tinggi yang berhampiran. Orang negeri sejuk dapat membentukkan rupa sang suria hingga dijadikan tanda benderanya dan diberi nama benderanya *Hi-no-maru*—bulatan hari. Kelak di negeri sejuk bendera *hinomaru* dapat menyebarkan hawa siang sering segar—dingin bercampur panas. Tetapi di khatulistiwa bahagian alam yang serba panas, pengaruhnya keterlaluan.

Johari sudah alaminya di tepi pantai tempoh hari. Pagi tadinya dapat juga bersua dengan mangsa pengaruh di bawah bendera bulatan hari itu—seorang yang kepanasan otaknya! Dan kini otaknya sendiri mulai mendidih kembali. Zalim!

Kira-kira zuhur, berhentilah masing-masing bekerja setelah tiba sebuah lori.

'Kuraaaaa! Kuraaaaa! Koci koi!—Mari, mari!'

Masing-masing pun mengelap peluh serta menarik nafas sambil beratur panjang.

'Ada ransum rupanya,' cetus Wak Kasban.

Si gemuk tercungap-cungap keletihan. Orang belas kepada-nya. Disorongnya ke hadapan barisan itu. Jepun yang melempangnya tadi tersenyum-senyum buat-buat baik sambil mem-beri ransum—nasi kepala sebesar air batu kepala juga. Di tengah-tengahnya taucu kuning dengan ikan asin. Terkebih-kel mati masing-masing.

Lima belas minit berehat; kemudian kerja semula.

Akhirmnya apabila condong matahari, barulah berhenti kerja dan kali ini diberinya rokok Koa; tiga batang seorang sebagai

penulih tenaga yang hilang! Tetapi apalah rokok itu kepada Johari yang bukan seorang perokok? Dia hanya mengeluh memikirkan di mana hendak bermalam di dalam bandar Singapura itu dan bagaimana caranya boleh lolos tembus ke stesen kereta api.

Hotel yang berhampiran tidak dibuka. Masjid pula tidak tahu di mana. Jadi malam itu dibuang-buangkan masanya di jalan-jalan raya. Tetapi matanya tidak boleh melawan penat. Di kaki limalah dia terguling walaupun tadinya dia teragut-agut kerana takut kalau-kalau ditangkap oleh askar-askar Jepun yang meronda di jalan-jalan raya.

Tidur pelipur segala rawan.

Sejuk simen membangkitkan Johari pada pagi hari. Dia pun segera berjalan ke arah stesen kereta api sambil menjauhi tempat yang dia kena seret semalamnya.

Ramai juga orang yang sehaluan dengannya tetapi dia sendiri tidak tahu ke mana jalannya itu. Apabila terlihat dia seorang yang separuh baya menunggang basikal, disoalnya ke mana hendak pergi.

'Pergi kerja,' jawab orang itu.

'Mana?' tanya Johari.

'Kereta api!'

Wah! Pucuk dicita ulam mendatang.

'Tumpang, pak,' pohon Johari. 'Boleh, pak? Saya sendiri boleh mengayuh basikal.'

Sebagaimana rupa orang itu, begitulah juga hatinya. Johari pun mengayuh basikal mengikut haluan yang diberi oleh orang tua itu. Tiba juga mereka ke tempat sentri Jepun dan mahu tak mahu, turunlah Johari lalu menganggukkan kepala-nya seperti orang tua itu.

Sampai sahaja di stesen kereta api itu, Johari pun mengekor orang tua tadi seolah-olah seperti dia juga seorang pekerja. Diperhatikannya di stesen itu semuanya askar Jepun belaka tiada orang awam dan dia juga telah diberitahu oleh orang tua itu orang awam belum dibenarkan lagi menumpang kereta

api. Tetapi kalau sudah hendak, seribu daya mendadak. Hanya menyamaran diri sebagai askar Jepun sahaja yang tidak dapat dilakukan oleh Johari walaupun rupanya seakan-akan Cina dan kulitnya kuning langsung.

Menyamar sebagai orang pekerja kereta api, dia pun membebaskan dirinya bergaul-gaul dengan pekerja-pekerja yang lain sambil mencari akal bagaimana hendak melepaskan diri pula ke Kuala Lumpur. Di kereta api penumpang sudah tertutup segala peluang baginya. Itu khas bagi askar Jepun sahaja.

'Aya, ada baik? Sudah minum kopi?' tegur Johari kepada seorang pekerja India.

'He he!' Pekerja itu mengangguk-anggukkan kepala. Dalam masa Jepun, manusia sudah kehilangan kesukaan berjenaka.

'Aya, ini kereta api mana pergi?' soal Johari menunjuk gerabak-gerabak yang panjang berderet.

'Pinang,' sepatah sahaja katanya dan terus dia berjalan seolah-olah tidak suka diganggu pada pagi hari itu, atau mungkin dia telah bertengkar dengan isterinya sebelum pergi kerja tadi.

Walaupun sepatah sahaja tuturannya, bagi Johari sudah mencukupi keterangan yang dikehendakinya. Dibilangnya gerabak itu. Ada tiga belas buah. Ada setengahnya berisi sagu masam, ada besi buruk, ada yang terkatup. Yang mana satu hendak dinaiki? Yang terdedah takutkan hujan dan panas; yang tertutup takutkan tiada udara. Berjalan dia lagi hingga ke gerabak pengangkut binatang, kelihatan babi di dalam sangkarinya. Terus berjalan lagi dia. Jumpa lagi gerabak binatang—tidak terkatup, tidak pula terdedah, sebagai sangkar juga banyak udara di dalamnya. Hanya bermuat lembu empat ekor di dalamnya, selain daripada rumput.

Dintai-intainya celah-celah gerabak itu di mana kelak pintunya boleh dibuka masuk. Pintu itu tidak berapa jauh dari tempat yang dicarinya. Ditolaknya sedikit, berjalan pintu itu. Hatinya berdebar mengapa tidak dikunci pintu gerabak itu? Ditolaknya sedikit lagi. Tidak memberi pintu itu. Diperhatinya

ke atas. Ada seutas rantai. Rantai itu terkunci. Dicubanya masukkan kepalanya. Lelos. Dipandang ke kanan ke kiri. Orang-orang sibuk dengan kerjanya. Dia pun memanjang. Secukup-cukup badannya bukaan pintu itu. Sudah lelos masuk, bagaimana pula hendak menyembunyikan diri? Palang-palang gerabak itu lapang. Itu macam sembunyi di sebalik daun lalang, kata hatinya. Dilihatnya rumput-rumput di kaki lembu itu. Dia pun memberamkan hati berdiri serta sambil berpura-pura memberi makan lembu-lembu itu dikumpulnya rumput itu di ceruk belakang gerabak hingga menimbul tinggi dan dia pun baring di dalam timbunan rumput itu—badannya melintang dengan kaki lembu.

Sejurus kemudian terdengar dia orang membentul-betulkan alat cantuman gerabak-gerabak itu. Teringat Johari pintu gerabaknya ternganga tidak ditutup. Pekerja itu betul-betul di bawah kepalanya. Hanya palang bawah gerabak itu sahaja memisahkan kedua-dua orang itu. Orang itu pun selesai memeriksa cantuman itu dan berjalan di samping gerabak. Mungkin dia telah kelihatan pintu gerabak itu berongga.

'Pruuuu!' Lampu hijau pun digoyang-goyangkan oleh orang pemeriksa tadi.

'Keling! Keling! Keling!' Bunyi loceng yang dicengut-enjutkan oleh Ketua Stesen. Kereta api pun bergerak.

Walaupun busuk udara di gerabak itu, segar juga semangat Johari apabila dia menarik nafas panjang. Rumput yang miang dan tahi lembu yang busuk itu menjadi tempat tidur yang harum seperti di taman firdausi bagi Johari.

Johari sudah lali dengan keadaan sekelilingnya. Walaupun berjaya juga dia naik gerabak itu tetapi kalah dia oleh perasaan kesal yang sentiasa menunda dia dari belakang. Kesal kerana tidak dapat menyempurnakan janji kepada ibunya. Sudahlah pulang dengan tiada bersama-sama bapanya bagi dijanjikan, satu apa buah tangan pun tidak dapat dibawa pulang.

Bagaimana mesti dia menghiburkan hati ibunya? Bagaimana mesti dia bertemu dengan ibunya? Bagaimana mesti dia jawab

soalan-soalan yang akan dihujani oleh ibunya. Ini yang sedang difikirkannya. Soal ini dan masalah ibu bapanya.

Apabila didorong oleh soalan-soalan ayahnya disondol; sondokan kepalanya mencari tempat hendak berlindung. Dia sedar perbuatan ayahnya terhadap ibunya itu zalim, tetapi dia juga anak daripada bakanya sendiri. Johari tidak mudah hendak melupakan bagaimana ayahnya membuat dirinya sebagai anak terbiar. Tetapi selagi ibunya yang semakin hari semakin tua itu tidak dapat layanan tertentu daripada ayahnya, hatinya belum mahu berdiam lagi.

Ada kalanya terlintas di dalam hati Johari ayahnya beristen lain. Tetapi oleh didikan yang kuat diberi oleh ibunya yang tidak mengizinkan menaruh syak kepada sesiapa selagi belum ada dalilnya, maka sangkaan itu terlambung-lambung di atas langit-langit fikiran tidak dapat tatangan.

Banyak lagi gambaran fikirannya waktu diulang-ulangkan di dalam gerabak lembu itu sepanjang-panjang jalan dari Singapura ke Kuala Lumpur sehari-harian hingga hilang syafak yang merah di kaki langit dan gelap semula menyelubungi alam.

Waktu itu kereta api belum menghampiri kawasan stesen Kuala Lumpur. Dia pun terjun apabila kereta api jalan perlahan-lahan sambil menunggukan signal diturunkan. Pengalamannya di Singapura menjerangkan dia. Sebaik-baik sampai ke tanah apabila terjun tadi, dia pun berlari ke jalan Lekang Road dan dari situ dia berjalan kaki menuju ke Kampung Baru. Jauh perjalanan itu tetapi bas atau kereta sewa tidak kelihatan. Yang berkeliaran di jalan raya ialah kereta-kereta Jepun. Walaupun keletihan dideranya juga kakinya berjalan. Hanya kekuatan hatinya sahaja membawanya ke halaman rumahnya.

Dari jauh lagi dibayang-bayangkannya orang menyambutnya. Tetapi apa yang menyambutnya adalah suara orang berzikir dan bertahlil dari serambi rumahnya. Johari tercegat di tengah jalan. Tahlil! Dia berbau sesuatu. Itu kenduri arwah. Siapa gerangananya yang menjadi arwah? Ayahnya? Ibunya?

kah? Tersentak hatinya. Dia mesti bersedia membuat pertahanan batin. Siapa kelak telah menjadi arwah dan ditahlilkan itu? Terasa longgar kakinya. Dia menuju ke belakang rumah. Mulai terasa lelah.

Orang-orang perempuan di dalam rumah itu sedang sibuk menyiapkan dulang di tengah-tengah rumah dan di dapur tiada seorang makhluk pun kecuali Mak Halimah. Mak Halimah menjaga dapur. Dilihat air teh terkurang. Dia mesti jerang air lagi. Kayu api pula di luar rumah. Dia pun membuka pintu belakang hendak mengambil kayu api itu.

'Oh pocok! Eh maut mati!' latah Mak Halimah. 'Anak aku sudah mati, eh!'

Johari menerkam emaknya lalu dipeluk dan dicium begitu hiba mengenangkan mengapa dia sekarang sudah melatah padahal hanya empat bulan sahaja dia ditinggalkan pergi.

Mak Halimah melepas keluar daripada dakapan anaknya itu dan berkata, 'Nanti! Nanti! Aku panggil bapak kau.'

Di serambi orang-orang kampung dan Tok Imam sedang khusyuk berzikir. Tetapi sekalian itu tidak kedengaran oleh Johari yang penuh gembira mendengar kata-kata emaknya hendak memanggil ayahnya. Rupanya selama ini mencari, ayahnya sudah pun berada di samping ibunya. Johari senang hatinya. Kelak ayahnya sudah menukar tabiat dan perangainya. Dia menunggu kedatangan ayahnya walaupun dia menunggunya di luar rumahnya sendiri. Kelak ibunya hendak mengejutkan ayahnya itu. Hatinya geli. Hatinya penuh kesukaan. Dia menunggu sambil memandang cemas-cemas akan pintu belakang rumah itu. Lama juga rasanya dia menunggu.

Daun pintu itu terbuka. Segera dijengukkan mukanya ke dalam ruang pintu yang terdedah. Tetapi hanya muka ibunya sahaja yang kelihatan.

'Syyyt. Diam, diam!' Ibunya menyuruhnya menutup mulut.  
'Kenapa, mak?' soal Johari.

Ibunya menoleh ke belakang seperti orang ketakutan lalu menyeret anaknya ke dalam, 'Lekas, lekas! Mari.'

Ini satu sambutan ganjil sungguh, terlintas di hati Johari. Kepalanya mula ditembusi oleh scribu satu soalan. Ibunya tidak lepas menyeretnya ke dalam bilik mandi sambil mengeluarkan pinggan mangkuk yang ada di dalam bilik itu.

'Kau tunggu sini Johar. Selakkan pintu ini. Jangan keluar. Jangan bising.' perintah Mak Halimah.

'Kenapa buat saya macam ini, mak?' soal Johari.

'Syyy. Diam, diam! Nanti ayah kau datang. Dia terangkan. Dah! Dah! Kuncilah pintu itu.'

Mak Halimah pun bersama-sama menutup pintu dari luar. Bilik mandi apabila dikunci bertambah gelap dan di dalam gelap itu kedengaran tangis hiba—tangisan seperti anak kecil yang tiada diberi dukung waktu meminta dimanjai.

Hancur luluh hatinya mengenangkan sambutan yang dia perolehinya selepas mempertahankan tanah air, selepas membela nama baik keluarga, selepas berkuyup peluh mencari ayahnya untuk kebahagiaan ibunya. Segala keberaniannya, segala kejantananannya di medan perang cair lebur oleh hiba dan pilu hatinya. Kini dia, tawanan di dalam rumahnya sendiri.

Memang manusia itu penuh sentimen dan sentimen itu meleburkan akal waras di dalam satu-satu peristiwa yang begitu yang tiada dijangka-jangka akan berlaku jauh sekali dilakukan oleh ibu bapa kepada anaknya yang baru balik daripada menabur bakti.

Di dalam gelap diselimuti hiba dan pilu hanya tangisan sahaja yang boleh melegakan sesak dada. Apabila sesakan dia beransur surut, mata hati hilang kaburnya dan teringat pulak akan kata-kata ibunya yang menyuruhnya menunggu dan ayahnya akan memberi keterangan. Apabila fikiran tiba-tiba dia terasa segan silu akan dirinya itu sebagai kanak-kanak kecil yang belum matang fikirannya. Dia mengelap air matanya sambil menunggu.

Lama sudah selepas seorang demi seorang kembali mengucapkan terima kasih kepada Pak Bukhari dan Mak Halimah, pintu bilik mandi itu pun dibuka dan kelihatan

Johari berpeluk tubuh bertenggek di tepi kolam.

'Kau balik?' tegur ayahnya sementara ibunya mendakap kepalanya serta mengusap rambutnya yang panjang itu.

'Ya ayah,' jawab Johari yang ditunda keluar dari bilik mandi oleh ibunya.

'Pergi tukar baju itu. Mandi-manda dan berikan dia makari.'

Bukhari menyuruh anaknya sambil menjeling isterinya. Dia terus naik tengah rumah lalu ke serambi seraya melihat-lihat ke luar tingkap sebelum menutupnya.

Sesudah sahaja Johari makan dihadapi oleh ibunya, bapanya pun masuk sambil menarik kerusi. Ayahnya tidak menanyai di mana dia berjuang dan apa yang berlaku padanya selama ini melainkan terus-menerus memberitahu:

'Johari, sepatutnya kau sudah tiada di sini lagi.'

Rau! Terasa Johari datarnya naik.

'Kau tahu, kenduri malam ini untuk arwah kau.' Bukhari mengeluarkan kata-kata itu dengan tiada perasaan apa-apa tergambar di air mukanya.

Muka Johan berubah.

'Bagi orang kampung dan sekaliannya sudah tahu engkau tidak lagi di dalam dunia ini. Begitulah juga aku mahu mereka anggapkan kau dari malam ini. Aku sudah fikirkan tadi engkau jangan menunjukkan muka di kampung ini. Engkau baik jangan lama-lama tinggal di sini. Aku ingat kau elok pergi ke Kampung Lekang, di kuala sana. Di situ ada sebuah kedai kecil, baru aku beli. Baik engkau jaga kedai itu di sana.'

Johari tidak dapat menahan rasanya berdiam diri selama ini.

'Mengapa ayah buat saya macam ini?'

'Mengapa aku buat begini sama engkau?' soal Bukhari kembali. 'Hah! Kalau kau sudah berani buat, sekarang kau mesti berani tanggung. Apa kau kerja ke Singapura selama ini? Apa yang kau dapat? Sekarang kau tanya pula mengapa aku buat kau begini. Ini untuk menyelamatkan kau, tahu? Tahukah kau ke mana kawan kau Suhaimi sekarang? Di penjara! Di

belakang tabir besi. Harus sudah tak ada lagi. Kena pancung. Kena penggal kepalanya. Dia discret sesampai saja di rumahnya. Sekarang kau tanya puli mengapa aku buat kau begini?

Bukhari bangun dari kerusi lalu masuk ke dalam bilik tidur.

Lengang semula di rumah itu. Jarang kedua-dua anak-benak itu barcakap-cakap. Tetapi kali ini ayah bercakap dengan tidak mahu jawapan daripada anaknya. Dan jawapan tidak diberikan.

Gelap-gelap esoknya Johari pun meninggalkan rumah dan melarikan diri agar terselamat kedua-dua ibu bapanya. Bersama-sama ialah Joned untuk memunjukkan kedai kedai ayahnya itu.

Kedai itu sebuah kedai tempelan di celah-celah kedai batu berhampiran dengan pasar. Belum dimuatkan apa-apa lagi dan belum ada apa-apa jualannya. Apa yang hendak diisikan dan apa yang hendak diniagakan? Terpulanglah semua itu atas kebijaksanaan Johari dengan wang 250 ringgit duit Jepun yang dibekalkan oleh ayahnya itu.

Sehari dua dia tidak membuat apa-apa melainkan memerhatikan keadaan sekeliling dan mencari akal bagaimana hendak berniaga dan apa perniagaan yang baik dijalankan. Akhirnya dari pelabuhan Kuala dia memajak pisang yang dibawa oleh pedagang-pedagang dari Sumatera dengan sampan-sampan. Dari pisang itu dia menjangkit puli ke buah-buahan dan olah kerana kejujurnya dan pandai puli menghambat hati pelanggan-pelanggannya dia pun menjadi wakil dagangan dan Sumatera. Raksi juga tangannya dengan perniagaan. Dia tersenyum.

Sekali-sekala dia pulang ke rumah mencuri-curi bertemu dengan ibunya dan ada kalanya untuk menghiburkan diri, pergilah dia menonton wayang gambar—satu kegemaran lamanya semasa sekolah dahulu. Apabila dia menonton wayang gambar maka tidurlah dia di hotel pada malamnya walaupun rumahnya tidak jauh di Kampung Baru. Di hotel itu lebih

selamat daripada kampungnya yang diharu oleh 'hantu-hantu' Jepun.

Boleh dikatakan hidup Johari sebagai seorang pedagang mewah juga dan belumlah dia merasai 'beras panjang' sebagai rasi walaupun di kampung-kampung setelah setahun-setengah Jepun memerintah orang mulai rasa kelaparan oleh kekurangan beras. Pokok getah yang hasilnya tidak dapat diangkut ke negeri Jepun sudah pun banyak yang kena tebang digantikan pula dengan pokok-pokok ubi kayu yang telah menjadi *masyur* pada masa itu hingga dijadikan orang satu lambang—lambang zaman ubi kayu, kata mereka.

Duit Johari berkampit-kampit. Daripada duit itu dibelinya pula ladang-ladang kelapa orang yang sesak selain daripada memberi sedekah di masjid. Sungguhpun demikian rumahnya tetap di pondok kedainya itu. Ada juga cita-cita dalam hatinya hendak membuat rumah di ladang-ladang barunya itu. Di kedainya ditambahkan bilangan penolong-penolongnya yang dipilih daripada orang-orang di pekan Lekang itu juga yang sangat menderita. Pengalamannya dengan keluarga nelayan itu memberi keyakinan bahawa orang-orang yang menderitalah yang berperasaan insaf dan tiimbang rasa. Apabila dia keluar, kedai itu di dalam jagaan sepupunya Joned yang kini boleh diharapkan.

Di puncak kemewahan itu, Johari tidak pula melupai keluarga nelayan yang menderita di Singapura itu. Kesemua famili Pak Udin dipaksanya berhijrah ke rumahnya di Lekang itu.

Johari tidaklah perlu khuatir lagi di dalam perniagaannya. Keadaannya sepatut biduk mendapat angin paksa. Apa yang perlu dibuat ialah memulihkan semula jiwa raga dan didikan rohaniya yang telah selama ini tercacat oleh api peperangan dan suasana kusut di rumahnya. Dia terkenang usianya masih muda dan di hadapannya zaman masih berdiri tegap membimbangnya mara jika ajal tiada merampas peluang.

Sekali-sekala dia berehat dari berniaga dan menonton

wayang bangsawan atau opera Melayu di Lekang dan juga wayang gambar di Kuala Lumpur.

Suatu hari kedengaran dia Profesor Watanabe seorang ahli muzik dari Orkestra Philharmonik Tokyo tiba di Kuala Lumpur hendak menunjukkan semuanya lagu-lagu klasik. Pernah juga dia menyaksikan di layar putih permainan lagu-lagu klasik dibawa oleh pemimpin-pemimpin muzik yang terkenal seperti Arturo Toscanini, Sergeant dan Andre Kostalenez yang memberi nafas akan lagu-lagu jenis simfoni, aria dan opera.

Ini kelak dapat disaksikannya pula pembawaan lagu-lagu klasik itu oleh seorang orang Timur. Betapa gembiranya dapat peluang memerhati dan mendengar lagu-lagu yang sudah tidak berkumandang di dalam jiwa seninya itu. Baginya lagu-lagu itulah memenuhi jiwa mudanya selepas melancar pelajaran-pelajaran sekolah. Baginya tiada sukan dan kawau. Hiburan dicari dari dalam jiwanya sendiri. Inilah hasil dan pada hidup terbiar.

Tirai panggung terbuka dan sebagai *prelude* keluarlah pegawai Jepun menerangkan dari hal Profesor Watanabe dan sebaik ringkas sejarah seni bunyi Jepun. Sekalian keterangan dibuat di dalam bahasa Jepun. Apabila seorang bertepuk tangan, gemuruhlah sebuah panggung itu dengan tepukan tangan seolah-olah penonton tahu berbahasa Jepun. Selepas pegawai Jepun keluar pula orang Melayu. Sepantas kilat menyambut terus detikan nadinya terhenti apabila terlihat Johari akan orang Melayu itu. Ingat-ingat kenal. Mungkin ada pelanduk dua sifru?

Orang itu mulai berpidato. Bunyi suara dan tekanan katanya memang secocok dengan sangkaannya. Tetapi isi pidatonya itu. . . Itulah yang menyayat hatinya kerana dia tidak sangku sedikit pun buah fikiran yang demikian itu keluar daripada orang yang ditekannya itu.

Orang itu berapi-api mendesak supaya Marai dan Nippou berkerjasama bersungguh-sungguh hingga dapat bersama-sama

menghancurmusnahkan Imperialis British dan Amerika yang selama ini telah menghisap darah anak negeri di bawah takluknya. Hingga kering Selat Melaka, katanya, British dan Amerika tidak akan jejak bumi kita yang suci ini. Tepuk gemuruh menyambut kata-kata hikmat itu yang diselang-selikan di antara pidatonya.

Selanjutnya diagung-agungkan pula kebesaran Dai Nippon yang konon telah membebaskan kita sekalian daripada berenggu kuasa-kuasa British dan Amerika dan membawa kemari kemakmuran dan aman damai. Teringat Johari kepala-kepala orang yang kena pancung dipacakkkan di tengah-tengah jalan. Teringat dia pengemis-pengemis merangkak ke kedai-nya meminta sebuku ubi. Mana rupa: mana pula khabarnya?

Jauh dalam hati Johari, dia meniohon supaya dihentikan sahaja orang itu berpidato. Sepatah ayat disembur keluar, sehujung kuku luka lamanya merekah. Duduk di atas kerusi itu sebagai bercangkung di atas duri. Resah, gelisah. Akhirnya disikunya orang sebelahnya.

'Siapa yang bercakap tu?'

'Senden Kaco?' jawab orang sebelah.

'Kacau apa?'

Perlahan-lahan orang itu menoleh depan dan belakangnya sambil berbisik, 'Ketua Pejabat Propaganda.'

'Siapa namanya?'

'Bukharisama.'

Sudah cukup itu baginya. Benar sebagai jangkaannya. Yang merekah kini membela.

Belot! Belot! Pembelot!

Berperi-peri kedengaran hatinya berteriak tetapi teriakan itu tidak lepas. Mendongkol dia dalam hatinya.

Sepanjang-panjang bunyi muzik pimpinan Profesor Watanabe itu tiada lain yang didengarinya oleh Johari melainkan soalan yang bertubi-tubi bergendang di telinganya. Soalan yang menanyakan apa sebenarnya Bukhari, ayahnya itu.

Semakin soalan itu mendalam, semakin terbukti hatinya dengan perasaan hina—hina apabila terlihat jelas akan peribadi ayahnya itu.

Apalah jadahnya perjuangan mengharumkan nama keluarganya selama ini jika demikian pula peribadi ayahnya? Bukan sahaja bersubahat bahkan menggunakan bakatnya untuk membantu musuh!

Rasa dia hendak keluar dari panggung *concert* itu. Tetapi oleh kerana takut pula melanggar tatatertib menonton *concert* dari ahli sarjana muzik Jepun, terpaksalah dia memakulkan dirinya di bangku yang penuh pijat-pijat itu. Sambil terpaku di kerusi itu, otaknya tidak diam bekerja memikirkan dari satu perkara ke satu perkara seumpama kupu-kupu menghinggap dari sekaki bunga ke sekaki bunga.

Akhirnya dia membenar-benarkan diri, ‘Rupanya belum sampai masanya aku bersara di dalam perkara ini.’

KAMPUNG Periuk Kera di selatan Semenanjung, bukanlah dapat namanya dari periuk yang ditinggalkan oleh Sang Hanuman. Kampung itu dinamai daripada sejenis pohon yang menjalar. Panjang-pangjang daunnya dan di hujung daun itu ada sejenis pundi-pundi kadang-kadang terkatup dan ada kalanya terdedah. Jika dilihat di dalam pundi-pundi yang terdedah itu tidak dapat tiada akan terdapat madu di bawahnya. Madu ini wangi manis baunya dan menaikkan selera segala semut dan serangga. Ke dalam pundi-pundi itulah segala semut dan serangga itu masuk. Tetapi apabila semut dan serangga itu mencari jalan keluar maka didapati olehnya tepi pundi-pundi itu licin dan walau bagaimana kuat pun mereka hendak mendaki, berat badannya dengan madu yang dicurinya itu meluncurkan kembali ke dalam air madu itu. Sekalipun dapat mereka mendaki tepian yang licin itu mereka akan dapati mulut pundi-pundi itu terkatup dengan satu bau yang memukaukan di dalam pundi-pundi itu. Walau apa pun dilakukannya, mati juga segala serangga yang masuk mencuri madu itu. Inilah satu-satunya pohon yang hidup atas benda yang bernyawa. Orang memanggil pohon itu periuk kera dan harus juga sebelum tempat itu menjadi kampung, banyak didapati pohon itu. Sebagaimana Melaka dapat namanya daripada pokok melaka, demikianlah juga kampung itu.

Kampung itu besar juga. Ada pekannya dan ada kedainya. Sebelum perang, kampung itu tidak menarik perhatian sesiapa pun melainkan pedagang-pedagang. Tetapi waktu perang pihak yang berkuasa terpandang bahawa pekan itu letaknya di

suatu tempat yang strategik di simpang jalan besar di utara stesen kereta api Pantin. Penting sekali, di atas bukit pulang menguasai lalu lintas utara dan selatan Tanah Melayu. Oleh itu didirikannya sebuah rumah pasung di situ dan ditempatkan kira-kira 30 orang. Kebanyakan mereka ini terdiri daripada mata-mata baru. Mata-mata baru ini tidak tahu betapa pentingnya tempat itu. Mereka hanya tahu perutnya sahaja, memenuhi beras dan rokok *Koa* yang boleh diblackmarketeikan. Jadi, menjalankan tugas pun endah tak endah, lebih-lebih lagi terkenangkan tidak mungkin orang berani melanggar pemerintah Jepun yang terbukti buasnya dengan kepala-kepala manusia di tengah-tengah jalan. Mereka pun leka dan lalai.

Pukul dua pagi pada suatu malam gelap sedang nyenyak orang tidur, pegawai polis yang berjaga malam itu terkejut dengan terpancar ke matanya kilat pisau yang tertekan pada halkumnya.

‘Manakah kunci bilik senjata?’

Pegawai itu diam!

‘Lekas!’ ancam orang itu dengan hujung pisau.

Mata-mata itu pun mengeluarkan daripada sakunya beberapa batang kunci. Bilik penjara dan bilik senapang itu pun dibuka. Lima orang mengangkut empat pucuk senapang tiap-tiap seorang manakala di tangga baloi polis itu tiba sebuah lori dari garajnya di belakang rumah pasung itu. Kelima-lima orang yang mengangkut senapang itu pun menaruh senjata api itu ke atas dan tiada berapa lama sekaliannya menuju ke selatan. Kira-kira suku jam berjalan, lori itu pun masuk ke jalan kecil di dalam belukar di mana menunggu delapan orang lain.

Setelah dikeluarkan senapang-senapang dan peluru-peluru daripada kotak-kotak, maka dua orang daripada mereka pun membawa lori itu jauh dari tempat itu supaya mengelirukan pengejar-pengejarnya dan di sana lori mata-mata itu dibakar. Kedua-dua orang itu pun kembali ke pangkalannya mengikut jalan lain. Bagi mereka segala ceruk rantau kawasan di sana terpetta di hatinya.

Begitulah caranya pasukan ini bergerak melancarkan serangan-serangan melawan pemerintahan Jepun. Bagi mereka gerakan itu disebut sebagai *Gerak Kilat*—cepat, tangkas dan sebagai kilat disusuli dengan letusan seperti petir atau guruh. Pasukan itu diberi nama sebagai *Genila Kehangsaan* atau ringkasnya *Gerak* dari pangkal sebutan namanya, sesuai dengan cara tindakannya.

Pasukan ini dibentuk oleh pegawai-pegawai Melayu yang telah mahir dalam peperangan gerila tiada berapa lama sebelum jatuhnya kubu Singapura itu. Sesudah Tanah Melayu jatuh, pasukan Gerak itu bertindak mula-mula mencari rekrut daripada bekas-bekas askar dan pasukan *Volunteer* atau pasukan bersenjata yang lain. Bilangan pasukan itu pula membesar lebih daripada yang dijangka dengan adanya di antaranya orang-orang awam dan pegawai-pegawai kerajaan lama dan juga bekas polis Jepun yang menggabungkan diri sewaktu rumah pasungnya diserang. Selain daripada itu ada juga pasukan awam sebagai pasukan pembekal makanan dan penyuluhan-penyuluhan rahsia.

Malam itu ialah kali yang kecembilan mereka bergerak kilat dengan tujuan hanya untuk merampas senjata bagi rekrut-rekrut baru. Malam esoknya mereka bergerak pula ke timur. Dan sementara pasukan Jepun mengejar ke sana mereka sudah ada menyerang balai polis di sebelah barat. Demikianlah halnya mereka menyerang dan memperlambu-lembukan pasukan musuh.

Setelah ramai bilangan ahli Gerak itu mereka pun dibahagi-bahagikan menjadi beberapa pasukan kecil masing-masing dengan ketuanya yang telah mengambil bahagian sekurang-kurangnya di dalam lima pertempuran dan menunjukkan kebolehannya. Mereka diberi kawasan masing-masing untuk menyerang dan mempertahankan diri. Markas besarnya adalah di tengah-tengah hutan belantara di banjaran Gunung Titiwangsa. Tidak ramai yang mengetahuinya dan masing-masing hanya tahu pegawai satu peringkat dari dirinya. Peraturan ini

merupakan satu cara keselamatan bagi sekaliannya kerana jika tertawan salah seorang anggota banyak kemungkinan akan timbul. Manusia serba lemah.

Adanya Pasukan Gerak ini telah diketahui oleh SEAC atau Markas Tertinggi Pasukan-pasukan Bersekutu Asia Tenggara yang bertempat di Selon. Dan di Minneriya, di tengah-tengah hutan di Selon telah didirikan sebuah pangkalan kapal terbang yang besar dan dari situalah kapal-kapal terbang *Liberator* dan *Catalina* terbang ke tempat-tempat pasukan gerila yang lebih terkenal *Force 136* menggugurkan senjata, perbekalan ubat makanan dan alat-alat perhubungan serta pegawai-pegawai yang terlatih di dalam peperangan hutan. Di pantai-pantai Tanah Melayu tidak ketinggalan juga kapal-kapal selam menyusur serta mendaratkan pegawai-pegawai dari Selon.

Pasukan Gerak tidak henti diberi latihan oleh pegawai-pegawai itu baik di dalam cara-cara berjuang di hutan maupun cara-cara meletup dan membinasakan jambatan-jambatan, bangunan-bangunan penting dan sebagainya. Senjata-senjata bau pun tiba dibawa dari luar negeri seperti stenggan yang sangat berguna di dalam peperangan berhadapan di tengah-tengah hutan dan pritchetgan yang boleh dipatah-patahkan dan dibawa di dalam beg baju dengan tidak menimbulkan syak dan curig kepada sesiapa pun. Pendek kata, mengenai senjata sudah sedu untuk pasukan itu. Hanya semangat sahaja belum berapa diuji. Gerakan yang dilakukan selama ini hanya untuk merebut senjata sebagai sebahagian daripada latihan mereka.

Di Melaka ada seorang perempuan, Saadiah namanya. Dia anak udang, melepak kulitnya. Kacak orangnya. Dia daripada baka Cina. Sebelum pecah perang telah bertunang dengan seorang pegawai Melayu. Tetapi waktu Jepun, dia disergah di dalam rumahnya tetapi dapat dia melompat dari tingkap. Namun demikian, Jepun di bawah rumah mengejarnya kuat. Kais Saadiah memendekkan langkah. Tangan Jepun dapat mencapai bahunya. Laksana induk harimau menjaga anaknya daripada pemburu demikianlah hebatnya Saadiah menjaga kehormatan

nya. Tetapi buntut senapang yang dihentakkan di pelipis kepalanya meninggalkan kesan. Dunia berputar. Tenaganya hilang. Kelam.

Kemudian orang kampung menanyakan hal dan serta-merta mengucapkan simpati. Tetapi bila sampai di rumah, masing-masing berbisik-bisik di balik pintu. Tetapi bisikan itu terlalu kuat dibawa angin ke kampung lain. Saadiah rasa perlu bertindak. Mulut orang, kurang-kurang kuah dilebihkan sudu.

Dengan hati suci, dengan segala ikhlas diceritakan dari awal hingga akhir kepada tunangnya. Apa hasilnya daripada keikhlasan hati itu? Tunangnya segera berkahwin dengan dara lain!

Saadiah lari, lari terus ke pangkuhan Jepun. Jepun itu seorang pegawai tentera tetapi bekerja di pejabat awam. Bagi Saadiah, dirinya tiada berbadan lagi. Dia tiada lawa. Dia tiada kacak dan dia tiada maruah lagi. Dia tiada meminta simpati daripada se-siapa pun. Sekarang dia mengikut kata hati.

Hatunya penuh dendam.

Secara sulit, Saadiah telah menggabungkan diri dengan Gerak. Masa itu Gerak tiada mempunyai srikandinya. Gabungan itu dialu-alukan tetapi setelah diketahui jatar belakang Saadiah, Gerak berwaspada.

Satu malam di penghujung tahun *Showa 2603*, demikian mengikut takwim-takwim dalam zaman pemerintahan Jepun, satu mesyuarat tergempar telah diadakan oleh Gerak yang memanggil sekalian panglima daerah di suatu tempat pusat.

'Saya mengadakan majlis tergempar ini kerana satu perkara yang sangat penting,' kata pengurus majlis itu memulakan ucapananya. 'Hari ini ialah genap enam bulan Gerak ditubuhkan dan selama tempoh itu kita belum lagi ditimpa kekalahan. Tetapi kemenangan kita tidak dapat dimegah-megahkan ketika selama ini kita hanya menyerang tempat-tempat yang diduduki oleh anak-anak negeri yang dibeli perkhidmatannya. Di dalam perperangan dunia kemenangan yang begitu adalah kemenangan haijan. Bagi kita, di sini kita belum lagi menjalankan tugas-tugas kita sebenarnya.'

'Apa dia tugas-tugas kita tu?' tanya Ketua Selatan.

'Melenyahkan kekuatan musuh kita dan membinasakan tali-perhubungannya dan seberapa daya menumpukan pasukan-pasukan musuh di satu-satu kawasan supaya tidak dapat bergerak dan memberi bantuan atau menambahkan bilangan pasukannya di medan hadapan. Ini memudahkan Pasukan Bersekutu berjuang di medan hadapan dan menderaskan mereka membebaskan negeri kita ini.'

'Sebagaimana di Eropah sudah diadakan medan dengan pendaratan di Pulau Sicily dan pantai Itali, demikian juga di sini kita mesti adakan dua medan perang. Satu, di medan hadapan dan yang lagi satu, di medan belakang. Bila musuh terpaksa menghadapi dua jurusan pertentangan, maka dia akan ragu-ragu di mana satu yang hendak ditumpukan kekuatannya. Di dalam keraguan inilah kita mesti menyerang. Menyerang bersungguh-sungguh hingga melemahkan semangat musuh.'

Demikian bunyi perkataan yang tidak berapi-api, suara daripada seorang strategis—ahli muslahat perang.

'Semalam,' lanjut suara itu. 'Semalam markas telah menemui satu repot dari penyuluhan kita.'

Ketua-ketua daerah itu masing-masing mengesot ke hadapan hendak mendengar jelas apa kelak isi repot itu.

'Penyuluhan kita itu dapat repot daripada punca yang boleh dipercayai. Inilah sebabnya saya memanggil mesyuarat ini supaya dapat dilaksanakan sesuatu untuk kepentingan pertubuhan kita...'

'... Apa isinya repot itu?' pintas Ketua Daerah Utara tidak tahan sabar lagi hendak mengetahuinya.

'Ya, ya. Ini saya hendak terangkan. Mengikut repot ini Leftenan Jeneral Matsunaga akan tiba di Tanah Melayu untuk menjawat jawatan barunya.'

'Siapa dia Leftenan Jeneral itu?' soal Ketua Daerah Selatan pula.

'Dia seorang panglima tertinggi di kawasan Indo-China dan dia akan menggantikan Jeneral Aoki yang mengetuai bala

tentera Jepun di Tanah Melayu. Dia akan mulai memegang jawatannya pada awal tahun yang tidak beberapa hari lagi dan dia akan pergi ke Singapura dengan kereta api khas. 'Di sinilah satu peluang keemasan bagi kita. Kita akan membuka lembaran tahun baru, tahun 1944 dengan semangat baru, dengan satu kebangsaan yang boleh menyalakan api kepahlawanan di dalam dada anak buah kita.'

'Oleh kerana ini satu tugas yang amat penting oleh sebab nasib kita di masa depan bergantung atas kejayaan gerakan kita ini maka kali ini saya keluar dari garisan tatatertib perang. Saya tidak memaksa sesiapa pun untuk melancarkan gerakan ini tetapi saya pulangkan kepada sesiapa saja yang sanggup. Saya percaya tiap-tiap satu kejayaan itu hanya dapat dicapai daripada mereka yang sanggup dan dengan ikhlas menjalankannya sambil mengetahui sendiri betapa pentingnya tugas yang dijalankannya itu. Jadi, saya sekarang membuka soalan ini kepada majlis dan meminta perwira yang sanggup supaya mengangkat tangannya.'

Kelima-lima ketua yang menghadiri majlis itu mengangkat tangan. Pengurus serba salah.

'Saya sanjung tinggi akan kesanggupan tuan-tuan sekalian tetapi saya mesti menerangkan di sini bahawa hanya tinggal tiga hari saja lagi gerakan ini mesti dilancarkan dan itu bermakna di dalam ketiga-tiga hari itu mesti bekerja kuat. Seperti memilih tempat melancarkan serangan itu, kemudian cara-cara yang baik digunakan untuk menjalankan pekerjaan itu. Umpamanya kalau hendak memecahkan rel kereta api cara bagaimakah yang elok, waktu bila kereta api itu sampai dan bagaimakah hendak mengangkut bahan-bahan peletup dan bagaimana hendak mengundurkan diri selepas itu dan sebagainya. Sekalian ini mesti dikaji dulu. Tujuan mesti tercapai: jiwa jangan hilang. Sekali lagi saya meminta tuan-tuan fikirkan perkara ini baik-baik sebelum memberi kesanggupannya. . . .'

'... Maaf saya, Tuan Pengurus. Oleh kerana gerakan kita ini mesti dilancarkan pada jalan kereta api,' sampuk Johari,

Ketua Selatan. 'Dan jalan kereta api itu adalah di dalam kawasan saya, maka saya berasa gerakan ini adalah tanggungjawab saya. Saya percaya saudara-saudara sekalian bersetuju dengan saya bahawa satu-satu gerakan itu tidak dapat dijalankan dengan sempurna jika tempat yang dilancarkan serangan itu tidak diketahui ceruk rantaunya. Arah mana yang selamat dan bala mana yang berbahaya.'

Rakan-rakan yang lain mengangguk-anggukkan kepala, mereka menunjukkan bersetuju. Dengan itu juga, dengan tidak menyenggung perasaan sesiapa pun, maka Gerakan Matsunaga itu dijadikan tanggungjawab perwira Johari.

Setelah majlis bersurai Johari pun bertemu dengan pengurus majlis dan bertanya daripada siapa gerangan datangnya repot itu. Pengurus itu enggan memberikan namanya hingga tamat gerakan itu. Tetapi setelah lama berdolak-dalik maka terbukalah rahsia bahawa repot itu adalah daripada Saadiah.

Berubah air muka Johari sewaktu mendengarkan berita itu. Dia dan ketua-ketua lain sudah tahu siapa Saadiah itu. Mula-lah dirinya mencurigai. Benarkah laporannya itu atau satu perangkap? Tetapi ikrar sudah diberi: tugas mesti dijalankan.

Di dalam masa dua hari itu, anak buah Johari telah membuat segala persediaan dan Johari sendiri telah pergi menyiasat tempat yang akan dilancarkan serangan serta menentukan masa kedatangan kereta api pada malam akhir tahun 1943 itu.

Setelah sembahyang isyak di luar khemah maka masing-masing pun memikul alat-alat pembinasan dan letupan dan mula ke arah tenggara. Malam itu bulan sebesar sabit tetapi bintang-bintang banyak berkelip-kelipan. Pada bahagian muka bumi yang tingginya lebih 3,000 kaki dari paras laut, kabut sudah mula turun pada waktu itu. Kabut ini mendinginkan hawa dan mengurangkan peluh. Hutan di bahagian ini tebal juga tetapi oleh kerana sudah menjadi biasa maka alahlah bisa. Jika rasi tersesat bintang-bintang menjadi panduan.

Johari adalah seorang ketua yang kanan di dalam pasukan Gerak. Walaupun dia menggabungkan diri beberapa bulan

sesudah pasukan itu ditubuhikan, tidaklah kurang bangganya akan pasukannya itu. Selama penubuhan itu dia telah membekalkan bantuan wang iaitu sebahagian daripada pendapatan pembiagaannya itu. Membantu pasukan ini telah menjadi satu galakan besar baginya untuk bergiat lagi berniaga supaya bertambah besar lagi bantuannya kepada Pasukan Gerak itu. Tetapi selepas peristiwa Watanabe itu, dia tinggalkan pembiagaannya ke tangan adik sepupunya dan terus meminta panduan daripada seorang wakil Gerak masuk ke rimba raya.

Dalam masa tiga bulan kira-kira enam kali dia menyerang balai-balai polis merampas senjata dan ada sekali terserempak dengan pasukan kuda Jepun yang melintas di pinggir gunung di dalam kawasannya. Pendek kata tiadalah pula masih merah mentah lagi dia di dalam taktik peperangan gerila di dalam hutan dan dengan adanya latihan-latihan daripada pegawai-pegawai Melayu dari Selon dan India, maka cekaplah dia.

Walaupun cekap dia di dalam peperangan hutan namun sedar dia bahawa Gerak Kilat yang sedang dilancarkan sekarang ini adalah dari dalam gelap yang pekat. Adakah benar kenyataan laporan sulit Saadiah itu? Atau adakah itu satu perangkap semata-mata untuk membala dendam perbuatan pegawai Melayu bekas tunangnya dahulu itu?

Sungguh benar apabila seseorang perempuan itu sudah ada sesuatu di dalam hatinya, tidaklah akan dia menoleh ke kiri kanan lagi melainkan bernekad keroyo sahajalah hingga puas tasa hatinya.

Bagi diri Johari pula, jiwanya tiada bernilai lagi melainkan untuk menebuskan nama baiknya yang dianggap telah tercemar oleh perbuatan ayahnya itu. Tetapi setelah lama di dalam didikan ketenteraan British, dia mesti mementingkan jiwa anak buahnya. Biarlah hasil sesuatu pertempuran itu seimbang dengan jiwa yang terkorban. Dia tidak percaya akan Saadiah tetapi dia tidak sekali-kali mahu anak-anak buahnya hilang kepercayaan kepadanya.

Spanjang-pangjang jalan ke tempat serangan itu masalah

hendak menyelamatkan anak buahnya tmlah yang menjadikan soal baginya. Malang tidak berbau, teringat dia.

'Itu dia Danau Sebarang Tekah. Dah sampai kita,' kata Zainal salah seorang anak buahnya yang girang sungguh belum menewaskan musuh. Bapanya telah dibunuh di hadapan mata kepalanya sendiri. Kesalahannya: dia melakukan rotak seribu sewaktu berpencak dengan seorang askar Jepun yang hendak memperkosakan adik perempuannya. Askar Jepun itu tidak menyedarkan diri tetapi ayahnya tidak berjiwa lagi oleh sebutir peluru.

Sejurus kemudian terdengar bunyi kereta api berlalu. Masing-masing terhenti dengan muka tercengang dan hampir sambil memandang Johari. Terboloskah peluang keemasan daripada tangan mereka? Muka Johari cemas juga.

Dia lihat jaminnya. Kemudian dibanding jaminnya dengan jas Manaf, penolong kanannya. Dia berdiam diri. Jari telunjuk tangan kanannya terkulum di dalam mulut. Gigitnya menggigiti. Kereta api muncul dari sebelah bukit laju meluncur ke jambatan seperti ular keluar dari lubangnya. Diperhatikan kereta api itu tidak berkelip mata sebagai penjudi merenung dada yang sedang didesirkan di atas meja judi. Dia menarik nafas panjang dan serta-merta menghembuskan. Diurut-urut dadasnya. Kereta api gerabak itu berjalan terus tiada sedar dirinya diintai orang dari celah-celah hutan.

Danau Sebarang Tekah malam itu sunyi-sesunyinya menambahkan ngeri suasana di sekelilingnya. Danau itu sebenarnya sebuah lembah gunung penuh dengan pohon-pohon kayu. Waktu bah besar di Tanah Melayu, lembah itu tenggelam hingga ke pucuk pohon-pohon kayu itu, membawalah pada hari ini. Kadang-kadang apabila musim kemarau kelihatan dahan-dahan kayu yang di atas air yang hitam kemerah-merahan itu mengerikan orang memandangnya. Danau itu bukanlah danau seperti erti kata yang sebenarnya kerana di hujung danau ada kawasan rendah dan dari situ lah air danau lepas mengalir terus ke Sungai Sebarang Tekah. Pendek kata danau

itu menjadi hulu Sungai Sebarang Tekah dan bendungan airnya. Melintang di dalam danau itu ialah jambatan kereta api lebih seratus elai panjangnya. Di sinilah, di jambatan itu tempat Johari meletakkan harapannya untuk memendekkan riwayat Leftenan Jeneral Matsunaga dan memberi semangat kepada Pasukan Gerak.

'Kamu berdua tinggal di sini dan kamu berdua pergi ke seberang jalan kereta api di atas bukit sana. Perhatikan gerakan musuh dan beri isyarat jika ada musuh,' perintah Johari. 'Yang lain ikut aku. Bawa dinamit itu dan tali wayar itu lekas. Kita cuma ada lima belas minit saja.'

Mereka pun menuju ke tempat yang telah disiasat dan dipilih oleh Johari iaitu bahagian jambatan yang lemah sekali rangkanya. Membongkok-bongkok mereka memasang alat-alat peletup itu. Kalau dulu mereka hanya berlatih, kali ini benil-betul mereka memasang untuk membinaaskan jambatan ini dan mereka mesti membinaasanya jika mahu berjaya. Kerangat pun membasahi tubuh mereka, di tengah-tengah malam akhir tahun 1943 itu. Kurang sepuluh minit lagi tabir malam pun akan terbuka bagi awal pagi tahun 1944. Bekerjalah mereka di waktu itu seolah-olah mereka tidak akan wujud lagi di dunia esok harinya. Nafas pun semakin kencang. Mujur juga ketika itu Jepun belum lagi mengawal jambatan-jambatan kereta api kerana belum pernah ada peristiwa meletupkan jambatan berlaku. Hanya sekadar tiap-tiap kereta api membawa bersama pengawal-pengawal khas.

Sesudah sahaja alat-alat itu siap terpasang Johari pun memberi ucapan terima kasih kepada anak-anak buahnya dan memberi perintah meninggalkan dia seorang diri di balik sebuah batu besar tempat dia bakal memasangkan alat peletup itu pula. Juga diterangkan cara-cara mengundur diri yang bolch menyelamatkan mereka. Jika terjadi sesuatu hal yang terpaksa bersurai, maka eloklah mereka berkomando iaitu masing-masing dengan kebolehan dirinya baik hendak menewaskan seberapa ramai musuh atau menyelamatkan diri balik ke pangkalan.

Berperang sebagai komando ini selalunya menguntungkan pihak Gerak. Masing-masing pun bersiap sedia, jari di trigger stengan; mata mengawasi rakannya di hadapan, bakal dibantu apabila dia di dalam bahaya sementara telinga mendegar enjuk kereta api.

'Syyyyy! Kereta api!' bisik seorang rakan kepada rakan yang lain.

'Hisy! Mana? Ingatan kau saja!' tegur rakan.

'Dengar... dengar baik-baik. Pasang telinga kau tu.'

Peluh sejuk menitik dari bahu Johari. Dia telah terdengar bunyi kereta api itu. Dipegangnya hendak alat peletup itu se-rayai hatinya berkata, 'Hati-hati! Di tangan kau inilah letaknya kejayaan. Tersilap sedikit, jiwa kau dan semangat pasukan kau akan melayang. Hati-hati.'

Kereta api terus mendadak turun dari bukit menuju ke jambatan Danau Sebatang Tekah. Johari mesti lekas. Ketera api luar biasa lajunya. Dia mesti segera. Jambatan mesti meletup sesampai sahaja kereta api itu ke tempat terpasangnya dinamit itu supaya terus semuanya terguling ke dalam danau itu. Jika ada kereta api yang tersangkut, bermakna pasukannya mesti melawan pengawal-pengawal Jepun di dalam kereta api itu.

Bum! Bum!

Dua ledakan besar tiada jauh antara jaraknya dan terpelanting ke udara batu dan besi. Kemudian terjunamlah kepala kereta api membawa badan dan ekornya sekali ke dalam Danau Sebarang Tekah itu.

Syabas! Syabas!

Bersorak anak buah Johari yang sepatutnya mesti berdiari diri waktu perang dalam gelap. Tetapi hati riang tidak dapat disembunyikan lebih-lebih lagi terlihat derasnya kereta api itu menemui ajalnya dengan tiada menembak sedas pun.

Johari segera menyuruh orangnya berundur. Ini satu kemangan yang enggan disertai dengan pengorbanan atas pihaknya, jauh sekali mesti berlakunya itu kerana dalamnya di bahagian tempat terluncur kereta api itu dijangka setinggi

pohon nyiur. Walau sekalipun bertindih-tindih kereta api itu dengan gerabak penumpangnya, tidaklah meningkat denjikan tinggi hingga membolehkan askar-askar Jepun melepaskan diri. Sekalipun ada yang bernasib baik, dia akan mengambil masa juga menyeberangi tebing dan mendaki curam yang tegak itu.

Sepanjang jalan pulang ke pangkalan itu anak-anak buah Johari berperi-peri mengulang-ulangkan kembali apa yang disaksikan dan dikerjakan oleh diri masing-masing seolah-olah memberitahu rakan-rakan bahawa peranannya juga tidak kurang pentingnya bagi menjayakan Gerak Kilat pagi tahun baru itu.

Puas Johari memberi isyarat suruh menutup mulut tetapi hanya sekejap sahaja dapat dihentikan suara mereka. Tetapi hati yang terus ghairah dapat lega hanya dengan melepaskan hawa berkata-kata silhaja. Mereka lupa suara mereka pada pukul 01.00 pagi itu lantang di dalam gelap sepi.

Satu jam sudah mereka berjalan mendaki gunung balik ke pangkalannya. Tidak berasa letih mereka dan terus berborak-borak hingga tiba ke suatu tanah lapang bekas ladang orang datar. Mereka pun mengharung di celah-celah pokok ubi dan cemperai yang baru bertunas semula ditinggalkan. Sedang mengharung itu tiba-tiba kedengaran bunyi seperti tiupan wisel dan baaarn! Tanah terbongkar berterbangan di udara. Di pusaran cahaya api letupan bom mortar itu kelihatan Manaf yang tidak berapa jauh dari situ tersungkur.

'Manaf!' laung Johari sambil menghambur ke hadapan hendak mendapatkan Manaf yang rebah di tepi lubang yang baru terbongkar oleh letupan itu.

Baaaam!

Terbongkar lagi tanah yang berdekatan dengan lubang pertama tempat Johari menghalau itu. Berderai kembali turunnya tanah itu bagi hujan gunung berapi.

Gelap!

MALAM itu ribut. Kilit dan guruh memancar dan menyambut. Angin menderu kencang membawa bersama-sama hawa sejuk. Sejuk tajam mencucuk ke tulang sunsun. Di dalam suasana demikian, terdengar di tengah-tengah ribut suara orang yang lebih bengis daripada ribut dan guruh menjerit kuat:

‘Manaf! Manaf!’

Kemudian kedengaran pula bunyi sepatu orang berlari dan bisikan halus:

‘Syyyyy! Diam! Diam! Jangan bergerak.’

Orang itu bertambah kuat bergerak sambil mulutnya mahu memanggil nama takannya itu. Kemudian terasa dia kedua-dua belah tangannya dipegang orang. Dia meronta. Tangan orang itu menekan kuat tangannya hingga memanjang telentang. Sementara itu, di atas dadanya terasa seperti suatu benda jauh menekan serta menyesakkan sedikit pernafasan. Serentak dia terasa bibirnya terkucup dahi yang halus dan hidungnya tertutup rambut yang panjang. Dia kagum memikirkan siapa getangan orang yang menekannya itu. Terdiam dia sebentar mampakala satu perasaan ganjil menjalar di tubuhnya. Siapa getangan yang menekannya sedemikian rapat itu? Bau rambut orang itu memusarkan fikirannya. Dia menarik nafas dan meronta. Terasa dia kesakitan. Ribut di luar tempat itu menjadi. Dironta-rontanya lagi.

‘Doktor! Doktor! Lekas mari doktor!’ panggil suara halus ditenggelamkan oleh ribut dan guruh.

Orang yang tertekan itu berdiam diri bukan ketemu

kesakitan tetapi kerana mendengarkan suara halus dan hal dirinya ditekan oleh empunya suara halus itu.

'Doktor! Doktor! Dr. Saito lekas marilah!'

'Ya, ya! Ini saya marilah,' jawab lelaki bertelor Jepun di hujung tempat yang lebih gelap itu.

Terdengar sahaja suara telor Jepun itu, orang itu pun meronta lebih kuat lagi daripada yang sudah-sudah. Terlupa dia akan perempuan kaum lemah, orang yang menekannya itu. Perempuan itu terlepas pegangan.

'Jangan berkeras-keras. Terbuka nanti luka di bahu itu! Dr. Saito, lekas!' panggil perempuan itu lagi meminta pertolongan.

Dr. Saito tiba di situ dengan alat penyuntik kemudian berkata, 'Ini awak pigang rampu kasi suruh dia punya rengan. Situ . . . situ. Itu tak ada sakit punya.'

'Apa nak dicucukkan lengan aku ni?' tengking orang itu. 'Kalau aku sudah dalam tawanan, bunuh saja aku ni. Jangan nak hidup-hidupkan lagi.'

'Saudara, mintak tolong. Jangan berkeras. Kami nak menyelamatkan saudara. Bahu kiri saudara kena serpih bom meriam katak,' ujar perempuan itu cuba menerangkan.

'Bunuh, bunuh saja aku! Apa yang nak dihidupkan lagi? Engkau Saadiah ya? Pembelot, penjerat.'

'Sabar, sabar dulu, saudara. Saudara dalam rumah sakit gila di tengah hutan.'

'Apa bising-bising? Kasi rekas pegang dia punya tangan. Mau kasi cuciuk ubat,' sampuk Dr. Saito.

Orang itu kebingungan mendengarkan kata-kata perempuan tadi. Di dalam kebingungan itu perempuan itu pun segera menggosok *spirit* ke atas lengannya dan Dr. Saito pun memasukkan ubat. Apabila terasa sakit orang itu pun menyentap lengannya. Mujur juga sesudah masuk ubat itu dan Dr. Saito hendak menarik keluar jarum itu.

'Penipu! Penipu! Kalian pasukan Jepun nak mencungkil rahsia daripada aku!' pekik orang itu sekuat-kuat hatinya.

Satu ledakan petir yang kuat menyahut jeritan orang itu.

Oleh sangat kuatnya petir itu perempuan itu pun terduduk memegang hujung katil buluh dan tercangkuk jarinya dengan jari si sakit.

Suni semula selepas lalu petir itu.

Sedikit demi sedikit ubat itu meresap ke dalam tubuh orang itu. Walaupun orang itu menceceh-ceceh namun suaranya makin lama kian mendalam hingga akhirnya kedengaran dengkur dan nafas kasarnya. Apabila hilang suara garangnya tetapi pula perempuan itu akan jarinya tercangkuk dengan jari orang itu. Perlahan-lahan diuraikan cangkukannya itu dan menarik keluar jarinya. Dia tersenyum.

'Orang ini nampaknya ada susah sikit kita mau jaga,' terang perempuan itu kepada Dr. Saito.

'Oh! Jangan takutrah. Ini sekarang dia punya kepara ada fikir itu perang punya tempatrah. Nanti sikit-sikit kita juga baik-baiku dia borch baiku. Tapi dia sama Nippon banyak marah. Awak mesti pandai-pandai ya jaga sama dia.'

Orang itu sudah jauh ke alam lena bahana ubat pelali ini. Sementara itu, kedua-dua Jepun dan perempuan Melayu mencuci dan membalut semula luka di bahunya yang seperti ketikam dan hampir meninggalkan lengannya. Luka itu sangat parah dan jika sembuh sekalipun tiada kemungkinan lengannya itu dapat bertenaga seperti sedia kala.

Matahari sudah tinggi tegak di atas angkasa. Cahayanya memanah mata pesakit itu. Dia membuka matanya. Kelihatan dia belakang perempuan sedang duduk di hujung kakinya. Dia bergerak hendak mengalihkan kakinya tetapi terkuit punggung perempuan itu. Perempuan itu menoleh. Dia memejam-mejamkan matanya. Dari bibir matanya itu dia mengintai. Mengintai gebu orangnya. Lembut tampan paras wajahnya. Bibir yang seakan-akan tersenyum itu membawa sinaran sang suria di hati yang penuh dengan kabus walang.

Inikah dia Saadiah?

Perempuan yang terasa dirinya diperhatikan orang dari kerutan kening pesakit itu pun terekah bibir yang tersenyum itu.

'Saudara Johari, bangun. Tolong minum ubat ini.' pujuh perempuan itu.

Johari membuka matanya.

'Aku tak perlu hidup lagi. Mana dia anak-anak buah aku?' Meletus keluar suara Johari.

'Syuu! Saudara tidak payah merunsing-runsingkan perkara itu. Di sini sekarang saudara mesti berehat. Ini bukan medan perang.'

Lembut benar suara perempuan itu. Johari khusatir perempuan itu sedang menjalankan daya penariknya untuk mencungkil rahsia. Siapakah sebenarnya perempuan itu?

'Saudari ini siapa?' Tercetus keluar pertanyaan yang lama hendak disemburkannya itu.

'Saya Juriah, jururawat di sini. Mari lekas minum ubat ini.' Datar sahaja suaranya seolah-olah enggan dia berbanyak-banyak cerita mengenai dirinya. Ubat di gelas kecil diunjukkan kepada Johari.

Johari meneguk ubat itu dan setelah itu Juriah pun berangkat pergi. Kesal Johari tidak dapat berbual lama-lama dan mengetahui lebih lanjut lagi perihal diri perempuan itu. Tetapi hatinya tidak lepas daripada syak dan waham, tidak lepas daripada kongkongan kecurigaan lebih-lebih lagi adanya Dr. Saito, satu nama seakan-akan bunyi nama Jepun dan juga pelat Melayunya tidak ubah seperti pelat Jepun yang mengarahnya kerja di bawah jambatan di Singapura dahulu. Kelak Juriah itu sebenarnya Saadiah dan Jepun itu kendaknya dan mereka berdua hendak mencungkil rahsia Pasukan Gerak. Demikian hatinya berkata-kata.

Dipalingkan mukanya ke arah kiri. Pertama kali dia sedar dinding tempat terlantar itu adalah daripada batu, bukan berukir bukan dibina tetapi hanya serba kasar dan tiada kelihatan apa-apa cantuman pun.

'Aku ni di dalam gua rupanya,' kata hatinya.

Dilemparkan matanya ke tempat tembusnya cahaya matahari. Bukan tingkap tetapi hanya lubang kira-kira dua kaki

setengah tingginya dan lima kaki panjangnya membujur dengan batu besar menghalang di sebelah bawalinya. Diriba tepi katilnya—hanya buluh—tetapi tilamnya tebal juga, rasanya berlainan daripada tilam biasa. Teringat dia berbaring di atas timbunan rumput di dalam gerabak lembu tempoh hari. Besar pusar fikirannya.

Diangkat tangan kirinya hendak menggaru kepala. Tidak terangkat tangan itu; sebaliknya terasa sakit. Dijelungnya. Kehilahan tangannya berbalut besar. Merenung dia ke atas langit, langit gua itu. Terbayang dia akan serangannya terhadap kereta api yang membawa Leftenan Jeneral Matsunaga. Perasaannya bercampur suka dan duka. Apabila teringat dia akari anak buahnya, kepalanya terasa berat lalu dia tidur menutup matanya.

Tiga hari Johari memberatkan mulut. Boleh dikatakan se-patah pun tidak kedengaran suaranya. Pernah juga Jurah hendak melawannya berbual-bual, tetapi usaha itu seperti menyuruh kera membalsas pantum.

Dr. Saito hanya memeriksanya pada malam hari sahaja kerana takut kalau-kalau kebenciannya terhadap Jepun itu membuatnya meronta-ronta dan membelahkan semula luka di dadanya.

Tetapi kini luka jasad hampir sembuh, luka rohani menanah pula.

Pada hari keempat Johari meimbisu, Dr. Saito pun menghampiri katilnya serta menghulurkan tangannya. "Seramat pagi Sudara Johari."

Johari menepis tangannya yang meminta persahabatan itu. Dia memalingkan kepalanya ke arah lain.

"Sudara Johari, saya percaya sudara tidak mau tinggar rama-rama sini. Sudara mau rekas baiku dan rawan musuh," ucap Dr. Saito, walaupun telor Jepunnya tidak dapat ditinggalkan, namun dicubanya membetulkan susunan bahasa Melayunya. "Tetapi sudara karau ada benci, penyakit tidak boreh baiku. Sekarang saya mau torong sudara. Kasi tau sama saya apa sudara punya susah."

'Sudah! Sudah! Kerana kau dan bangsa kau, aku dan bangsa aku derita dan melarat,' pekik Johari sekuat-kuat hatinya.

Terdengar kata-kata itu, Juriah pun segera berlari di dalam gua itu lalu mengangkat kepala Johari dan menutup mulutnya dengan jarinya. 'Saudara, mengapa ini? Biarlah benci kepada musuh. Tapi ini rakan dan saudara seperjuangan kita!'

'Tak apa Juriah. Biar dia keruaru semua apa ada dalam dia punya hati. Kita sini mau kasi baiku dia punya badan sama dia punya hati,' kata Dr. Saito dengan tenangnya.

'Saudara Johari, saya juga satu orang Jepun tapi saya kasi saya punya puji sama terima kasih sama studara kerana dapat bunuh Lettenan Jeneral Matsumaga. Semaram itu Tokyo punya radio ada kasi keruaru *news* itu Matsumaga sudah mati. Tapi Radio Tokyo kata dia mati rawan perang. Dia mau datang Marai tapi itu dekat Burma dia sama-sama pergi perang. Habis sudah kena kapal terbang punya bom. Tapi itu semua propaganda. Iturah seterusnya saya punya hati banyak sakit. Banyak buat sarah, kasi tipu orang, tak macam duru-duru punya Jepun.'

'Doktor seorang Jepun, kenapa sekarang salahkau bangsa Jepun sendiri?' tanya Johari yang kini penuh kehairanan melihat sikap Dr. Saito yang terkeluar daripada batasan tabiat Jepun yang biasanya sedia membelia bangsanya sendiri.

'Apa itu bangsa?' soal Dr. Saito, penuh kebencian dalam suaranya. 'Kita semua duru satu—abang adik. Tapi ada orang jahat kasi rawan kasi pecah-pecah. Sekarang ada Jepun, ada Merayu, ada Inggerisu, Amerikana. Ragi, banyak ragi. Daram Jepun bukan semua Jepun baik. Daram Marayu, bukan semua Marayu baik. Daram Inggerisu, buka semua ada baik. Daram Nippon, ada anti-Tojo, anti-militeri, anti-Fasis. Ada juga *Black Dragon*. Bukan semua Nippon suka Tojo, suka perang!'

'Tapi saya sim Marai sudah 27 tahun mari. Saya jadi doktor dan Marai ada kasi saya kaya dan duduk senang. Saya banyak suka sama orang Marayu. Hati baiku, banyak hormat. Tapi saya takap jangan marah, ya. Orang Marayu sama orang Marayu, satu hati tak ada. Satu jadi orang besar, lagi satu mau kasi jatuh.'

Tapi orang Marayu sama orang ruaru banyak baiku. Dia orang jadi besar orang Marayu tak ada kacau-kacau. Ya, hormat, hormat. Ini macam, rama-rama orang Marayu nanti hirang-jit.

"Sekarang orang Jepun sudah perang. Orang British mau tangkap saya. Orang Marayu kasi simpan saya. Tapi bira orang Jepun sudah datang, saya punya hati banyak sakit. Itu sojar tak ada adat. Perempuan kasi buat tak baiku. Orang tutu sunuh panjat kerapa. Itu orang-orang muda kasi tangkap bawak ne pergi Siam, Burma dan jauh-jauh tempat. Daram nigri sila punya sarah kasi potong kepara. Itu macam Jepun punya perintah sini rama tak boleh duduk.

"Nippon sama sini punya nigri sudah rama ada cerita. Ad buku rama kata dulu tahun 754 ada satu Cina punya orang besar bawa satu orang Marayu pergi negeri Nippon. Tahun 1546 Yaziro dari Kagoshima ada pergi Marakka jumpa Francis Xavier. Habis bariku nigri, dia kasi banyak orang Nippon masuk Kristian. Ragi banyak ragi cerita rama-rama kasi tunjuk Nippon sama sini punya nigri sudah rama kenara.

"Sini seberah saratan punya nigri Nippon banyak torong orang-orang nigri rawan musuh. Tahun 1587 bira Magat Saramat, satu orang Filipino rawan sama Spain punya kerajaan banyak orang Jepun pergi torong sama dia kasi bebasu tiga. Tahun 1623 bira orang Ambon rawan Baranda orang Jepun kasi torong.

"Sekarang Jepun datang Marai, tapi tak ada betoru perintah. Kasi mati orang tak sarah. Sekarang orang Marai mau rawan Jepun. Saya pun sama-sama ikut. Ini Marai saya punya nigri juga. Duru dia kasi saya kaya saya boreh hidup sinang; sekarang orang jahat datang. Saya juga mau sama-sama rawan. Biar dia mati rawan saya punya bangsa sendiri. Tapi saya mau ma ingat saya rawan sama yang jahat."

Johari terpegun dan kagum mendengar Dr. Saito mempertahankan diri dan perjuangannya. Benarkah kata-kata Dr. Saito itu atau hanya untuk menutupkan cita-cita sulitnya hendak mengintip Pasukan Gerak? Belum pernah dia dengar Jep-

belot pada bangsanya. Tetapi orang Melayu ada juga pembelotnya. Dol Said dan Tok Gajah tewas kerana musuh dalam seblum. Teringat Johari akan ayahnya sendiri. Johari tetap mendiamkan diri hingga akhirnya Dr. Saito mengundurkan diri dengan perasaan yang berbaur.

Waktu hari hampir senja sebagai Juriah tiba di katil Johari hendak mengelap badannya kerana Johari belum boleh berjalan—kaki kirinya didapati terseliuh. Pada petang itu dengan tidak semena-mena Johari lekapkan tangan kanannya ke atas tangkup tangan Juriah yang sedang mengelap badannya.

Juriah tersentak tetapi oleh kerana dia lebih tua dan berpengalaman sebagai jururawat, jadi tidaklah ternyata apa-apa perubahan daripada mukanya melainkan seolah-olah terpecahan kerana Johari tidak pernah melakukan demikian selama ini. Bibir Juriah yang memang sentiasa tersenyum itu disenyumkan lagi sambil memandang muka Johari.

'Juriah,' panggil Johari, garau suaranya.

'Ada apa-apa?' Lembut benar Juriah bertutur.

'Juirah percaya sama Dr. Saito itu?' soal Johari.

'Saudara. Mengapa saudara tanya itu? Kami sudah berbulan-bulan di sini dan kelakuan Dr. Saito itu . . .'

'... Bukan itu saya maksudkan,' pintas Johari mematahkan kata-kata Juriah itu. 'Percayakah Juriah akan sikap doktor itu terhadap perjuangan kita?'

'Syak wasangka itu selalunya menutup mata hati kita. Saya tak tahu apa yang mendorong saudara masuk hutan ini. Tetapi dia, dia sudah nampak jelas di depan matanya kekejaman bangsanya sendiri. Dia dulu buka kedai ubat sendiri. Tempoh British menangkap orang-orang Jepun, dia dapat perlindungan daripada seorang pegawai Melayu. Habis bila Jepun masuk dia pun pergilah ke kedainya hendak tengok adakah lagi atau tidak. Kemudian waktu dia pulang ke rumah keluarga angkatnya, didapati pegawai Melayu itu terguling di bawah pohon kelapa dengan belakangnya berkesan ditikam bayonet dan pentruannya yang mengandung mati dalam biliknya.'

'Baginya hidup adalah untuk kebenaran dan keadilan. Lebih-lebih pula sudah bergaul beberapa lama dengan orang-orang kita dan telah meninggalkan negerinya sendiri berpuluhan-puluhan tahun. Jadi, semangatnya tetap di sini. Walau ada sedikit perasaan kasihkan bangsanya, perasaan itu binasa oleh perbuatan kekejaman bangsanya itu sendiri. Bagi Yah, di sini Yah tak menaruh apa-apa sangkaan jahat atas Dr. Saito itu. Dia memang seorang yang benar-benar mencintai tanah air kita. Kalau lama kita berbual-bual sama dia, baru kita mengenal dirinya yang sebenar.'

'Lagipun tidakkah kita berjuang dan hidup mengikut satu-satu dasar sekurang-kurangnya mengikut ajaran Islam,' tiba-tiba Juriah, memandang ke langit-langit gua itu hendak mengingatkan dirinya; kemudian berbalik memandang Johari. 'Lupakah saudara apa yang termaktub di dalam Quran yang berbunyi lebih kurang demikian: "Di dalam sesuatu peperangan sekiranya si kafir itu ingkar akan janjinya beberapa kali, barulah kita memansuhkan perjanjian itu. Tapi tiap-tiap kali dia ingkar berikanlah masa untuk bertaubat sebelum memberi keadilan sewajarnya. Hukumkan ketua mereka dan jika ada yang meminta perlindungan, berilah kepadanya. Biarlah dia mendengar firman Allah dan pimpinlah dia ke jalan selamat. Jujurlah kepada mereka yang jujur. Perangilah peperangan yang suci tetapi hasil peperangan jangan direbut. Hanya Tuhan sahaja berkuasa membahagi-bahagikannya. Kasihlah musuh kamu supaya kasih jadi balasannya".'

Terpaku Johari di katilnya mendengar suara yang penuh ketuhanan itu.

'Kasihlah musuh supaya kasih jadi balasannya.' Berdengung-dengung ayat ini di telinganya. Lama direnungnya langit-langit gua itu hingga tiba gelap malam dan Juriah beredar dan situ.

Malam itu malam lima belas. Kira-kira pukul sembilan, bulan mulai kelihatan tersenyum menyebarkan seri cahayanya. Kira-kira pukul sepuluh kelihatan Juriah keluar dari dalam ge-

lip gua itu dengan rambutnya terurai berjalan mendada dengan dagunya terangkat-angkat sebagai permaisuri hendak ditabalkan di atas takhta kerajaan. Selangkah demi selangkah jalannya sungguh lembut. Terbayang tumitnya merah. Lembut halus kulitnya dan tanah yang dipijaknya rela menyambut tekanan daripada kaki yang kecil itu. Menghala kaki itu ke katil Johari. Kemudian berhenti dia. Ditariknya kain paracut di hujung kaki Johari itu hingga ke lututnya. Kemudian teringat akan seluah bahagian buku lali kaki Johari itu. Dia buka semula kain paracut itu diraba-rabanya bahagian anggota yang malang itu. Surut sudah bengkaknya. Diselubung semula kain paracut itu hingga ke dada Johari. Perlahan-lahan dengan lemah lembut dijalankan kerjanya takut kalau-kalau Johari terkejut. Tetapi di bawah lindungan lengan kanan Johari yang menutup mukanya, mata Johari terkebil-kebil memerhatikan Juriah. Walau-pun perbuatan Juriah itu dilakukan saban malam tetapi hanya malam itu sahaja disedari oleh Johari. Sejak mengambang bulan purnama tadi puas ditidurkan matanya, tetapi matanya enggan pejam.

Setelah menyelimutkan Johari, kaki Juriah menghala ke pintu gua itu. Kacak sungguh susuk badan Juriah dibayangkan oleh pancaran cahaya sang rembulan yang lembut itu menembusi pakaian Juriah. Tercolek perasaan yang melihat. Sampai sahaja di pintu gua itu, Juriah pun duduk bersandar di muka pintu dan memandang arah ke sana pintu. Kelihatan dahinya luas, hidungnya mancung tidak berapa tinggi, bibirnya nipis dan dagunya lancap.

Jiwa Johari yang dahulunya penuh gelora hidup hingga tidak sempat menikmati keindahan kini terasa pula terbuka pintu hatinya untuk sesuatu yang tiada berat, sesuatu perasaan yang ringan yang melegakan bebanan hidup. Di hadapan matanya Tuhan memberi penglihatan yang indah. Waktu senja tadi telah kedengaran dia akan kata-kata yang indah—kata ketuhanan. Malam ini kelihatan dia akan ciptaan Tuhan yang indah yang dahulunya berlalu sahaja di hadapan matanya.

Setelah lama Juriah duduk tersandar itu, dia pun menyeluk dari dalam anak bajunya sekeping kertas dan dengan pensel yang selama ini dipeluk oleh jari tangannya ditulislah ayat-ayat di bawah sinaran bulan purnama itu. Sekali-sekala tersandar dia semula dan digigit-gigitnya batang pensel itu kemudian ditulis semula di atas kertas itu. Mahu rasanya Johari menghampiri belakangnya mengintai tulisannya itu. Tetapi apakan daya kakinya tidak memberi.

Setengah jam kiranya Juriah menulis dan termenung. Kemudian dia pun berangkat dan terus naik di atas katil yang bersejiring dengan Johari. Tidak berapa lama kedengaran suara dengkur kecil.

Johari memandang cahaya bulan. Dia tidak dapat tidur dan sekali-sekala terdengar dia orang mengerang di bahagian dalam gua itu. Hartus orang-orang yang menghidap sakit perut dan buang-buang air yang diasingkan di sana sedang kesakitan.

Genap tiga minggu Johari di dalam hospital Pasukan Gerak itu. Seorang yang berpakaian hijau lengkap dengan stengah dan pedang Jepun tiba di katilnya. Dia bukan sakit tetapi dia hendak menanyakan khabar dan membawa laporan kesihatannya balik ke markas. Johari lama merenung muka perwira itu. Perwira itu tersenyum sambil menguisnguiskan misai dan jambangnya yang lebat itu supaya dapat Johari menangkap rupa asalnya dahulu.

'Kenal?' soal orang itu.

'Haai Megat! Kalau aku jumpa kau tengah hutan, aku bentuk perut kau. Ha ha ha!' lawak Johari dengan rakan lamanya itu.  
'Di mana kau sekarang?'

'Memimpin pasukan kau!' jawab Megat Musa.

'Ya? Manaf, Zainal, Senin dan lain-lainnya mana?'

'Lepas serangan kau tu berjaya malam itu, empat orang terkorban- Manaf, Zainal, Muin dan . . . siapa tu . . . Syarif Syarif meninggal dalam perjalanan ke hospital sini bersama-sama kau.'

*'Inna lillahi wainna ilaihi raji'un!'* sambut Johari dengan rasa sedih.

'Tapi tak mengapa itu, Johari. Korban itu bukan sia-sia. Kami pergi semula dua hari kemudiannya di tempat korban itu. Apa yang kami dapat? Bangkai sembilan orang Jepun. Lima orang kena tembak dan empat orang—aku pun tak mengerti, agaknya membunuh diri menyembelih perut. Aku tengok keempat-cincin orang itu perutnya terburai.'

'Segala puji bagi Tuhan yang Maha Esa,' balas Johari bersyukur.

Kedengaran bunyi selipar Dr. Saito disusul pula oleh Juriah.

'Sudara, ini repot sudah siap,' ujar Dr. Saito lalu ditunjukkan sekeping kertas nipis kepada Megat Musa. 'Sudara tahu, Johari banyak baik punya orang. Hari banyak keras, banyak berani. Nippon saya punya bangsa dia rawan, ha ha ha!'

'Oh, ya!' sahut Megat Musa. 'Johari boleh bangun?'

'Belum boleh lagi, Encik Megat,' jawab Juriah. 'Mengapa?'

'Tolong dudukkan dia,' pinta Megat Musa.

Juriah dan Dr. Saito pun dudukkan Johari tersandar dia di tembok gua itu.

Megat Musa pun melucutkan pedang Samurai Jepun dari pinggangnya lalu bergaya sebagai pegawai tentera dia menapak tiga langkah mara ke hadapan serta menatang pedang Samurai itu seraya mempersembahkannya kepada Johari. Dr. Saito dan Juriah bersama-sama berdiri betul penuh khidmat menyerahkan tanda jasa peperangan yang besar itu diterima oleh Johari dengan tangan kanannya. Pedang itu berat untuk dipegang sebelah tangan. Pedang itu hampir jatuh lalu segera disambut oleh Juriah dan diletaknya di atas riba Johari. Johari memaling mukanya seraya tunduk mengeluarkan air mata yang tidak semena-mena menitik.

'Dr. Saito, nah tangan saya. Saya minta maaf dan semoga lekal persahabatan.'

Dr. Saito menyambut tangan yang kurus itu dan me-

ngetap-ngetapkan bibirnya. Dia juga terharu. Seumur hidupnya tiada manusia yang pernah merendahkan diri di hadapannya. meminta maaf akan kesalahannya. Tiada sia-sia juga anutannya—keadilan dan kebenaran.

'Megat, bila kau pulang pangkalan nanti sampaikan salam aku kepada . . . kepada anak . . . bu . . .'

Johari tidak tahan lagi lalu tidak malu-malu lagi menangis tersedu-sedu. Hanya mereka yang pernah menjadi pegawai yang kasihkan orang-orang di bawah tangannya sahaja yang dapat memahami hati Johari. Juriah tidak tahan berdiri di situ lalu masuk ke bahagian dalam gua. Tangis hiba mudah berjangkit.

Kini, sudah dua bulan Johari terlantar di hospital gerila itu. Belum juga dapat dia bangkit berjalan. Tangan kirinya pun sudah hilang kuasa dan sekarang tinggal terkulai. Johari tidak sabar. Dia mahu segera keluar hospital dan berbuat baki semula.

Satu hari dia cuba berdiri hendak berjalan-jalan di dalam gua itu. Dikesot punggungnya di tepi katil itu seraya meletakkan kakinya, selepas sebelah, sebelah lagi. Berdiri dia hendak berjalan. Bedebub! Jatuh dia tidak dapat bangun lagi. Juriah dan Dr. Saito yang di bahagian lain gua itu sedang merawat orang-orang sakit. Duduklah Johari berlunjur di atas tanah itu hingga kira-kira empat jam lamanya waktu makan tengah hari. Juriah yang tiba mengangkat hidangan makanan menjerit terperanjat melihat keadaan Johari di atas tanah gua itu.

'Kenapa ni, saudara?' soal Juriah.

'Saya nak berjalan-jalan,' jawab Johari.

'Hah! Tak boleh bersabar saudara ini. Pantas tewas, nam-paknya. Hendak lama tinggal di sinikah?' usik Juriah, menjeling lalu mengambil tangan Johari diletaknya di atas bahunya sambil tangannya sendiri memeluk di bawah ketiak Johari. 'Ayuh! Bangkit. Nakal betul budak ni.'

Perlahan-lahan Johari bangkit dan duduk semula di atas katilnya.

'Jangan tinggalkan katil ini kalau tiada Yah atau Dr. Saito,' perintah Juriah.

'Maaf Mak Misi,' gurau Johari. 'Rasa hati gunung nak dipeluk, apakan daya sekarang tangan tak sampai.'

Juriah menoleh dan membalsas senyum. Johari kembali bersandar di tembok gua itu. Matanya bersinar-sinar merenung Juriah.

'Yah, mari sekejap,' panggil Johari.

'Hendak minum?' soal Juriah sambil tersenyum..

'Mau juga!' sahut Johari.

'Air apa?' tanya Juriah.

'Air atma jiwa!'

Juriah tersenyum simpul. Baharu hari itu kelihatan Johari akan lesung pipit Juriah.

'Apalah Jo ni bergurau-gurau saja. Cakaplah air apa?' soal Juriah penuh manja.

'Mari dekat sini.'

Juriah menghampirinya.

'Boleh tolong?' tanya Johari

'Tolong apa?' balas Juriah.

'Tolong ajarkan Jo berjalan.'

Juriah terbahak-bahak ketawa sambil menjeling-jelingkan matanya dan berkata, 'Jo dah jadi kanak-kanak kecil! Nak belajar, baik pagi hari ya. Urat masih lembut.'

Perhubungan antara mereka berdua makin rapat dan satu perubahan besar sedang meresap di hati Johari yang penuh benci dahulunya itu.

Persahabatannya dengan Dr. Saito tidak lagi begitu tegang. Pada suatu hari dipanggilnya Dr. Saito, 'Doktor, macam mana saya ini? Tangan saya kalau sudah tak boleh pakai dan kaki saya satu sudah tempang. Apa boleh saya buat nanti?'

'Jo, ini tangan kaki tak ada, tak mengapa. Tapi sini kepara kosong sudah *dame yo*, orang Jepun cakapu. Sudah tak boreh buat apa-apa. Tapi Jo umur berum tua. Saya tengok Jo pandai. Kepara ada isi, macam-macam boreh buat. Tapi pigi petang

tak boreh. Kaki tak boreh rari kuat. Tapi saya kata ada satu orang Amerika, Heren Ketter, dia punya mata buta, dia punya murut tak boreh cakapu, dia punya tiringa tak boreh dingara. Tapi dia banyak sudah turis buku, banyak kasi rekcer dan ada masuk wayang. Apa macam itu?" cabar Dr. Saito.

Mengangguk-angguk kepala Johari dan matanya mendalam, 'Tapi saya, apa saya boleh buat? Saya perang suka. Sekarang sudah tidak boleh perang lagi.'

'Saya cakap ya,' balas Dr. Saito cuba menerangkan, 'Kita hidup bukan mau perang saja. Kita mau buat negeri, mau buat bangsa jadi besar. Ada orang boreh masuk poritik, ada orang boreh turis kasi orang pikir daram-daram, kasi tukar orang punya pikiran. Ada orang boreh turis cerita, buat buku nyanyi Ragi macam-macam. Tapi Jo punya hati tak ada sama. Tapi boreh buat satu. Kasi buat bangsa besar. Tapi saya tak boreh buat macam Jo. Jadi, sekarang Jo mesti pikir apa Jo boreh buat, Jo, saya cakap jangan marah ya. Marayu punya bangga muda. Jepun banyak tua. Jepun sudah 2604 tahun. Jadi Marayu punya pikiran belum tinggi. Jo sudah sekorah Jo tahu baca, Jo boleh kasi tinggi Marayu punya pikiran.'

'Macam mana nak buat tu?' soal Johari.

'Jo boreh turis buku banyak-banyak. Baca buku tan bangsa—Jerman, Perancis, Rusia. Jangan Inggeris saja. Habis pikir baik-baik. Repas itu kasi pikir sama orang Marayu. Kasi buat cerita; kasi orang Marayu pikir. Marayu tak ada banyak buku-buku. Saya mau baca orang Marayu tapi sudah dua puruh tahun ribih saya tak ada dengar buku Marayu baik-baik punya.'

Lalu diterangkan kepada Johari bagaimana orang-orang Jepun meninggikan sasteranya. Dengan perasaan megah diterangkan bahawa orang Jepunlah yang pertama sekali menulis novel dengan bentuk yang ada sekarang ini iaitu dalam tahun 1000 Masihi dengan buah tangan Puan Murasaki yang ber nama *Ceritera Genji*. Sungguhpun *Ceritera Genji* itu menceritakan kisah seorang Arjuna Jepun dengan segala sifat kenakalan

orang lelaki namun cerita itu hidup hingga hari ini kerana pengarangnya sangat teliti menggambarkan bukan sahaja sifat dan kelakuan watak-wataknya bahkan jiwanya sekali. Pendek kata Puan Murasaki itu adalah seorang ahli ilmu jiwa.

Jiwa seni Johari yang selama ini terpendam terbongkar sedikit demi sedikit mendengarkan penerangan Dr. Saito itu. Disoalnya lebih lanjut tentang perjalanan sastera Jepun sezaman,

Diterangkan oleh Dr. Saito bahawa cara hidup orang Jepun tidak seringkas orang Melayu dan kesan-kesan ini boleh terdapat di dalam sastera. Jepun dari satu masa ke satu masa misalnya di dalam masa Yamato dan Nara iaitu 400-794, sastera Jepun kebanyakannya cedokan daripada sastera Cina. Kemudian lahir pula masa Heian kira-kira hingga abad kedua belas, cerita-cerita Jepun tidaklah ringkas lagi, malah penuh dengan simbol dan teknik baru di dalam karang-menggarangnya. Kebanyakannya penulis cereka masa itu adalah perempuan.

Waktu Tokugawa pula iaitu dari abad ke-17 hingga ke-19 dengan adanya di negeri Jepun satu kerajaan pusat yang kuat, kesusasteraan Jepun mulai menempuh pembaharuan atau renesan dengan buku-buku tertulis bukan lagi orang kaum bangsawan atau ulama Buddha bahkan kaum tentera dan pedagang. Masa inilah drama, puisi, cerpen dan novel membanjiri Jepun.

Masa moden iaitu dari pertengahan abad ke-19 dengan terbukanya negeri Jepun kepada dunia, maka banyaklah didapat terjemahan-terjemahan daripada berbagai-bagai bahasa. Tetapi oleh kerana orang-orang Jepun tebal sifat kebangsaannya sendiri maka tidaklah dapat pengaruh-pengaruh asing itu menjalar di jiwanya melainkan berusahaalah sasterawan Jepun hendak sejajar dengan kesusasteraan dunia.

Satu dunia terbentang di hadapan Johari. Benar, sebagai pejuang di medan perang, jauh pemanggang dari ikan baginya sekarang. Dia tersenyum, "Apa doktor fikir baik saya tulis?"

"Apa hati suka. Sini Tanah Marayu banyak boreh turis. Orang sini datang seraru hati banyak suka. Sini tanah banyak

baik. Apa tanam semua tumbuh. Nippon punya buku ada banyak cerita sim Tanah Marayu."

Lagi diceritakan bagaimana seorang pujangga Jepun yang terkenal Takahama-Kyoshi waktu singgah di Singapura pada tahun 1936 telah mencipta sebuah sajak yang pernah dinyanyikan di negeri Jepun, dilakukan sajak itu demikian:

Banryō ya  
Risu anwarete tobu  
Syibahu  
Marai-jin  
Natsuki no kageni  
Hito zutsu  
Nettai no  
Hi ocyiru  
Yasyi no hayasyi kana!  
  
Bilaku nikmati dingin sore  
Datanglah tupai melompat gembira  
Di atas tanah.  
  
Nun orang Melayu  
Menyegarkan jiwa di angin lalu  
Berdiri asing-asingan di bawah pohon.  
  
Sang suria pun  
Turun ke peraduannya  
Di balik nyiur serumpun!

Dilanjutkan lagi pandangan pujangga Jepun terhadap Tanah Melayu. Kali ini mengenai gerbang Kota Melaka yang mendatangkan ilham di jiwa seni orang Jepun dengan sajaknya:

Natsu kusa ya  
Tuwamonodoma no  
Yume no ato  
  
Tebalnya rumput tumbuh  
Melindungi medan perjuangan tua

Tempat perwira merindukan nasib lama.

Johari terpegun memikirkan mengapa orang bangsanya sendiri tidak berjiwa demikian hatta mengapa dirinya sendiri, ada berpandangan demikian.

'Jo, awak baru muda tapi sekarang awak sudah banyak rasa hidup. Itu banyak guna kalau mau jadi turis buku.'

Tidak rugi juga aku di hospital ini, tergerak hati Johari berata. Pernah juga dia mempelajari kesusastraan di sekolahnya. Tetapi semuanya sastera Inggeris—Shakespeare, Stevenson, Swift, Dickens dan pengarang Inggeris yang lain. Teringat dia di sekolah Melayu, darjah lima tidak mempelajari apa-apa pun sastera Melayu melainkan membaca sahaja hikayat-hikayat dan cerita-cerita dongeng kuno. Malu dia menggarkan keterangan-keterangan Dr. Saito mengenai sastera epun itu. Apakah yang hendak dibangga-banggakan kepada epun itu selain daripada *Hikayat Hang Tuah*, *Pelayaran Abdullah* dan *Sejarah Melayu*?

Satu pagi dimintanya dari Juriah kertas dan pensel.

'Nak buat apa kertas sama pensel tu?' tanya Juriah manja.

'Nak menulis,' jawab Johari.

'Apa nak dituliskan?'

'Banyak perkara.'

Teringat Johari, Juriah pun pernah menulis di bawah anaran rembulan. Apa gerangan yang ditulisnya, Johari mahu tahu. Juriah tersipu-sipu sebagai biasa mula-mula enggan membeti kemudian setelah dua hari dipujuk rayu oleh Johari borulah diunjukkan kertas yang nipis itu yang terangkap:

Hah! Bilakah dapat ku berlagu lagi  
Bilakah bolch ku bercerita lagi  
Memecahkan sunyi penjara hati?

Ingin kucium harum bunga  
Ingin kupandang rona rama-rama

Ingin kudengar nyanyian unggas  
Tapi apakah yang ada di padang jarak ini?  
Panas terik  
Lengang mencerut  
Kemudian...  
Kufikir hujan turun  
Rupanya air mata berderai.

Tersenyum simpul Johari. Matanya yang bersinar-sinar itu ditujukan ke wajah Juriah.

'Kenapa?' tanya Juriah.

Johari membisu. Matanya sahaja scolah-olah menyoal. Apakah dia kekurangan kau? Dilipatnya kertas sajak itu baik-baik serta dilekapkan ke dadanya. Juriah menghulurkan tangannya hendak mengambil kembali kertas itu. Johari menepis tangannya. Dia memaling ke sana gua: matanya dipejamkan. Sajak Juriah di atas dadanya. Fikitannya jauh mendalam cuba meneropong isi maksud sajak itu.

Juriah berdiri tercegat. Lama kemudian, duduk dia di pinggir katil Johari memunggukan Johari memulangkan sajakknya.

'Yah,' panggil Johari, dia membuka matanya. 'Yah ini dan mana datangnya?'

'Yah anak orang kampung. Kampung Yah di batang sungai di tepi sawah,' jawab Juriah membuka kisahnya sambil lewa sahaja.

'Sungai? Sungai mana tu?' tanya Johari lagi, dia membayangkan kampung Juriah itu romantis tempatnya.

'Sungai Sebarang Tekah.'

'Sebarang Tekah?' soal Johari terperanjat.

'Ya, tempat Jo menyerang dulu. Tapi itu di halunya. Kamu tinggal di tengah-tengahnya, jauh dari Selat Melaka.'

'Emak bapak ada lagi?' soal Johari lagi.

'Di kampung.'

'Mengapa masuk hutan?'

Juriah menggeleng-gelengkan kepalanya enggan memberi jawab sebabnya.

Johari tidak mendesak melainkan bertanya, 'Siapa bapa Yah?'

'Penghulu Baba.'

Johari berdiam diri. Hatinya menyoal adakah perhubungan pangkat ayah Juriah itu dengan pelariannya ke hutan.

Masuk bulan keempat Johari di hospital, dia sudah boleh terencot-encot berjalan ke belakang gua. Satu hari dibawa Juriah keluar dari belakang gua itu, dipimpin oleh Juriah yang kini sudah sangat mesra dan faham sangat akan kelakuan Johari itu. Pemandangan di belakang gua itu penuh keindahan alam dengan pohon-pohnnya serta rama-rama dan rasa dingin. Apabila kuat Johari, dibawanya pula jauh ke dalam hutan pergi ke suatu tempat air terjun tempat mandinya. Di tepian air terjun inilah mereka meraba-raba hati kalbu masing-masing hendak mengetahui cita-cita hidup masing-masing. Johari kurang faham apa yang sedang menyusup ke dalam kalbunya tetapi dibiarkan juga kalbunya terdedah menerima apa juar yang datang itu. Tidak berapa lama kemudian tiba Megat Musa kembali hendak meminta laporan untuk markas besar dan juga membawa perintah bagi Johari.

'Apa khabar Johari? Dah sembah betul?' tanya Megat.

'Berlari saja yang belum boleh,' jawab Johari.

'Nah perintah dari markas besar untuk kau,' ujar Megat lalu diunjukkan sepucuk surat yang disilkan.

Johari membuka surat itu. Air mukanya segar selepas lama membaca. Dia tersenyum kepada Megat.

'Kau dah tahu, bukan?' soal Johari kepada Megat, bekas pasukan *Volunteer Special Wing*, Perak.

Megat menggeleng-gelengkan kepalanya.

'Mengapa pula perintah ini menyuruh kau membawa aku ke markas besar Bahagian Penerangan? Mana itu? Engkau tahu, bukan?'

Megat serta-merta memeluk Johari seraya menepuk bahu-nya.

'Aduh!' Johari terasa sakit bahunya ditepuk.

'Eh! Maaf. Aku terlupa. Tapi dah baik, kan?'

'Baik sudah. . .'

'Tetapi tak ada orang yang akan mengurut dan merawat bahu itu lagi, kan?' soal Megat berdehem.

Johari tersenyum tetapi di sebalik senyuman itu ada kemuraman.

'Malam esok berangkatlah kita, ya Megat?'

Malam esoknya bersiaplah Johari dengan pedang Samurajanya di pinggang dan sebatang tongkat untuk kakinya yang terseliuh itu.

'Jo, ini Jo yang Yah dapat berikan Jo,' ucap Juriah lalu mengunjukkan sekeping kertas ke tangan Johari. 'Selamat jalan. Tuhan jangan dilupakan, ya.'

Dr. Saito tiada bersama-sama menghantarkan Johari ke pintu gua malam itu. Johari sangat mengerti walaupun dirinya pelik memikirkan bangsa yang begitu bengis sedemikian pula halus perasaan hatinya tentang perpisahan.

Bahagian Penerangan markas besar itu rupanya tiada jauh dari hospital itu. Hanya berpusing-pusing sahaja di celah-celah pohon kayu mendaki gunung membuat perjalanan itu terasa jauh. Bahagian itu terletak di dalam gua yang lebih besar daripada hospital itu dan di dalamnya banyak kelihatan peti-peti radio bateri, alat-alat tulis dan cetak daripada stensel—sekaliannya masih baru lagi—harus baru diturunkan dari kapal terbang.

Dari gua inilah Johari berbakti dan menyebarkan akhbar *Suara Kebenaran* yang dipimpin olehnya sendiri. Dari sinilah Pasukan Gerak dan penduduk-penduduk di bandar-bandar yang berhampiran kawasan Pasukan Gerak itu dapat tahu khabar dunia yang sebenarnya. Dari sinilah juga terlancar kempen menangkis propaganda Jepun yang hanya menghebahkan kemenangan tenteranya sahaja.

Perjalanan perang bagi pihak Sekutu sejak awal tahun 1944 sangat menggembirakan. Pada 6 Jun 1944 terpancar huruf besar *PENDARATAN DI PERANCIS* di mana 4000 buah kapal dan 11 000 buah pesawat terbang di bawah Panglima Agung Jeneral Eisenhower telah mengambil bahagian. Kiranya setahun kemudiannya pada 2 Mei 1945 Jerman mengaku kalah. Dengan itu api peperangan pun dihembus masuk ke gerbang negeri Jepun mula-mula dengan pelanggaran Kepulauan Iwojima dan Okinawa kemudian pengeboman Tokyo dengan beratus-ratus buah 'kubu-kubu terbang' Amerika. Selepas tewas Jerman, pada 26 Julai 1945 Persidangan Potsdam memutuskan memberi kata dua kepada Jepun—menyerah tanpa syarat atau menghadapi kemusnahan. Tiga hari kemudian Perdana Menteri Jepun, Suzuki menjawab dengan sombongnya, bahawa adalah kehinaan bagi dirinya mengendahkan kata dua itu. Lepas itu beratus-ratus kubu terbang Amerika melepaskan bom di Tokyo. Tidak juga diambil hirau oleh orang Jepun.

Kemudian pada 6 Ogos iaitu sebelas hari selepas memberi kata dua terbit pula berita dari Rumah Putih bahawa sebiji bom atom telah digugurkan pertama kali di dunia di Pulau Hiroshima. Tercatat di dalam buku peringatan Johari kata-kata Presiden Truman yang memerintahkan supaya digugurkan bom itu:

Bom itu adalah bom atom. Bom itu adalah paduan tenaga asas alam ini. Suatu kekuatan dari mana matahari dapat kuasanya telah dilepaskan untuk mereka yang membawa peperangan di Timur Jauh.

344 000 umat manusia telah menjadi korban oleh sebiji bom itu. Itu pun tidak diendahkan juga oleh pihak Jepun. Tiga hari kemudiannya sebiji lagi digugurkan, kali ini di Nagasaki. Separuh daripada bandar itu lenyap dari peta alam. Bersama-sama 18 000 buah rumah dan 120 000 jiwa.

Esok harinya barulah Jepun mengambil endah. Itu pun mereka menerima tawaran menyerah diri dengan syarat—

rajanya tiada diganggu daripada takhtanya. Syarat itu diterima dan pada 14 Ogos pukul 07.00 petang waktu Timur tamatlah Perang Dunia Kedua yang melibatkan lebih 50 negara di dunia dan dua ribu juta manusia. Hanya lima buah negeri sahaja yang berkecuali.

Pada penghujung bulan September askar British pun mendarat di pantai Morib, di bahagian tengah Tanah Melayu dan dari situ menjalarlah mereka ke utara dan selatan Semenanjung. Banjirlah di Tanah Melayu dengan askar-askar Punjab dan Gurkha dengan alat-alat yang serba baharu.

CUACA di Gunung Pantin pada bulan September itu luar biasa baiknya. Hujan tiada, panas pun tidak berapa. Pohon-pohon di sekeliling gua segar menghijau. Sekali-sekala angin berlalu membawa harum bunga liar menambahkan bersih udara sekitarnya. Kedengaran juga ayam hutan berkокok dan burung enggang mengetuk batang mencari ulat, harus akan dibawa ulat-ulat itu ke sarangnya untuk induk yang sedang mengeram atau anak yang sedang lapar.

Johari berdiri di ambang pintu gua itu bersandar rehat menikmati keindahan alam yang sedang melepaskan ngap dari sesak asap peperangan.

Bagi Johari walaupun kebanyakan Pasukan Gerak telah keluar dari hutan menjalankan tugas baru iaitu mengawal tempat-tempat penting supaya jangan dijalankan *dasar hangus bumi* oleh pasukan-pasukan Jepun sebelum tibanya bala tentera pihak Bersekutu, namun dia dan beberapa orang yang di bawahnya diperintah meneruskan menyiar berita-berita dunia selain daripada berusaha mencegah pertelingkahan antara Melayu dengan Cina yang terjadi di beberapa tempat setelah Jepun kehilangan kuasa.

Sebagai perwira yang taat setia, dia terus menjalankan tugasnya walaupun hatinya tergerak-gerak hendak pulang ke rumah. Tidak berapa lama berpindah pula tempat dari Gunung Pantin itu ke Melaka di sebuah perkhemahan tentera. Akhirnya *Suaia Kebenaran* berjalan terus, diedarkan di seluruh Semenanjung di kalangan tentera dan juga orang awam.

Di kota Hang Tuah itu telah diadakan satu upacara kecil di

mana Johari serta beberapa orang pegawai gerila telah menerima surat kepujian daripada Laksamana Lord Louis Mountbatten, Panglima Agung bala tentera pihak Bersekutu di kawasan Lautan Hindi. Bagi Johari surat kepujian itu sebagai menghargai jasa-jasa perangnya hingga dapat dia menewaskan salah seorang pemimpin perang musuh yang kanan. Surat itu bertarikh tahun 1944 tetapi tidak dapat disampaikan hingga ke hari itu.

Tidak berapa lama, setelah terdiri Kerajaan B.M.A. atau Pentadbiran Tentera British, maka segala Pasukan Gerila pun dibubarkan dan pulanglah Johari ke kampungnya di Kampung Baru, Kuala Lumpur.

Ibunya, Mak Halimah yang sudah kira-kira dua tahun tettinggal, tidak kenal lagi anaknya sendiri yang berjambang itu.  
‘Kau ini siapa?’

Johari memeluk emaknya penuh kesedihan. Orang tua itu pun meraung dan meminta janganlah berpisah lagi. Dia tahu yang dipeluknya itu adalah anak kandunganya sendiri.

‘Johari! Ayah kau tak ada lagi.’ Suara orang tua itu retak.

‘Tak ada lagi?’ Johari mengulangi kata orang tua itu.

‘Ya! Bintang Tiga dah seret dia bila Jepun jatuh!’

Rau! Naik darah Johari. Dia teringat Bintang Tiga satu pasukan gerila yang tiada berketuhanan dan menganut fahaman asing. Johari tidak lengah lagi pergi menyiasat daripada pihak berkuasa B.M.A. Lama sesudah itu barulah tahu dia bahawa ayahnya itu di dalam tahanan di Penjara Pudu.

Teringat dia akan kata-kata ketuhanan daripada mulut Juriah, ‘Kasihkanlah musuh supaya kasih jadi balasannya.’

Hari itu dia pergi berjumpa dengan Pegawai Tertinggi Tentera British membentangkan segala helahnya bagi mempertahankan ayahnya itu supaya dapat dilepaskan daripada tahanan. Pegawai itu memberi jaminan hendak menimbangkan perkara itu.

Esoknya, pagi-pagi lagi, Bukhari kembali dibawa oleh jip Polis Tentera. Dia disambut di atas tangga oleh anaknya Johan-

'Apa khabar ayah?'

'Ah! Kau dah balik!' balas Bukhari tidak menunggu jawapan lalu terus ke dalam bilik.

Keadaan Johari yang kini berjambang dan segak tanipannya itu tidak mendapat perhatian daripada ayahnya. Johari memandang muka ibunya. Air muka Mak Halimah laksamana cahaya matahari baru ditinggalkan kabus.

'Oh ya Johar, mak lupa! Semalam engku nyenyak tidur, ada surat kau di atas lemari tu!' sampaik Mak Halimah sambil menunjuk lemari buku.

Johari pun meraba atas lemari itu dan didapati tiga pucuk surat masing-masing lat seminggu tarikhnya. Tetapi tulisan di hiar sampul sama belaka. Pernah juga dilihat tulisan itu. Dia tidak sabar lagi. Isi surat dilangkaukan. Nama penghantar dibaca dahulu. Johari mengurut-urut dada lalu dicium kertas surat itu. Sebagai sangkaannya. Benar Juriah yang mengirimnya. Ingat rupanya akan alamat yang diberikannya dahulu. Kemudian barulah dibaca isinya. Surat yang pertama itu menanyakan khabar dan memberi khabar. Juriah rupanya sudah bekerja di Hospital Umum Kuala Lumpur. Hai! Tidak jauh dari Kampung Baru tempat Johari.

Segera dibuka surat kedua. Tiada apa-apa isi melainkan sebuah sajak yang panjang juga:

Rangka terlantar di lurah gunung  
Tempat pertemuan orang pelarian  
Dulu berdua sekarang seorang  
Ke mari hanya atas dorongan  
Hendakkan rindu terhibur  
Lantaran di hatinya namaku terkabur.  
Hah! Awam, kau menari  
Rama-rama, kau berterbangan, ya  
Semua tiada larangan—bebas.

Nyah kalian dari mataku  
Kurang ajar, mengejek aku

Melihat aku tertinggal seorang.

Allah! Bisanya!

Biarlah aku terjun di Lautan Kalzum  
Matiku tiada bernesan.

Malunya menanti di tanah daratan  
Akan dia yang enggan datang—  
Membuat terlupa cerita lama  
Kerana mabuk kebebasan.

Aku takut! Aku takut!

Tulangku bercerai isi

Bangkaiku membusukkan udara  
Mati tak tertanam

Kerana aku seorang

Menunggu dia yang enggan datang  
Melepaskan aku dari perasaan terpenjara  
Mengalirkan di uratku darah muda.

Yang berharap selalu kecewa

Oh! Tubuhku kini menggeletar

Sakitnya rindu menanti

Tak dapat bergerak lagi.

Langau kini sudah berdengung

Semut merah sudah menggigit

Cacing menunggu

Mereka ramai, wahai yang mendengar

Mereka ramai!

Entah berapa kali Johari membaca mencari sesuatu yang tersirat dalam surat yang bersajak itu. Harus kerana tiada dapat jawapan maka tergerak hatinya menulis demikian.

Tetapi, tahukah dia aku belum berada di rumah lagi waktu tibanya surat-surat ini? Dada Johari berombak kencang. Tangannya menggeletar. Ada pula yang di dalam surat yang ketiga itu? Putuskah sudah perhubungan? Hati perempuan

yang mudah memutuskan sesuatu itulah yang ditakutinya. Teringat dia akan Saadiah. Segera dibuka surat yang ketiga itu. Terkoyak sedikit suratnya oleh terlalu gopoh. Lagi sebuah sajak. Panjang juga tetapi pendek-pendek rangkapnya:

Ngapa tak seperti dulu  
Penaku dapat menggambarkan kalbu  
Mungkinkah  
Hatiku nan kini kosong  
Sekosong-kosongnya  
Tanpa puja  
Tanpa pemuja  
Mungkinkah kosong membawa ilham?

Alamku kini gelap  
Segelap-gelapnya  
Tanpa cahaya  
Tanpa pencahaya  
Mungkinkah gelap membawa gambaran?

Siapa kan memenuhi hatiku?  
Siapa kan menerangi alamku?  
Wahai Masa, jawablah  
Tanganku letih tinggal terdiam.

Diriku lama meminta ilham  
Ilham! Ilham!  
Aku mahu bersiu! Aku mahu menyanyi lagi!  
Ilham! Ilham!  
Siapa kan memenuhi hatiku?  
Siapa kan menerangi alamku?

Wahai Masa, jawablah.

Terpegun Johari melihatkan betapa hebatnya kata-kata apabila pandai disusun.

"Ya Masa, biarlah aku menjawabnya!" kata Johari seorang diri.

Duduklah Johari termenung hendak merangkap sajak. Tapi semakin lama direnungkan semakin kaku tangannya.

'Hah! Jiwaku yang telah tebal dengan perjuangan, benci, syak dan waham tidak dapat serta-merta diubah menjadi halus dan lembut,' keluh Johari.

Akhirnya pada pukul lima petang dia pun ke asrama jururawat, ke bilik Juriah.

'Jo!' Kedengaran suara Juriah dari belakang.

Johari pun menoleh. Juriah yang berpakaian jururawat dengan segala kebersihan menambahkan seri wajahnya. Johan tercepat kagum. Yakah benar Juriah di hadapannya itu? Seperti kapas halus kulitnya. Inikah dia yang merawatnya di hutan tempoh hari dahulu?

'Jo. Jo tak boleh masuk sim Jo. Matron tangkap nanti.' Lalu dibawa tangan Johari dipimpin ke dewan tetamu asrama itu.

'Apa khabar, Yah?' Johari membuka mulutnya.

'Jo apa khabar?' balas Juriah terkenang dirinya yang belum dapat surat daripada Johari. 'Macam mana tangan sarma kaki Jo?'

'Tanganku lemah selemah-lemahnya; mungkinkah lemah mendatangkan ilham?' jawab Johari, dia teringat akan salah satu sajak Juriah.

'Hah! Jo ni.'

Mata Juriah menjeling. Berbual-buallah Johari akan segala tugasnya selepas beredar dari hospital gerila hingga dibubarkan Pasukan Gerila dan sebabnya dia tidak dapat membalas surat-surat Juriah itu.

'Dr. Saito, apa khabarnya? Dah buka kedai ubat baru?' tanya Johari.

Juriah muram mukanya tidak tahu bagaimana hendak menjawab soalan itu.

'Inilah satu jenis manusia yang kurang Yah mengerti. Kita yang berlawan dengan Jepun dah tahu betapa ganasnya sebagai satu bangsa yang liar. Tetapi Dr. Saito....'

‘Mengapa dia?’ pintas Johari ingin tahu.

Waktu perang dah tamat dia panggil Yah satu hari ke dalam bilik gua. Dia minta Yah satu hajat.’

‘Apa hajat tu? Yah beri?’ soal Johari tidak dapat menahan hatinya.

Juriah menundukkan kepalanya menggeleng-gelengkannya. Johari resah dan bertanya, ‘Apa permintaanya tu?’

‘Dia suruh Yah tikam dia dengan pedang kecil!’ jawab Juriah perlakan.

‘Mengapa pulak begitu dia?’ tanya Johari hendak tahu.

‘Entahlah. Yah tengok kelakuannya ganjal selepas minggu pertama kah kedua. Yah dah lupa. Tapi dalam bulan Ogoslah.’

‘Apa dibuatnya? Macam mana kelakuannya?’ desak Johari.

‘Dia bercakap Jepun saja. Depan kami ada juga menghentak-hentak kakinya. “Tak adil! Tak adil! Kamu orang Asia, jaga baik-baik.” Pulang balik inilah katanya. Kemudian pada malamnya, kedengaran bunyi radio di biliknya dalam bahasa Jepun dan esok paginya Dr. Saito sudah tiada lagi di dunia. Dia menyembelih perutnya sendiri.’

Teringat Johari akan bom atom yang digugurkan di Hiroshima dan Nagasaki dan ratusan ribu korbaninya. ‘Tak adil’ dinulangi Johari kata-kara Dr. Saito itu. Kompleks juga peribadi Dr. Saito itu, terfikir Johari. Mungkin sebagai seorang ahli sains, Dr. Saito kecewa apabila melihat manusia menyalahgunakan sains untuk mengkiamatkan makhluk sejenis.

Sesudah sebulan sejak Johari melanjutkan tugasnya memimpin akhbar *Suara Kebenaran* Juriah rupanya telah pun bekerja di Rumah Sakit Umum, Kuala Lumpur.

Kini, Johari baharu mendapat surat untuk menjawat jawatan Pegawai Penyiaran di Radio Malaya. Hari esoknya dia akan merepotkan diri di tempat kerjanya yang baharu, menjawat satu pekerjaan yang dilamarkan oleh pegawai British di dalam Pasukan Force 136 yang telah terdengar jasa-jasa Johari.

Bagi Johari yang serba muda dan masih ringkas fikiran dan

falsafah hidupnya, dengan tibanya kembali British itu dan tamatnya perang dunia maka berakhirlah sudah perjuangannya. Dia hanya bangga kerana tidak bersubahat dengan Jepun, musuh negerinya. Dia sentiasa di pihak yang benar, fikirnya.

Oleh yang demikian, apa yang dipentingkan sekarang ialah mencari sara hidup dan hidup sebagai orang biasa dan juga orang dewasa—umurnya 22 tahun. Dengan itu suaranya di radio tiada mengandungi semangat melainkan terbayang sebagai scorang yang puas hati dengan hidupnya sebagai scorang kerajaan—satu kelas penduduk Tanah Melayu yang memang dianggap tinggi sejak sebelum perang dahulu.

Berasas juga kepuasan hati Johari itu kerana perniagaannya di Lekang sedang maju dijalankan oleh sepupunya yang sangat bijak. Dia telah mengusahakan membuat rumah untuk abang saudaranya dengan wang-wang Jepun, dari keuntungan berniaga itu. Dirinya sendiri juga telah membeli sekeping tanah kecil yang ada pula tersedia sebuah rumah.

Jadi, Johari hidupnya bergergaji mata dua dan kedudukannya tetap. Sekali-sekala dia mengunjungi asrama jururawat di hospital bertemu dengan Juriah. Daripada Juriah dia memperolehi hiburan.

Persahabatannya yang dimulakan dengan kenalan kini menjadi mesra dan mendalam. Apabila terkenang Johari akan apa yang mereka lakukan selama ini: teringat pula Tuan Haji Basn yang bersyarah menerusi Radio Malaya, akan hukum bergaul yang membawa kepada berkhilwat di sisi agama Islam. Sekalian ini menambahkan hasratnya hendak membuka lembaran baharu dengan Juriah.

Apalah percintaan yang tiada diakhiri dengan perkahwinan? Umpama sungai yang terhenti di tengah gurun, fikir Johari. Apa kelak pandangan Tuhan manakala berani dia mencebur diri di lautan asmara berkecimpung di dalamnya dengan seorang makhluk Tuhan tetapi tidak berani pula membawa dia berenang ke pulau bahagia nun? Dosanya kelak sebaiknya ditisan air lautan itu yang lekat di atas badannya. Siapa akan

berdaya pula mengelap badannya kering daripada air dosa itu? Sekalian ini menambahkan hasratnya hendak membuka lembaran baru dengan Juriah.

Satu hari apabila di asrama jururawat dengan Juriah, terkesot-kesot dia di atas kerusi, tempat duduknya, resah. Hatinya penuh dengan perkataan yang sudah dikumpul, disediakan untuk dibentangkan di hadapan Juriah. Sebagai biasa Juriah mengerti sangat tabiat Johari yang walaupun berani di medan perjuangan, tetapi tersilu-silu dia berhadapan dengan perempuan.

'Mengapa Jo?' Lalu diambilnya sebuah majalah dari meja gelas di hadapan mereka. Diletaknya di atas pangkuannya.

'Ya, selama ini kita bersahabat, tidakkah sudi Yah mengunjungi rumah Jo?' Lancar perginya tuturan Johari itu.

'Bukan tak sudi, Jo.'

'Habis dah berapa kali Jo ajak, Yah tak mau jugak,' ujar Johari.

'Jo, Yah anak didikan kampung. Sampai sini baru lima bulan kerja. Janggal rasanya Jo, Yah sebagai anak dara...' Juriah merenung muka Johari meminta dia mengerti.

'Tapi Yah, di sini kota. Masyarakat sini berlainan.' Johari pun merenung meminta pengertian.

'Meskipun demikian, Jo, hidupnya kasih kita berdiri di atas kasih ibu bapa di antara kita berdua. Yah tak mahu membungkang pakaian dara Melayu di hadapan mata ibu Jo . . . .'

'Tapi. . . , pintas Johari.

Belum sempat dia melanjutkan kata, Juriah telah mematah, 'Benar Jo di mata kita tidak janggal tapi bagaimana pula di mata orang tua? Lebih-lebih lagi kalau seorang perempuan pergi ke rumah teruna. Kita juga mahukan kasih mereka bukan untuk hari ini, untuk hari esok bahkan sepanjang masa.'

Johari tersilap mentafsirkan pendirian batin Juriah. Terkecuali pula apa yang dilakukan oleh Juriah di hospital gerila dahulu hingga sedemikian mesra. Rupanya sekalian itu atas nama bakti yang tidak mungkin dilakukan di masa yang lalu.

Tetapi hati Johari tidak terkawal lagi. Dia mesti menunjukkan kepada ibunya bakal isterinya itu. Tetapi apa jalan yang sihat?

Tidak berapa lama, kedengaran daripada peti radio suara Juriah bukan menyanyi, tetapi membaca sajak dan petikan-petikan cerita sebagai memperkenalkan sastera baru serta dengan kritikannya untuk kefahaman orang ramai. Rancangan itu telah menarik perhatian muda-mudi yang sesetengahnya mengatakan sudahlah dengan isi siarannya, malah suara pu-jangga baharu Juriah itu sahaja cukup memenuhi waktu pendengar-pendengar. Ibu Johari pun tidak bosan mendengar suara Juriah membaca sajak dan terbawa-bawa dia oleh beberapa perasaan yang terkandung di dalam satu-satu sajak itu yang digambarkan oleh Juriah. Hendak benar orang tua itu melihat perempuan yang demikian cerdik orangnya dan lembut suaranya.

Satu petang waktu hendak membuat rakaman, dibawa oleh Johari akan ibunya memerhati. Rupanya bukan suara sahaja yang lembut malah orang dan kelakuannya pun lembut. Akhirnya setelah lama disembunyikan oleh Johari didedahkanlah kepada ibunya bahawa Juriah itulah yang merawatnya di dalam hutan itu. Orang tua itu berasa bangga dan mengajaknya ke rumah. Mula-mula sebagai gadis penuh sopan santun tersipu-sipu dia enggan menerima pelawaan orang tua itu tetapi Mak Halimah mendesak. Akhirnya memberi dia.

Johari tersenyum di hujung bibirnya. Tiada masalah yang tiada huraiannya. Juriah memandang muka Johari. Johari memalingkan ke arah lain. Terlihat senyuman nakal di hujung bibirnya. Meling-meling mata Mak Halimah dicubit Juriah akan lengan Johari.

Semenjak malam itu sekali seminggu Juriah dibawa ke rumahnya untuk menyediakan rancangan sastera yang diadakan dua minggu sekali itu. Tiap-tiap kali Juriah datang ke rumahnya, Mak Halimah tidak sunyi membuat hidangan istimewa. Tetapi Pak Bukhari tidak sepatah kata pun diberikan kepada Juriah melainkan jika ada dia di serambi rumah sewaktu Johari

membawa Juriah, berangkatlah dia dari kerusinya masuk ke dalam biliknya.

Ada juga Mak Halimah memesan Juriah membawa ibunya ke rumah. Tetapi terdengar dia berkata, 'Ibu saya dah meninggal bila saya ke hutan dulu. Cuma ayah saya yang ada unggal sekarang. Dia di kampung.'

Direnung oleh Mak Halimah akan muka Juriah itu seraya mengangguk-anggukkan kepalanya mengikut rentak suara Juriah yang berlagu-lagu dan lembut membawakan jelas bukan sahaja bunyi perkataan tetapi gambaran perasaannya. Kemudian sesama muram mukanya mengenangkan nasib anak yatim itu.

Masa pun berjalan terus. Jami mengejar hari, hari mengejar minggu, minggu mengejar bulan, bulan mengejar tahun dan manusia pun berkejar-kejaran. Hasrat hati pun tebal-menebal hingga berat untuk disorok.

Juriah yang kini hampir hendak meninggalkan zaman remajanya terasa satu gerakan jauh di dalam hatinya—satu gerakan yang mendesak hingga terbayang-bayang dia akan sebuah rumah—rumah tangganya sendiri dihiasi dengan segala perhiisannya, bersih dan teratur; kanak-kanak—kanak-kanak kandungan sendiri bermain-main mengagah dan memanggil mak ayah menambahkan gembira suasana rumah itu; kemudian Johari dengan senyum nakalnya selalu bergurau senda mencurahkan segala kasih dan sayang membuat jiwanya penuh, tiada kekosongan—mengasih dan dikasih.

Johari dapat membayangkan segala-gala impian sulit Juriah ini ketuna dia juga di dalam keadaan sedemikian. Apalah cinta yang tidak disudahi dengan perkahwinan? Disoal dirinya lagi,

'Mak, mak nak cucu?' gurau Johari dengan ibunya, suatu malam.

'Eh! Tiap-tiap orang yang dah tua macam mak ni, memang itulah hajatnya sebelum menutup mata,' jawab ibunya tersenyum.

Johari, walaupun sudah lama beromen tetapi tidak tahu menggunakan perkataan-perkataan berbunga-bunga dan ro-

mantis serta kiasan-kiasan. Serta-merta dibukanya isi hatinya kepada ibunya dan meminta disampaikan hasratnya itu kepada ayahnya.

'Johar,' panggil Mak Halimah esok paginya. 'Sudah emak sampaikan hajat kau tu kepada ayah kau.'

'Ha! Setuju dia?' sampuk Johari tidak sabar.

'Johar, kau beragama Islam, kan?' jawab Mak Halimah cuba membawa anaknya turun menjelak daratan. 'Kau percaya bukan? Hayat maut, rezeki dan jodoh pertemuan di tangan Tuhan. Percaya tidak?'

Johari mengangguk-anggukkan kepalanya.

'Nampaknya ayah kau tu kurang setuju dengan Juriah tu.'

Kelihatan telinga Johari berubah warna—merah.

'Juriah tu kan lebih tua daripada kau....'

'Haaah!' Johari hendak membaritah.

'Nanti, nanti dulu Johar. Ayah kau tu hendak tengok kau senang. Kalau kahwin biarlah buat selama-lamanya. Engku muda. Dia tua—baya kakak. Memang umur tu dalam kuasa Tuhan. Tapi kalau kita sudah mencari-cari bala sendiri, kalaualah ditakdirkan dia mati dulu, siapa nak jaga kau?'

'Tidak mak,' bantah Johari, menggil suaranya oleh geramnya. 'Tidak mak. Ini bukan soal Juriah sudah tua dan saya muda. Ini soal . . . soal. . . . Ini kerana ayah sudah bencikan saya, mak. Apa bezanya tua muda. Bukan ayah tu tak tahu Nabi kita sendiri, Junjungan emak, Jujungan ayah, Junjungan sekalian umat Islam di muka bumi ini berkahwin dengan Sayidatina Khadijah yang berumur 40 tahun manakala Junjungan kita hanya 27 tahun saja masa itu. Haah! Sudahlah mak. Saya anak buangan, memang tetap terbiar saja.'

Johari tidak suka meleret panjang. Dia tahu itu tidak akan membawa ke mana. Semalam-malaman difikirkannya cara hendak menyampaikan maksudnya itu. Tiada masalah yang tiada huraiannya.

Esok paginya berhijrah Johari sekali lagi. Kali ini ke rumahnya di Lekang. Kebun nyiurnya melambai-lambai me-

ngalu-alu kedatangannya dan di tangga belakang rumahnya itu kelihatan Mak Gayah mencari kutu Peah.

'Bang Johari datanglah mak!'

Peah menguiskan tangan emaknya yang sedang mengejar anak kutu yang berlari-lari di pangkal rambut. Peah pun naik ke atas rumah kemalu-maluan menyiputkan semula rambutnya yang berjurai tadi. Mak Gayah bangkit serta berlari ke serambi.

'Hal Johari datang kau hari ni? Allah! Tak beritahu siang-siang. Terlupa tadi Pak Udinnya....'

'... Mana Pak Udin?'

'Haah! Mana lagi orang tua tu—ke lautlah,' jawab Mak Gayah sambil lewa sahaja.

'Haaa! mesra sangat bapak tu dengan laut. Mak tak mahu larangkan. Kan dah tua Pak Udin tu!' ujar Johari.

'Selalu juga mak larangkan. Tapi itulah. Habis-habis dikerjakan kelapa kau, tak ada buat apa-apa lagi, pergilah pulak dia ke laut.'

Bertahun juga keluarga Pak Udin itu dipindahkan ke Lekang dari hidupnya yang menderita di Singapura itu. Bagi diri Johari, Pak Udin rasanya lebih mesra daripada bapanya sendiri lebih-lebih lagi terkenang budi mereka yang tidak dapat dibayarkan jika dibandingkan cara pertolongannya itu walau-pun mereka sendiri serba kekurangan.

Dengan adanya mereka diangkut ke Lekang itu maka tidaklah pula berlapuk rumahnya dan terbiar kebun kelapanya kerana Joned sendiri sedang sibuk menguruskan kedai dan perniagaannya selain daripada kebun dan rumahnya yang baru dibelinya itu.

Mak Gayah dan Peah pula pembersih orangnya. Walaupun rumah Johari itu berbentuk rumah banglo dengan banyak tingkap serta lapang; tambahan pula berhadapan dengan laut yang membawa angin kencang namun demikian debu pasir sukar dicari di atas rumah itu. Di atas lantainya boleh ditiduri. Begitulah budi membalas budi.

Malamnya selepas Pak Udin bermandi-manda dan hendak berehat, dikumpulkan isi rumah itu lalu diterangkan bajat Johari itu serta rancangan-rancangannya yang hendak dijalankan walau sekalipun tidak dengan persetujuan ayahnya sendiri.

'Eh! Apa salahnya tu. Nak tegakkam masjid. Kalau pihak lelaki dan pihak perempuan dah suka sama suka, apalah hendak ditangguh-tangguh dan larangkan lagi?' ujar Pak Udin membentangkan fahamaninya. 'Lagipun yang perempuannya dah menabur budi menjaga anak awak. Ini baik juga kedua-duanya nak buat secara halal. Eh! Macam mana fikiran orang tua Bukhari tu?'

Keluarga angkat Johari telah memberi pengakuan hendak menolong dan sanggup menguruskan perkahwinan Johari dan Juriah itu. Bila Johari meminta mereka bertemu dengan Penghulu Baba untuk melamar dan naik tanda, orang tua itu merasa nasihatkan, 'Hisy! Apa nak buat lama-lama menunggu lagi? Kalau dah mahu bapak perempuan itu jadi wali, teriaskanlah nikah dan langsungkan sekali. Apa nak dibuatkan lama-lama lagi? Makin lama makin banyak cerita nanti. Dah siap selesa tak ada siapa yang boleh ganggu-gugat kau. Kecuali kau berdua kalau buat ragam.'

Pucuk dicita ulam mendatang. Separuh kejayaan sudah ada dalam tangan. Sebulan kemudian, perundingan telah selesai. Tarikh menjadi raja sehari ditetapkan dan kad-kad jemputan pun diedarkan.

Rumah Johari di Lekang dinaikkan serinya. Pemuda-pemuda kainpung daripada keluarga bekas pembantu-pembantunya kedainya dalam tempoh Jepun dulu menyumbangkan tenaga. Khemah didirikan di hadapan halaman. Balai pentanggah dan rak pinggan mangkuk dibina di rusuk kiri rumah. Panggung pancaragam di sebelah samping kanannya pula. Halaman bersih; kerusi meja di bawah khemah tersusun. Hanya tanah pasir tidak dapat dijadikan pekarangan bunga untuk menambahkan lagi hebatnya di luar rumah Johari itu.

Di atas rumahnya pula, pelamin tersergam indah. Ringkas

bentuknya tetapi menarik pandangan. Mentol-mentol kecil berkclip-kelipan laksana berlian dipanah Cahaya. Di sinilah tempat bertakhta kedua-dua raja sehari itu. Dari sinilah Juriah akan mencangkul memimpin jari kelengkeng Johari membawa dia masuk ke bilik peraduan yang dihiasi dengan bunga baldu melata di atas tilam katil dan di atas meja perhiasan pula semangkuk bunga hidup yang dikarang oleh jari halus Juriah sendiri. Hiasan yang dibuat oleh Juriah di dalam bilik peraduan itu sebagai gambaran Firdaus di atas dunia. Di sinilah Juriah akan menaburkan segala bakat seninya supaya kelak termuncul satu suasana daripada keindahan bilik itu yang bakal dijadikan kenangan abadi oleh bakal suaminya itu. Sekiranya ada gelora hidup pada masa hadapan, kenangan ini kelak akan meredupkannya. Demikian juga di dalam kesepian yang mungkin menghinggap sesuatu keluarga kelak kenangan itu akan menghibur dan mendamaikan perasaan. Bagi Juriah bilik peraduan inilah satu-satunya yang tidak mungkin terpisah daripada jiwanya. Demikian juga diharapkan tanggapan bakal suaminya itu.

Di rumah Joned pun yang langkau satu bidang tanah sahaja dari rumah Johari, orang sedang sibuk memasang perhiasan; tetapi tidaklah begitu hebat seperti rumah Johari. Dari rumah ini Johari yang memakai serba putih suci akan turun selepas sembahyang isyak malam itu ke tempat bakal pengantin pertemuan untuk upacara akad nikah. Dan dari rumah itu juga tsok petangnya waktu asar dia akan turun berangkat ke rumah pengantin perempuan. Juriah akan turun dari rumah denganiringan pancaragam kampung mendapatkan mempelai di gerbang pintu pagar dan bersama-sama tangan berkepit-kepitan mereka akan diarak naik ke rumah hingga naik menipelai bersanding di atas pelamin. Kemudian disusul pula dengan istiadat menghadap mempelai dengan bersuap-suapan dalam upacara santapan mempelai atau makan berhadap-hadapan.

Selepas maghrib jemputan pun mulai membanjiri kedua-dua rumah itu dengan budak-budak kampung berlari-lari me-

nyanyi-nyanyi dan menjerit-jerit meriahkan suasana malam itu. Malam sudah lima likur—bulan tiada hanya bintang-bintang sahaja yang berkelip-kelipan di angkasa. Sambil menunggu ketibaan Tok Kadi, berbual-buallah para jemputan di antara mereka. Mula-mula tentang hasil kelapa dan pernangan hari itu kemudian ke kisah pendudukan Jepun dahulu. Selepas itu meleretlah ke bakal-bakal pengantin kedua-dua itu. Yang mengenal dan mengetahui berceritalah kisah Johan mula-mula berniaga di Lekang tempoh Jepun kemudian ghaib dia. Berbisik-bisiklah mereka menerangkan Johari masuk hutan melawan Jepun. Kemudian yang mengetahui pun bertambah halus lagi berbisik-bisik bahawa pengantin perempuan itulah yang merawatnya di hutan dahulu.

‘Oh! Patutlah hendak menerima Johari.’

Mengangguk-angguklah mereka faham akan taat setu bakal pengantin perempuan itu. Cerita-cerita para jemputan itu beralih pula ke lain tajuk dan seterusnya beralih lagi ke lain judul, berjela-jela jadinya. Jam sudah pukul 10.00 lebih. Tetapi Tok Kadi belum juga tiba. Hal ini diberitahu kepada Johan yang selama di dalam tentera sangat mementingkan masa, dan tidak gemarkan apa yang dikatakan *Janji Melayu* itu. Dia pun memerintah supaya dijemput Tok Kadi itu datang. Harus dia telah lupa. Pergilah kedua-dua Pak Udin dan Penghulu Baba ke rumah Tok Kadi. Tok Kadi ada di rumah tersandar di kerusi malas baring tengadah seolah-olah membilang bintang di langit.

‘Assalamualaikum Tok. Macam mana anak-anak kita ni? Semuanya dah siap menunggu datuk,’ ucap Pak Udin menyergah Tok Kadi itu.

‘Ha, naiklah,’ seru Tok Kadi.

‘Ah! Tak payahlah, Tok. Kami tunggu Datuk di bawah ni. Siaplah,’ balas Pak Udin menyuruh.

Tok Kadi pun tiba ke tepi tangga memegang daun pintu seraya menegaskan kepada orang yang datang menjemputnya itu.

'Saya minta maaflah. Saya tak sanggup menikahkan kedua-dua pengantin itu. . .'

Kedua-dua Pak Udin dan Penghulu Baba itu serta-merta menyerbu naik tangga rumah Tok Kadi itu. 'Mengapa Tok?'

'Saya tak sanggup.' Diulangi oleh Tok Kadi itu.

'Yalah. Tapi mengapa? Apa sebabnya?' soal Pak Udin tidak tahan sabar lagi.

'Saya tak sanggup memikahkannya. Saya dapat tahu tak cukup rukun nikah kedua-dua orang tu.'

Tok Kadi pun masuk ke dalam rumahnya seolah-olah enggan disoal lagi. Teringat Pak Udin kahwin itu sebagai kahwin paksa dengan tidak mendapat izin daripada ayah Johari. Inikah 'kekurangan rukun' yang dimaksudkan oleh Tok Kadi itu? Tetapi Johari seorang lelaki, tidak memerlukan wali. Pak Udin menggaruk kepala. Dilihatnya muka Penghulu Baba. Kening Penghulu itu kelihatan mengerut dan mukanya semasam-masamnya. Lidahnya kelu. Pak Udin sangat mengerti bagaimana perasaan orang tua itu. Tidak disoalnya apa-apa lagi, lalu mengajak berundur sebelum terjadi apa-apa yang tidak diingini.

Di rumah Joned, sedang Johari menunggu kedatangan Pak Udin, tiba pula dua orang yang berpakaian sut lengkap dengan baju kot dan tali leher mendapatkan mereka. Salah seorang daripadanya membawa kamera dengan lampu penangkapnya. Johari terpegun merenung muka orang itu.

'Selamat Pengantin Baru.'

Johari tidak membala-serta mengerutkan keningnya tertanya-tanya siapa gerangan orang itu.

'Eh! Toksah macam itu sekali memandang saya. Tak dapat nanti saya nak menangkap biji mata saudara kalau terpancut nanti.' Langsung ketawa kecil orang itu.

'Saudara ni siapa?' soal Johari.

'Hai, mentang-mentang nak jadi raja sehari. Lupa dia dengan kita. Surat jemputan pun tak dikirimnya.' Lalu dikeluar-keluarkan satu kad biru daripada sakunya dan diunjukkan kepada Johari.

'Ya Allah! Megat Musa rupanya! Dah dua kali aku tersilap mata. Mana pergi janggut dan jambang kau? Badan kau pun gemuklah, Megat,' ucap Johari terperanjat dipandangnya sekali lagi kad biru itu.

'Oh! Kau dah jadi wartawan sekarang ya! Ada apa-apa yang boleh aku tolong? Kau dah makan?'

'Daaah! Sesama orang bawah tu tadi. Sebenarnya aku nak ambil gambar kamu untuk akhbar aku. Boleh tidak?' ujar Megat.

'Apa salahnya? Boleh juga kawan-kawan lama dapat tahu aku dah kahwin,' balas Johari, menepuk belakang Megat.

Belum habis Johari berkata, terpancar satu Cahaya dan gambar Johari pun terambil.

'Hai cekap sungguh jurugambar kau ni. Megat,' ujar Johari tersentak.

'Oh ya! Ini Encik Khamis jurugambar akhbar kami. Inilah Encik Johari yang aku ceritakan dapat membunuh Leftenan Jeneral Matsunaga dulu,' ucap Megat memperkenalkan Johan kepada jurugambar akhbar itu. 'Kamu baik-baik ambil gambar ny malam ini. Gambar dia tengah batalkan air sembahyang itu paling penting sekali. Siapa bakal isterimu?'

'Juriah,' jawab Johari dengan bangganya.

'Juriah? Juriah yang merawat kamu?'

'Ya.'

'Wah! Ikan besar kita dapat malam ni, Khamis!' ujar Megat menepuk bahu rakannya. 'Besar ceritanya ni. Bila lagi akad nikah kamu, Johari? Nak mengikut langkah orang tua-tua agaknya—menunggu saat, ya?'

'Haah! Tidaklah macam itu. Kalau dah tertulis di lohmahfir kita berkahwin sekian-sekian jalin, sekian-sekian jalinlah kita akan berkahwin.' jawab Johari menyembunyikan radangnya akan lewat masa nikah tidak mengikut jadualnya.

'Hai, dahlah kahwin kamu ya,' keluh Megat.

'Belum, belum lagi,' bidas Johari.

'Yalah, sudah boleh dikatakan sudahlah juga kamu kehilangan'

ngan bujang,' terang Megat. 'Sebenarnya aku nak bertemu kamu ni kerana dua perkara—satu, hendak ambil berita dan cerita kamu di hutan dulu supaya ada orang Melayu kita satunya yang boleh dibangga-banggakan....'

'... Haaaaa! Apalah aku nak dijadikan banggaan pula,' pinas Johari.

'Biar terbuka mata asmg. Seperkara lagi aku nak terangkan kepada kamu nampaknya perjuangan kita di hutan itu belum tamat lagi.'

'Megapa Megat?' soal Johari terperanjat.

'Jangan terperanjat Johari. Nampaknya aku salah langkah. Sepatutnya aku tak boleh membawa perkara ini sekarang. Tapi ini hanya untuk kamu mengkajikan sendiri selepas kamu tamat selesai perkahwinan kamu itu. Tapi begitu begini pun lambar buku aku akan jumpa kamu juga. Tapi bak kata orang tua-tua, sekali mengorak pura, eloklah dua tiga hutang diselesaikan.'

'Apa yang kamu nak minta aku kajikan itu?' soal Johari mematah kata tidak gemar kiasan-kiasan dan kata-kata dolak-dalik itu.

'Nampaknya perjuangan kita selama ini sesia saja. Kamu dengar Malayan Union, bukan?'

'Maaf saya. Bang Johari, Pak Udin panggil,' sampaik Joned.

Johari pun memunti diri sambil bangun mendapatkan Pak Udin. Pak Udin di dapur tercungap-cungap lelah dengan perasaan hampa. Dengan putus-putus perkataan diterangkan apa yang berlaku di rumah kadi tadi.

Berdeping telinga Johari mendengarnya. Apa yang kekurangan rukun? Tuanya pengantin perempuankah? Ketiadaan izin datipada ayahkah? Atau apakah? Lama kemudian setelah tidak tertahan lagi lalu dimintanya Megat Musa membawanya ke rumah kadi. Setibanya di rumah kadi yang sudah gelap itu, diketuk pintu rumah itu sekutu-kuatnya hingga dibuka oleh Tok Kadi.

'Apa maknanya semua ni, tok?' tanya Johari, suaranya menggeletar menahan perasaan marahnya.

'Saya minta maaf. Saya tidak dapat menunaikan akad nikah itu dengan tidak menanggung dosa diri saya sendiri. Saya dapat kekurangan rukun dan sekalipun saya nikahkan, tidaklah sah nikah saya itu. Bermakna awak akan berzina dan sekiranya dikurniakan anak, anak itu adalah anak luar nikah,' terang Tok Kadi itu sebulat-bulat keterangan.

'Mengapa? Apa yang kekurangan rukun tu?'

'Awak sendiri dah tahu,' jawab Tok Kadi.

Bayangan kata itu membuat Johari terasa terhina di hadapan rakan lamanya, Megat Musa itu. Secara kasar dibalasinya kata-kata Tok Kadi itu, 'Katakanlah berapa. Saya sanggup membayarnya. Asalkan jangan tak jadi perkahwinan saya ni.'

'Hisy! Apa awak kata ni, Johari? Sudah saya cakapkan saya tak sanggup menikahkan awak dengan perempuan itu. Sekalipun saya langsungkan, tidak sah, Johari—wainya siapa kad pun, tidak sah sekali-kali,' terang Tok Kadi dengan suara sabar.

'Baik tok. Daripada siapa tok dapat tahu karni kekurangan rukun?' soal Johari meradang.

Tok Kadi berdiam diri. Disoal lagi oleh Johari. Tiada juga jawapan daripadanya.

'Baik tok, kalau saya atau bakal pengantin perempuan itu membunuh diri, mahu tak tok menanggung dosanya? Atau kalau saya syakkhan seseorang itu membuat fitnah, mahukah tok bertanggungjawab akan akibat daripada syak hati saya itu?' desak Johari.

Lama duduk di dalam resah orang tua itu barulah diberitahu, 'Ayah kau sendiri yang datang siang tadi melerang saya menikahkan kau dengan perempuan itu.'

Kelihatan merah telinga Johari panas pijar rasanya. Giginya diketap-ketapkan.

'Megat, bawa aku ke Kampung Baru!' pinta Johari kepada rakanannya.

'Ayuh!' ajak Megat.

Malam itu juga dengan pakaian nikah itu, Johari berkereta ke rumah bapanya. Sepanjang-paanjang jalan dia berdiam diri

Kedua-dua Megat dan Khamis tidak berani berbual-bual. Walaupun sekali-sekala mereka cuba mengalihkan fikiran Johari itu tetapi dia tetap berdiam diri. Lama-kelamaan mereka pun turut mengelukan lidah.

Hampir tengah malam barulah tiba di rumah bapanya yang sudah gelap. Diketuknya pintu rumah itu sekuat-kuat hatinya. Kira-kira lima minit terbuka lampu dan pintu rumah. Bertentangan Johari dengan ayahnya yang kusut bajunya, harus sudah lama ketiduran.

"Saya kesal, ayah. Saya kesal!" bentak Johari, hilang segala hormatnya segala takutnya menghadap ayahnya itu. Nafsu marah melupakan dia betapa besar dosanya melawan ayahnya. "Saya menyesal melepaskan ayah daripada penjara. Kalau tahu-lah macam ini kejamnya ayah, saya biarkan ayah menghadap keadilan sendiri. Ayah, jangan fikir saya tak tahu apa ayah buat tempoh Jepun dulu. Saya di dalam Bahagian Penyiasatan Rahsia. Saya tahu dengan siapa ayah bersubahat masa itu menjadi musuh dalam selimut—belot kepada negeri. Ayah ber-subahat dengan seorang Jepun yang telah menembusi barisan belakang pihak tentera di Tanah Melayu kerana apa? Kerana hendak membala dendam bukan? Jangan fikir saya tak tahu riwayat Tani Yukata yang dipanggil orang Raja Harimau itu.

"Semuanya penyuluhan. Semua kaki tangannya saya tahu, ayah. Dan ayah, ayah tahan belot kepada negeri kerana apa? Kerana hendakkan pangkat, sebab hendakkan kuasa, hendakkan nama, bukan? Sampaikan anak sendiri, ini anak yang masih hidup lagi hingga hari ini diiumumkannya sudah mati. Dikendurikan kenduri arwah. Dihalau dari rumah, kerana apa? Supaya dapat dilaksanakan cita-cita ayah menolong mu-suh dengan tiada rintangan apa-apa di tengah jalan.

"Tidak puas dengan emak ditinggal-tinggalkan, ini saya, anak baka ayah sendiri dikerdilkan hidupnya. Di mana pergi-nya perikemanusiaan ayah? Di mana? Sekarang, tengok muka siya ni. Dahagakan kasih—kasih yang tak dapat diperolehi daripada ayah dan saudara-maranya. Sekarang baru hendak

dibelai kasih, ayah dengan kejam merampasinya!

'Apa, apa lagi ayah, yang ayah tak puas-puas dengan saya ni? Sudah puas ayah bersubahat dengan Jepun! Sudah meresap ayah dengan fahaman Jepun itu dan sekarang ayah hendak jadi diktator! Diktator dalam keluarga ayah sendiri, Fasis!'

Dengan itu juga ditutupnya sekali lagi daun pintu rumah ayahnya itu lalu berundur diri naik semula kereta Megat tetapi diminta membawa kembali ke rumahnya di Lekang. Rumahnya sudah pun gelap dan sunyi bagi bandar baru dilanggar taufan. Bertanya Johari akan Juriah dan Penghulu Baba.

Mereka dah pergi. Begitulah jawapan yang diterimanya.

Esok paginya tersuarlah di akhbar *Harian Tanah Melayu* berita-berita pecahnya majlis nikah Johari itu. Berita-berita itu tidaklah pula dijadikan secara berita sensasi tetapi ditulis dengan hematnya dengan unsur-unsur insani di antara kisah Johari-Juriah-Bukhari itu. Dengan hal yang demikian tiap-tiap hari selepas tersiar berita itu lima enam pucuk surat diterima oleh Johari meminta bersabar, tetapkan iman dan jangan putus asa. Ada juga terselit di antara surat-surat itu seorang dua gadis yang menawarkan diri sanggup menjaganya 'sekiranya habis segala ikhtiar'. Sesetengah surat itu datangnya daripada gadis-gadis bukan Melayu yang membaca berita sedih itu daripada akhbar Inggeris yang memetik berita datipada akhbar Melayu itu.

Di rumah Johari itu habislah pelamin dan khemah diruntuh jatuh sebagai mahligai awangan terhempas ke atas bumi. Hanya bilik peraduan sahaja Johari perintah jangan diusik barang apa pun yang ada di dalamnya dari aturannya pun jangan dialihkan sedikit juapun.

Bilik itu menyuburkan kenangan lamanya dengan Juriah yang tidak diketahui apa sedang dilakukan pada masa itu. Dari bilik itu dapat terlihat laut, dan saban malam menghadaplah Johari akan laut itu, membiarkan fikirannya dipusarkan oleh desiran laut, hingga satu malam terdengar dia akan suatu suara berbisik.

Terkenang semula Johari akan suara Juriah yang lembut jenak manis yang tidak akan terdengar lagi olehnya dan oleh pendengar-pendengar radio. Terpandang-pandang dia akan Juriah di dalam gua dahulu satu malam manakala dia tiba ke katilnya menyelimutkannya dan mengurut-urut kakinya yang terseluh itu, kemudian berjalan dia ke pintu gua serta menulis sajak.

'Haah! Gagal, gagal aku memberi isi akan bayangan-bayangan ini!' desis Johari terus tersedu-sedan seorang diri di dalam bilik bakal tempat peraduan itu.

Terlihat pula dia akan pedang samurai Jepun yang disampaikan kepadanya oleh Megat Musa. Dihunuskan pedang itu daripada sarungnya. Masih ada kesan darah pegawai empunya pedang itu yang membunuh diri gagal kerana tidak dapat menghapuskan pasukan yang membunuh ketua tertingginya itu. Kesan darah itu kini menjadi karat. Dirasanya bilah pedang itu—sebagai pisau cukur. Teringat dia akan kisah pedang yang meminta darah selepas terhunus daripada sarungnya. Diterung pedang samurai itu.

Antara kegemaran Johari tentang lagu-lagu klasik selain daripada *overture* yang menjadi ringkasan atau pendahuluan dan perkenalan ciptaan-ciptaan opera, drama, ialah simfoni dan rapsodi. Di antara dua jenis irama muzik ini rapsodilah yang lebih digemari. Keindahan simfoni baginya terletak pada kenikmatan yang dibawa oleh melodinya yang menjadikan tema satu-satu ciptaan simfoni itu. Dari itu dapatlah dia memahami corak muzik itu serta kekayaan bunyi dan keindahan irama yang ada di dalam muzik. Selain itu simfoni ada pula beberapa bahagiannya yang dipanggil *movement*. Ada kalanya *movement* itu daripada satu tema yang diperlambat-lambatkan atau dipercepat-cepatkan. Ada kalanya daripada tema yang belainan sama sekali. Mengenali perbezaan imilah yang mendatangkan nikmat muzik. Di samping itu lagu yang dibawa oleh satu-satu alat bunyian itu kerap mendatangkan suatu gambaran seperti di tepi laut yang sayu lengang kemudian angin bertiup—

menari-narilah pokok sementara unggas mengastua bermain-main mempas angin berlalu. Tiba-lah satu perasaan yang indah menusuk segala tubuhnya.

Tetapi rapsodi berlainan pula. Kalau simfoni membawa satu gambaran dan satu perasaan kepada Johari, rapsodi memusar-musarkan pula perasaannya kerana tempo atau rentak irama rapsodi itu serta-merta bertukar daripada kencang lancang ke lembut perlahan kemudian meleret-leret dan tidak semena-mena menjulang tinggi membuat perasaan itu dari pada megah bangga ke sayu rawan: daripada romantis keperwiraan jatuh melayang kehampaan. Inilah bentuk lagu klasik yang sangat digemari oleh Johari. Teringat dia akan rapsodi itu, terkenang pula akan nasibnya yang sejajar dengan perasaan yang dibawa oleh pusaran rapsodi. Bezanya hanya tentang tema rapsodi yang biasanya adalah berpokokkan tema kebangsaan seperti *Hungarian Rhapsodie* ciptaan Liszt dan *Rhapsodia Espagnole* ciptaan Ravel. Tetapi *Rhapsodia Johari* itu nampaknya iramanya tanpa hujungan.

Aku mesti hentikan, aku mesti akhiri irama hidup ini, menjerit jiwa Johari.

Johari merenung pedang samurai Jepun terhunus itu. Matanya tidak berkelip-kelip lagi memandang sinar kilat bilah pedang itu. Pedang itu telentang telanjang—lemah memujuk. Mata Johari tidak dilarikan daripadanya. Tangan Johari bergerak. Jarinya meraba-raba hulu pedang yang panjang itu lalu digenggam kuat.

TOK! Tok! Tok!

Perlahan-lahan pintu diketuk. Pintu tidak dibuka.

Tok! Tok! Tok! Tok! Tok!

Bertambah lama lagi pintu diketuk. Tidak juga dibuka pintu bilik itu.

'Bang Johar! Bang Johar!'

Disusulukan ketukan itu dengan suara. Tidak juga pintu bilik itu terbuka. Bertambah kuat suara dan ketukan pintu. Dari dalam bilik itu lantang juga bunyinya suara dan ketukan pintu itu. Tetapi Johari tidak mendengarnya.

Akhirnya pintu yang hanya terselak sedikit sahaja engselnya itu pun ditolak kuat hingga terdedah lebar bukaannya.

'Ya Allah!'

Kedengaran suara Peah yang halus nyaring terkejut Terlihat di hadapannya di atas katil Johari terlunjur memiarap. Cedar katilnya dari bahagian kepala hingga ke perut Johari itu menghitam pekat. Terpandang dia akan pedang terhunus.

Darahkah yang mengering itu? Kalau tidak kerana dia telah berkeras-kerasan menolak pintu tadi, harus tersungkur dia se-saat itu juga oleh lemah semangat. Tetapi diberanikan hatinya. Dia merapatkan diri ke katil tempat tertiarapnya Johari. Ter-jengket-jengket kakinya serta dengan jari yang menggetar-getar dirasanya tilam katil itu—basah tangannya hitam melekat. Di-jenguknya di atas kepala Johari. Kelihatan botol dakwat tergu-lung. Hatinya tiada malu menerima melulu akan apa yang dilihatnya. Curiga dia. Dakwatkah atau racun? Dicium tangannya, seakan-akan bau dakwat juga. Ditungkilnya badan Johari

hendak ditelelentangkan. Terguling dari bahagian lehernya sebatang pena dan di dahinya terlekap kertas yang sudah keromot. Baju Melayu Johari tersalit hitam dengan dakwat. Setelah telentang Johari kelihatan tubuhnya bergerak-gerak.

'Bang, Bang Johari! Bangun, bangun bang,' panggil Peah sambil menguit-nguitkan ibu jari kaki Johari.

Kelopak mata Johari terbuka dan seakan-akan orang kebingungan direnungnya muka Peah lalu menegur, 'A?'

'Ada orang datang di luar nak jumpa abang,' beritahu Peah.

Johari menguap kemudian menutup mulutnya dengan tangan lalu menyayal, 'Bapak mana?'

'Ayah sama emak ke rumah Pak Ali. Ada kenduri.'

Johari pun bangun berdiri di tepi katil lalu bertanya, 'Siapa yang datang nak jumpa tu?'

'Ada orang tua perempuan sama orang lelaki separuh umur,' jawab Peah sambil berundur dari situ supaya dapat Johari bersalin pakaian.

Peah pun keluar ke serambi rumah serta menyuruh orang-orang di luar itu menunggu. Setelah itu Peah pun ke dapur membuat air.

Tidak berapa lama kemudian keluarlah Johari mendapatkan orang-orang di serambi itu. Perempuan itu dilihatnya sebaya dengan ibunya Mak Halimah, kira-kira 45 tahun umurnya berpakaian baju kurung kain cita warna pucat serta kain tengkolok menutupkan kepalanya. Orang lelaki itu lebih tua sedikit dan pada Johari. Badannya tegap hitam manis memakai baju kotuit berjalur-jalur kuning atas hijau lumut dengan seluar panjang kain khaki.

Perempuan tua itu bangun dari kerusinya mendapatkan Johari dan berkata, 'Mak ni nak tumpang tanya.'

'Ada apa hal, mak?' tanya Johari sambil menyentul kulit pipinya yang terkena dakwat.

Sementara itu, sesudah sahaja Johari keluar dari biliknya Peah pun masuk ke dalam bilik Johari hendak mengemasak

bilik itu serta mengambil baju dan kain Johari yang terkena dakwat untuk direndamkan segera.

Dari jendela bilik itu terkelibat pula imbasan orang pergi ke dapur di belakang rumah. Dari corak sarung itu tahulah Peah ibu dan ayahnya yang menghala ke dapur itu. Peah pun segera keluar dari bilik itu hendak membuka pintu dapur yang dipalang.

'Ada orang datang bah,' beritahu Peah.

'Manu?' soal ayahnya.

'Di serambi dengan Bang Johari,' ujar Peah.

Kedua-dua orang tua itu segera pergi menjengah ke serambi. Kelihatan perempuan tua yang bertengkolok itu sedang merenung muka Johari dengan perasaan hiba.

'Hai dunia sekarang. Tak payah menunggu kita mati. Masih hidup lagi Tuhan tunjukkan balasan-Nya,' ujar orang itu, air matanya meleleh. 'Hampir-hampir lagi kau nak meninggalkan baka yang busuk.'

Pak Udin dan Mak Gayah tercepat kaku di ambang pintu bilik tengah mendengar kata-kata perempuan tua itu. Johari pun resah tidak tahu hujung pangkal tuturan perempuan itu. Anak muda berbaju tuid itu duduk bersandar di atas bangku menggosok-gosok dahinya dengan jari telunjuk dan jari han-tunya sambil mengangguk-anggukkan kepala.

Mak Gayah pun melangkah bendul terus ke serambi.

'Ini mak kau, Johari?' soal perempuan tua itu mengarahkan tangannya kepada Mak Gayah.

'Oh bukan! Ini bukan emak yang mengandungkan saya, tapi saya anggap macam emak saya sendiri juga,' jawab Johari dengan perasaan serba salah bagaimana pula hendak diperkenalkan perempuan tua itu kepada Mak Gayah padahal dia sendiri tidak mengenalinya.

'Emak ni siapa?' tanya Johari.

Belum sempat orang tua itu menjawab Mak Gayah telah menghulurkan tangan bersalam-sambil menerangkan, 'Saya

ni emak angkat Johari. Dulu tempoh mula-mula Jepun masuk  
saya tolong Johari. Panggillah saya Gayah."

Mengangguk-angguk perempuan tua itu mengerti. Diper-  
hatinya muka Mak Gayah kemudian dialihkan pandangannya  
ke muka Johari.

"Saya ni sebenarnya tu . . . si Jailani tu," balas perempuan  
tua itu lalu menunjukkan ke arah pemuda berbaju tunik. Dia  
baca surat khabar Melayu kisah nikah Johari ini dan kisah  
Juriah dalam hutan dan ayah Johari. Berperi-peri dia  
mengajak saya pergi ke rumah ini. Ada pula nombor  
rumahnya itu dalam surat khabar. Itulah kami datang ke man  
menanyakan betul tidak ini rumah Johari. Kebetulan pula  
Johari sendiri yang menjawabnya."

"Kakak datang ni, apa sebenar hajatnya?" tanya Mak Gayah.

Pak Udin yang selama ini mendengar perbualan orang  
orang di serambi itu di balik pintu tidak sedap rasa hatinya lalu  
keluar lantas duduk di atas kerusi paha bertindih paha; dagu  
bertopang lengan dan lengan bertatang di atas sandaran kerusi.  
Dia juga tertarik hati hendak mengetahui siapa sebenarnya  
tetamu-tetamu yang tidak dijemput itu.

"Anak saya si Jailani ni, dia dah bertahun-tahun dah nak  
cari adik dan ayahnya," ujar perempuan tua itu.

"Oh! Kakak ni isteri Penghulu Baba?" sampuk Mak Gayah  
sambil mendongakkan kepalanya. "Tapi Penghulu Baba kan  
dulu isterinya kena bunuh dek Jepun. Macam mana orang  
jantan ni. Tak betul mulutnya!"

"Haaah! Buat dosa aje. Saya ini bukan berumah dengan  
Penghulu Baba. Namanya pun baru inilah saya dengar," pintu  
perempuan tua itu mematah kata.

Rumit sungguh!

"Kurang faham saya ni. Siapa dia tu sebenarnya bapak dan  
adik Encik Jailani ni?" soal Pak Udin di tengah-tengah per-  
bualan itu.

"Sebenarnya orang tua Bukhari itulah bapak budak ni dan  
Juriah itu!" tegas perempuan tua itu.

Muka Johari pucat kerana sangatlah terkejut dia mendengar penjelasan itu hingga tidak terbuka mulutnya. Teringat dia suatu masa dahulu waktu memikirkan sebab-sebab ayahnya meninggal-ninggalkan emaknya. Terlintas di hatinya bahawa haris juga ayahnya itu beristeri dua. Inikah dia isterinya yang lain itu?

'Perkara ini nampaknya banyak kusut-kasapnya. Kalau belum bagai kakak kata, si Juriah sama si Johari ni bukanlah orang lain,' simpul Pak Udin membuka kesumbangan hatinya. 'Bagaimana pula perkara ini berlaku? Cuba kakak terangkan.'

'Juriah sama orang tua Bukhari tak ada di sini?' tanya perempuan itu.

'Masing-masing dah menghilangkan diri,' sahut Mak Gayah.

Peah keluar mengangkat dulang air. Mak Gayah menolong mengeluarkan cawan sebiji demi sebiji diatur di atas meja. Kemudian dijemput semuanya di meja itu.

'Ini siapa ni?' soal perempuan tua itu sambil memandang muka Peah yang sedang memerhatikan emaknya mengatur air di atas meja itu.

'Ini anak kami, Peah namanya,' jawab Mak Gayah.

Perempuan itu pun duduklah bersama-sama dengan yang lain di atas kerusi berhadapan dengan air teh susu.

'Wah! Kita ni nampaknya qadak makan. Tempoh Jepun dulu jangankan susu, teh pun haram jumpa,' ujar perempuan itu setelah menghirup air yang agak panas sedikit itu.

'Macam ni. Saya ni bukanlah nak mengumpat-umpat dan bangkit-membangkitkan perkara lama,' terang perempuan itu memulai kisahnya. 'Yang benar itu biarlah dibenarkan: yang salah, biarlah Tuhan menimbangkannya sendiri. Nama saya Munah. Dah nak dekat tiga puluh tahun sudah saya ditinggalkan dek bapak budak-budak ni, orang tua Bukhari itu. Masa itu si Jailani dengan adiknya itu masih kecil lagi. Bila ditinggalkan saya, diambilnyalah Juriah itu dibawa lari.'

'Apa sebabnya dia lari itu?' sampuk Mak Gayah.

"Bukhari itu sangat asing orangnya. Dia salah faham dengan adat resam di kampung kami. Dia tu asalnya Nazir Sekolah-sekolah di Melaka dan saya seorang guru di sebuah kampung. Dalam lawatannya memeriksa sekolah-sekolah bertempulah kami berdua. Dia remaja bujang, saya pun dah berakal baligh. Potong pendek bersetujulah ibu bapak kami.

"Tapi di dalam kampung kami dia anak dagang dan sebagai anak dagang, dia mesti masuk satu suku yang lain daripada suku kami kalau nak kahwin. Perkara ini kami beritahu kepadanya dan pergila dia mencari tempat kedudukan atau tempat tumpang seperti mengikut pepatah adat kami:

Cencang berlandasan  
Lompat bersetumpuan  
Perahu bertambatan  
Galas bersandaran  
Dagang bertempatan.

"Tidak berapa lama, dari pihak laki-laki dihantarkanlah cincin emas sebentuk kepada pihak kami dan dipertunjukkanlah oleh sebelah kami cincin itu kepada tempat semenda dan orang semendanya. Cincin itu diterima tanda seja sekata. Kemudian pihak kami pun menghantarlah bujam epuk bensi dengan sirih berlipat serta dengan kelengkapannya kepada pihak laki-laki. Diterimalah bujam epuk itu lalu datanglah sebelah laki-laki serta sanak saudara dan kaum kerabatnya dan disambut oleh pihak kami dengan hormatnya. Kemudian dinikahkanlah Bukhari dengan saya. Syukurlah kami bernikah di dalam adat. Tiga tahun kami dalam bahagia dengan mendapat cahaya mata anak berdua ini. Kemudian bapak budak-budak ini mula meragam—wang berkurangan diberi; muka mula masam.

"Satu hari bapak budak-budak ni pulang rumah menyergah, "Jangan harapkan duit aku lagi! Aku tak ada kerja sekarang!" Tegas dia yang tak mahu bersungut selalu. Kemudian dengarlah saya akan khabar yang dibawa orang bahawa

bapak budak-budak ini telah melawan kerajaan. Dia tak suka corak pelajaran sekolah Melayu pada masa itu. Dituduhnya dasar sekolah Melayu semata-mata untuk menganyam bauk saja. Dia mahu satu corak pelajaran yang baru. Saya pun tak tahu macam mana nak terangkan corak pelajaran yang dia mintak tukarkan itu. Tapi nampaknya dia tak suka sekolah-sekolah Inggeris ditambah-tambahkan bilangannya dan begitu juga bahasa Inggeris diagung-agungkan. Dia membuat repot lawatannya ke sekolah-sekolah pun dalam bahasa Melayu. Agak banyak lagi perkara yang dibuatnya yang menyumbangkan mata British. Itulah sebabnya dia dibuang kerja.

Tetapi kita manusia tidak cukup dengan jatuh saja menjangan disusul pula dengan tangga menimpa. Tiga bulan lepas dibuang kerja, bila saya meminta wang yang ada di simpanannya—maklumlah anak pun mau makan juga—tak sememana disergahnya saya sekuat-kuat hatinya:

"Apa lagi?  
Kalau cerdik, teman berunding;  
Kalau bodoh, disuruh arah;  
Kalau patah, penghalau ayam;  
Kalan buta, penghembus lesung;  
Kalau pekak, pembakar bedil;  
Kalau makalim, hendakkan doanya;  
Kalau kaya, hendakkan emasnya.

"Nah sekarang, aku dah miskin, buatlah mengikut kesukanan adat kau!"

'Dia tak pernah menengking-nengking saya. Tapi itulah kali yang pertama dan akhir dia membuat demikian. Tapi kata-katanya tu sebenarnya pepatah adat kami di kampung. Saya tak sepatah pun menjawabnya. Petang itu didukung-dukungnya Juriah keluar rumah. Saya fikir macam biasa dia suka keluar pekan membawa anaknya itu. Saya pun biarkanlah. Tapi malam itu dia tak pulang-pulang ke rumah. Sampailah ke hari ini.'

'Kenapa sampai macam itu kejam sekali orang tua Bukhari itu?' tanya Pak Udin yang sedang mengikuti dengan telitinya cerita Mak Munah itu. 'Mustahil tak ada ribut besar sampai pokok tumbang!'

'Lepas itu saya pergi selidik. Rupanya dari mula dia kahwin dengan saya, orang-orang suku tempat tumpangannya bukannya hendak mencerangkan adat solok kami itu. Sebaliknya pula dikeruk kawan itu atas nama adat kononnya. Orang-orang tu pulak tahu gaji si Bukhari. Jadi kawan kita itu bak ayam di-hurung tungau. Tungaunya pulak melambak—mana tahan!'

'Orang tua Bukhari itu pula dari kecilnya lagi bebas tidak dikongkong oleh mana-mana adat. Sudah tentu walau mulut tak berkata, hatinya penuh kebencian akan adat dan orang-orang yang mengambil kesempatan akan kelemahan-kelemahan adat itu. Orang kampung yang gemuk dengan pepatah dan petitih adat yang dipusakainya, tidak pula mendalami jiwa orang yang masuk sukuinya itu. Jadi, sayalah yang menjadi korban adat. Tiga puluh tahun nak dekat seumur si Juriah saya ditinggalkan tergantung tak bertali: tersalai tak berapi.'

'Kalau tidak disiarkan dalam surat khabar berita terburainya majlis nikah Johari-Juriah itu, saya agak puaslah di Padang Mahsyar mencarinya. Di dunia sudahlah menerima bahagianya, dipulau dek orang bahana melanggar adat. Saya pulak dituduh orang tak pandai mendidik suami. Dan kami anak-beranak dapat hukuman seperti hukum sumbang salah dahaga-dahagi atau nikah kahwin yang dilarang adat. Hukumnya mengikut pepatah:

Hidup tidak dipelihara  
Mati tidak ditanam  
Harta diambil  
Tuannya dibunuh.

'Jika dibunuh mati alakulihal juga kerana Tuhan Yang Maha Esa saja yang kita hadapi. Tapi ini dibunuh hidup.' Mak Munah menahan air matanya tetapi retak suaranya menggant-

barkan isi hatinya yang terbukti kian lama.

'Agaknya orang tua Bukhari itu menyerahkan Juriah sama Penghulu Baba. Tapi si Penghulu Baba berani mengaku Juriah itu anaknya, kenapa? Lepas itu orang sibuk-sibuk dia buat diam saja, mengapa?' soal Pak Udin tidak berhenti-henti, menyel.

'Mana dia bapak kau itu Johari sama kakak tiri kau itu?' soal Mak Munah terus menangis tidak dapat ditahan-tahan lagi.

'Nanti, nanti mak, sabar. Saya akan menyatukan yang terputus. Pak Udin, tolong jemputkan Joned suruh panggil kereta sewa. Boleh kita ke Kampung Baru.' Baharulah kedengaran suara Johari yang selama ini berdiam diri.

Hari sudah senja dan kereta sewa pada masa itu tidaklah mudah diperoleh. Jadi, pada malam itu berusahalah masing-masing merapatkan yang telah renggang, mencantum yang telah putus dan menerangkan yang telah gelap. Tetapi bagi Johari, dikelamkanlah sendiri kisah dia dengan Juriah di hutan dahulu kerana tiap-tiap kali difikirkannya, suatu perasaan sumbang menyerang dirinya. Hanya apabila terkenang akan perbuatan kasar ayahnya yang lalu itu maka bersyukur dia kepada Tuhan tidak terlangsung perbuatan yang haram.

Esok paginya berangkatlah dari Lekang dua buah kereta menuju ke Kampung Baru, rumah ibu bapa Johari. Sesampai sahaja ke tempat yang ditujukan itu, cemas rasa Johari melihat rumah itu terkunci. Pergilah Johari ke rumah jirannya mendapatkan khabar akan orang tuanya.

'Baru tadi kereta ambulans datang membawa emak kau ke hospital!' terang Pak Husin rumah sebelah.

'Sakit terukkah emak saya tu?' soal Johari.

'Tidak. Bapak kau yang dah lama dalam hospital sakit. Kena angin ahmar, katanya....'

'... Baiklah. Terima kasih Pak Husin,' pintas Johari memendekkan kata orang tua itu.

Bekejarlah mereka ke Hospital Umum. Sampai di sana

Johari pun menanyakan wad tempat ayahnya. Kemudian berlari-larilah mereka ke Wad 32 dan terlihat mayat sedang diusung masuk ke dalam ambulans. Bertambah kencang mereka mendapatkan mayat itu. Mak Halimah yang merah matanya segera memeluk anaknya dan tertumpahlah air mata dari hati yang hampa dan membasahi kedua-dua pipi ibu dan anak yang dirundung malang itu.

'Dah berapa lama arwahnya di hospital mak?'

'Semenjak malam yang kau datang tu. Ini Kak Munah agaknya?' tanya Mak Halimah dengan sedu-sedan seolah-olah tergerak hatinya.

'Mak sudah tahu?' soal Johari kepada emaknya.

'Dah diterangkan semuannya oleh arwahnya itu.'

'Mak Munah, ini emak saya, Mak Halimah. Dan mak, ini Abang Jailani, abang Juriah juga.' Mendalam suara Johari melindungkan rasa hatinya terhadap ayahnya itu.

Bersalamansah kedua-dua orang yang tidak tahu dirinya bermadu setelah kian lama.

'Mak cik, kereta ambulans ini nak berjalan,' kata drebar yang bakal hendak membawa mayat ayah Johari itu.

Ibu Johari pun meminta diri lalu menaiki kereta ambulans itu sambil menyuruh mereka ke rumah.

'Mana Juriah?' tanya Mak Munah.

Johari pun pergi jumpa Matron yang sudah lama dikenalinya. Mujur juga ada dia di pejabatnya. Matron itu pun tidak dapat melindungkan betapa terharunya melihat muka Johari tidak semena-mena menjengah mendapatkannya. Belum sempat Johari membuka mulut. Matron itu menyuruh segera pergi ke lapangan terbang kerana Juriah ada di sana menunggu kapal terbang ke Australia. Diterangkan lebih lanjut lagi Juriah telah baru-baru ini menerima hadiah pelajaran menuntut ilmu kejururawatan di seberang laut.

DOK . . . dok . . . dok . . . dok dok dok dok dok . . . dok dok.

Beduk Masjid Tompian mengejutkan Johari daripada lamunannya.

'Sarjan!' laung Kapten Johari sekali lagi.

Kebetulan pula Sarjan Samad baru sahaja turun dari Land Rovernya setelah mencari Irwan.

'Maaf, encik. Encik Irwan tak dapat dihubungi. Dia sudah lama berlepas ke Kuala Lumpur.'

'Mana awak tahu saya hendakkan Irwan?' soal Johari kehairanan.

'Eh! Kan encik suruh saya carikannya tadi?' balas Sarjan Samad lebih takjub daripada Johari.

'Mana boleh? Saya baru saja duduk bersandar di kerusi ini.'

'Sumpah saya encik. Saya nak pergi sembahyang maghrib tadi. Encik panggil saya suruh dapatkan Encik Irwan segera!'

'Kan baru saja beduk maghrib berbunyi?'

'Beduk isyak tu, encik!'

'Oh! Saya mengingau! Maaf.'

Benar bagai sangkaan Sarjan Samad. Ketuanya itu kelak terpisat-pisat terkejut.

'Encik, mengenai Encik Irwan, saya sikit lambat kerana saya sibuk tadi cuba berhubung dengan sekatan-sekatan jalan dan balai-balai polis yang berdekatan. Tapi semuanya mengatakan Encik Irwan itu dah pecut lari balik ke Kuala Lumpur. Maaf, saya tak berjaya mendapatkannya.'

'Ha. Tak mengapalah Sarjan. Patut saya yang meminta maaf kerana menarik awak dari berbakti kepada Tuhan.'

'Encik ada apa-apa hal yang kurang baik?'

'Tak ada! Tak ada! Ambilkan saya air minum ke mari.'

'Kalan encik kurang sihat, boleh saya bawakan makan malam ke khemah simi.'

'Tak mengapalah. Terima kasih. Bawa saja air ke mari.'

Bagi Johari makan dan minum sudah luput daripada ingatan. Padahal dari pukul tiga pagi dia tidak makan apa-apa melainkan cuci tangan saji. Yang mendesak-desak dalam hatinya ialah hendak berjumpa dengan isterinya.

Teringat dia pula satu ketika apabila ditanya rakannya, Irwan, mengenai isterinya yang tinggal tidak jauh dari rumahnya. Irwan menggeleng-gelengkan kepala sahaja. Lidahnya kelu, mulutnya membisu. Mungkin Irwan juga hendak menyorokkan sesuatu kegiatan isteri Johari yang lama telah ditinggal-tinggalkan itu. Dan seperti biasa sesetengah orang lelaki tidak semudah orang perempuan membuka tembelang orang lain. Jadi, tiadanya Irwan di pekan Tompian itu tidak menjadi hal bagi Johari. Dalam segala cita-citanya, rakannya itu sedia bekerjasama; tetapi dalam perkara rumah tangga, mungkin tiada bantuan daripadanya. Tetapi, walau bagaimanapun Johari mesti mengetahui perihal isterinya itu selama ditinggal-tinggalkan olehnya.

Johari pun meragut baju premannya serta menghembur ke luar. Dia menuju ke khemah Pemerintah Batalion. Susup-sasap dalam gelap Johari meraba jalan. Sesampai sahaja di khemah, seorang perajurit menerangkan pegawai Pemerintah Batalion itu belum pulang dari satu operasi khas.

Johari pun menunduk balik. Kali ini menyiput langkahnya. Kepalanya berat oleh masalah yang belum terhurstai itu. Di tengah-tengah jalan teringat pula bahawa sekiranya Ketua Batalion tiada, bagaimana pula Ketua Briged? Dilihat jam di tangannya. Cat floresen pada jarum jam itu menunjukkan masuk pukul sepuluh. Johari pun melencongkan perjalananya ke peti telefon dan mendapatkan nombor Ketua Briged di Markas Johor Bahru.

'Helo, Johari simi, Tuan Kolonel?'

'Tuan Kolonel baru naik, encik. Stapa tu?'

Berderau jantung Johari. Naik bermakna *naik loteng* dan itu bererti *pergi tidur*. Johari mesti mengambil keputusan kilat—mengacau ketua untuk pemutus kata atau membisu diri lantas terbuku hati.

'Ini Kapten Johari dari Tompian. Boleh saya berhubung dengan Tuan Kolonel?'

'Nanti sekejap ya. Kalau Kapten bernasib baik, dia belum tidur lagi. Tunggu sekejap ya.'

Sesaat menunggu rasanya setahun berlalu. Kemudian, siyu-siyu kedengaran suara garau.

'Helo. Ada pendaratan baru ya, Kapten?'

Suara yang terdengar sungguh mesra; tetapi perkara yang hendak ditanya tidak kena. Antara berbuat bakti dan meminta cuti, jauh langit dengan bumi bezanya. Kapten berasa gentar. Suaranya retak.

'Tidak tuan. Saya minta maaf mengganggu tuan tengah-tengah malam ini. Saya tak dapat tidur.'

'Marilah berbual-bual pasal sastera dan budaya. Ha ha ha!'

Johari teringat perbualannya dengan Suprapto yang dideingi oleh Kolonel Kamaruddin itu. Johari pun tersenyum sendiri.

'Tuan, sebenarnya saya ada satu perkara besar.'

'Hahl! Kapten Johari tak mau berbual tentang kesemua dengan saya, ya. Cuma sama orang Indonesia saja.'

'Bukan begitu, tuan. Saya sedang menghadapi satu perkara yang cukup rumit.'

'Ada orang mengugut awakkah kerana menawan musuh begitu ramai?'

'Tidak tuan. Saya hendak minta cuti barang dua hari, tuan.'

'Oh ya ya! Saya tahu awak tak cuti dah tiga tahun. Ini dah dapat kejayaan besar, bolehlah pergi cuti berehat. Jangan dua hari. Ambil panjang sikit.'

Hati Johari serta-merta tersinggung. Dia terasa scolah-olah

Kolonel menyindir dirinya kerana tergesa-gesa mengambil kesempatan.

'Saya tak mahu cuti panjang. Barang dua hari itu cukuplah, tuan. Baiklah, tiga hari untuk menutup masa perjalanan ulang-alik ke Petaling Jaya.'

'Hah! Ambil sebulanlah. Tamatkan cuti-cuti tiga tahun itu.'

Johari gusar adakah Ketua Briged itu bersungguh-sungguh atau menyindirnya. Johan pun membulat tekad hendak menjelaskan betapa perlunya dia cuti itu.

'Saya mustahak tiga hari saja, tuan. Sebenarnya begitu, tuan....'

Johari tidak sempat menjelaskan. Kalimatnya dipatahkan.

'Baiklah. Hendak tiga hari, tiga harilah. Tinggalkan alamat Petaling Jaya itu untuk senang konteks. Hantar surat permo-honan terus kepada saya. Mejari belum balikkah?'

'Belum, tuan.'

'Baik. Selamat malam.'

'Selamat malam. Terima kasih tuan.'

Subuh-subuh lagi esoknya Johari sudah bersiap sedia hendak mengejar kereta api di Johor Bahru. Di stesen kereta api tidak ramai penumpang. Setelah tiba kereta api dari Singapura dia pun naik duduk di dalam gerabak kelas satu. Baharulah resah Johari betapa lengangnya kereta api yang dahulunya begitu penuh sesak. Kesal pula rasa Johari tidak terus ke Singapura mengambil kapal terbang—akan dapat menjimatkan masa. Tetapi kini, kereta api pun telah jauh bergerak. Johari menjadi mangsa rasminya yang suka naik kereta api kerana mudah berdiri dan bergerak selain daripada membawa kembali sentimen lama naik gerabak lembu tempoh Jepun dahulu. Johan tidak senang duduk diam orangnya.

Johari pun berjalan dari satu gerabak ke satu gerabak mencari teman kerana gerabak Kelas Satu itu kosong. Teman sudah hilah tiada; kebanyakannya gerabak turut kesepian. Mungkin orang ramai khuatir kereta api tergelincir daripada landasan seperti kerap tersiar di akhir bar. Sejak kereta api kita diperm-

denkan dengan jentera disel yang laju, sesetengah landasan sudah terlalu tua untuk menahan berat yang bergerak cepat. Ada kalanya tersiar berita ejen-ejen musuh cuba mensabotajkan jalan perhubungan negara.

Johari pun kembali ke gerabaknya. Seluruh gerabak dia seorang yang punya. Dibacanya surat khabar hingga ke ikannya. Letih membaca, dilemparkannya pandangan ke luar jendela. Kelihatan warna hijau belantara dan biru angkasa. Ada kalanya patung-patung berlumba-lumba dengan kereta api yang lari selaju kira-kira 60 batu satu jam.

Johari lihat bentuknya, tidak ubah seperti helikopter. Tuhan menjadikan isi alam untuk manusia mengambil teladan, fikir Johari. Tiba pula burung merbah terjum menjunam menangkap patung-patung yang leka berlumba-lumba dengan jentera. Teringat Johari dirinya yang leka berlari dengan zaman: patung di rumah siapa kelak yang menjadikannya boneka?

Tetapi Johari terpaksa memutuskan perhubungan dengan isterinya buat sementara hingga tamat konfrontasi kelak. Dengan itu tiada-lah akan timbul apa-apa syak wasangka daripada mana-mana pihak. Kesetiaannya pun tidak digugat oleh sesiapa pun. Tetapi Suprapto telah membayangkan tindak-tanduk pihak komunis di Indonesia dan isterinya juga bekas komunis. Gagalkah sudah ikhtiamya untuk memutihkan gagak?

Teringat dia di sekolah di mana guru bahasa Melayutinya selalu suka memberi peribahasa untuk dihafalkan. Di antaranya mengenai memaniskan peria dan juga memutihkah burung gagak. Terbayang dia Cikgu Dollah mereka dua tiga cerita di sekitar peribahasa itu. Kemudian belum sempat dia menamatkan-cerita, tiba-tiba masuk seorang pelajar baharu dalam kelas itu dibawa oleh peon sekolah. Peon itu memberi sepucuk surat daripada Guru Besar. Cikgu Dollah pun membaca surat itu dengan mata serta menyuruh pelajar yang cengkung kurus itu mengambil tempatnya di bangku kosong di belakang kelas.

Sekolah yang terbayang di ruang mata Johari itu ialah Queen Mary College. Istilah *College* itu bukanlah membayang-

kan taraf pelajaran, tetapi hanya untuk menyesuaikan umur murid-murid yang sudah tua bagi sekolah biasa. Mereka adalah mangsa perperangan yang berlarutan hampir empat tahun.

Queen Mary College itu ditaja oleh seorang bekas Kapten British, Johnny Fox yang berjaya mengumpul guru-guru yang sudah bersara untuk mengajar mereka yang berkehendakkan *Overseas School Certificate* untuk mencari nafkah yang lumayan dalam tanah airnya sendiri.

Seperti pujangga perang British, Rupert Brookes yang ada sekeping tanah di negeri asing 'yang dimiliki abadi oleh England' sebagai perkuburan mayatnya, demikianlah Kapten Johnny Fox mendapatkan tanah untuk Queen Mary di bumi Melayu.

Johari, Irwan dan anak-anak negeri yang lain pula terpaksa membayar pelajarannya di situ.

Ketika itu sekolah masih mencari murid. Johari yang sudah lanjut umurnya, diterima sahaja. Keputusan *Cambridge School Certificate* yang diambil sebelum perang dahulu tidak akan diperolehinya. Kononnya, kapal yang membawa kertas-kertas jawapan peperiksaan itu telah menjadi korban *U-boat* Jerman di Lautan Tengah.

Boleh dikatakan Johari telah lewat mengikuti pelajaran-pelajaran kerana terkait oleh peristiwa-peristiwa peribadi yang lalu. Tetapi gagal dalam cinta itu tidak mahu diterima oleh Johari sebagai terkandas dalam cita-cita. Dia memasuki kembali sekolah dengan harapan dapat kelak meneruskan pelajaran di Raffles College atau College of Medicine. Soal biasiswa, tidak menjadi hal baginya kerana hasil daripada ladang kelapa dan kedainya yang diuruskan oleh sepupunya itu akan dapat membayai pelajarannya.

'Irwan Azmin, nama saya. Apa khabar?' ucap pelajar baru yang cengkung kurus itu menghulurkan tangan.

'Johari Bukhari. Khabar baik,' balas Johari.

Irwan kini menjadi jiran Johari yang duduk sederetan di sebelah kanannya.

'Dari mana?' tanya Johari.

'Melaka. Saudara dari Selangor?'

'Ya.'

Perbualan mereka serta-merta terbantut apabila cikgu meneruskan penerangannya mengenai ungkapan *memutihkan buang gagak* itu.

Persahabatan di antara Johari dengan Irwan kian mendalam. Suatu hari waktu pukul sepuluh, selepas minum, mereka bersiar-siar di kebun sains Queen Mary College itu.

'Saya berasa bertuah bertemu dan berkawan dengan awak, anak seorang pahlawan Melayu,' Tiba-tiba Irwan mendedahkan isi hatinya.

'Anak pahlawan Melayu?' soal Johari kebingungan.

'Jangan berpura-pura merendah-rendahkan diri. Awak mestи berjiwa besar seperti bapa awak, Johari!'

Dalam bersiar-siar itu mereka sampai di rumput padi huma yang sudah ranum buahnya.

'Berapa rendah padi ini menunduk; tahu juga orang berapa berat isinya,' sambung Irwan berkias.

'Saya tak reti apa yang awak cakap ni.'

'Jangan awak selindung daripada saya. Saya kenal siapa sebenarnya bapa awak tu, Johari. Tahu saya dia dalam tempoh Jepun dulu,' tegas Irwan.

Johari mencurigai rakan baharunya itu. Adakah Irwan dipacakkan dalam sekolah itu untuk mengintipnya? Adakah kerajaan khuatir akan pendiriannya sebagai anak seorang bekas subahat Jepun?

'Apa yang awak tahu mengenai bapak saya tu?' tanya Johari segera.

'Dialah yang membangkitkan semangat Melayu. Dan dialah yang membentuk Tentera Hei Ho dan Giu Gun daripada anak-anak muda Melayu.'

Berderau hati Johari takut kalau-kalau dilibatkan kegiatan-kegiatan ayah dengan anak. Ayah borek anak rintik, begitulah peribahasa Melayu.

'Bermakna dia penghasut, begitu?' tempelak Johari.

Pada zaman itu perkataan *nasionalis* dimormok-mornokkan oleh penjajah terutama Belanda di Indonesia. Adakah Irwan menjadi penyambung hidup penjajah?

'Irwan, libat bunga keembung ini. Berlapis merah pula. Macam bunga mawar rupanya. Cuma harum saja yang tiada padanya,' sambung Johari cuba mengalihkan pokok bicara.

'Ya, macam bunga raya berlapis-lapis, besar tapi tak harum,' balas Irwan sambil lewa. 'Johari, boleh saya berjumpa dengan bapa awak?'

Johari terasa serba salah oleh kelakuan rakan baharunya itu. Tanpa disedari, kelopak bunga keembung itu banyak dikicas-kaikannya. Bunga itu bakal digunakan untuk menunjukkan proses osmosis. Warna bunga dan batang pokok itu kerap diubah-ubahkan rupanya dengan direndamkan di dalam air berwarna.

'Irwan. Bapa saya baru meninggal. Tak lama dulu,' jawab Johari, moga-moga senyap Irwan kelak.

'Meninggal? *Innalillahi wa imailaihiraj'um*. Di mana kuburnya?' soal Irwan terharu.

'Di Perkuburan Jalan Emping.'

'Lepas sekolah, kita pergi, ya,' ajak Irwan.

Rumit sungguh fikiran Johari. Apa sebenarnya tanggapan Irwan terhadap bapanya? Bersungguh-sungguh Irwan mengajak rakannya itu pergi.

'Cih! Mengapa tak mendapat khabar dulu? Dari jauh aku boleh datang sedekahkan Fatihah di pusaranya.' Irwan menitiskan peluh betina di hujung hidungnya.

'Mengapa awak begitu tinggi menyanjung arwah bapa saya?' soal Johari tidak menyabar lagi membendung perasan takjub akan rakannya yang baharu itu.

'Dialah satu-satunya orang membentuk jiwa dan membangkitkan semangatku. Dulu saya tunggu-tunggu kedatangannya di Melaka untuk mendengar dia berpidato. Pidatonya membuka mata kami sekalian.'

"Apa maksud awak dengan perkataan "membuka mata" ini?" soal Johari ingin tahu.

"Arwahnya itu telah membuka mata kita yang kuyu luyu oleh candu penjajah. Benar! Kita telah lena sekian lama. Semangat perjuangan dan cintakan kebebasan telah ditindas dengan cara yang begitu halus hingga kita lupa akan keagungan bangsa kita sendiri. Sebaliknya kita menyanjung-nyanjung penjajah tanpa malu tanpa segan. Tengok saja kehiling kita. Nama jalan, nama tempat; Birch Road, Clarke Street, Port Swettenham, Port Weld. Kitu tahu Birch tu seorang Residen yang angkuh, yang menganggap orang Melayu sama sekali tidak berkebolehan menjalankan pemerintahan dengan baik siaupun memelihara keamanan. Tetapi pandaikah dirinya sendiri menjalankan tugas? Sultan Abdullah dicemuh; Menteri Larut diberi malu dan Datuk Sagor dilucutkan senjata di dalam kampungnya sendiri. Nah, atas jasa-jasanya yang demikian itu, namanya diperkekalkan di tengah-tengah Kuala Lumpur ini!

Begitu juga Clarke yang melantik Birch yang tidak mengerti langsung bahasa Melayu dan adat resam orang-orang Melayu hingga akhirnya darah tumpah di bumi Perak. Tapi mana dia nama Hang Tuah dan Hang Jebat selain daripada pengi dan makam di Melaka? Itu pun oleh pihak rakyat. Malah, *Hikayat Hang Tuah* diperkosakan hingga Laksamana Hang Tuah itu luput daripadi sejarah. Hanya tinggal sebagai lembaga dongengan dan begitulah mereka hendak kita percayainya. Mana perginya naskhah asal *Hikayat Hang Tuah* untuk kita berpandu?

"Seolah-olah orang Melayu tak punya rukun pemerintahan dan tak pandai memerintah. Di mana ada tempat dan bangunan yang mengabadikan nama Parameswara atau Megat Iskandar Shah yang membuka Melaka? Tetapi Raffles dan Sir Francis Light juga diagung-agungkan sebagai penaja Singapura dan Pulau Pinang.

"Tun Perak yang menjadi Bendahara Melaka separuh abad

hingga memuncak Melaka dalam zaman keemasan sebagai pusat perniagaan dan penyebar agama Islam ke seluruh Asia Tenggara, siapa yang tahunya sekarang di kalangan anak muda? Di mana namanya diabadikan orang? Katakanlah itu semua panglima kita di zaman kapal layar dan pedati lembu, tetapi bagaimana pula patriot kita dalam abad lalu?

'Seinua pahlawan kita, kalaupun kita masih ingat, gambaran yang diberikan kepada mereka adalah sebagai pemberontak Dol Said, penentang penjajahan Inggeris di Tabuh Naning dicap sebagai penderhaka manakala Gabenor Fullerton penindasnya tetap terkenang jasa-jasa murininya.

'Orang Kaya Bahaman dan Tok Gajah pencegah campur tangan British di Pahang hari ini tinggal sebagai penderhaka manakala penindasnya Clifford dan Rogers tetap kekal haruun namanya di sekolah dan jalan raya. Begitu juga di kalangan kita, sudah pun luput daripada ingatan nama-nama seperti Tok Janggut dan Haji Abdul Rahman penentang penjajahan di pantai timur.'

'Saya berani bertaruh nama Leftenan Adnan, pejuang kita di Singapura dulu akan juga luput daripada ingatan. Manakan tidak, kalau British sudah bayangkan salah satu sebab mereka kalah dalam tangan Jepun ialah kerana anak negeri belot.'

Johari selama ini menundukkan kepala. Tungkul yang dudukinya itu sahaja yang tahu berapa berat dia menahan orang yang sedang sugul. Johari terasa dirinya dibuat sebagai tungkul oleh bapanya. Nama-nama yang disebutkan oleh rakanannya boleh dikatakan naina baharu belaka baginya kecuali Hang Tuah dan Hang Jebat yang dianggap sebagai separuh dongeng mengikut didikan British.

'Irwan, awak bercakap siang, pandang-pandang; cakap malam dengar-dengar,' tegur Johari untuk keselamatan rakanannya.

'Tak pedulilah, yang benar itu dibenarkan juga. Tak betul saya cakap perwira dan panglima kita hendak dilupakan daripada ingatan kita?'

'Benar, kita mesti meninjau kenibali sejarah kita yang di-putarbelitkan oleh penjajah. Tetapi siapa yang sanggup membetulkannya pada masa ini?'

'Kitalah yang mesti berani. Kita daripada Angkatan Kini. Zaman bapak kita, kita sekarang kutuk kerana mereka amat menunduk kepada pihak penjajah hingga dipijak kepalanya. Kan kita sekarang yang menanggung bebaninya. Oleh itu, kita tak boleh berpeluk tubuh sekarang dan membiarkan sejarah cemar menodai ibunda kita.'

'Apa yang boleh kita buat? Kita hanya pelajar. Kebanyakannya masih dalam tanggungan ibu bapa dan penjaga.'

'Tak bolch cakap begitu, Johari. Tuhan takkan mau merubah nasib sesuatu bangsa selagi bangsa itu enggan merubahnya sendiri. Dan bangsa itu terdiri daripada kita, penduduk sesebuah negeri. Dan kita, pelajar dan penuntut, kalau dapat bersatu padu akan menjadi satu kuasa yang ketiga menentang penjajah!'

'Siapa yang hendak kita tentang dan apa yang hendak ditentangi?'

'British yang kita tentang dan Malayan Union yang bakal kita tumbangkan.'

Malayan Union dibawa oleh British sesudah Johari meninggalkan Radio Malaya. Masa itu Johari sedang membalut luka di hati akibat daripada kegagalan cinta pertama. Perjuangan hatinya sungguh hebat. Bukan mudah mengikiskan perasaan beromen dengan kakanda tirinya itu. Hanya zaman Cleopatra sahaja yang dapat menghalalkan perkahwinan adik-beradik. Tetapi turun-temurun tamadun Melayu mengharamkan perkahwinan darah daging sendiri. Jadi, dalam leka membersihkan noda diri, Johari lupa akan keadaan sekelilingnya yang dahulunya diikuti dengan teliti.

'Apa Malayan Union itu, Irwan? Saya tak dapat mengikuti perkembangannya,' tanya Johari menyerah.

'Itu tipu helah British. Apa yang telah gagal dalam zaman sebelum perang Jepun dulur, sekarang hendak dicubanya lagi.'

Dengan Malayan Union itu, hendak disatukan kesemua kesembilan negeri Melayu dan Negeri-negeri Selat, iaitu Melaka dan Pulau Pinang. Tetapi Singapura dicekup oleh British dijadikan jajahan takluknya yang asing.'

'Bukankah bagus kesatuan negeri-negeri yang kecil itu menjadi sebuah negara yang besar?'

'Konsepnya bagus tetapi siapa yang bakal memerintahinya? Malayan Union itu akan diketuai oleh seorang Gabenor yang mempunyai kuasa mutlak. Dia tak bertanggungjawab kepada Majlis Mesyuarat Undangan. Tetapi dia punya kuasa membatal dan juga meluluskan sebarang undang-undang.'

'Raja-raja kita apa jadinya?'

'Raja pada hakikatnya dijadikan sebagai boneka saja. Kononnya hendak dijadikan penasihat kepada Gabenor. Tetapi Gabenor tidak pulak terikat untuk menerima nasihat. Tengoklah kurang ajarnya. Padahal tempoh sebelum perang dulu, raja kita dimestikan mengikut nasihat residen-residennya. Di mana taraf darjah raja-raja kita? Mereka bukan lagi jadi Ketua Negeri masing-masing; tapi kalau ada jadi ketua pun cuma sebagai ketua agama Islam saja. Kan dibuatnya sebagai rimau tak berating! Kurang ajar betul. Lupa dia tempoh Jepun.'

'Kita harapkan Inggeris mempertahankan tanah air kita. Datang pula Jepun, askar India dan Melayu dijadikan umpan peluru di garisan depan dan dia di garisan belakang dengan mudah menyerah dengan beratus ribu askarnya. Sekarang, kalau sudah negeri ini ditakluknya, mungkin sekali lagi diserahkan kepada lawannya. Yang menderita siapa? Sudahlah raja kita diperbonekakan, hak rakyat bumiputera hendak dirampas.'

'Dirampas bagaimana?'

'Kerakyatan hendak diberi kepada semua orang dagang di sini, tanpa syarat lain sekadarkan sudah tinggal di sini selama sepuluh tahun.'

'Tak menjadi hal itu semua. . . .

'. . . Hisy! Tak menjadi hal? Inilah yang akan membunuh anak negeri sekalian. Semua rakyat bermakna sama hak de-

agan bumiputera. Di manakah hak-hak istimewa kita yang kita perjuangkan selama ini? Awak tinggal di negeri Melayu belum rasa lagi sengsaranya seperti di Negeri Selat, di tanah Melaka yang sekarang orang dagang sana tarafnya dengan cucu-cicit Hang Tuah sebagai *British subject*. Di mana boleh dapat pegawai pemerintah orang Melayu di sana? Orang Melayu jadi polis, guru sekolah dan peon—itu pun boleh dibilang dengan jari, dan saya nak minta kerja di sana, hah dicemuhnya saja! Sayang sekali kulit coklat saya ni tak bercampur dengan darah Eropah. Tengoklah, gaji pun berbeza. Guru Besar sekolah Melayu yang ditarafkan oleh mereka sebagai berkebolehan mendapat \$360 setahun. Tetapi bagi guru biasa sekolah Inggeris dapat \$900 setahun!"

'Itu agaknya membawa awak ke mari?'

'Salah satu sebabnya juga. Selain daripada bapa saya disiang dek Bintang Tiga. Tengoklah nanti Johari apa akan berlaku di negeri-negeri Melayu bila kerakyatan dan hak-hak istimewa bumiputera disamakan dengan orang-orang asing.'

Johari belum lagi menemui apa yang telah dialami oleh Irwan. Dia belum dapat diperbandingkan seperti rakannya itu.

'Bumi dipijak: langit dijunjung. Daripada kupijk bumi mewah tanah penjajah: seribu kali biarlah kujunjung langit mendung angkasa Melayu merdeka,' tegas Irwan.

'Maaf, saya tak mengikuti perkembangan Malayan Union ini dari mula. Adakah raja-raja kita bersetuju?'

'Sudah disain perjanjian dan dengan itu mansuhlah segala triti lama. Dan Kertas Putih Malayan Union sudah pun dikeharkan awal tahun ini. Bermakna Malayan Union berjalan tak lama lagi.'

'Macam mana raja-raja kita boleh menyain surat hukuman maut pada diri baginda masing-masing?'

'Inilah yang kaini meradangkan memandang pada sifat biadab British itu. Hujung tahun lalu dihantarnya McMichael atau Mikail dari Great Britain. Dibawa Mikail sekeping surat. Dicapkan raja-raja kita konon bersubahat dengan Jepun. Lalu

diugutnya kalau tak mau sam, diturunkan daripada takhta. Tiga tahun setengah menderita di bawah bahang *Hinomana*, tiba-tiba datang pula zaman kemewahan jem mentega. Semua orang pun mau hidup.'

'Biadab betul. Kalau tabalah begini, takkan rela aku ikut jadi askar dulu.'

'Tak dialami tak akan dapat difahami, Johari. Sebenarnya perbuatan British ini masuk kali kedua mereka cuba menjajah Tanah Melayu dengan sepatah kata secoret kalami.'

'Ketika yang pertama bila?'

'Ketikanya, tahun 1896: pelaku utamanya, Sir Frank Swettenham; tempatnya, negeri Melayu.'

'Macam bentuk drama,' sampaik Johari.

'Memang benar ini drama tanah air kita,' balas Irwan merenung sejenak mencari jalan melanjutkan cetita berbentuk drama itu. 'Yah! Seperti *Lamb's Tales of Shakespeare*, ringkasan cerita drama yang bertajuk *Persekutuan Tahun 1896* adalah seperti berikut:

'Dalam tahun 1895 Frank Swettenham dikerah mendapatkan tandatangan Raja-raja Melayu untuk menubuh sebuah Persekutuan. Ini sejajar dengan dasar British yang menggalakkan Persekutuan. Dan dasar ini sudah pun dijalankan di Australia dan Afrika. Bagi Tanah Melayu kerajaan Persekutuan tidak asing lagi. Malah kerajaan Persekutuan yang terwujud di Negeri Sembilan kita itu diakui lebih awal dari sistem persekutuan di Amerika Syarikat. Namun, Frank Swettenham berjaya mendapatkan persetujuan hanya daripada empat orang raja kita sahaja iaitu sultan-sultan Selangor, Perak, Pahang dan Negeri Sembilan.'

'Perjanjian itu pula membentarkan antara lain penubuhan jawatan Residen Jeneral. Tugas pegawai ini sebagai wakil kerajaan British di bawah Gabenor Negeri-negeri Selat. Kerjanya memberi nasihat; dan nasihatnya mestilah diikuti kecuali dalam perkara-perkara agama dan adat istiadat Melayu. Perjanjian itu diakui tidak bermaksud mengurangkan kuasa dan hak raja-

raja pada masa itu. Dan satu Majlis Mesyuarat *Federated Malay States* bakal dibentuk. Semua itu adalah yang tersirat dalam surat perjanjian. Tapi pada praktiknya. . . Irwan termenung lagi.

'Maaf saya, Johari. Saya tak dapat meringkaskan drama tanah air kita ini tanpa komentar di sana simi. Tapi saya cuba objektif dalam komentar saya.'

'Tak mengapalah. Objektif atau subjektif, kewarasan akal kita saja yang dapat mengasingkan yang palsu daripada yang benar.'

'Baik. Sikap yang begitulah yang saya mau. Sampai mama tadi? Ah ya, pada hakikatnya apa berlaku? Pegawai Residen Jeneral yang merupakan manusia Frank Swettenham itu dalam diam-diam merampas kuasa sultan dan residen-residen yang dilantik dalam tiap-tiap negeri. Residen Jeneral itulah yang menguasai jabatan-jabatan yang penting daripada ibu pejabatnya di Kuala Lumpur. Jadi, negeri-negeri yang dikenali FMS ini hanya menerima nasihatnya saja tanpa hak membincang dan membahasnya. Semata-mata untuk dilaksana dan dipatuhi oleh mereka.'

'Sikap kuku besi. . .'

'. . . Dibalut dengan sarung tangan baldu. Benar campur tangan British membawa kemajuan kebendaan. Tetapi makin maju bertambah kuasa penjajah dan pemodal. Yang kaya, metek dan orang dagang. Rakyat jelata bumiputera membaham bumi saja!'

'Tak adakah kesedaran di kalangan pemerintah Melayu?'

'Di sini saya sanjung setinggi-tingginya Sultan Idris. Negerinya kaya, dengan itu kantungnya bertambah berat. Buat diri saya, kalau dalam keadaan begitu, mungkin mulut saya pun ikut berat. Tetapi bukan demikian halnya dengan baginda yang bijak itu. Baginda terus meluang supaya dikembalikan kuasa yang ada pada Residen Jeneral itu kepada sultan-sultan dan negeri-negeri berkenaan. Bangkangan ini disokong oleh sultan-sultan yang lain.'

'Mau dibagi balik kuasa yang dirampasnya itu?'

Loceng tamat rehat pukul sepuluh mulai berbunyi. Pelajar-pelajar besar kecil pun mula berpusu-pusu naik ke kelas masing-masing.

'Kita sambung nanti, Johari.'

Johari mengheret rakannya meluru ke bilik darjah.

'Bawa beg buku awak keluar lekas!' perintah Johari sambil menghela begnya sendiri dari dalam bangkunya.

Sebagai perompak yang hendak melarikan benda rampasan, mereka pun berhati-hati keluar bilik darjah. Setibanya di luar tangga, kelihatan bayang-bayang orang. Serta-merta Johan mencangkul tangannya pada bahu Irwan sambil memberi isyarat membuat sesuatu dalih. Terasa Irwan berat badan Johari yang kepalanya terliang-liuk di dada kiri Irwan.

'What's happening?' soal Mr. Muthu, guru kelas kedua-dua rakan itu menegur.

'I think Johari is frighteningly sick. He fainted just now, sir,' jawab Irwan.

'I'll take him in my car to the doctor.'

Irwan terasa bahunya dicubit-cubit.

'It's alright, sir. I'll take him myself in a bus or taxi down the road, sir,' dalih Irwan.

'But he's serious. You did say he's frighteningly sick, didn't you?'

'He's not that serious, sir. "Frighteningly" means he is frightening me only. He still can walk. Only a bit weak. It's just a few yards down the road before I can get a taxi.'

Irwan terasa bahunya ditepuk-tepuk lembut.

'Alright then. Do take care of him. Have you got money to pay for the taxi?'

'I think I've got to get him home first to be able to get the fare for the taxi. Anyway, it's okay, sir. I'll manage it. It's a question of a friend in need.'

Tepukan lembut lagi di bahu Irwan. Mr. Muthu tidak sampai hati melihat dua orang pelajarnya terbiar begitu sahaja. Saku pun diseluk: wang pun diunjuk. Tiada pula duit kecil.

Wang kertas serimpit pada ketika itu dapat menyarakan sekeluarga sehari.

'Oh! Don't bother sir. It's alright. I'll manage it,' balas Irwan menolak-nolak tangan yang menghulur rezeki. Bahu Irwan terasa dicubit-cubit pula kali ini.

'Take it boy, take it. Send him straight to the Hospital.'

Rezeki yang mulanya ditolak kini disakukan segera. Terasa Johari perut rakannya sekejap membeku sejurus bergelombang menahan gelisah hati gerangannya.

'Johari, bantu saya berjalan,' bisik Irwan setelah Mr. Muthu meninggalkan mereka berdua.

Mulut Johari menggelembung, membendung udara ketawa yang sedang mencari tempat bolos keluar. Kedua-dua rakan itu pun duduk sekejap di atas simen mengempiskan perut mang-masing—bahana tertawa secara senyap.

'Ayuh! Ayuh!'

Johari bangkit lalu mencangkulkan lagi tangannya di bahu Irwan. Mereka berdua pun terdengkot-dengkot berjalan keluar dari halaman sekolah mereka. Di tengah jalan, Irwan menoleh ke belakang ke arah kelasnya. Mr. Muthu rupanya ada tercepat-seorang diri memerhatikan kelakuan anak muridnya. Irwan pun melambai tangan.

'Apa tu, Irwan?' soal Johari ingin tahu apabila terasa sebahagian badannya terjuak. Tetapi sebelum sempat tengadah, kepalaunya segera ditekan oleh rakannya.

'Diamlah Johari. Saya tengah melambai Mr. Muthu. Dia memerhatikan kita di beranda atas tu.'

Semakin berat lagi terasa Irwan memapah badan Johari.

Sesampai sahaja di gerbang sekolah, Irwan pun segera menoleh ke belakang. Tiada sesiapa pun lagi di beranda luar kelasnya itu. Seperti pelanduk mengelat dibaling dek pemburu yang hampa, mereka pun menghambur ke bahagian tanah yang curam terselindung dari sekolah itu. Di situ dipaksa bas yang sedang menurun bukit berhenti untuk mengangkut mereka.

'Ke mana kita?' tanya Irwan.

'Ke kubur!' tegas Johari.

Irwan kurang percaya pendengarannya.

'Ke kubur?'

'Ya. Kubur Jalan Emping.'

Kondaktur bas pun ikut kurang percaya apabila disebut Johari hendak pergi ke perkuburan Emping tengah hari buta itu.

Di dalam bas itu, Irwan hendak menyambungkan kisah. Kalimat awal Irwan segera dipintas. Dalam bas suara mestil kuat. Dan suara segera dibawa angin ke hujung bas. Siapa tahu hantu penjajah ada berhalimunan di tengah-tengah bas itu. Akhirnya bukan pusara di Emping tetapi penjara di Pudu bakal dituju.

Perkuburan di Emping itu berubah corak di mata Johari sejak akhir mengebumikan jenazah ayahandanya itu. Pada ketika itu penuh mendung oleh sikap negatifnya terhadap bapanya itu. Kini, arwah itu menjadi seorang yang diselubungi oleh teka-teki. Siapakah sebenarnya arwah bapanya itu—patriotkah atau pembelot? Persahabatan dengan Irwan mula berubah corak.

Johari terasa dirinya kehilangan sesuatu.

Sesampai sahaja di tanah perkuburan itu kedua-dua rakan itu pun mengunjungi tempat orang penggali kubur dan di sana mereka mengambil wuduk dan terus ke makam Bukhari, ayahanda Johari dan pendidik Irwan. Mereka pun memberi salam kepada ahli kubur dan menampung tangan menyampaikan ke hadrat Ilahi apa yang tersemat di sanubari masing-masing.

Sejurus kemudian, kesepian perkuburan itu retak oleh sedus-sedan Irwan. Mulut tidak terkata apa-apa. Hanya hati sanubari sahaja yang melaung halus. Johari masih terawang-awang. Rantai cantumannya dengan ayahandanya ialah Irwan kelak. Aneh! Penjajahan bukan sahaja menceraikan raja dengan rakyat bahkan ayah dengan anak. Irwan yang sudah pun mengenali Bukhari timbulah cinta terhadapnya. Rumput-rampai yang mula hendak mendakap kubur baru itu, habis dicabut oleh Irwan. Apabila kering air tangisan; apabila reda gelora jiwa,

rakan karib berdua itu pun bersandar di kaki tembusu yang memayung kubur Bukhari.

'Inilah pusara perwira sejati, Johari. Patut didirikan makam baginya,' ucap Irwan memecah kesunyian buni.

'Boleh kita lanjutkan pengkajian sejarah tanah air kita?'

'Di mana kita tinggalkan kisah drama tanah air kita tadi?'

'Dikembalikankah kuasa yang dirampas dengan hormatnya dari sultan kita.'

'Itu pulanya penjajah British. Bila berhadapan dengan tentera total dari kesemua Sultan FMS, maka menunduklah mereka.'

'Tahu pun mereka menunduk.'

'Oil! Menunduk mereka bukan untuk dipijak; tetapi menunduk untuk menanduk!'

'Macam mana pulak tu?'

'Menunduk mereka itu untuk negeri-negeri Melayu yang tidak bersekutu atau UFMS bahawa mereka, pihak British, bukanlah golongan yang berkepala batu, malah sedia menerima tunjuk ajar dan dapat berbincang dan berbahas. Dengan cara itu kelak dapat menarik masuk negeri-negeri Melayu yang merdeka dalam genggamannya tanpa meluahkan peluru sebutir pun. Tapi Sultan Idris pun bijak juga orangnya.'

'Baginda pandai mencari ketika mengorak langkah. Baginda memilih ketika kerajaan British dan Siam sedang berunding memindahkan kuasa negeri-negeri Melayu Siam itu kepada naungan British. Mahu tak mahu diperkenankan juga permintaan baginda itu. Hasil pertama dari bangkangan raja-raja kita itu ialah pembentukan majlis Mesyuarat Federal. Tengoklah macam mana majlis ini dijadikan ümpam. Tahun 1896, majlis itu dicadangkan; baru tahun 1909, bermakna dalam masa 13 tahun, barulah Swettenham setuju membentukkannya. Itu pun kerana didesak oleh raja-raja kita.'

'Tetapi akhirnya berjaya juga perjuangan Melayu, kan?'

'Berjaya apa? Menang sorak saja. Semuanya untuk menghambat hati raja-raja Melayu yang belum mau masuk ber-

sekutu. Pada hakikatnya, sultan di dalam majlis mesyuarat itu tidak lebih kuasanya daripada wakil-wakil perniagaan. Segala usul raja itu dapat dikalahkan dengan undi suara. Residen Jeneral yang kononnya diturunkan taraf sebagai Ketua Setiausaha pada praktiknya tidak kehilangan apa-apa kuasa pun, malah secara senyap-senyap perjalanan perintahan negeri akhirnya tertumpu pada pejabat Ketua Setiausaha itu.

"Tetapi Sultan Idris, Sultan Perak itu bukan sembarang orangnya. Dalam tahun 1924, sekalipun 15 tahun sesudah baginda menentang pemusatan segala kuasa di Kuala Lumpur itu, bila tak ada perubahan besar mengikut kehendak baginda dan raja-raja yang lain, baginda pun terus berangkat ke London mendesak supaya dibagikan kembali kuasa lama itu."

'Apa kesudahannya?'

'Terpaksalah Pesuruhjaya Tinggi, siapa namanya?'

Irwan tengadah sejenak memikirkan nama pesuruhjaya itu.

'Maaflah. Terlupa pula namanya. Dia terpaksa mencadangkan supaya dihapuskan jawatan Ketua Setiausaha itu dan kuasanya dibagikan kepada Residen-residen Kerajaan Negeri supaya dapat menguasai kesemua jabatan kecuali jabatan-jabatan tertentu yang bakal dikawal oleh Persekutuan. Raja-raja kita menerima cadangan-cadangan itu tetapi pihak perniagaan menentangnya. Dan dengan itu ditarik balik cadangan tadi. Tengoklah mainan penajah mengadudombakan raja dengan peniaga dalam negeri.'

'Ya, baru saya ingat Guillemard Road. Guillemard itulah nama Pesuruhjaya Tinggi waktu itu. Itu pulak baiknya namanya jalan itu. Lupa-lupa, dapat kita teringat. Dalam tahun 1927, berlaku satu perubahan yang baik sikit. Raja-raja Melayu yang diturunkan tarafnya sedarjat dengan ahli-ahli peniaga kini diasingkan dari Majlis Mesyuarat dan baginda-baginda Sultan mempunyai majlisnya sendiri yang kalau tak salah-arwahnya cakap dulu *Majlis Durbar* namanya. Dan satu-satu rang undang-undang itu tidak akan menjadi undang-undang selagi belum ditandatangani oleh raja-raja kita.'

'Dalam tahun 1931, awak masih disusu dan dibuai lagi apaknya. Dalam persidangan Majlis Durbar itu Cecil Clementi nula mengusulkan *Union* atau negara kesatuan dan dibubarkan persekutuan. Tapi dari masa itu lagi, kebanyakan negeri Melayu sudah menolak *Union* itu. Orang Melayu berjiwa merdeka. Cukup perit kalau kuasanya ditarik. Dan sekarang tiba balik perkara *Union* ini. Dengarnya *Union* ini ditaja oleh orang-orang pengecut yang lari dari negeri ini sewaktu Jepun tiba dulu. Merekalah yang bakal hendak memerintah tanah tumpah darah kita yang tunggal ini. Bagaimana kita sekarang? Mahukah menunduk atas paksaan British itu?'

Johari yang mengikuti *briefing* daripada Irwan mengenai perkembangan politik negara sungguh terpengaruh. Lebih-lebih lagi nama-nama yang disebutkan itu nama yang pernah didengar dan diabadikan di jalan-jalan raya Kuala Lumpur. Benarkah salah, apa yang diceritakan Irwan hanya masa sahaja yang dapat menghakimkan. Tetapi yang aneh sekali punca yang diperolehi keterangan-keterangan itu adalah daripada bapanya sendiri. Mengapa selama ini arwah ayahandanya itu tidak menyebarkan keterangan itu kepadanya? Semakin diselami hal itu makin tenggelam Johari. Bagaimana raja-raja kita? Bagaimana Persatuan-persatuan Melayu di seluruh tanah air?

'Setahu saya Persatuan Melayu Selangor sudah pun mengirim surat kepada baginda menyatakan rasa kesalnya kerana Tuanku membelakangkan rakyat. Tanpa berunding dengan rakyat, sudah menyain Perjanjian Malayan Union itu. Ada ura-ura mengatakan persatuan-persatuan lain hendak mengadakan kongres membantah Triti Mikael itu.'

'Nampaknya corak perjuangan sudah berubah sekarang. Dulu-dulu raja-raja dengan British. Sekarang rakyat pula dengan British untuk mengembalikan taraf raja.'

'Ya, memang. Raja dengan rakyat semestinya seperti aur dengan tebing. Bila tebing hendak runtuh, aur perlu memautnya. Beginilah hari ini. Raja kita telah terikat. Kita rakyat perlu menguraikan tali ikatan itu. Dan dengan tali ikatan itu

juga kita mesti belasah perompak yang mengikat raja kita. Jadi, apa yang patut kita buat sekarang?"

'Demi Allah, bersaksikan roh almarhum Bukhari yang telah memupuk semangat keperwiraan Melayu dalam jiwaku ini, aku bersumpah tidak akan mendiamkan diri melainkan terus bertindak hingga runtuh Malayan Union dan merdeka semula seluruh tanah air kita.'

Johari berasa gerun akan sumpah rakannya itu. Tetapi sikap taat setia membabi buta seperti dirinya dahulu dan juga sepeni *Nippon seisyin* sepatutnya sudah luput dari jiwa Melayu Zaman Atom.

'Irwan, sungguh murni sumpahimu itu. Tetapi perlu juga kita praktik. Tujuan mesti kesampaian: korban sesia pantang perjuangan. Kita mesti aturkan gerak langkah kita.'

Di atas perkuburan almarhum mereka bersumpah melanjutkan perjuangan perwira yang telah kedahuluan menghadap Tuhan. Setiap langkah dibincang dengan teliti. Akhirnya jadilah satu *blueprint* yang bakal dilaksanakan oleh rakan yang pada mulanya berlainan haluan. Kini, mereka seja sekata berbulat tekad bahawa sasaran mereka yang utama ialah menumbangkan Malayan Union.

Sekembalinya ke rumah di Kampung Baru, Johari pun menyelongkar naskhah-naskhah karya almarhum bapanya, yang dikumpulkan oleh ibunya dalam sebuah almari buruk. Johar mengetep bibir melihat betapa banyak khazanah yang terpendam selama ini. Tidak putus disoal dirinya mengapa selama ini arwah ayahnya tiada mendidiknya sebagai pejuang negara malah membiarkannya hanyut dibawa arus kebudayaan Barat dan melayang mengikut badai penjajahan British. Kecuali Cromwell, Johari mula memandang dengan kaca mata yang baharu akan hero-heronya seperti Sir Walter Raleigh, Lord Kitchener, Rhodes dan Rudyard Kipling.

Kembali Johari menjelak ke bumi mencari pegangan dan pancuran ilham daripada tanah airnya sendiri. Tetapi, malangnya buku-buku sejarah dikarang oleh penjajah. Diselongkat

semula tulisan-tulisan bapanya. Sedikit demi sedikit menusuk cahaya pengetahuan ke dalam jiwanya.

Banyak perkara rupanya yang telah diselidiki oleh bapanya. Di lapangan pelajaran Tanah Melayu dapat Johari mengintai peranan-peranan baik buruk kononnya pakar-pakar pendidikan pada masa itu seperti Wilkinson, Winstedt, Dussek dan beberapa orang lain yang tidak pernah didengari namanya dahulu. Tidak semena-mena meludah Johari penuh kebencian akan dasar pelajaran penjajah British itu. Terasa dirinya selama ini dididik untuk bakal menjadi boneka British pada masa depan.

Kesemua bahan pengetahuan itu didapati sungguh berkesan apabila digunakan dalam kempen berbisik untuk menggabungkan para pelajar dalam usaha menumbangkan Malayan Union itu.

Setelah berjaya merapatkan beberapa pelajar yang dipercayai dalam kolejnya, mereka pun mula berkempen ke sekolah lain.

Satu hari Johari cuba menebusi pelajar-pelajar dari sekolah perempuan. Persatuan-persatuan pelajar pada masa itu belumlah dapat ke tengah khalayak kerana pihak British ketat kawalannya memandangkan semaraknya perkembangan siar di sekitar tanah air tatkala itu. Jadi, pelajar-pelajar yang berjiwa patriot pun bergerak menyusup. Ada kalanya tertonjol batu halangari. Ada kalanya dibawa arus sealiran. Setelah berjalan sekian langkah menuju ke sekolah perempuan bakal kontek pertama mereka, Johari menahan langkah Irwan.

'Kita tunggu saja sampai habis sekolah. Boleh kita pergi ke rumahnya. Sapa namanya?'

'Maimun.'

'Awak tahu alamat rumahnya, kan?'

'Hah! Sapa yang tak tahu Encik Lajih OBE?'

'O . . . Encik Lajih yang itu bapanya!' balas Johari mengangguk-anggukkan kepalanya. 'Ayu, ayuh. Ke rumahnya saja.'

Mereka tidak terus ke rumah tetapi melenceng ke kedai buku memberi masa supaya Maimun dapat kembali ke rumah-

nya lebih awal daripada kedatangan mereka. Lama juga mereka membalik-balikkan halaman beberapa buah majalah tanpa dibeli senaskhah pun.

'Heh! Apa lu olang kiacau-kiacau sini! Suta sitingah jiam tingok gambak tatak bili siatu pun. Pigilah pigi.'

Johari pun mencekup senaskhah komik yang tak pernah disentuhnya dahulu, lalu membayarnya.

'Inilah tauke saya beli,' balas Johari sambil mengunjuk lima belas sen.

'Aiya! Ini buku gambat biantang mahat lu tengok. Ini komik biantang mulah lu bili!'

Begitu begini pun masa telah larut. Irwan kuit rakannya dan mereka berdua pun meninggalkan kedai buku itu. Dengan motosikal Johari, seperti melayang sahaja mereka tiba di pekarangan rumah Encik Lajih OBE itu. Luas halaman rumahnya: separuh padang bola besarnya. Mereka disambut oleh anjing yang menyalak menyeringai di gerbang rumah besar itu.

'Bobby... bobby.'

Seorang orang tua bermuka kedut, harus tukang kebun Encik Lajih itu, tiba hendak meredakan rangsangan anjing itu sambil menanyakan hasrat kedua-dua anak muda itu.

'Cik Maimun ada di rumah, Wak?'

'Baru balik tadi. Nanti ya. Saya panggilkaninya.'

Orang tua itu pun menuju ke tangga rumah itu dan memberitahu tuannya. Encik Lajih kelihatan tersentak daripada istirahatnya mendengarkan ada teruna sedang mencari daranya.

'Maimun!' Memetir suara Encik Lajih.

'Yes daddy!' Halus lembut suara mendatang.

'You made any appointment with any boys?'

'Why? No. Never!'

'Don't make a fool of me. Look at those two bastards at the gate. They're looking for you.'

'No. Swear. I've never had anything to do with boys. I don't know them either.'

'Encik . . . encik . . . Encik Lajih kata Cik Maimun tak ada rumah.'

'Tapi tadi Wak kata Maimun sudah balik.'

'Oh ya! Saya lupa encik. Nanti saya sampekan kepada tuan, saya sudah katakan lebih dulu kepada encik, Maimun ada di rumah.'

'Sampaikan juga kepadanya, kami sudah terlihat Maimun di rumah itu dari sini,' ujar Johari membantu orang tua itu memberi alasan yang tegas. Kelihatan orang tua itu sudah nyanyuk oleh usianya.

'Tuan, minta ampun dan maaf. Saya sudah beritahu lebih awal lagi Cik Maimun sudah balik dari sekolah. Mereka kata mereka juga sudah kelihatan Cik Maimun bercakap-cakap sama Tuan dari sana.'

'Bukalah . . . bukak gate itu!'

'Jangan marah-marah, tuan. Saya sudah minta maaf. Tuan pun tadi tak mau beritahu jangan kasi orang tahu Cik Maimun ada di rumah.'

'Jangan merepeklah! Pergi bukak gate itu!'

Menonong orang tua itu berulang-alik pergi menarik selak pintu gerbang itu.

'*What do you want?*' tanya Encik Lajih kepada pemuda-pemuda itu sambil berbaring di atas kerusi malas tanpa menyuruh teruna-teruna itu naik ke atas rumah.

'Maaf, kalau kami mengganggu encik. Kami hendak bertemu dengan Cik Maimun.'

'*How do you know my daughter's name?*'

Johari segera mencubit tangan Irwan. Suatu tanda menyuruh berhati-hati. Itu bermakna berdiplomasi. Dan istilah diplomasi bagi anak-anak muda ini ditakrifkan sebagai berbohong sumat.

'Kakak saya hendak menyampaikan pesanan kepadanya.'

Johari menggeletar kerana Irwan tiada berkakak. Apakah akan terjadi kalau ditanya nama kakaknya pula dan tidak

senama dengan kenalan-kenalan. Maimun nanti sekiranya hendak diperbandingkan. Sedetik urat nadji ketika itu seolah-olah sudah di penghujung denyutan akhir jantung berpumpa.

'Naiklah . . . Maimun!'

Sekali lagi suara Encik Lajih memetir, sambil bangkit dari pada kerusi malas itu dan menuju ke dalam rumah.

'Selamat petang, saudari.'

Irwan hendak menghulur tangan tetapi segera ditarik balik apabila kelihatan muka Maimun penuh curiga dan waspada.

'Kakak saya hendak sampaikan pesan.' Kuat-kuat suara Irwan dinaikkan agar terdengar oleh bapa Maimun.

'Duduklah dulu,' jemput Maimun, 'Siapa nama kakaknya?'

'Oh! Maaf. Yang ini, Johari.'

Johari mengangguk-anggukkan kepalanya.

'Saya ini Irwan,' sambung Irwan terus dihulurkan tangan-nya. Terpaksa juga didakap oleh tangan halus Maimun.

'Sebenarnya kami dengar nama Cik Maimun daripada seorang pelajar darjah rendah dalam sekolah saudari. Dia penuh minat terhadap saudari sebagai pelajar senior anak Melayu yang cukup pandai dan cekap dalam pelajaran.'

'Apa? Hmm! *What do you want to see me for?*' herdik Maimun.

'Kami hanya meminta derma bakti daripada saudari.'

'Mintak *what*?' serghah Maimun.

'Mintak derma bakti.'

'*Speak Englishlah! I don't know what you want.*'

'*We need your co-operation and devotion or dedication towards the future of our Motherland.*'

'Tengok ya. Negeri kita hari ini seperti telur di hujung tanduk. *The British is imposing Malayan Union upon us. We must fight back for our freedom.*'

'*What! What did you say? Fight against the British?*'

Kaki Johari mencuit buku lali Irwan. Hati-hati.

'No. No. *We don't say anything bad against the British. Only the fact that they've already cheated our sultans. . . .*'

‘... Oh! I’m sorry. Mun nak sekolah lagi. I’ve got to prepare myself now. My English tutor is coming soon. Good day,’ herdik Maimun dan terus masuk ke dalam bilik.

‘Where’s your father?’ soal Irwan hendak meminta diri dari pada tuan rumah.

‘Don’t disturb daddy. He’s engaged in the study. He’s to attend a meeting tomorrow. An important one too. Once again. Good day.’

‘Good bye,’ tegas Irwan.

Johari insaf. Kelak demikianlah juga hal dirinya jika bapanya dahulu mengikut haluan keinggerisan.

‘Mujur. Dijauhkan malaikat empat puluh empat.’

‘Hal! Apa awak cakap Johari?’ soal Irwan tersentak.

‘Tak ada apa-apa,’ balas Johari tersenyum mengenangkan terdengar juga orang akan buah fikirannya untuk dirinya sendiri.

‘Saya tahu lah. *Mun nak sekolah lagi*. Hah! Tak boleh dikenang-kenangkan. Itulah saja cakapan Melayu yang dapat dituturkannya. Mentang-mentang dia dah ada *tutor* Inggeris.’

‘Apa pengertian awak tentang kata-kata tu?’

‘Hah! Kalau kita tak mulakan perkara itu, kalimat yang begitu akan mencabar saya agar bukan menawan, bahkan meragut saja jantung hatinya. *Mun nak sekolah lagi!* Hah!’ ejek Irwan.

Terbahak-bahak Johari ketawa.

‘Masih ada masa dan peluang, Irwan. Lupakan konteks politik itu. Sambut cabaran itu.’

‘Oi, jauhkan malaikat empat puluh empat! Nak berkeluar-gakan si coklat celup! Kalau dipaksa kahwin dengan perempuan semacam itu, barulah wajar kalau dijawab, “Maaflah Pak Tuan, Irwan nak sekolah lagi!” Ha! Ha! Ha!’

Peristiwa kegagalan mereka itu dijadikan bahan lelucon. Dan terus-menerus mereka menghilangkan perasaan gagal itu dengan ketawa yang ada kalanya mengilai-ilai.

Apabila tenang semula, mereka kajikan kembali salah silap mereka hingga membawa kegagalan itu. Di sini mereka membuat langkah-

'Kali ini elok juga kita meminta adik atau kakak rakan seperjuangan kita memujuk teman-teman mereka di sekolah mengikuti jejak kita.'

'Baik juga tu. Kalau kita lelaki memujuk, kalaupun berhasil, mungkin berubah tujuan asal pakatan kita. Maklumlah positif bertemu negatif.'

Langkah secara yang dicadangkan itu membawa dua kejayaan. Pertama, menambahkan ahli dan kedua, memahamkan para pemujuk itu lebih mendalam lagi akan tujuan dan selok-belok perjuangan, sebelum dia membentangkannya untuk mempengaruhi teman-teman baharu. Dengan itu secara spontan dapat ahli-ahli mencintai persatuan dan perjuangan.

Di luar sekolah sungguh kencang berita meniup bahawa Kongres Kebangsaan Melayu yang pada mulanya hendak diadakan di kota Hang Tuah akhirnya ditetapkan di Kuala Lumpur. Di dalam sekolah, pelajar-pelajar Melayu terpaksa belajar menyabarkan diri. Guru-guru dan pelajar-pelajar asing tidak sehari pun yang tidak mengejek-cjeck dan memperslembu-lembukan pergerakan Melayu menentang Malayan Union untuk tujuan muktamadnya—mencapai kemerdekaan negara dan kedaulatan bangsa.

'Mana Melayu ada sojar mau lawan British?'

'Pensel satu batang pun tak tau buat, mau *independence*!'

'Malaya kecil macam kepala semut, mau simpan sebelas raja!'

'Parang panjang. Parang panjanglah kita!' jawab sesetengah pelajar Melayu yang tidak sabar.

Johari dan Irwan teruk menahan semangat yang meluap-luap. 'Tujuan kesampaian: korban pantang' kalimat itu dijadikan cogan kata.

Pihak berkuasa sekolah pun tidak kurang juga tindak-tanduknya. Akhbar *Utusan Tanah Air* dan *Dewan* yang menjadi punca perangsang yang bebas beredar di kalangan pelajar-pelajar diharamkan di sekolah. Kurang bijak tindakan itu kerana

lebih giat lagi kempen berbisik di kalangan pelajar Melayu menyampaikan berita-berita daripada kedua-dua akhbar itu. Tetapi berapa banyakkah berita yang ditokoktambahkan oleh pelajar-pelajar itu! Berita angin lebih kencang tiupannya. Ada kalanya menjadi taufan.

Dan taufan tiba bila guru besar mlarang pembentukan Persatuan Pelajar-pelajar Islam yang kian lama diperjuangkan oleh pelajar-pelajar Melayu itu. Ini satu pukulan hebat. Kongres hanya di hujung minggu sahaja. Nampaknya daripada pihak pelajar tiada sumbangan apa pun terhadap perjuangan nasional yang bakal menentukan nasib mereka pada masa depan.

Di tengah-tengah kerunsingan itu puting beliung pula tidak semena-mena tiba melanda. Seorang pelajar Melayu bertumbuk dengan pelajar Cina. Sebabnya, pelajar Cina itu menghinakan raja-raja Melayu. Kononnya lantang dia mengatakan Raja Melayu bodoh menyain surat perjanjian Malayan Union. Penghinaan seperti itu tidak dapat diterima oleh pelajar-pelajar Melayu. Rayuan dibuat menyuruh pihak sekolah bertindak tetapi rayuan diberi ugutan diterima.

*'I'll sack the whole lot of you from school!'* jawab Mr. Fox, guru besar kolej itu.

'Tuan, ini perkara menghinakan sultan kami. It's serious. If you sack us, kami akan bawa perkara ini ke pihak sultan sendiri.'

*'Don't forget. We're still under the British Military Administration and soon this country will be a Malayan Union, no longer a Malay State or Malay Land! You can tell your Sultan. But he's bound by the Treaty he has just signed. I needn't tell you what his rights are now!'*

Satu pelajaran yang berkesan bagi pelajar-pelajar itu akan maknanya menyain satu-satu kertas.

'Baiklah tuan. Terima kasih kerana menerangkan sikap tuan.'

Sekali lagi mereka berkumpul membincangkan tindakan

selanjutnya. Keadaan melemahkan semangat tiba menimpamimpai. Tetapi kali ini mereka meninggalkan perbincangan itu dalam keadaan senyum simpul.

Selang beberapa hari, bertiup khabar angin di dalam sekolah mengatakan raja hendak membuang negeri keluarga yang menghimakannya. Saat demi saat, kian hebat berita angin itu menghambat.

Esoknya, Irwan dan Johari ditemui oleh Sulaiman yang mengadukan perkara penghinaan Sultan itu serta Tan Ju Ling yang mencetuskan peristiwa itu.

'Bang Irwan, Bang Johari. Tan Ju Ling ini ada hal hendak dicakapkan kepada abang.'

'Ada apa lagi, Tan?' tanya Irwan.

'Bapa saya mau jumpa dengan awak berdua.'

Irwan menjeling rakannya.

'Hari ini lepas sekolah. Boleh naik kereta saya nanti sama-sama balik.'

'Baik.'

Setelah Tan Ju Ling pergi, mereka memanggil mesyuarat kecil di belakang stor alat sukan.

'Kami dipanggil oleh bapa Tan Ju Ling ke rumahnya selepas sekolah,' ucap Irwan memulakan keterangannya.

'Jadi, abang berdua sudah memutuskan akan pergi bersama?'

'Begini fikiran kami,' balas Johari.

'Bahaya itu, bang. Nanti disiat dan disiang oleh mereka.'

Peristiwa mengalirkan darah Melayu-Cina di beberapa tempat di tanah air selepas Jepun pergi masih dalam ingatan masing-masing.

'Kami bertawakal. Kami pinta perlindungan daripada Yang Maha Kuasa. Sidang singkat ini hanya untuk memberitahu adik-adik sekalian keputusan kami berdua. Dan tahlulah esok di mana kami berada jika terjadi sesuatu hal. Hanya kami minta persetujuan dan mandat daripada sekalian untuk berunding dan juga tindakan-tindakan lain yang bakal diputuskan.'

'Kami taruh keyakinan akan kebijaksanaan abang berdua. Dan kami sedia mendoakan keselamatan abang.'

Sidang singkat itu ditamatkan oleh bunyi loceng. Irwan dan Johari tidak lagi menghiraukan pelajaran. Mereka menghalusi cara tindak-tanduknya.

Kereta Buick besar membawa perangkatan khas itu. Di dalam kereta, sunyi senyap sungguhpun bermuat dengan Johari, Irwan dan Sulaiman serta Tan Ju Ling. Jika ada pertuturan pun hanya di antara ketiga-tiga pemuda Melayu itu yang beracakap dengan mengeja Jawi. Tan Ju Ling takut suasana akan memburuk jika tersilap dia bertutur kelak. Jadi, dia pun berpura-pura membaca buku.

Kawasan rumah Tan Ju Ling itu sebesar rumah Encik Lajih OBE. Bezanya rumah Tan Ju Ling rumah batu bertingkat dua. Kelibatan ramai orang—ada yang berlengeng dan ada pula yang bersinglet bersiar-siar dan berulang-alik di pekarangan rumah itu. Siapakah mereka—pengawal diri atau kuli—menjadi tanda tanya. Johari yang pernah mengahadapi maut tidak gusar. Irwan dan Sulaiman berkumat-kamit mulutnya. Sampai sahaja di *porch* kereta, seorang tauke yang berumur kira-kira 55 tahun keluar menyambut mereka.

'Apak, ini Encik Irwan. Ini Encik Johari dan ini Encik Sulaiman.'

Orang tua itu menghulur tangan dan mengangguk-angguk tersenyum, 'Mali, mali masuk.'

Mereka pun dibawa ke ruang tengah tingkat bawah rumah itu. Terasa para perunding akan suasana kecinaan meliputi mereka dalam ruang tetamu itu. Kerusi yang mereka duduki daripada kayu jati berukiran naga dan bunga kekwa manakala tempat sandarnya bertatahkan batu marmar tipis yang bulat berlukisan pemandangan daerah pergunungan di negeri China. Demikian juga kerusi-kerusi dan meja-meja di keliling tembok ruang dif itu. Di tembok yang menjadi skrin ruang dalam rumah itu, tersergam hebat berhala Buddha yang diperbuat daripada tembaga. Ada pula tulisan-tulisan kelak ayat-ayat suci

sabda Buddha. Mengapit Buddha itu ada pula dua gambar yang tidak kurang menggerunkan tetapi salah satu daripadanya berupa seperti bentuk orang Melayu. Penutup kepalanya seperti tengkolok dan semutar, matanya bundar tidak sepet, mulutnya tertutup oleh misai yang berdentung. Pakaiannya sungguh mengelirukan—di antara pakaian samfu nyonya Cina dengan baju Melayu tanpa samping. Kulit orang itu diwarnakan coklat manakala pakaiannya hijau dan kuning. Mata Johari tidak berkelip memandang lukisan yang menghairankan itu.

'Itu kita olang punya latuk!' terang bapa Tan scolah-solah mengerti akan ketakjuban Johari itu.

'Lulu saya punya bapak mula-mula bukak lombong, lia ala mimpi itu latuk latang sama lia. Lia kasi tunjuk mana tanah ala timah. Lia olang Gulayu. Saya punya bapak kata lia selalu latang lalam titun. Lama-lama kita muat lia kita punya latuk. Dia olang Gulayu. Jali kita tatak makan babi. Saya punya amak mati. Lia makan babi. Lia punya mulut ala tumbuh sakit lalah. Lu tatak picaya kita tatak makan babi, mali pugi lapo.'

'Tak mengapa tauke,' beritahu Johari.

Sejurus kemudian tiba pula seorang gadis muda membawa setalam buah-buahan epal, anggur dan pear.

'A . . . ini Tan Ju Lien, alek Tan Ju Ling.'

Ketiga-tiga pemuda Melayu itu pun mengangguk-anggukkan kepala tanda hormat. Tan Ju Lien membala dengan senyuman manis. Di belakang Tan Ju Lien ada seorang gadis yang tidak begitu lawa dan pakaiannya pun tidak begitu halus seperti Ju Lien. Dia membawa sejenis teko yang lebih merupakan cerek tembikar serta cawan-cawan yang berlukisan warna biru—kelak tembikar purba. Dituangnya air ke dalam cawan-cawan purba itu. Para tetamu pun dijamu.

'Ini teh lali Tongsan. Sulah tita taun kita tatak minum teh Cina. A . . . minum, minum incek.'

Sulaiman yang kehausan hendak menggogok teh istimewa itu. Baru satu teguk, dicubit pahanya oleh Johari.

'Teh ini untuk dikulum bukan digogok, ya?' Johari puras-

pura menanya Irwan dengan suaranya yang besar.

Segera Sulaiman menaruh balik cawan itu ke atas meja. Perasaan penuh kekhawatiran kalau-kalau seteguk itu akan memukaukannya.

'Makan . . . makan epal, anggut lali Tongsan.'

Lekas juga negeri China memulihkan perniagaan ke luar negeri, fikir Irwan.

Johari masih merenung gambar-gambar hebat yang mengapit berhala tembaga Buddha itu manakala rakan-rakannya memisau buah-bahan di atas meja itu.

'A . . . itu incek, latuk jiaga tanah punya. Kita olang lombong soja sama dia mintak jangan kasi mati kita punya olang. Tapi, kasi manyak wang, manyak *ong* sama kita punya olang. Ibu tingah-tingah, macam kita punya samilah. Lalam itu lua pasu ata saya punya pak sama amak punya abu. Suma saya anak bilanak soja. Kasi ingat sama olang-olang tua. Tiap-tiap tahun kasi antat wang. Imi taun kita mau antat keleta.'

'Oh . . . itulah yang selalu tengok orang Cina bakar kertas sama rumah-rumah kertas! Untuk dikirimkan kepada orang sudah mati, ya?'

'Ya, ya! Kalau manyak *ong*, manyak lagi kasi antat sama lia olang!'

Mengertilah Johari dan rakan-rakannya sekarang mengapa orang-orang Cina memuja pohon dan batu. Ada kalanya pemakaman orang-orang Melayu yang dianggap sebagai keramat.

'Johari, baik awak nakal-nakal. Kalau jadi keramat, awak mati nanti diukup dek colok, kubur awak. Puas pula nak menyampaikan permintaan manusia kepada Tuhan,' gurau Irwan.

Sejurus kemudian, Tan Ju Lien yang sentiasa tersenyum itu meluk-lentok membisikkan sesuatu kepada bapanya. Bapanya pun bangkit dan mempersilakan para perunding itu ke ruang dalam. Pada mulanya mereka meminikirkan perundingan akan dimulakan di bahagian dalam itu.

'Gua tau lu olang, incek-incek tatak mau makan lumah Cina. Kita ciakap tatak makan babi pun lu olang tatak picaya.'

'Tak apalah tauke. Kita pun sudah makan nasi lemak pukul sepuluh tadi,' sampuk Johari sambil berjalan menuju ke halaman tengah rumah itu.

'Apa pasat tak mau makan? Suma sutak siap. Nah! Bau kalj bau kolomak.'

Bilik tengah itu sudah terhias indah. Meja terbentang sajian terhidang. Kadam-kadam dari Restoran Karim berderetan bakal melayan peserta persidangan.

'Ini makan-makan suma dari Kalim Lestolan. Makanlah. Jiangan lamu-lamu. Aiya itu kolomak punya mau, gua punya lilah pun salah ciakap. Jangan malu-malu lamu-lamu pulak goa ciakap,' sambung orang tua itu melatah.

Tuan rumah dengan tetamu duduk berselang-seli. Sebelah bapa Tan, Sulaiman yang diapit pula oleh Tan Ju Ling. Di bahagian meja sini pula Tan Ju Lien diapit oleh Irwan berhadapan dengan Tan Ju Ling dan Johari bersetenting dengan bapa Tan. Kedua-dua kepala meja dikosongkan.

'Banyak baik Punjab punya sojar mali lulu sama Gudka. Kita boleh lapat loti cianai sama minyak sapi. Sikalang, kidai sutak bukak. Kita diapat makan nasi buliani . . . makan . . . makan.'

Tan Ju Lien pun mencekup dua ketul paha ayam goreng dan dibahagi-bahagikan kepada kedua-dua pengapitnya. Sulaiman pula dilambakkkan dengan daging kurma kambing seketul besar. Saji-menyaji itu menjadi lebih seronok dengan balas-membalas di antara tetamu dengan orang rumah pula. Tan Ju Lien sahaja yang tidak dapat menghabiskan sajian di dalam pinggannya. Dia makan tersipu-sipu kesegaran.

'Aiya. Gulayu punya makan tatak manyaklah. Olang Cina ada sampai sepulu kali lauk latang. Satu kali, ayam; satu kali lombu; satu kali, itik; satu kali, bulung punya salang; satu kali ikan punya ekot; satu kali, sayut punya sup. . . ?'

' . . . Ciuk tak ada?' celah Irwan.

'Aiya. Jiangan ciakap itu ho. Lu sama gua nanti tatak makan ho! Latuk malah!'

Masing-masing rancak menghabiskan sajian.

'Mau minum wiski, bir?'

'Oh! Terima kasih, tauke!' jawab Johari menyentap.

Sedang mengutil-ngutil daging ayam dan kambing di celah-celah tulang, kedengaran suara bapa Tan agak serius juga, 'Gua ingat gua punya anak ada jiahat dalam sekolah, ya?'

'Sulaiman boleh terangkan apa yang sudah berlaku.'

'Oh! Sama imi incek, dia lawan-lawankah?'

'Dia cakap saya punya . . . kita punya raja bodoh. Tentulah saya lawan.'

'Oh! Itu pikala kicik.'

'Mana boleh perkara kecil tauke! Tauke ada datuk. Kita semua pun ada raja. Kalau kita orang kasi malu sama tauke punya datuk, apa macam rasa hati tauke?'

'Ya ya. Ju Ling pun tatak akat. Dia manyak salah kasi malu laja,' jawab Tauke Tan cuba meredakan suasana yang mula menghangat.

'Tapi lia jugak sayang sama ini punya nigli. Timpuh Yappun, lia masuk utan, lawan Yappun kasi alau ke luat Yappun.'

'Ini Johari pun masuk hutan lawan Jepun. Dia dapat bunuh Jeneral Matsunaga.'

'Oh! Manyak kuat ya? Gua tatak tahu ho. Ju Ling, lu atak ingat lulu lalam utan?'

'Ya apak. Kita orang MPAJA juga ada dengar pasukan Gerak bunuh Jeneral Jepun.'

'Itu macam, Incek Johari patut sulai lapat kilija busat. Tatak pigi sekolah lali.'

'Tan Ju Ling pun tak payah pergi sekolah lagi.'

'Sutalah. Incek ala lawan Yappun, kita pun ala lawan Yappun—kita suma alik belaliklah. Jangan galuh-galuh lahilah.'

'Kami bukan mahu bergaduh. Kalau dulu kami melawan Jepun, kali ini kami melawan British.'

Ju Ling kelihatan hendak bersuara tetapi dicubit oleh bapanya.

'Iiii. Itu British manyak kuat ho! Kita tak ada sinapang. Suma sutak kasi silenda, bukan? Apa macam mau lawan?'

'Kita bukan mahu lawan dengan senjata api. Ini British sudah tipu kita punya raja. Suruh sain.'

'... Tapi, kalau laja tatak mau sain pun Blitis tatak moleh muat apa-apa, mukan? Laja sutak sain, apa mau buat sikalang?'

'Itulah tauke. Tauke sama anak tauke tak tahu apa yang sebenarnya. Ini perjuangan kami. Kami tak mau orang lain masuk campur.'

Tan Ju Lien bangkit ke luar.

'Tapi laja sindili sutak sain... ?'

'... Tauke, kalau ada penyamun datang ke rumah ini, dia cakap sama tauke, "Gua tau lu ada tolong gua punya lawan. Sain ini surat. Kalau tidak lu tak boleh jadi ketua lombong". Apa macam tauke?'

'Oh! Itu macam ya? Blitis ala muat kita punya laja. Kita tatak tau itu. Kita ingat laja suka sain. Itu hal, kita pikit, ini macam tatak panlilah.'

'Itulah tauke. Tauke tak tahu-menahu apa-apa, jangan masuk campur perkara ini. Tauke sudahi kaya. Kita orang Melayu banyak miskin. Kita mesti lawan ini British. Kita mau naikkan raja kita balik. Kita tak mau orang lain campur.'

"Oh! Itu macam Ju Ling manyak sala ho! Tapi jangan galoh-galoh lalilah. Ju Ling tatak muat lalilah incek."

'Tapi perkara ini belum selesai lagi. Saya ada dengar kerajaan mau buang negeri orang yang tak setia kepada raja.'

'Incek boleh tolong minta laja jangan buang nigili.'

'Perkara ini surat khabar belum tahu lagi. Kalau saya beritahu sama kawan saya dalam surat khabar, bukan sini punya raja, semua raja dalam Tanah Melayu dan semua rakyat dalam negeri nanti minta tauke dibuang negeri.'

'Aiya, itu macam jangan incek. Tengok Ju Ling, tengok Ju Lien. Sutak lama tinggit sini. Nigili Cina sikalang manyak galuh. Kuomintang sama komunis lawan-lawan. Mana boleh

hidup? Tolonglah incek jangan kasi masuk sulat kabat. Saya, Ju Ling, Ju Lien mintak ampunlah!"

Menitik air mata orang tua itu sambil bersoja-soja. Tetamu dan para perunding sudah berkebudi-budian.

"Saya moleh tolong incek suma. Saya moleh tolong olang Gulayu suma mau lawan sama Blitis."

Menjadikan kawan akan lawan, itulah tujuan utama para perunding itu.

"Betul tauke punya cakap itu?"

"Butut. Butut incek. Tak picaya, mali potong kipala ayam jalam tokong."

Berita keputusan perunding itu pada mulanya diterima dengan perasaan berbaur. Pihak pelampau mengucapkan Irwan dan Johari sudah dibeli Cina. Mereka mahu tindakan keras mengakibatkan keluarga Tan dibuang negeri. Pihak sederhana berbelah hati. Sekalipun tindakan menjadikan kawan akan lawan itu dapat diterima, tetapi dengan Irwan dan Johari balik tangan kosong, tiadalah nampak manfaatnya keputusan itu.

Hanya dua hari lagi Kongres Kebangsaan akan bermula di Kuala Lumpur. Penuntut dan pelajar belum ada badan perwakilan mereka sendiri, sungguhpun sudah ada gejala-gejala semangat kesatuan mereka. Irwan dan Johari risau dan gelisah kerana ketiadaan sumbangan apa-apa pun untuk kongres yang bakal menentukan bukan sahaja nasib negara bahkan masa depan mereka sendiri. Satu sumbangan sahaja yang dapat diberikan, Irwan dan Johari menggerahkan tenaga pelajar-pelajar itu untuk membantu Persatuan Melayu Selangor menyiapkan tempat persidangan dan lain-lain kerja selama kongres itu bersidang.

1 MAC 1946.

Kelab Sulaiman penuh sesak dengan manusia. Empat khemah besar telah didirikan. Itu pun para perwakilan daripada empat puluh persatuan Melayu daripada Perlis hingga ke Singapura serta para penonton peristiwa sejarah banyak yang terkeluar dari khemah tanpa perlindungan. Kongres Kebangsaan yang bersejarah ini direstui oleh kedua-dua belah pihak—raja dan rakyat Melayu. Persidangan hampir dimulakan. Para hadirin menunggu saat keberangkatan tiba Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor yang bakal membuka kongres politik se-Tanah Melayu itu.

Di tengah-tengah debaran menuggu saat itu, ada pula ribut kecil.

'Eh! Mana perginya Johari dan Irwan? Muka hidungnya pun tak nampak,' tanya satu puak pelajar.

'Hidung dah tak mancung lagi: pulak nak nonjol-nonjolkan pipi kononnya di sini. Dia orang dah dibeli dek Cina!' sahut puak yang lain pula.

Sejurus kemudian, tiba dengan lajunya sebuah kereta besar. Masing-masing pun berdiri hendak menyambut gerangan perangkatan baginda sultan kelak. Keluar pula Irwan dan Johari dari kereta besar itu.

'Dah mula?'

'Belum lagi. Di mana awak berdua hilang?'

Belum sempat mendapat jawapan, mereka berdua sudah meluru pergi berjumpa salah seorang anggota Jawatankuasa Kongres.

'Encik, ini ada sumbangan kecil daripada kami pelajar Melayu Selangor.'

'Sumbangan apa?'

'Kami berjaya mengusahakan suatu derma daripada seorang dalam negeri.'

'Berapa ringgit?' soal ahli jawatankuasa itu sambil lewa.

'Seribu lima ratus!' jawab Irwan.

'Siapa dia orangnya?'

'Orang Cina!'

'Orang Cina? Apa tujuannya?'

'Tanyalah Tuhan.'

'Pakai cek?'

Kedua-dua pelajar itu pun mengeluarkan daripada saku masing-masing not sepuluh ringgit sebanyak seratus lima puluh keping.

'Alhamdulillah. Sumbangan daripada raja-raja kita serta orang-orang kaya dan rakyat jelata sekarang ada kira-kira lapan belas ribu. Bolehlah untuk Kongres selama tiga hari dan sebagai pelancar tindakan kita yang pertama. Terima kasihlah atas sumbangan awak....'

'...Bukan kami encik. Pelajar-pelajar Selangor yang masih dicegah menubuhkan persatuannya.'

'Baginda berangkat tiba!' laung pembesar suara.

Upacara sambutan pun berlangsung. Istiadat pembukaan Kongres pun dilaksanakan. Antara lain baginda melafazkan kagum dan gembira hati baginda memandangkan bulatnya hasrat umat Melayu hendak bersatu padu. Selain daripada meningkatkan perniyatannya perpaduan, baginda juga menanahkan Kongres supaya berdamping dengan Tuhan agar direndai Allah niat maksud dan cita-cita mereka yang suci murni itu.

Muncul di tengah-tengah Kongres itu jaguh Melayu, Datuk Onn, pegawai kanan kerajaan yang kini direlai oleh umat Melayu untuk membimbing mereka ke arah perpaduan bangsa dan kemerdekaan negara. Seorang ahli pemikir, Datuk Onn

tidaklah begitu berapi-api membangkitkan perasaan dengan pidatonya tetapi membuat para hadirin berfikir panjang atas sesuatu perkara yang dikemukakan. Pokok pidatonya yang sulung itu ialah betapa perlunya disatupadukan umat Melayu dalam satu pertubuhan kebangsaan.

Menyusul pidato Datuk Onn, rayuan daripada pihak pemuda pemudi yang meminta kaum bapa dan ibu supaya jangan membiarkan mereka lagi sehingga menjadi satu bangsa yang tidak terpatuk dek ayam dan tersudu dek itik.

Ramai yang melelehkan air mata mendengar rayuan Angkatan Baru itu. Bagi Johari dan Irwan, timbul perasaan geram dan benci kerana pihak pelajar dikongkong oleh yang berkuasa hingga tidak dapat melafazkan hasrat mereka di dalam satu Kongres Kebangsaan yang bersejarah itu. Mereka tinggal sebagai penonton belaka.

Kongres berjalan selama tiga hari. Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu berjaya ditubuhkan. Malayan Union terus di-kutuk. Hanya cara menuntut kemerdekaan sahaja yang menimbulkan satu suara yang lebih keras. Pihak Partai Kebangsaan Melayu mahukan merdeka sepenuhnya dan bersatu dalam Negara Indonesia Raya di bawah bendera Sang Saka Merah Putih.

'Wah! Tak lama lagi Encik Johari kita dapatlah *scholarship* pertubuhan yang pertama.' Kedengaran Johari akan bisikan suara yang pernah didengari dahulu, tibanya dari belakang bahunya.

'He Megat!' jerit Johari sambil memeluk-meluk rakan lamanya itu.

'Mari, mari Megat. Saya perkenalkan. Ini Saudara Irwan, rakan sedarjah.'

'Megat Musa. Apa khabar?' ujar Megat bersalaman dengan Irwan.

'Khabar baik. Tengah ambil beritakah?' tanya Irwan.

'Ya, dah lewat saya dikirimkan ke sini.'

'Di mana awak sekarang, Megat? Dah lama tak dengar.'

'Di Singapuralah. Doa-doakanlah supaya jadi wakil di Kuala Lumpur sini.'

'Dari akhbar mana?' cecah Irwan.

'Duta Melayu.'

'Wah! Masuk akhbar baru-sekarang.'

'Mana saja yang sesuai di hati. Awak masuk sekolah balik, Johari?'

'Mengapa awak bisikkan pasal *scholarship* tadi?'

'Bukankah itu salah satu keputusan Kongres?' jawab Megat Musa.

'Hah! Yang bakal dapat, kamulah. Kami ni apa? Cuma rakyat belaka.'

'Toksahlah cakap begitu. Masyarakat kita hari ini sudah berubah. Kongres ini menghapuskan kasta bangsawan dengan zakyat jelata; DKK dengan Melayu Jati. Kaum Muda dengan Kaum Tua. Dalam perjuangan, kita perlukan perpaduan. Langkah pertama, sudah berjaya. Sekarang kita mengorak langkah yang kedua—tumbangkan Malayan Union.'

Selepas Kongres, tindak-tanduk kebangsaan pun tidaklah lagi berasing-asingan. Perarakan membantah Malayan Union dijalankan serentak dan seragam di seluruh tanah air. Apabila British berdegil juga hendak melantik Gabenor Malayan Union yang pertama, upacara perlantikan itu diboikot oleh raja dan rakyat Melayu. Bila berjalan juga Malayan Union, seluruh umat Melayu berkabung. Berlakulah pemberontakan secara senyap tanpa pertumpahan darah. Pihak Partai pula yang bergabung diri dengan bangsa-bangsa asing di bawah Majlis Tindakan Bersama mengadakan harta dan menuntut merdeka penuh.

Pertama kali British sedar tanpa kerjasama Melayu, segala projeknya tidak laku. Seperti biasa apabila dihadapi tentangan, barulah mereka mahu berbincang. Persidangan dipanggil. Dalam ketika inilah satu tragedi berlaku di kalangan pelajar. Irwan telah dipanggil oleh Mr. Fox, guru besar. Tidak berapa lama, Irwan pun kembali masuk kelas dengan senyuman sinis. Dia tenus mendapatkan beg bukunya. Kepada Johari dia

menyisipkan satu salinan surat. Kemudian dia menuju kepada Mr. Muthu, terus berkata, '*Thank you sir, very much for everything.*'

Setelah itu dia menoleh kepada kelas, '*Well chums, I have been sacked from school. Anyway, I shall come back.*'

Terdengar kembali suara Jeneral MacArthur sewaktu meninggalkan Pulau Corrigedor lari dari Filipina tatkala Jepun mendarat dahulu.

Seluruh kelas terpegun oleh drama mengejut Irwan itu. Kemudian riuh-rendahlah kelas tidak terkawal lagi oleh Mr. Muthu. Sesetengah pelajar Melayu menyangka Mr. Muthulah di sebalik pemecatan Irwan dari kelas dan sekolah. Yang lain pula menyangka kegiatan politik Irwanlah yang mengakibatkan dia dibuang sekolah. Tetapi Johari secara diam-diam membuka salinan surat yang diselitkan di dalam sakunya oleh rakan Irwan. Surat itu salinan yang ditulis dengan tangan dan dikirimkan kepada Pengarah Pelajaran dan ditandatangani oleh Irwan sendiri. Setelah dibaca disakukan surat itu, Muka Johari seperti ketam dibakar. Waktu turun makan pukul sepuluh, berlangsung mesyuarat tergempar di antara pelajar Melayu di belakang stor sukan.

'Kita ditimpa korban pertama,' ucap Johari memulakan mesyuarat. 'Rakan seperjuangan kita, Irwan dibuang sekolah. Dia berkorban kerana membela kamu sekalian. Inilah salinan suratnya yang disisipkan di saku saya apabila dia keluar sekolah tadi. Kelak inilah sebabnya yang dia kena buang.'

'Apa isi suratnya itu?' Tercetus suara yang kurang sabar.

'Secara diam-diam rupanya dia telah mengkaji kedudukan anak-anak Melayu di sekolah-sekolah Inggeris. Dia mengirim surat terus kepada Pengarah Pelajaran yang berkuasa dalam negeri kita hari ini menuntut supaya dihentikan tindakan diskriminasi yang dilakukan oleh pihak berkuasa sekolah sini ke atas anak-anak Melayu. Dia memberi bukti dan menanya mengapa hanya dua orang saja anak Melayu dilompatkan terus ke kelas Senior Cambridge manakala lima belas orang anak asing

diberi peluang. Demikian juga dibandingkan segelintir saja anak Melayu diberi *double* dan *treble promotion* di darjah-darjah rendah dalam sekolah-sekolah Inggeris. Dan lagi mengapa ke semua anak Melayu dimasukkan kelas-kelas B dan C dan ke bawah dan tiada seorang pun yang diberi peluang belajar di kelas A dan kelas-kelas istimewa.

'Inilah saudara sekalian, dalam masa yang singkat dengan tidak setahu sesiapa pun malah diri saya sendiri, rakannya yang rapat, Irwan berbakti kepada kita sekalian. Itukah dianya orang yang sudah dibeli oleh bangsa asing? Dia telah ditendang ke luar. Tapi janganlah hendaknya semangat dan jiwanya kita sendiri ketepikan. Pernah dia berkata, perjuangan kita selepas perang ini dari banyak segi dan lapangan. Bagi kita Angkatan Melayu Baru, di sinilah, di sekolah, bidang pelajaran inilah tempat perjuangan kita. Sekalian tugas kita yang utama sekiranya bercorak politik iaitu bersama-sama dengan kuasa lain menumbangkan Malayan Union, namun perjuangan kita sepanjang masa, kelak sampai ke hujung hayat kita ialah pelajaran dan pendidikan—bukan saja untuk diri kita bahkan untuk keturunan kita di masa depan.'

'Sekarang kita dalam keadaan kehilangan. Tetapi janganlah hendaknya, hilang membawa lenyap segala-galanya. Hari ini, hari esok, nasib saya dan saudara-saudara sendiri tidak dapat kita telahkan. Tapi walau apa pun berlaku perjuangan mesti diteruskan. Oleh itu, marilah kita membawa sikap "Patah tumbuh: hilang berganti. Satu gugur: seribu subur". Sebagai pengganti Irwan, saya cadangkan Sulaiman. Dan tempat Sulaiman diduduki sekarang oleh Tajuddin. Siapa membantah, angkat tangga.'

Tiada tangan yang kelihatan.

'Sekian. Terima kasih. Hidup Melayu, Merdeka!'

Pantas dan tegas mesyuarat selesai. Ketiga-tiga pemimpin baru itu pun terus mencari jalan supaya dapat ditindak balas akan tindak-tanduk sewenang-wenang pihak berkuasa sekolah itu. Johari masih ingat lagi betapa pentingnya pelajaran tinggi

bagi Irwan. Dengan dunia keijazah-ijazahan, katanya hanya ijazah sahaja yang dapat menarik perhatian orang atas-atasan akan karya-karya mereka kelak.

Johari pernah mendengar Irwan melafazkan rasa ghairahnya untuk terus menuntut hingga dapat dia pergi ke negeri-negeri bekas penjajah seperti Portugal, Belanda dan England serta lain-lain negeri Eropah untuk membongkar perpustakaan dan muzium mereka akan karya-karya lama Melayu yang diangkat oleh mereka beberapa abad dahulu. Irwan tidak dapat membendung rasa kesilnya akan perbuatan Raffles mengumpulkan naskhah-naskhah lama Melayu dan kemudian kononnya terbakar bersama-sama dengan kapal *The Fame* British itu. Dia tidak mahu menerima apa yang disebutkan oleh Winstedt dalam *Pax Britanica* bahawa kesusasteraan Melayu adalah kesusasteraan saduran dan terjemahan. Kini, cita-cita Irwan itu nampaknya patah di tengah jalan.

Pada petang tragedi Irwan itu juga, Johari pergi bertemu dengan keluarga Kongres merayu membuat sesuatu supaya dapat Irwan diterima balik oleh kolej itu. Sayang sekali pertubuhan Melayu pada masa itu sibuk dengan kerja-kerja mengatur langkah untuk menumbangkan Malayan Union. Malang sungguh bagi Irwan. Lebih malang lagi perasaan Johari kerana tidak dapat membuat sesuatu untuk membela rakannya itu.

'Jangan khuatir, Johari,' ucap Irwan pula yang menenangkan perasaan gelora rakannya. 'Hidup saya hingga hari ini kerana menentang cabaran. Tanpa rintangan dan halangan, jiwa saya akan mati.'

Sekalipun demikian optimisnya Irwan, Johari tidak pula berasa senang di hatinya. Tanpa Irwan bersama-sama di sekolah terasa pincang dia. Tindakan pihak berkuasa di sekolah semakin kejam. Pelajar-pelajar tidak dibenarkan berkumpul lebih dari pada tiga orang. Jadi, terpaksa bermesyuarat di luar sekolah. Itu pula bukan sahaja akan menarik perhatian pihak pemerintah bahkan dikhuatirkan akan mengganggu pelajaran mereka. Sekolah yang dahulunya mencari murid kini sedia membuang

inereka yang terkandas sekalipun dalam ujian penggal. Guru Melayu yang berpengaruh di sekolah itu pula bukan untuk menjadi tempat bergantung dan merayu. Tiap-tiap pelajar Melayu terasa terhimpit. Mereka mesti istimewa pandai melebihi pelajar-pelajar asing untuk lulus dalam tiap-tiap ujian, kerana guru-guru asing itu tidak bersympati dengan perjuangan mereka. Sesetengahnya pula khuatir kelak mereka lah yang akan menakluk mereka pada masa depan.

Sebagaimana dalam apa juu perjuangan, pihak pelajar juga tidak terkecuali unsur-unsur musuh dalam selimut. Pihak pelampau yang menuduh Irwan dan Johari dibeli Cina kini lenyap oleh pengorbanan yang dilakukan Irwan. Sekarang, muncul pula tindak-tanduk penjajah yang mendukung prinsip 'pecah dan perintah'.

Sudah kelihatan seorang dua pelajar Melayu diloncatkan darjah tanpa ujian. Mereka ini daripada golongan yang tidak berpendirian dan tidak berapa bergeliga otaknya. Dalam pengawasan Johari, mereka kelihatan cuba menyusup di tengah-tengah pelajar pejuang dan menaburkan bibit-bibit perpecahan. Di dalam keadaan demikian, muncul semula Irwan di sekolah itu, kali ini berseluar panjang dan bertali leher, setelah sekian lama menghilangkan diri.

'Irwan datang! Irwan datang!' teriak seorang pelajar darjah rendah berlari-lari mendapatkan Johari, Sulaiman dan Tajuddin yang sedang minum di kantin.

'I've returned! I've returned!' ucap Irwan mengulangi kata-kata Jeneral MacArthur sewaktu datang kembali ke Filipina, mengikut janjinya sebelum meninggalkan Pulau Kubu Corregidor.

Masing-masing pun berpeluk-pelukari gembira.

'Mari ke belakang stor sukan. Saya cukup rindu tempat itu.'

'Kami dilarang berkumpul lebih daripada tiga orang, Irwan,' tegas Johari.

'Dilarang? Mereka melarang kamu sekalian?' soal Irwan,

serta-merta peluh betina menitik dari hujung hidungnya.

'Ya. Itu perintah nombor 8,' terang Sulaiman.

'Bagus, bagus! Berita baik tu. Penindasan kebebasan! Ayuh. Tolong panggil kawan lama semua ke tempat lama kita. Kita tak boleh membiarkan hal ini berlarutan,' gesa Irwan.

Tajuddin dan Sulaiman pun terus pergi menggembala pelajar-pelajar Melayu ke tempat lama itu.

'Ke mana awak menghilang diri kian lama, Irwan?'

'Pergi berlatih.'

'Masuk askar hutan?'

'Hisy! Saya masuk surat khabarlah!'

'Bersama-sama dengan Megat Musa?'

'Jadi *rival* nampaknya kami sekarang. Saya masuk akhbar *Dewan*.'

'Oh! Cari beritalah ni, ya?'

'Pergi interviu Mat Salih itu.'

'Ya?' ucap Johari, terpegun dan termenung sejurus kemudian. 'Pandai . . . pandai awak! Masalah apa yang diinterviu kan?'

'Soal diskriminasi yang dilakukan ke atas pelajar-pelajar Melayu.'

'Apa reaksinya?'

'Wah! Mula-mula nak dihalauanya!'

'Mak oi! Begitu?'

'Saya tunjukkan *accreditation card* dan mengingatkannya saya bukan lagi budak sekolah malah seorang wartawan.'

'Wah! Wartawan, ya?'

'Dalam perjuangan, kalau gelaran dapat menggerunkan, ayuh, mengapa tidak dijadikan senjata?'

'Gerun dia?'

'Mengeletar!'

Johari terbahak-bahak ketawa apabila terbayang Mr. Fox yang biasanya menyิงgarangnya tiba-tiba memikus digertak oleh bekas anak muridnya.

'Apa yang menggeletarkannya?' soal Johari kurang percaya akan kenyataan rakannya itu.

'Mula-mulanya dia tak mengaku adanya diskriminasi di sekolahnya. Kemudian saya minta bukti akan kenyataannya itu. Mula dia mereka-reka mengatakan banyak pelajar Melayu loncat darjah dan diberi keutamaan. Kemudian saya minta butir-butir statistik dan perbandingan di antara pelajar Melayu dengan yang lain diberi keutamaan itu. Di sini dia menggelepar.'

'Ada diberinya statistik?'

'Mana nak cekau! Katanya dia akan membuatnya. Saya suruh segera. Kalau tidak, berita akan hebah tersiar di seluruh pelosok tanah air.'

Krrrrring! Krrrrring! Krrrrring! Loceng sekolah tiba-tiba berbunyi.

'Tengok jam awak, Irwan! Pukul berapa ni?'

'Eh! Ada lima belas minit lagi!'

Di belakang stor sukan itu baru ada enam tujuh orang pelajar seperjuangan yang berkumpul.

'Beginilah keadaan kita di sekolah sekarang, Irwan. Ini mesti pekerjaan tali barut penjajah menyampaikan berita kita nak berkumpul.'

'Tak mengapa. Tak mengapa. Cara berjuang ada banyak, Johari,' balas Irwan, dia segera memaling kepada pelajar-pelajar yang tercengang-cengang oleh bunyi loceng itu. 'Saudara-saudara sekalian. Saya mengucapkan terima kasih dan berasa bangga atas semangat saudara sekalian. Fahamilah bahawa saya ada di belakang perjuangan saudara. Dan janganlah sekali-kali putus asa. Tuhan murka. Lebih-lebih lagi kerana perjuangan untuk kebebasan daripada cengkaman penjajah. Baiklah. Elok masuk kelas sekarang. Harap janganlah cuai daripada melengkapi diri untuk melanjutkan perjuangan kita jika dikehendaki pada masa depan kelak. Masuklah kelas sekarang. Berlangganlah dengan surat-surat khabar Melayu untuk memahami perjuangan bangsa kita menantang penjajah. Terus berjuang. Hidup Melayu, Merdeka!'

Esoknya tersiar berita mengenai tindak-tanduk Guru Besar

Queen Mary College itu siap dengan perangkaan yang kelak disusun oleh Irwan sendiri selama dia bersekolah dahulu. Dalam halaman lain akhbar *Dewan* itu terdapat pula ruangan khas bersiri mengenai dasar pelajaran penajah selama ini.

Johari pula jadi korban kedua. Sebabnya: melanggar perintah nombor 8!

Sekalian ini menjadi minyak bagi api yang sedang membawa di sanubari Melayu. Ribut api terjadi. Ibu bapa menuntut supaya dibuangkan Guru Besar Mr. Fox itu. Dasar Pelajaran baru mesti diadakan menggantikan dasar Inggeris yang hendak membelahbagikan masyarakat Tanah Melayu daripada berbagai-bagai bangsa itu. Malah, dalam masyarakat Melayu sendiri sudah terbagi tiga—yang berpelajaran Melayu, yang *English-educated* dan yang bangsawan. Yang memegang tumpuk pemerintahan dipisah jauh daripada rakyat.

Di tengah-tengah ribut api ini berlaku pula satu kemalangan yang membawa rahmat. Sir Edward Gent, Gabenor Malayan Union yang pertama mati dalam kemalangan udara.

Pembuoikotan Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu dan sokongan bersyarat parti dan puak Cina dan India serta kemalangan Gabenor Malayan Union itu meruntuh sama sekali corak pemerintahan yang dipaksakan ke atas bumi Melayu.

Runtuh Malayan Union, tegak pula *Federation of Malaya* pada 1 Februari, 1948.

'Johari! Johari! Kita menang! Kita menang!' tempik Irwan daripada motosikalnya sambil mengibar-ngibarkan surat khabar kepada rakananya yang pada masa itu sedang memeriksa perniagaan yang diuruskan oleh Joned di Lekang.

'Mr. Fox harakiri!'

'Tidak! Dia serendar dan balik England.'

'Siapa gantinya?'

'Belum tahu lagi. Pelajar-pelajar sudah ada kesatuannya sendiri.'

'Hore!' jerit Irwan kegirangan.

'Dan kita menuju kemerdekaan!'

'Eh! Radio semalam cakap kita sudah berkerajaan sendiri. Malayan Union digantikan dengan *Federation of Malaya*.'

'Jangan keliru Johari. Berkerajaan sendiri dengan merdeka berlainan coraknya. Inilah sebesar-besarnya korban yang dapat dialami oleh British dan sebaik-baik bingkisan yang dapat di-terima oleh Tanah Melayu daripada penjajah.'

'Apa baiknya?'

'Raja Melayu menerima kuasanya balik. Rakyat akan dapat bersuara dalam pemerintahan negeri.'

'Macam mana tu?'

'Tiap-tiap negeri di bawah satu pemerintahan pusat.'

'Eh! Macam *Union* jugak tu.'

'Berlainan sikit. Kesembilan negeri Melayu disekutukan dengan kedua-dua Negeri Selat dan Pulau Pinang. . . .'

'. . . Singapura?'

'Kalau sudah penjajah, penjajah juga. Takkak mau mengalah. Dua jajahan takluknya kita ambil. Mereka mau pampasan jugak.'

'Hai, dah nasib Singapura. Asil saja jangan jadi *Nagapura* akhirnya, tak mengapalah!'

'Menetek air, lama-lama bercantum juga.'

'Macam mana corak pemerintahan Persekutuan itu?'

'Tiap negeri ada Majlis Undangannya sendiri. Residen British dibuang, diganti dengan Menteri Besar yang membimbang negeri di bawah sultan. Jadi, kuasa yang dirampas oleh Malayan Union daripada raja dan negeri-negeri Tanah Melayu itu bukan saja dikembalikan bahkan diperkuatkan lagi.'

'Di mana pula yang dinamakan Kerajaan Persekutuan itu?'

'Wakil-wakil daripada tiap-tiap negeri yang bersekutu serta wakil-wakil daripada golongan tertentu misalnya, perniagaan, perusahaan, kaum-kaum dalam negeri serta saudara kita orang-orang asli akan menjadi ahli dalam Majlis Undangan Persekutuan. Kerajaan Persekutuan ini di bawah seorang Pusuruhjaya Tinggi British juga jadi Yang Dipertua Majlis Perundangan Persekutuan itu.'

'Mengapa British?'

'Kita masih berkerajaan sendiri belum merdeka penuh lagi. British itu sebagai pemandu kita ke arah kemerdekaan. Mengikut Datuk Onn, kita belum ada orang yang berkebolehan mentadbir negeri dengan cekap. Kita tak mau huru-hara atau menjadi bankrap lepas merdeka. Kali ini, Majlis Raja-raja Melayu akan menasihat Pesuruhjaya Tinggi itu terutama sekali dalam hal imigresen.'

'Oh ya! Kerakyatan yang kita perjuangkan, bagaimana pula kesudahannya?'

'Syarat kerakyatan diperketatkan. Yang lahir di sini, di *Federation* jadi rakyat negeri ini. Yang lain, dapat jadi rakyat jika mereka telah menetap di sini selama 15 tahun daripada 20 tahun. Mereka mesti pandai berbahasa Inggeris ataupun bahasa Melayu. . . .'

'. . . Mengapa bahasa Inggeris?'

'Takut ada yang tak tahu bahasa Melayu.'

'Lima belas tahun di sini tak tahu bahasa Melayu? Kan bahasa Melayu itu bahasa rakyat. Bahasa perantaraan di antara rakyat Melayu, Cina dan India?'

'Jangankan lima belas tahun, scumur hidup tinggal di sini pun ada yang tak tahu bahasa Melayu. Dasar Pelajaran Inggeris kan untuk menaikkan taraf hidup orang-orang yang *English-educated*?'

'Ticket, sir! Ticket, sir!'

Terkejut Johari daripada lamunannya. Johari merenung mata tukang tiket.

'*We're reaching Kuala Lumpur, sir!*' Terjungkit misai tukang tiket itu.

Johari pun menyeluk saku dan mengunjuk tiket itu sambil meludah di luar tingkap. Teringat dia mendengar propaganda Subandrio yang mengatakan Malaysia tidak berperibadi sendiri. Bahasa menunjukkan bangsa, mereka mengingatkan.

Kereta api diesel sungguh laju. Jikalau dahulunya tiba di Kuala Lumpur sewaktu sang suria sedang merangkak letih ke

peraduannya, kali ini matahari masih terik lagi memancarkan cahayanya.

Yang aneh sekali didapati oleh Johari di Kuala Lumpur ialah ketidaksibukan tentera seperti di Johor sekalipun konfrontasi masih memuncak. Segala-galanya seolah-olah seperti pada zaman aman damai.

SEJAK Johari meninggalkan Petaling Jaya banyak perkembangan baru telah berlaku pada bandar satelit yang asalnya dari kampung penempatan semula setinggan-setinggan Cina di sekitar Kuala Lumpur dan di sekitar daerahnya sewaktu darurat dahulu.

Kilang syarikat dan bangunan kerajaan bercambah di tengah-tengah 'taman perumahan'. Berbagai-bagai reka bentuk bangunan yang baru dan moden mula memberi perbandingan yang nyata di antara Petaling Jaya lama dengan yang baharu. Rumah sewa Johari sudah kelihatan lama fesyennya. Tetapi pekarangan yang terhias indah dengan warna aneka bunga yang ditanam di tanah dan di pasu menyerikan rumah lama itu seperti perempuan tua berbaju *a-go-go*.

Sampai sahaja teksi Johari di gerbang rumah itu, serta-merta keluar Nuraini berpakaian samfu dan membawa tas tangan coklat sewarna dengan kasut tumit tinggi. Sejurus kemudian, terpaku Nuraini kaku kagum melihat orang yang muncul keluar dari teksi itu. Lemah gerangan lututnya, kelihatan hendak jatuh menepok. Tetapi segera diseluk pinggang Nuraini itu dan diseret masuk ke rumah oleh suaminya Johari.

'Kenapa tak bagi telegram mau pulang?'

Belum sempat Johari hendak membuka mulut, bibirnya dikucup erat dan tubuhnya dipeluk ketat oleh Nuraini. Yang dirasai oleh Johari, hidungnya terhantuk-hantuk dengan tulang rahang yang menonjol tinggi; jari yang mencengkam belakang isterinya teraba-raba susunan tulang yang terasa sudah kering. Kucupan bibir dan pelukan rapat isterinya itulah

sahaja yang jadi pelemah murka yang sedang membara.

Kiut . . . kiit, Kiiiiit . . . kit!

Nuraini meluncurkan tangananya yang sedang memeluk dan melepaskan diri daripada dakapan. Segera dia berlari di bilik dan mengandam semula solekan mukanya. Kemudian, berlari-lari lagi dia mendapatkan suaminya yang tersandar terpegun di kerusi bilik tetamu.

'Maaf Aini, bang. Tunggu di rumah dulu. Aini ada urusan penting.'

Nuraini pun mencuit jari manisnya pada bibirnya kemudian dilekapkan pada bibir suaminya. Dengan senyum dia meninggalkan Johari seorang diri di rumah yang telah kian lama ditinggalkannya. Berpusar lagi perasaan Johari. Diulang-ulangi lagi peristiwa yang baharu sejenak tadi berlalu di depan matanya. Tergesa-gesa keluar pintu: terpegun terpaku: sepatu tumit tinggi dan baju samfu: kereta tiba laju. . . Ah! Mengapa tidak ditinjau tadi, kereta sewa atau teksi sapu. Siapa pemandu . . . dan siapa yang menunggu?

Apakah gerangan kegiatan isterinya itu selama dia berpisah-pisahan? Adakah ini berkaitan dengan berita yang tawanan komunis itu hendak menemui dengan isterinya itu? Perasaan terus berpusar. Hati tiada lagi digeletek malah terasa tercolek.

Culik, cela: bunuh, bakar: sungut, mogok, ugut: memburas, mengganas menentrempetkan pemberontakan komunis militan di Persekutuan Tanah Melayu—menyeretkan negara ke dalam satu pergolakan antarabangsa. Indonesia dengan Madiunnya; China dengan Pekingnya; Indo-China dengan Hanoinya. Anehnya, mangsa pertama adalah orang asing juga—peladang Inggeris dan pelombong Cina. Johari teringat bapa Tan Ju Ling. Segera dia lari ke rumahnya. Halaman rumahnya tidak begitu sibuk dengan kuli-kulinya lagi.

'Aiya Incek Johali. Apa sulah yadi? Aiya! Ju Ling sula kina

' . . . Kena tembak?'

"Tatak, Bawak lali."

'Bila?'

'Sulah tita lali lulu.'

'Tak ada dapat telefon mintak duit?'

'Itu macam saya punya hati banyak sinanglah. Bilaga lui mau pun saya moleh kasi. Tapi sikalang, saya tatak tahu mana Ju Ling. Sulah matikah? Saya pun tatak tau!'

Ju Lien tiba membawa air teh.

'Ju Lien apa khabar?'

'Tak tabuhlah Cik Johari. Saya punya abang sudah tak ada lagi. Hari ini hari besok kita orang punya nasib di sini pun tak tahu. Kita tak buat dosa. Dosa kita cuma kita sikit kaya. Sudah banyak lombong kena bakar. Kuli-kuli pun sudah tak mau ikut perintah. Kita kasi gaji; tapi sekarang dia orang mau jadi tuan. Minum, minumlah cik. Tak ada apa-apa. Mau pergi ke luar pun takut. Entah dalam kedai; entah tengah jalan orang nanti tangkap, orang nanti bunuh kita. Betul susah sekarang jadi orang kaya. Minumlah cik.'

Johari pun turut sugul tetapi apakan daya, diri tidak berkuasa. Bukan satu keluarga bahkan satu negara tertimpa mala-petaka. Nasib dirinya sendiri pun tidak teramat. Bagaimana pula rakan-rakannya?

Johari terus ke tempat tinggal Irwan. Rakannya pula tiada di rumah. Meluru dia ke pejabat *Dewan*.

'Pak Ji, Irwan ke mana?' tanya Johari kepada Ketua Pengangguran *Dewan* yang sedang menyedut nikmat cerutu.

'Irwan dapat eskot istimewa tadi ke Cawangan Khas.'

Berderau hati Johari. Cawangan Khas pada ketika itu sibuk memberkas orang-orang yang dianggap bahaya kepada negara. Johari hendak melanjutkan pertanyaan. Tetapi Pak Ji lebih sibuk dengan urusan persuratkhabarannya. Dia dikutung oleh ketua penyusun huruf, kemudian pemberita, setelah itu telefon, tiba pula penyunting, turun pula pengurus menyoal sesuatu. Lari pula ke bilik belakang menyiram minyak *Au-de-Cologne* di kepalanya lalu lesap dia—menjalin lidah pengarangnya.

Bilik akhbar *Dewan* itu tidak kurang sibuknya. Manusia berdiri ke sana ke mari. Mesin taip menjadi alat *percussion* dalam simfoni seribu *movement* sedangkan suara pengarang, penyunting, pemberita dan kompositor menjadi satu paduan suara bass, kontralto, tenor, yang malangnya tidak harmonis.

Johari menggeleng-gelengkan kepala dan memejam-mejamkan mata melihat kesibukan bilik akhbar itu. Dia terus mengundur diri pergi ke gedung sebelah yang kebetulan pula kedai kopi. Di sana merasa dirinya lebih aman menunggu pulangnya Irwan. Johari bukan perokok. Tetapi cawan-cawan sir kopi yang diminum sambil menunggu itu menarik pelanggan kedai yang masuk minum. Bukan kehausan ia; tetapi ketahu-lu-maluan sekiranya duduk tidak membeli sesuatu.

'Tauke, boleh angkat cawan ini semua,' pinta Johari lalu diunjukkan wang untuk tiga cawan kopi. 'Bawa satu cawan lagi sini.'

'Incek mau duduk, duduklah. Tak minum pun tak apa.'

Baik betul budi bahasa tauke Cina itu. Tetapi dibawa juga secawan kopi lagi.

Ketika itu, tiba pula Irwan menjengukkan mukanya.

'Selamat awak?' tanya Johari.

'Awak nanti sini sekejap. Saya nak jumpa Pak Ji dulu.'

Pundi-pundi pelepasan Johari penuh dengan air. Tetapi dia tidak dapat meninggalkan kerusinya takut kalau-kalau turun pula Irwan mendapatkannya. Satu usaha besar juga menahan panggilan tabii. Yang ditunggu pula sememang lambat kun-jungannya. Hanya yang berdekatan dengan Johari sahaja dapat memandang kedut dan kerutan bahagian muka Johari membendung empangan yang sedang sebak.

'Maaf terlewati sikit, Jo.'

Tanpa mengeluarkan kata-kata, Johari meluru ke belakang kedai. Irwan yang menunggu pula terasa lamanya menanti. Tetapi sebagaimana dia meluru pergi ke belakang begitulah juga Johari melayang kembali.

'Mari keluar dari sini lekas. Balik rumahku.'

'Eh! Mengapa tak sabar lagi nak balik?'

'Tukar seluarlah. Hancing!'

Sesampai sahaja di rumah, Johari pun seperti penan *Takarazuka* yang bersalin pakaian sekelip mata.

'Macam ribut awak ni, Johari.'

'Siapakah boleh bersabar hendak mendengar berita?'

'Ini bukan berita lagi. Negara sudah mengisyitiharkan keadaan darurat. Itu bermakna awak mestilah hati-hati dalam apa juar gerak langkah. Kerajaan sekarang berkuasa menahan sesiapa saja yang disyaki berbahaya kepada negara tanpa bicara lagi.'

'Awak diseret ke sana kenapa tak ditahan?'

'Eh! Janganlah menggalak saya jadi macam si Rauf.'

'Rauf yang menulis polemik sastera itu?'

'Rauf siapa lagi! Rauf Polemiklah. Awak tahu? Menangis dia, meratap-ratap macam budak kecik.'

'Takut agaknya. Pertama kali berada di rumah pasung.'

'Bukan itu yang ditangiskan. Dia merengek kerana dibebaskan. Sedangkan ramai rakanannya terus ditahan di penjara.'

'Eh! Awak ni memainlah!'

'Tak percaya pergilah jumpa dia. Kalau ini jam kita pergi ke rumahnya, mungkin tengah memerah sapu tangannya, yang sentiasa basah.'

'Ada juga orang yang macam itu, ya. Aneh!'

'Eh! Dalam perjuangan, seseorang yang kena penjara dengan automatik naik darjatnya di kalangan para pengikutnya. Kalau dijadikan korban atau *martyr*, abadilah namanya hingga hujung zaman.'

'Kalau tak mau dipenjarakan kenapa diseret ke stesen?'

'Disoal. Bukan dengan diseret itu sudah terjamin dipenjarakan oleh mereka. Macam diri saya ni apa guna dijelaskan? Saya menulis apa yang memang telah berlaku untuk pengetahuan umum. Kebenaran yang kita tegakkan. Buat habis duit cukai rakyat saja menyarakkan hidup saya dalam penjara.'

'Si Rauf itu agaknya menganggap dirinya sebagai pejuang bangsa.'

'Pejuang apa? Menulis polemik bahasa saja. Buakannya menghasut rakyat supaya menghapuskan segala bahasa asing di tanah air kita. Kalau begitu, munasabah juga kerajaan menanggung dia makan dalam jel. Duit makaman itu pun tak sebanyak yang bakal diperbelanjakan untuk menangkis huru-hara akibat daripada hasutannya itu. Ini, polemik yang ditulisnya itu pun mengenai bahasa Melayu moden yang kehilangan bunga-bunga bahasa, bahasa Melayu hancur oleh bahasa mulut yang dibawa-bawa orang dalam penulisan drama dan lain-lain perkara tetek-bengek mengenai bahasa yang telah pun diketahui umum.'

'Hai, ada juga orang yang menangguk di air keruh.'

'Macam-macam gila boleh kita dapat dalam masa darurat ini. Tapi, awak kalau mau selamat, Johari, jauhkan diri dari-pada mereka yang memanggil dirinya "pejuang kebangsaan". Kalau tulen dan memang untuk ibunda, tak mengapalah. Tapi pejuang separuh masak imilah yang buat koman. Perjuangannya tak ada, awak pula yang merengkok dalam penjara. Di luar sini sebanyak sedikit, dapat kita lakukan sesuatu untuk Ibunda.'

'Apa yang disoal awak di setesen tadi?'

'Apa yang dibuat di sekolah, sebelum masuk sekolah dan yang sedang dilakukan sekarang.'

'Wah! Perihal sekolah pun tahu mereka?'

'Penjajah. Sudah dinamakan penjajah. Gerak-geri kita semua dicatatkan dalam buku hitam.'

'Maknanya saya pun ada fail juga di sana.'

'Itu makanya saya suruh awak berwaspada. Apa juar perjuangan, tujuannya mesti kesampaian korban pantang.'

'Apa kisahnya di sebalik pemberontakan komunis ini?'

'Imilah yang melambatkan saya di stesen tadi. Saya diberi briefing mengenai latar belakang gerakan mereka di tanah air.'

'Kan mereka dah serahkan senjata pada bulan Disember 1945 sesudah pasukan MPAJA dibubarkan?'

'Hah! Mereka bukan begitu pelurus seperti pasukan gerila

kita. Di bandar, mereka menyerah apa saja senjata lapuk dalam tangannya. Jauh dalam hutan, mereka simpan apa yang digusurkan oleh British tempoh perang dulu. Senjata inilah melawan balik tuannya. Dan Sang Kancil di tengah-tengah pergilakan ini akan ikut binasa juga."

'Apa yang mereka hendak?'

'Mengikut propagandanya untuk memperjuangkan kesmerdekaan penuh bagi Malaya....'

'... Tetapi mengapa semua penculikan, pembunuhan dan pemusnahan ini? Lebih merupakan perang saudara. Saya kira selama beberapa minggu ini lebih banyak lagi orang Cina dan anak negeri yang terbunuh daripada pihak penjajah.'

'Itulah. Selama ini kita dikaburkan oleh pihak penjajah akan gerakan-gerakan di bawah tanah yang berlaku dalam negi kita sendiri. Yang ditimbul-timbulkan cuma kisah perompak, *gangster, secret society*—semua kumpulan jenayah cari makan. Pergerakan politik bawah tanah tak diberinya kita tahu. Padahal bila kita baru hendak belajar bercakap, parti komunis sudah pun pandai bertikam lidah bersidang di Singapura. Ho Chi Minh ketika itu ada turut hadir.'

'Ho Chi Minh yang sedang perang dengan Perancis di Indo-China sekarang?'

'Benar. Dia dengan beberapa orang pemimpin komunis kemudiannya kena tangkap di Singapura, Hong Kong dan Shanghai. Tahun 1931, awak di mana? Dah masuk sekolah atau masih hisap puting?'

'Tengah duduk di lantai sekolah Melayu belajar menyebut alif ba ta.'

'Kemudian Parti Komunis Malaya di Singapura itu dipimpin oleh seorang penganjur yang licin bernama Lai Tek sesudah lima tahun dia masuk parti. Dalam bulan enam tahun 1941, ketika awak sibuk dalam pasukan kadet, Lai Tek menghulur tangan kepada British untuk bekerjasama. Itu pun kerana Rusia menyebelahi pihak apa yang mereka capkan *Kapitalis Barat* untuk melawan Nazi Jerman. Tengok pergerakan me-

reka—bukan setempat atau sedaerah malah sedunia!"

"Mau British menyambut tangan yang dihulurkan itu?"

"Apa tak mau? Malah, dua ratus orang komunis dilatih khas oleh mereka untuk bergerila."

"Mengapa anak negeri tak mau diberi latihan khas itu? Kami berlatih sambil berperang dengan peluru-peluru hidup bukan peluru kapur."

"Dari mula lagi sudah dianggapkan anak negeri tak ber tulang belakang dan pembelot. Macam mana nak dilatihkan?"

"Heh! Pengorbanan dan keperwiraan askar Melayu tak membuka mata merekakah?"

"Itu cakap kita. Tapi pada pandangan mereka, Kesatuan Melayu Mudah yang membawa masuk Jepun ke sini."

"Kesatuan Melayu Muda? Pasukan apa tu?"

"Bertunas mulanya di SITC...."

"... Maktab Perguruan Tanjung Malim?"

"Ya. Tempat almarhum ayahanda awak belajar dan mengajar satu ketika dulu."

"Hebat juga guru-guru Melayu dulu."

"Mereka dan penulislah yang membuka mata orang-orang kita. Sewaktu kedatangan Jepun itu mereka juga yang mula-mula ditangkap dan dikurung oleh British. Hari ini, masa darurat ini, mereka juga yang mula-mula diburu dan diperlemahkan kuasa dan pengaruh mereka."

"Banyak yang kena tahan?"

"Angka-angkanya belum diterima lagi. Tetapi pemimpin-pemimpin parti ramai yang sudah diserkup."

"Mereka kan nasionalis—memperjuangkan kemerdekaan untuk Ibunda."

"Inilah yang awak mesti hati-hati. Bahana perbuatan komunis, kerajaan sekarang tak dapat mengasing-asingkan di antara komunis dengan nasionalis. Kerana apa? Dalam kajian mereka terhadap komunis antarabangsa dan tindak-tanduk komunis di Eropah Timur selepas perang, mereka dapati bahawa pihak nasionalis yang popularlah akhirnya ditunggangi

oleh komunis dalam perlumbaan merebut kuasa. Kita juga, lebih-lebih lagi awak, dengan pengalaman bergerila di hutan yang mereka hargai, sekarang menjadi sasaran mereka. Saya tak hairan dalam sehari dua ini awak menerima surat memujuk ataupun mengugut dari mereka. Inilah satu-satunya yang disoal saya. Adakah saya menerima surat atau diketemui oleh orang-orang yang tidak dikenali. Mereka sedang mencari rekrut.

'Sekali-sekala ada peluang, jenguk-jenguklah adik-adik kita di sekolah itu. Awasilah mereka akan hal ini. Zaman awak dulu zaman perang terang-terangan. Hari ini bertempur di bawah tanah. Adik-adik kita pula macam awak dulu—penuh dengan semangat *the spirit of adventure*. Awak juga masuk askar mula-mulanya tak tahu berjuang untuk apa tetapi semata-mata melepaskan wap *the spirit of adventure* yang menyerak di dalam dada, ya bukan? Adik-adik kita tu janganlah hendaknya diperkuda-kudakan orang yang pandai menggunakan *spirit of adventure* itu yang membahang di dalam jiwa mereka. Janganlah mereka terlibat dalam pergolakan mereka ini. Mereka jadi lubuk rekrut bukan saja untuk hari ini bahkan di masa depan juga. Biarlah kita yang memperjuangkan kemerdekaan negara ini dan mereka tinggal sebagai tenaga mengisikan kemerdekaan untuk keturunan kita semuanya di masa depan.'

Selama Irwan bercakap sendiri itu, Johari membuka mata tetapi tidak kelihatan; memasang telinga tetapi tidak kedengaran. Dia memikir semula di mana gerangan garis perjuangan ayahandanya itu—adakah dia nasionalis atau sudahkah dia ditasuk oleh fahaman komunis?

'Eh! Johari. Awak dengar tak saya cakap ni!'

'Apa? Apa? Oh ya saya dengar! Saya dengar. Jadi, awak di sebelah mana? Nasionalis atau komunis?'

'Hari ini kedua-dua perkataan itu sudah dimomok-momokkan orang. Elok jangan awak pakai lagi perkataan itu. Amalan saja yang dapat membuktikan perdirian,' ucap Irwan kemudian berdiri lalu meminta diri pulang.

Sehari demi sehari berita tidak menggalakkan. Pihak kerajaan dan orang awam menanggung kerugian dan kemarahan. Beberapa kawasan di Tanah Melayu nampaknya ditakluk mereka. Peperangan kali ini bukanlah lagi peperangan mendadak tetapi seperti kayap merayap di kulit. Di sini ditawar; di sana menular. Dalam menggaru-garu di satu-satu tempat, terkena pula bekas tangan menggaru itu di tempat lain, esoknya merah mengayaplah tempat itu. Belum ada lagi ubat dan cara mengubat yang mujarab. Negeri kebingungan—mana yang hendak diutamakan? Memperjuangkan kemerdekaan penuh daripada British atau menghapuskan penyakit kayap merah ini dahulu?

Orang-orang yang melaungkan perjuangan kemerdekaan penuh itu pula sudah kehilangan suara—juara mereka kalau tidak dikurung dalam penjara, bersubahat pula dengan komunis di hutan. Tenaga Melayu juga yang susut. Tetapi dalam mendung ada kilat juga. Di tengah-tengah kemenangan awal komunis ini dan buru-hara fikiran rakyat, Johari menerima sepucuk surat:

*Saudara seperjuangan yang terhormat,*

*Sangkakala telah bertiuup bagi kiamatnya penjajah dari bumi kita yang keramat ini. Janganlah hendaknya saudara ketinggalan zaman. Bangkit, bangun, berjuanglah untuk melepaskan ibunda daripada belenggu imperialis British.*

*Kita telah ditipu dengan Malayan Union. Kini, sekali lagi ditipu dengan Federation of Malaya tanpa kemerdekaan penuh.*

*Secara aman, secara damai telah kita berjuang. Tetapi kemerdekaan penuh yang kita cintakan ditarik jauh dari tangan kita. Bila secara aman membawa kegagalan: tiada jalan lain lagi. Beradu senjatalah kita hingga menunduk dan merengkok mereka sebagaimana mereka lakukan kepada nenek moyang kita sejak dua abad yang lalu.*

*Kami perlukan tenaga saudara. Berganding bahu-lah dengan kami dalam perjuangan yang suci ini. Hubungilah di mana saja saudara tahu adanya kumpulan kami. Bawa surat ini dan mereka akan memandu saudara ke markas kami.*

*Saudara, sahutlah seruan ibunda ini jangan kelewatan masa. Tempat saudara di tengah-tengah patriot ibu pertiwi. Janganlah saudara menseusiakan perjuangan almarhum ayahandamu itu.*

**MERDEKA!**

*Saudara seperjuangan,  
MEGAT MUSA  
Ketua Satu  
Pasukan Hang Jebat  
Angkatan Pembelaan Rakyat Malaya*

Teringat kembali kata-kata Irwan sesudah ditahan seketika waktu di stesen. Tetapi malangnya, terlewat hendak memberi amaran kepada rakan lamanya Megat Musa. Apakah yang berlalu di alam fikiran dan pengalaman Megat Musa itu sejak mereka berdua berpisah?

Johari memutuskan hendak mencari rakannya itu. Beberapa malam Johari tidak tidur memikirkan di pihak mana yang hendak dia menyebelahi. Kedua-dua pihak mengaku dirinya memperjuangkan kemerdekaan negara. Di pihak kerajaan masih berbau penjajahan. Penipuan British yang jelas dengan Malayan Union sungguh memalukan Johari yang dahulunya bersungguh-sungguh berjuang menyebelahi British kerana memegang cogan British *To an Englishman his word is his bond*. Kini, British pula berjanji akan memberi kemerdekaan secara beransur-ansur. Dikotakankah nanti akan kata-katanya itu?

Di pihak yang di hutan pula, daripada apa yang didengari, rancangan-rancangannya sungguh lunak—mendirikan pemerintahan demokrasi di mana kesemuanya sama rata dan tiada perbezaan, menegakkan satu masyarakat yang adil makmur.

Tetapi pula, segala amalannya yang sudah pun nyata tidaklah pula menggambarkan kejayaan muktamad bagi rancangan-rancangannya itu. Keganasan bakal melahirkan keganasan yang tidak akan berkesudahan. Dua peperangan dunia sudah membuktikan hakikat sedemikian. Dan kedua-dua peperangan dunia membuktikan kejayaan pihak penyerang selalunya buat sementara belaka.

Suatu hari Irwan tiba ke rumah Johari. Johari sedang membaca-baca buku simpanan almarhum ayahandanya, agar dapat dia membuat keputusan kelak daripada penyiasatan ayahandanya itu.

'Johari, apa buat meniarap tu?'

'Eh Irwan! Saya ingat awak pun dah masuk hutan. Ke mana lama dah tinggal?'

'Baru balik dari wilayah Tiga Bintang yang pertama di tanah air kita.'

'Dah ada jajahan mereka di sini?'

'Di kawasan Gua Musang dapat mereka naikkan bendera selama beberapa hari.'

'Wah! Pandai juga mereka cari tempat takluknya. Nama-nya secocok. Siapa yang dapat merampas kembali tempat itu?'

'Siapa lagi? Tempat-tempat yang berbahaya macam itu, askar Melayulah dijadikan umpan peluru. Awak tak dengar peristiwa Sungai Pulai?'

'Dah dua hari saya tak baca surat khabar. Sakit hati de ngarkan semuanya kalah belaka.'

'Eh! Satu platur, tiga puluh orang kita melawan satu regi men, dua ratus lima puluh orang mereka. Tak handal awak fikir?'

'Perlawanan dekat mana ni?' soal Johari terkejut.

'La! Itulah! Tak mau selalu membaca surat khabar. Kalau tak ada surat khabar sendiri, datanglah ke pejabat. Saya fikir kedatangan saya ini menaikkan semangat awak. Rupanya dia tertiarap mengelamun.'

'Sekali ini saja saya tertangkap mengelamun. Ceritakanlah

di mana perjuangan yang awak katakan tadi.'

'Di Sungai Pulai dalam kawasan takluk Bintang Tiga. Dua ratus lima puluh lawan dua puluh sembilan orang kita....'

'... Orang kita maknanya?'

'Askar Melayu. Mereka menembusi kawasan pengganas itu siang-siang buta. Pihak lawan pula masa itu sedang berlatih perang-perangan di tempat yang sungguh molek untuk menyerang hendap. Dalam serangan awal ketua platum gugur bersama dengan empat lima orang perajurit. Yang lain mencari tempat bertahan. Tapi tempat mereka itu di kaki bukit yang lapang. Banyak lagi korban. Yang tinggal masih berikhtiar hendak menggempur musuh dari rusuk. Korban juga berlaku, hingga tinggal beberapa kerat saja. Itu pun banyak yang cedera parah. Musuh suruh menyerah. Mereka membalaas dengan tembakan senapang. Musuh turun dari bukit cuba hendak merampas senjata dari yang mati. Bukan senjata yang diperolehi, tapi peluru sebutir setiap seorang. Kerugian yang tertimpa di atas mereka pun agaknya banyak juga. Maklumlah orang baru berlatih. Akhirnya mereka pun membuat serbuan penghabisan. Serbuan mereka tak ada rintangan. Tiga orang yang masih hidup semuanya luka parah. Senapang mereka pun tiada peluru lagi.'

'Yang hidup itu tak dicencangnya?'

'Dilepaskan mereka pergi.'

'Pandai mereka. Untuk propaganda, agaknya ya? Supaya memberi gambaran bahawa tidaklah begitu buas seperti yang dianggapkan orang hari ini.'

'Mungkin itu satu daripada tujuannya. Tapi platum yang kemalangan itu sudah jauh menembusi kawasan mereka.'

'Awak pergi ke tempat pertempuran itu?'

'Baru balik tadi. Dapat juga kami tengok tempat perkuburan mereka.'

'Berapa yang mampus?'

'Aneh sungguh. Dua puluh sembilan mayat yang dapat kita keluarkan dari perkuburan beramai-ramai itu.'

'Pihak askar Melayu, berapa orang terkorban?'

'Dua puluh tujuh saja. Kurang dua pulak daripada angka mereka.'

'Handal juga askar kita, ya.'

'Baik askar mahupun polis; biar putih tulang daripada putih mata. Nama nak menyerah kalah, belum pernah lagi orang Melayu yang didengari berbuat begitu.'

Geram dan benci menyeliputi hati Johari mengenangkan betapa lancangnya orang asing yang dibenarkan oleh anak negeri bermastautin di sini kini hendak merampas pula tanah Ibunda yang menjadi debu asal jiwa raganya.

'Baru-baru ini kerajaan hendak menambahkan angkatan bersenjata, bagaimana sambutan takyat?' tanya Johari setelah lama berdiam diri.

'Orang Melayu juga yang menyahut panggilan itu. Dah ramai anak muda Cina dan India keluar negeri konon pergi menuntut. Kalau ada pun yang menyambut seruan Ibunda, mereka yang daripada golongan pihak kerajaan atau yang salah seorang keluarga mereka sudah jadi korban komunis. Yang ganjilnya pula, dalam pemberontakan komunis ini, orang Cina-lah yang teruk menderita! Korban mereka melampaui semuanya.'

Sesudah Irwan kembali, Johari serta-merta pergi ke markas Askar Melayu di Kuala Lumpur dan melamarkan diri menjadi perajurit.

## 16

SEKALI lagi Johari merantau meninggalkan ibunya. Kali ini salah satu hasratnya yang terpendam ialah mencari rakannya Megat Musa, sebagaimana di zaman Jepun dia mencari bapanya sendiri.

Sekalipun berpengalaman perang gerila, Johari tidak pula mengambil kesempatan, malah tiada disebutkannya sedikit pun waktu memasuki Askar Melayu. Dia tidak pandai tumbuk rusuk. Dia mahu orang menerimanya mengikut kebolehannya sendiri. Jadi, sebagai orang biasa dia diterima sebagai perajurit atau *Private 004321* seperti terukir pada senapangnya.

Masa latihan di Port Dickson dipersingkatkan dengan latihan lasak. Dalam masa dua minggu sahaja dia sudah pun di medan perjuangan. Di sini mereka berlatih sambil berjuang. Pegawai-pegawai tinggi masih mengkaji taktik-taktik perang gerila di hutan. Askar-askar Inggeris yang pergi *operation* secara beramai-ramai dengan mengikuti taktik *conventional*, tidak membawa hasil apa-apa pun. Waktu mula keganasan itu, musuh masih sedikit sahaja kehilangan orang kalau dibandingkan dengan gerakan besar-besaran yang dilakukan oleh pihak British. Mereka sungguh licin. Telinganya pun tajam. Kerap kali khemah-khemah yang dijumpai, kosong belaka.

Tugas Johari pada mulanya sebagai pengikut yang patuh mendukung cogan kata 'Taat Setia' Askar Melayu. Peristiwa yang ditemui tidaklah begitu hebat sebagaimana yang dikendaki.

Satu malam, malah sudah meluncur ke dinihari, sedang dia meronda berkereta, tiba-tiba terjumpa sebuah kereta van di

lepi jalan dalam kawasan hitam. Adakah van itu satu umpan perangkap? Adakah ia sebagai pengangkut pembekal makanan dan perubatan bagi pihak musuh?

Kereta peronda pun mengecilkan lampu dan berhenti jauh sedikit. Pegawai dan askar pun segera terjun dan mengepung van itu dari beberapa jurusan. Senapang dan stengen pun bersedia dalam gelap itu, sambil pemegang-pemegangnya menerkam.

'Tolong. Tolong jangan bunuh kami!' Kedengaran suara dari bawah van itu.

'Kalau ada apa-apa senjata hulur keluar dulu. Lekas keluar angkat tangan.'

Kelihatan terjulur dari bawah van itu hulu parang panjang. Menyusul senjata itu ialah tuannya—dua orang pemuda yang dalam samar-samar gelap itu sedang mengangkat tangan.

'Sapa kamu?'

'Tuan-tuan dari Askar Melayukah?'

'Kami yang menanya dulu. Segera jawab.'

Malam itu sungguh gelap. Langit tiada berbintang. Angin menderu-deru sejuk. Muhi hujan gerangannya.

'Saya tahulah. Tuan mesti dari Askar Melayu.'

'Kalau kami dari Askar Melayu, apa kamu hendak? Ada apa-apa maklumat?'

'Tidak tuan. Kami berbantalkan lengan tadi. Kena sejuk tanah agaknya. Semut-semutan! Kalau tuan dari Askar Melayu, bolehlah kami turunkan tangan.'

'Nanti, nanti! Jangan turunkan dulu. Ahmad, Johari, periksa mereka.'

Johari pun meraba seluruh badan orang itu dengan hatinya berkata-kata sepatutnya peperiksaan mesti dilakukan serta-merta takala pemuda-pemuda itu keluar dari bawah van itu.

'Baik-baik meraba, bang. Menjelang pagi, biasanya kita terkeliru yang mana senjata, yang mana anggota,' bisik pemuda yang diperiksa oleh Johari.

'Tak ada apa-apa Sarjan,' balas Johari melaporkan pendapatnya.

'Manakan ada apa-apa? Kami orang kerajaan. Patutnya macam kami ini mestilah dibekalkan pistol sekurang-kurangnya. Ini, parang panjang pun kami sendiri memandai-mandai beli.'

'Mana kalian kerja?'

'Pejabat Perhubungan Raya. Siang tadi kami pergi bersyarah di Kampung Murai. Hendak balik, van ini buat tahi minyak. Ditolak, tak mau mara; ditarik enggan undur. Diintai semua perkakas dalam, elok. Digudi, rupanya tekak kehausan. Apa nak buat? Kami di tengah hutan. Diselimut perintah berkurung. Lania kami tunggukan bantuan. Yang datang cuma babi hutan.'

'Babi hutankah, kucing hutan?'

'Hah! Kalau kucing hutan, tak kami hidup mereka yang manipus. Ya *zaljalali wal-ikram!* Nah parang panjang, berkat doa Rasulullah sallallahu alaihi wasallam!'

Ketua seksyen dan perajurit lainnya menunduk tergelak dalam gelap sambil menangkis ayunan parang panjang orang kerajaan itu.

'Hisy! Kalau ya pun, janganlah mengayunkan senjata itu.'

'Semangat tuan. Semangat dah naik.'

'Kalian tidur bawah van itu, tak takutkah dibakarnya nanti, tengah-tengah berdengkur?'

'Tangki dah bocor. Minyak tak ada, tuan.'

Apakah ada lagi di tangan orang Melayu? Semangat dan taat. Kelak inilah yang membuat pihak mereka menjauhi kawasan Melayu. Johari renungkan peristiwa yang baru berlaku itu. Rupanya ada juga di antara orang awam yang kerjanya seperti orang tentera. Lebih merbahaya kerana mereka tidak punya senjata melainkan lidah dan ludah.

Satu ketika lain, tatkala Johari baru menyandang pangkat koperal, platunnya dikerahkan untuk menyiasat satu stesen polis yang beberapa waktu telah tidak memberi isyarat mengikut jadual untuk memberitahu markas polis daerah bahawa tiada apa-apa berlaku. Stesen polis ini terpencil sedikit letaknya di hujung ladang getah yang luas, jauh pula dari jalan.

Dua kereta berangkat. Sebuah Land Rover dan sebuah kereta keranda—sejenis kenderaan pengangkut polis yang bersesai tetapi berbentuk seperti keranda Cina. Tatkala mendah ladang getah yang memekatkan lagi gelap malam, tidak berapa jauh kiranya dari stesen polis itu, kedengaran daripada kedua-dua belah kereta keranda itu seperti dilastik bertalu-talu oleh budak-budak nakal. Askar di dalam sedar bahawa mereka diserang. Tetapi oleh lajunya kereta itu, serangan itu berhenti tidak berapa lama. Penumpang menunggukan masa kereta mereka meletup atau terhumban oleh ledakan periuk api di tengah jalan.

Tidak semena-mena, dari celah-celah lubang peninjau ketela keranda itu kelihatan cahaya masuk. Belum dapat tahu apa yang berlaku kereta pun berhenti dan pintu belakang kereta keranda itu pun menguap ternganga.

'Keluar lekas!' perintah ketua seksyen.

Stesen polis dan rumah-rumah kayu yang berhampirannya dijilat api. Seksyen pun berpecah dua—satu pecahan diketuai oleh Johari. Mereka pun mengepung sekitar tempat peristiwa kebakaran itu berlaku sambil menuju ke stesen.

Keluar dari bumbung stesen yang sudah pun runtuh ranap dijilat api, seorang koperal polis yang tercedera tetapi masih memegang senapang di tangan kirinya. Sementara tiga orang memberi perlindungan, Johari dan Prebet Jalil meloncat-loncat di atas bara rangka bangunan stesen itu menuju ke koperal polis tadi. Sambil Prebet Jalil mengemaskan bangkai stesen di sekeliling koperal itu, Johari menarik tangan koperal dan mendukungnya membawa pergi ke tempat yang selamat.

'Mana mereka, Koperal?'

'Dah lari jauh setengah jam tadi.'

'Kakitangan stesen ini, mana dia lagi?'

'Carilah di tengah-tengah bangkai stesen ini.'

Johari pun menyuruh Jalil menghentikan ketua seksyennya mengejar musuh, tetapi menolong mencari mangsa yang masih hidup.

'Berapa ramai anggota polis sini?'

'Lapan orang.'

'Apa yang berlaku?'

'Kira-kira pukul satu tadi, pengakap kami terlihat bayang-bayang di kehling stesen. Baru saja membuka mulut memberi amaran, kedengaran bunyi automatik dan pengakap kami di atas bumbung itu terguling jatuh di atas lantai—korban pertama. Baik juga kami tak sempat membawa anak bini kami ke stesen ini seperti yang kami latihkan selalu. Mereka entah berapa puluh agaknya. Tembakannya semua menuju ke stesen sini. Kami membalas juga. Tapi tiga lagi orang kami tewas. Kami terus juga membalas.'

'Kemudian terdengar mereka melaung menyuruh menyerah diri dan letakkan senjata. Kami berempat yang masih hidup berpakat. Seorang, kami suruh lari meminta bantuan. Kami bertiga buat sibuk dalam stesen ini—menembak sambil berlari dari satu tempat ke satu tempat seolah-olah masih ramai lagi orang yang bertahan. Mereka terus juga menjerit suruh serendar. Kami terus juga membalas dengan tembakan senapang kami. Akhirnya mereka melepaskan bom tangan. Kedua-dua orang kami tak kedengaran lagi. Kemudian tiba pula bom pembakar. Kena atap, patih palang bumbung. Kena betis. Kemudian, atap, kayu, zink dan apalagi habis semua menangkup di atas tempat saya ni. Baik pun kalian lekas datang.'

'Dah terlewat.'

Dua tahun sudah terlancarnya 'Gerakan Pembebasan' tetapi pelancarnya terasa gagal kerana pemberontakan total dari pada rakyat sebagai yang dijangkakan tidak meletus. Mereka pun berhijrah jauh di dalam hutan manakala pengikut-pengikutnya kian mengganas di pinggir-pingir kampung. Dalam satu bulan korban meningkat ada kalanya hingga seratus orang terbunuh. Pihak tentera British yang hendakkan musuh melawan bersmuka kecewa kerana musuh hanya meninggalkan tapak kaki sahaja.

Kemudian, pihak kerajaan melancarkan pula gerakan

raksasa Gerakan Cera—Roboh bagi komunis; Bersatu—Teguh bagi rakyat setia. Sudah jadi perkara harian bagi Koperasi Johari menggembala dan mengiring manusia Cina dari tanah-tanah haram, tempat mereka bercucuk tanam ke kampung-kampung baru yang disediakan oleh kerajaan. Kawat duri dan seligi buluh mengelilingi kampung bekas setinggan ini. Dengan itu terpisahlah komuniti daripada pembantu-pembantu mereka yang membekalkan makanan, pakaian dan perubatan dan juga punca bakal rekrut mereka.

Ketika ini maka barulah penduduk Cina tampil melamarkan diri sebagai pasukan Kawalan Kampung mengawal kampung mereka sendiri bersama-sama dengan Polis Khas Melayu. Tenaga baharu inilah membolehkan askar-askar biasa menjalankan tugas berat memburu musuh di sarang mereka.

Namun demikian, ada juga kampung-kampung baru itu diserang musuh. Ada kalanya berlaku kehancuran dalam disebabkan oleh tindakan musuh dalam selembar. Curiga-mencurigai masih belum dapat dikikiskan lagi.

Satu hari, Johari kelewatan keluar meronda oleh hujan yang tidak berhenti-henti. Kawasannya pada masa itu ialah sebuah ladang getah di antara hutan dengan kampung setinggan. Apabila perintah berkurung berjalan, peronda-peronda pun keluar dari pangkalan. Sambil berjalan di pinggir hutan dengan ladang itu, tiba-tiba Johari tersungkur, kakinya tersondol suatu benda yang menonjol di tengah-tengah tanah gembur yang dilarikan air hujan.

Segara Johari memberi isyarat supaya seksyennya mengambil perlindungan kerana didapati benda itu seakan-akan periuk api yang bulat yang pernah digunakan menentang Jepun dahulu. Kian dalam digembur, kian membelaik mata Johari kehairanan. Akhirnya didapati benda yang menghairankan itu tidak lain daripada balang bekas cuka getah. Apabila ditarik keluar dari lubangnya, kelihatan beras terkandung di dalamnya. Segara Johari menanamnya semula sambil meratakan tanah di sekeliling dan menghilangkan kesan-kesan tapak kasut di se-

kitar bekas cuka getah itu. Ketua seksyen pun mengaturkan rancangan serangan hendap.

Malam itu mereka sekalian bertilamkan daun-daun kayu dan beratapkan daun-daun kayu yang tiris oleh titisan air hujan. Mereka tidak boleh bergerak lagi. Pada malam hari apabila bunyi ranting terpijak, nyawa padahnya. Kira-kira pukul dua pagi, kelihatan suatu cahaya merah tiba menghampiri mereka. Senapang dan stengan pun bersedia menunggu perintah ketua. Tiba-tiba cahaya itu menegak menghala ke dahan pohon getah lalu menghilang.

'Polong?'

'Pelesit!'

'Syyyyyyy. Tengah malam jangan tegur-tegur!'

Bisikan kembali terpendam. Masing-masing dengan tanggapan sendiri tetapi tulang urat meminta mengeliat.

Sayup-sayup kedengaran ayam berkокok. Tengah daratan tidak mungkin air pasang. Kokok ayam menafirikan keberangkatan tiba sang suria. Tidak berapa lama perintah berkurung pun mansuh dengan tibanya cahaya matahari. Ladang itu pun bakal dikerumuni oleh penoreh-penoreh getah.

Masing-masing sudah bersedia hendak bangkit dari tempat mereka mengendap. Tiba-tiba ketua seksyen memberi isyarat menyuruh baring. Seorang perempuan penoreh kelihatan menuju ke tempat mereka. Susuk badan penoreh itu luar biasa hebatnya. Rupa tidak seberapa, lengan tangan yang terdedah tidak gempal. Tetapi tonggek punggungnya seimbang dengan berat buah dadanya.

Setelah kian lama meluru, tiba-tiba berhenti. Matanya liar mencari-cari sesuatu. Sejurus kemudian, ditujuinya tempat bekas beras itu. Ditoleh ke kiri: ditoleh ke kanan. Lalu dia mendebarkan jantung hati para pengendap. Mula-mula dibukanya butang baju samfunya. Kemudian diseluknya sehelai kertas dari dalam bajunya, dijadikan corong pada mulut balang cuka getah itu. Lepas itu segera ditinggalkan lengan kanannya dari baju samfunya dan serta-merta diluncurkan suatu *brassier* khas pen-

rup buah dadanya. Lantas menonggeng dia dan daripada kedua-dua sarung buah dada itu terkeluar bijian beras yang dialirkkan ke dalam balang tadi menerusi corong kertas itu. Setiap sarung sekurang-kurangnya satu pot susu beras. Kosong sahaja kedua-dua sarung buah dada itu, segera dipasangkan *brassier* dan baju semula. Kemudian diperhatikan lagi sekelilingnya kalau-kalau ada orang datang. Dia pun berselindung di balik batang getah terbongkok-bongkok kelihatan seperti menoreh getah. Mata-nya liar, kemudian tidak semena-mena, diluncurkan seluar samfunya hingga ke lutut diurainya tiga utas tali kain yang terikat di bahagian hadapannya hingga tertanggal suatu jenis pundi-pundi tiga segi seakan-akan barut budak-budak kecil. Lepas itu, dikenakan semula seluar samfunya lalu dibawa barut niga segi tadi ke muncung balang. Kelihatan dari jauh perempuan itu menggigit salah satu bucu barut itu kelak jelujur benang, dan mencurahkan keluar beras sebanyak kira-kira dua pot lagi. Selesai semuanya, dia pun melipat barut itu dan diselitnya di dalam bajunya. Serta-merta susuk badan asli menjelma daripada yang gebu subur memberiahkan tadi menjadi susut melidi tanpa punggung yang tonggek dan buah dada yang ranum!

'Celaka punya singkik, tangkaplah incek,' cadang Leong daripada Cawangan Khas yang ikut bersama-sama peronda tidak menyabar lagi.

'Biarkan dulu. Lu sekarang sudah kenal baik-baik sama dia bukan? Dia balik rumah, lu jaga cari dia punya kawan-kawan. Kita mesti tunggu tempat ini malam ini lagi,' jawab Sarjan Yusuf, ketua peronda.

Seninnggu kemudian, seorang pengganas yang bakal hendak memungut beras itu tertangkap dan enam orang yang disyaki di kampung itu diserkup. Sedikit demi sedikit pihak kerajaan mengitahui taktik komunis.

Tetapi Tanah Melayu dalam tahun 1951, jauh daripada aman tenteram. Pesuruhjaya British gugur di tangan komunis;

JOHARI dicekup daripada unitnya untuk dimasukkan ke dalam Pasukan Gempur Khas. Jasa-jasa Johari selama tiga tahun telah menarik perhatian pihak pemerintah. Prasangka mereka oleh kegiatan bapa Johari pada masa-masa lampau belum dapat dikikis habis. Johari masih tetap berpangkat koperal sekalipun mereka sedar Johari boleh disandangkan pangkat sekurang-kurangnya *warrant officer*. Johari tidak membantah. Dia perlu membuktikan bahawa bukan ayahnya yang bersalah.

Johari menjalani satu latihan lasak bersama-sama dengan pegawai-pegawai Inggeris yang terlatih dan seorang dua Cina daripada Cawangan Khas termasuk Leong yang bersama-sama dalam peristiwa balang beras dahulu. Setelah tiga minggu berlatih dan diuji gempur dengan peluru-peluru hidup, mereka pun dipanggil untuk bertugas.

Pertama kali Johari naik kapal terbang Dakota lengkap dengan payung terjun dan seutas tali empat puluh kaki di keliling pinggangnya. Kira-kira tiga suku jam penerbangan, Johari dan enam orang komando yang lain diberi isyarat suruh bersiap sedia untuk digugurkan dari udara. Tidak berapa ketika, pintu pun dibuka. Angin malam menyerbu masuk dan seorang demi seorang terjun dari pintu yang terenggong itu.

Sungguh indah kelihatan cendawan melayang dari udara bakal menghinggapi bumi mana, pohon mana di dalam gelap itu. Tidak berapa lama melayang, terasa Johari punggungnya tergesel pada benda-benda yang mencakar. Kaki Johari pun tersangkut pada daun-daun sebatang pohon. Kemudian paracutnya pula tersangkut di hujung dahan. Terkulai-kulailah

Johari di antara pohon dan bumi. Di dalam gelap itu, tidak terduga berapa jaraknya. Dicubanya bertarzan. Tidak kesampaian pula di satu-satu dahan. Hendak dipanjanginya tali paracut itu hingga ke dahan yang mencangkuinya; takut pula terbelit oleh tali paracut itu. Hendak dilepaskan diri dan terjun; tidak ketahuan berapa jauh dari bumi. Johari pun menjerat tali panjang di pinggangnya itu dengan tali paracut. Dia pun perlahan-lahan melungsur bersama-sama dengan alat perkakasnya yang agak berat.

Hujung talinya juga tidak kesampaian bumi. Dicubanya bergayut seperti buah jam. Terasa di sebelah kaki kirinya tergesel daun-daun pokok. Johari pun bertawakal bertarzan arah pohon yang menggeselnnya tadi. Seperti monyet Johari pun memeluk apa jua dahan atau ranting yang menyebat batang tubuhnya. Kemudian terasa batang dan daun-daun yang dipeluknya itu meluk-lentok mula-mula perlahan-lahan kemudian kian deras. Johari berpaut ketat dan semakin ketat apabila kedengaran bunyi kayu patah.

Perut Johari terasa mengecut lebih-lebih lagi memikirkan berapa jauh lagi ke bumi. Mungkinkah pohon itu di lereng curam yang tinggi? Bedebab! Punggung Johari terasa sakit. Segera Johari melepaskan tangannya yang memaut penyo-kong yang patah itu dan menangkap benda yang menyambut punggungnya. Puas hendak dipeluk dan dipaut. Tetapi tangan pula tidak tersampai. Apabila Johari meniarap, mencuba hendak memeluknya, terbaham pula tanah!

Tugas yang diberikan kepada Pasukan Gempur ini mulanya ialah untuk meninjau dan mengakap kawasan-kawasan pedalamans yang disyaki menjadi markas pengganas. Selama ini mereka hanya digempur di pingir-pingir pekan dan kampung-kampung baru sahaja. Dengan tertangkapinya beberapa orang mereka, dapatlah kerajaan tahu susunan pertubuhan mereka sekalipun samar-samar. Tujuan Pasukan Gempur Khas ini ialah untuk menentukan kawasan-kawasan dan khemah-khemah latihan mereka, taktik mereka sambil mendesak mereka supaya

sentiasa mereka bergerak, tidak senang duduk diam. Dengan demikian, mereka tidak akan terasa terselamat di mana sahaja dan seterusnya lemahlah semangat mereka.

Anggota Pasukan Gempur ini diyakinkan bahawa kekuatan tiap-tiap seorang daripada mereka bersamaan dengan tenaga lima orang askar biasa. Dan mereka dikehendaki bergerak seorang diri menggunakan daya utama mereka sendiri.

Oleh kerana unit yang baharu digugur tadi tidak perlu berhimpuun dahulu baru bertindak, Johari pun tidak membuang masa memikirkan siapa yang senasib dengannya dan siapa yang terkorban daripada tujuh orang anggota unit itu.

Dalam gelap malam itu, Johari tidak dapat mengesani di mana gerangan dia berada dan keadaan di sekitarnya. Dia pun segera menyembunyikan sebahagian daripada alat kelengkapannya yang berat itu. Apabila terang-terang tanah dia pun memanjat pokok yang dijangka boleh melindunginya jika perlu sepanjang hari.

Didapati dirinya di bahagian lereng gunung. Dia tidak mahu mengenang-ingenangkan kembali peristiwa pengguguran malam tadinya. Terasa dia bahawa sifat berani itu selalunya timbul oleh kejahanan. Sekiranya pada siang hari digugurkan atau sewaktu bulan terang, mungkin masih terkulai-kulai lagi dia di atas pokok yang meninggikan lagi jarak curam yang sendirinya sudah kira-kira 500 kaki? Malaikat mana yang menyambutnya malam itu? Johari tidak berhenti bersyukur kepada Allah.

Lama ditunggu oleh Johari mengintai-intai dari celah-celah daun kayu akan apa-apa kegiatan di bahagian bawah tempat dia bertenggek itu. Johari makan minum dan baring di cabang pohon itu. Teringat dia filem *Swiss Family Robinson* yang ditonton sewaktu kecil dahulu. Telah kian lama dia mengidam hendak diam di atas pokok. Tetapi kali ini dia tidak dapat berdiam langsung. Hanya lima hari sahaja mereka diberi tempoh di kawasan itu. Selepas itu masing-masing boleh melakukan peledakan menghancurkan khemah musuh jika sempat. Kini,

sudah hampir satu hari terbuang di atas pokok. Apabila matahari condong, Johari pun hendak turun mengambil kesempatan cahaya matahari itu merayap mengintip ke bahagian lain kawasan itu. Baru separuh jalan melungsur batang pokok itu, kelihatan dua lembaga di hadapan pokok. Sebagai tupai, Johari mencari dahan yang selamat.

Topi berbucu lima menjelaskan dua anggota itu. Mereka berlenggang-lenggok, berkicau murai, bebas dalam keadaan terselamat. Dari tempat tenggek Johari itu, hanya yang buta sahaja yang tidak dapat mengacukan senjataanya tepat pada kedua-dua mangsa itu. Mungkin dengan sebutir peluru sahaja boleh memusnahkan kedua-dua sasaran itu.

Mata Johari mengikut arah perjalanan mereka itu. Keadaan hutan di atas pergunungan tidak berapa semak seperti di lembah-lembah bawah. Jarak pemandangan lebih jauh. Akhirnya kedua-dua lembaga itu ditelan oleh samar-samar hutan. Johari pun terus melungsur ke tanah. Dia pun mengesan jejak kedua-dua orang mangsanya itu. Perjalanan itu membawanya ke puncak gunung. Kemudian kedengaran air terjun. Masa itu sudah hampir senja. Dari tempat dia berada itu, kelihatan nun sayup-sayup di bahagian bawah air terjun itu, suatu lembaga agak sedang mandi. Dia pun turun dengan lajunya. Bunyi air terjun itu menghirup segala bunyi gerak-gerinya.

Setibanya pada satu bahagian yang sedatar dengan lembaga yang sedang bersiram, tiba-tiba Johari kaku kejang. Serta-merta datang kembali ingatan satu perwatakan dalam buku *The Green Mansion* yang pernah dibaca oleh Johari sewaktu mengkaji sastera Inggeris di bangku sekolah. Rima begitu makhluk ghaib yang diciptakan sedemikian indah, licin dan lincah. Seperti puteri bunian seakan-akan hidup dia di tengah-tengah belantara bermain sorok-sorok dengan pelaku utama. Sungguh berjiwa dan bersemangat jalinan perwatakan Rima itu hingga Rodin seorang jurupahat yang terkenal memberi bentuk dan rupa yang dapat dilihat dan dipegang pada batu pahatannya.

Kini, Rima seakan-akan menjelma dan bermain-main di

ruang matanya, manusiahan atau pari-pari yang sedang bersiram di hadapannya itu? Puas dipejamcelikkan matanya, tetapi lembaga yang bertulang belulang itu masih bermain dengan air. Kelihatan Johari longgokan baju makhluk itu. Segera dia merayap ke timbunan pakaian itu. Mujur juga ada semak pakis dan paku tidak jauh dari baju itu. Di sana dia menunggu makhluk itu naik dari kolah batu di pertengahan curau air terjun itu.

Selain daripada peristiwa penoreh getah membekalkan beras kepada komunis dahulu, Johari tidak pernah melihat tubuh perempuan berpakaian kulit hari kelahirannya. Banyak juga dilihat perempuan Cina di tanah airnya. Tetapi jarang yang matanya bundar, hidung mancung, bibir halus manis dan muka membujur sirih dengan dagu yang lancap. Dengan sinaran megah merah menjelang senja, bertambah hebat cahaya nurjilta di ruang matanya. Johari yang selama ini teguh kekuatan akhlaknya terasa dirinya kemalu-maluan. Tetapi apabila tersadar dia akan keadaan permusuhan yang meliputi suasana sekelilingnya, terpaksa dia membuka matanya, menghala ke arah pihak musuh itu. Semangat permusuhan inilah yang diberang-berangkan di dalam hatinya ketika kalbunya sedang digodam godaan.

Gadis itu meninggalkan kolam batu ciptaan alam. Berlenggang-lenggok bebas merdeka menuju ke timbunan pakaianya. Perperangan batin di jiwa Johari lebih dahsyat daripada bertemu seribu peluru. Tiba-tiba gadis itu tersentak. Kelak kelihatan muncung stengan yang tak setahu Johari terjulur keluar dari semak resam.

Serta-merta Johari berdiri memunjukkan muka, 'Lu bukak mulut, lu mati!'

Naluri insani Hawa, apabila perasaan malu menyerang, muka yang kemalu-maluan itulah yang pertama sekali ditutup tangan. Terlupa dia akan yang lain.

'Lekas pakai baju!' serghah Johari.

Barulah si Hawa sedar akan pancuran perasaan malu.

'Encik, tolong pusing. Gua janji gua tak lari.'

Johari bersyukur tawananinya pandai berbahasa Melayu ala Baba Peranakan.

Johari pun menoleh ke tempat lain sambil terus bertanya.  
'Siapa nama?'

'Wong . . . Wong Siu Chin.'

'Mana tempat tinggal?'

'Atas sana. Ada gua batu sama pondok-pondok daun kayu.'

'Berapa ramai semuanya?'

'Tak rame encik. Ada semua tiga puluh orang. Tapi ada juga saudara-saudara lain yang datang hari ini kemudian pergi esoknya.'

'Udah pakai baju?'

'Sudah encik.'

Johari pun menoleh dan meragut tangan Siu Chin yang gempal lembut itu serta ditariknya ke dalam semak. Kalau tidak kerana keadaan perang tidak tergemark Johari berkeras dengan kaum perempuan. Setelah sudah menawan perawan, hatinya tidak keruan. Apa hendak dibuatkan? Menjadi beban atau dugaan. Mendengarkan bilangan besar pengganas di khemahnya, Johari menganggap tidak bijak kalau bernekad keroy. Malah, tujuan utamanya hendak mengintip dan meninjau. Kemudian baru memusnahkan. Perawan itu kini menjadi beban pula. Dia bukan Rima: bukan puteri bunian malah manusia biasa mempunyai perasaan dan akal. Dan ini kawasan takluknya—daerah mereka bermaharajalela.

Tiada jalan lain yang lebih selamat melainkan membawa lari perawan itu keluar kawasan itu dan menyoalnya, 'Wong tahu jalan keluar pergi kampung dari sini bukan?'

'Sikit-sikit.'

'Baik. Mari kita keluar sekarang.'

'Encik datang ke mari buat apa?'

'Itu saya punya pasal. Mari kita sama-sama keluar.'

'Encik, kalau gua cakap sama encik, encik nanti tak percaya. Tapi percaya tak percaya, ini gua cakap betul. Petang ini

encik jumpa gua, gua banyak terima kasih sama Tuan Allah. Macam mimpi. Sudah lama gua mau keluar dari neraka ini.'

'Ha, Kalau mau keluar, mari lekas sekarang. Masih ada peluang lagi.'

'Gua tak mau keluar selagi belum dapat gua bunuh si celaka itu.'

Sekarang Johari pula terasa seakan-akan membaca peristiwa dalam buku novel. Benarkah cakapnya itu? Atau sebagai helah hendak lari daripada muncung stengan.

'Mau bunuh siapa?'

'Si celaka Ah Ling itu.'

'Siapa dia Ah Ling itu?'

'Dia pangkat besar dalam kem.'

'Kenapa nak bunuh dia pulak?'

'Dia banyak kurang aje. Selama dua tiga bulan gua tak senang tidur. Encik, gua potong pendek cerita. Gua mesti lekas balik masuk kem.'

'Sudah dua orang perempuan dalam kem dia buat tak baik. Yang satu, memang betina gatal, gua tak boleh cakap apa-apa lagi. Yang lagi satu kawan baik gua. Dia kena tipu. Satu malam dia kena kejut daripada tidur. Askar kata Ah Ling sakit kuat. Mau kasi ubat. Itu satu daripada kerja kita orang perempuan di sini. Kawan gua pun pergilah. Ah Ling olok-olok mintak ubat, mintak kasi picit. Kemudian bila kawan gua sudah letih picit, dia tangkap. Dia paksa. Hari besok, Ah Ling kasi makan semua orang. Situ dia kasi tahu dia sudah kahwin sama kawan gua. Kawan gua sudah jadi bini dia, sama-sama yang gatal itu. Jadi, orang lain tak boleh ganggu-ganggu lagi dua-dua perempuan itu. Kita ada lima orang perempuan saja.'

'Sekarang apa sudah jadi? Bini pertama sama kawan gua itu selalu berkelahi. Si gatal itu pangkat tinggi di sini. Jadi, bila ketua marah, kawan gua mesti tutup mulut. Kalau tidak, bini pertama itu boleh perintah orang bunuh kawan gua itu dalam diam-diam. Ini memang banyak kali sudah terjadi di sini. Gua kesal masuk geng jahat ini. Sekarang pulak, Ah Ling sudah

nak muntah tengok perempuan pertama sama keduanya itu. Saya pulak hendak dicuba. Sudahlah itu, bini pertama juga cucuk-cucuk saya suruh kawin dengan Ah Ling. Terima kasih. Terima kasih. Hati saya cakap. Gua kenal sapa itu Ah Ling. Kawan saya banyak sudah ceritakan sama gua. Dia bukan manusia lagi. Binatang! Lagi liar daripada binatang. Malu saya mau keluarkan apa kawan saya ceritakan sama gua.'

'Apa yang dia buatkan sama awak sekarang?'

'Dia suruh gua jaga pakaianya sama jaga tempat tidurnya! Saya malulah encik. Saya malu dengan kawan saya itu. Si gatal itu memang suka saya selalu berada dalam bilik Ah Ling. Si celaka itu pulak, ada satu kali tampar saya pasal panggil dia Ah Ling.'

'Ditampar?'

'Ya. Disepak gua pasal panggil dia Ah Ling.'

'Apa lagi yang hendak dipanggil?'

'Dia suruh saya panggil dia "Dar Ling". Amboi! Banyak cantik muka *yausu* itu. Tapi apa gua boleh buat? Kalau hidup, pelan-pelan gua boleh bunuh dia. Tapi kalau mati, gua agak gua punya bangkai ini pun dia kasi kotor. Itu macam punya orang? Baik lagi binatang.'

'Ah Ling ni, sapa nama betulnya?'

'Dia banyak nama encik. Tapi satu hari gua tengok kad dia dalam kocek. Nama dia Tan Ju Ling!'

'Tan Ju Ling!' ucap Johari tersentak. 'Macam mana badan dia. Macam mana rupanya?'

'Pendek-pendek. Gua agak pendek daripada encik ni. Muka macam Cina Tongsan baru datang ke mari. Bila ketawa nampak gusi sama gigi macam gigi kapak. Bunyi dia ketawa pun tak tahu betul-betul ketawakah atau mau sindir atau ketawa paksa.'

'Ada tanda apa-apa tidak di mukanya?'

'Dekat pipi kanannya ada tanda kena cakar kucing.'

'Sudah cukup. Saya tahu lah orangnya. Cakap sama saya. Apa Siu Chin mau buat sekarang?'

'Mau bunuh dia sebelum dapat dia buat tak baik badan saya. Saya malulah sama kawan, encik. Dia sudah jadi binatang, sudahlah. Janganjadikan kita binatang juga. Jadi macam ayam, macam anjing. Saya masuk sini tak pikirkan ini semua. Dulu saya tahu dalam parti disiplin keras. Tapi memang itu betul. Cuma binatang ini ambik *chance* kerana dia jadi kepala kem ini.'

'Macam mana hendak bunuh dia?'

'Itulah yang selalu saya pikirkan. Encik kalau boleh tolong, apa encik mau pun gua boleh balas encik.'

Benar. Sifat sesetengah perempuan seperti air—kelak air laut lebih tepat. Apabila tenang, tempat kita bermain. Apabila sudah bergelora, tempat pusara kita jadinya.

'Tiada neraka yang lebih dahsyat daripada perempuan yang jadi pertanda.' Teringat Johari akan lidah pendeta. Terpancar satu cahaya peluang untuk mencapai tujuan gerakan.

'Saya boleh tolong. Tapi perkakas saya tak ada di sini. Kalau besok kita berjumpa lagi.'

'Baik . . . baik! Encik percayalah saya. Cakaplah apa yang dapat saya tolong encik. Budi dibalas budi kan?'

'Benar Siu Chin, awak boleh tolong saya?'

'Sekarang gua sumipah sama Tuan Alah pun, encik takkan mau percaya. Encik mesti pikir gua komunis. Gua tak ada Tuan Alah lagi. Tapi percayalah gua sekarang sudah sedar gua kena tipu. Gua mau keluar dari sini. Tapi gua mau bunuh itu ketua kurang aje dulu.'

'Baiklah, begini Siu Chin,' jelas Johari memberitahu apa yang dikehendakinya buat sementara waktu.

Kemudian Johari pun melepaskan Siu Chin pergi.

'Di sini besok, ya,' sambung Johari mengingatkannya.

'Cuma gua mintak, lu datang bila sudah gua habis mandi dan berpakaian,' ujar Siu Chin tersenyum kemudian dituju-kan kedua-dua batang jarinya ke biji mata Johari. 'Ini dua biji mata sudah buat dosa. Mesti kasi cucuk keluar!'

Johari menangkap kedua-dua jari itu lalu digigit hujung-

nya. Johari dan Siu Chin membafas-balas senyum nakal. Tidak berapa ketika, hilanglah Siu Chin daripada pandangan mata. Maghrib mula menyungkupi belantara. Diiringi dengan lagu cacing kalung. Johari bersama-sama dengan makhluk ghais dan haiwan malam melata mencari mangsa dan sarang.

Pada malam itu juga Johari mengangkut barang-barangnya beralih tempat berhampiran kolam persiraman itu. Selepas menyembunyikan alat kelengkapannya di suatu lubang buta, Johari pun memilih dari satu pokok ke satunya yang dapat melihat gerak-geri bukan sahaja di sekitar air terjun itu bahkan ke arah kheimah musuh di atas kemuncak itu. Malam hari menjahilkan Johari apa pohon yang dipanjangnya tetapi terasa sebesar pohon sena. Di cabang satu dahan dapat Johari bersandar dengan selamat bahkan berlunjur kaki tanpa terkulai. Rimbunan daun pohon itu memberi kesempatan mengintai tanpa tertinjau orang dari arah mana pun.

Di celah cabang pohon itulah Johari bermalam, diselimutkan dengan suasana peristiwa yang berlaku di waktu senja kala tadinya. Johari penuli puji kepada pengarang yang menjalinkan kisah Mat Jenin terutama pada bab yang terakhir cerita itu. Terbayang-bayang dia akan apa yang telah berlaku senja tadinya. Apabila diulit oleh perasaan senja kala itu segera diukat dirinya dengan tali khas pada batang pokok itu. Dia enggan menerima ajal seperti Mat Jenin.

Tetapi jauh di dalam hatinya tenggelam timbul perasaan syak akan kejujuran Siu Chin itu. Adakah segala-galanya sebugai satu helah untuk hendak melepaskan diri? Organisasi komunis yang kerap dibaca dan didengari ketat disiplinnya lebih-lebih lagi tentang soal akhlak. Banyak sudah peristiwa pembunuhan tetapi belum didengarinya kisah rogol dan seks. Sebaliknya pula difikirkan manusia Tan Ju Ling itu bukanlah malaikat yang tidak berjantina. Lebih-lebih lagi dalam keadaan terpencil di tengah-tengah hutan, tidak diganggu-gugat oleh sesiapa pun. Sekurang-kurangnya sudah tiga tahun ini mereka bermaharajalela. Apabila terlintas bayangan Siu Chin

dinakali oleh Ju Ling, Johari pun segera tutup mata tidur. Dia belum tahu benar bohongnya cerita Siu Chin itu. Entah-entah malam itu juga Johari diburu oleh pihak pengganas.

Esok siangnya pula, menunggukan rembang sore seperti pengantin baru menantikan gelap malam. Anchnya, pada kawasan di sekitar air terjun itu tiada kelebihan kaum Adam seorang pun, hanya Hawa sahaja yang datang berulang-alik, mandi, membasuh dan pada satu ketika beramai-ramai mengangkat air ke khemah gerangannya. Tetapi Siu Chin tidak kelebihan.

Kira-kira jam enam, kelebihan Siu Chin membawa tin minyak tanah. Dia berpakaian samfu hitam. Tidak berapa lama dia pun pergi bersiram. Matanya berkelharan sambil tersenyum-senyum. Siu Chin kali ini mandi berkain cukin. Johari tersenyum mengerti. Apabila dijangka sudah siap bersalin pakaian, Johari pun turun dari pokok dan menuju ke tempat yang dijanjikan.

'Mana lu sembunyi, encik? Puas gua. . . .'

'... Mencari pusing-pusing. Kali ini pakai kain cukin, ya!'

Siu Chin membalaq dengan menampar manja bibir Johari, sambil menggigil-gigil kegelian hati.

'Ada bawak yang saya mintak semalam?'

'Pusing belakang.'

Siu Chin pun menyeluk keluar dari baju kutangnya segulung kertas.

'Nah. Gua tulis ini tengah malam semalam. Buat-buat macam sudah nyenyak tidur. Gua belum tulis lagi apa-apa benda dalam pondok-pondok itu. Tengok sini ya.'

Pipi Siu Chin hampir tergesel dengan hidung Johari sewaktu hendak menerangkan rajah yang telah dilukiskannya itu.

'Yang bulat ini gua batu, tempat si *yausyu* itu jadi raja. Seorang pun tak boleh masuk sini cuma kita orang perempuan saja yang jadi hamba dia. Pondok panjang ini tempat askar tidur. Rumah ini macam sekolah, belajar jadi komunis.'

Kadang-kadang dia orang *meeting* sini jugak. Yang panjang ini stor.'

'Apa isi stor ini?'

'Di sini minyak tanah sama minyak petrol kasi jalan enjin generator. Sebelah sini apa tu . . . ubat senapang . . .'

'Peluru?'

'Ya peluru. Sebelah sini senapang-senapang sama stengan, brengan. Ini ada woksyop buat senapang.'

'Buat senapangkah atau betulkan senapang?'

'Buat pun ada; betul pun ada.'

'Barang makanan di mana?'

'Ini. Pondok kecil ni dapur dan tempat makanan sekali. Ha . . . yang ini, satu, dua, tiga empat . . . semuanya ini tempat senteri jaga.'

Johari termenung sejurus. Bagaimana hendak menembusi kubu di kemuncak itu?

'Cukup semua apa yang encik hendak?'

'Baik . . . baik. Terima kasih.'

'Yang saya mintak pulak. . . .'

Johari pun meraba dari dalam baju di belakangnya. Dikeluarkannya sejenis peletup melekap seperti bungkus plastik leper dengan alat seperti jam tangan.

'Apa ni?'

'Yang leper ni bom. Jam kecil ini untuk menetapkan jam mau meletupkan bom itu. Mana Siu Chin mau meletupkan?'

'Kalau macam ini, gua ingat gua ada satu jalan.'

'Macam mana?'

'Nanti gua pikir betul-betul dulu.'

'Saya ingat kalau mau letup pun jangan sekarang dulu. Siu Chin ada tempat mau simpan ini?'

'Ini boleh lekat mana-mana kan? Gua tahu mana gua boleh sembunyikan.'

'Kalau macam ini, malam ini Siu Chin bawak dua bom ini. Besok atau lusa, boleh kita sama-sama buat kerja.'

'Encik mau masuk dalam?'

'Kalau boleh.'

'Encik, ini bukan wayang gambe. Hero boleh masuk tak mati. Jangan buang-buang nyawa tak tentu hala.'

'Baik. Baik. Nanti saya pikirkan caranya baik-baik. Sekarang Siu Chin sudah berikan pelannya, bolehlah saya pikirkan masak-masak. Besok kita jumpa lagi.'

'Gua ingat besok encik tolong gua pungut kayu buat masak. Boleh gua datang lekas-lekas dan cakap panjang-panjang lagi.'

'Ya. Nanti saya ajarkan Siu Chin macam mana mau pasang bom itu. Siu Chin jangan usik jam itu. Sekali hidup, dia nanti meletup. Kalau belum sampai masanya, habis kita punya rahsia.'

'Baik gua balik sekarang. Nanti lambat, si *yausyu* itu tanya.'

'Dar... ling!'

'Apa encik panggil gua?'

'Tak ada. Siu Chin panggil dia depan saya si *yausyu*. Tapi depan dia, Siu Chin sayang dia. Panggil dia *darling*.'

'Cih! Buat *sue* saja. Gua, kalau orang baik, jadi hamba pun mau. Tapi kalau buat jahat sama gua, selagi tak mampus, jangan pikir gua boleh senang tidur. Baiklah. Nanti melalut-lalut gua sini, dia pergi cari pulak. Kita punya hajat tak sampe nanti. Gua pergi sekarang, ya.'

Johari menghulurkan jarinya. Disambut mesra dan diramas-ramas oleh Siu Chin. Taktik Johari dalam satu komplot, perlu ada saling percaya-mempercayai di antara para pengkomplot, sekalipun dengan isyarat. Johari mulai memandang Siu Chin sebagai satu perantaraan yang membolehkannya mencapai maksud tujuan gerakan pasukaninya itu. Sekalipun berpura-pura bermain Arjuna, dia sanggup asal sahaja dapat dia menawan kepercayaan Siu Chin terhadapnya.

Malam itu dia segera pergi mencari kayu tumbang untuk diberkas ranting-ranting yang kering. Dalam perjalananannya mencari kayu kering itu, tiba dia di tepian sungai. Dicampak

tempat sungai itu yang bakal jadi pemandu pelariannya dari khemah itu kelak. Dari sinaran bulan sabit, kelihatan pucuk suatu pohon seakan-akan kepala orang yang bulat botak. Di perhatikannya baik-baik hingga dapat dicamkan sekitar pokok itu. Tidak berapa jauh dari tepi tebing sungai itu, ada pula pokok yang mungkin telah tumbang kerana akarnya telah diserap air. Dia pun menghimpunkan ranting-ranting kering seberat yang agaknya boleh dipikul oleh Siu Chin. Kemudian dia pun kembali ke pance persadanya setelah menyembunyikan berkas kayu itu.

Malam itu nyenyak dia tidur kerana keletihan. Esoknya sehari-harian dia mengkaji peta rajah khemah itu. Sayang sekali dia seorang sahaja. Kalaualah dapat barang tiga orang, mungkin dapat ditembusnya dan meledakkan kelima-lima buah bangsal itu. Tetapi selama tiga hari dia bertapa itu, tiada seorang pun rakan seperjuangan yang terjumpa atau terdengar isyarat apa-apa pada malam hari. Mungkinkah kerana dia paling akhir diterjunkan maka tercicir jauh daripada rakan-rakannya itu. Atau rakan-rakan yang paling dekat dengannya menjadi korban?

Sore itu ditungguinya Siu Chin yang sepatutnya tiba lebih awal dari biasa. Tetapi kini sudah kelewatan dari biasa pula. Apa gerangan berlaku? Tertangkapkah dia dengan bom-bom jangka itu? Bimbang dan ragu mencengkam kalbu. Lama agaknya dia menunggu, tiba-tiba kelihatan Siu Chin berlari-lari. Johari pun terus melungsur dari pokok mendapatkannya. Siu Chin tidak mandi lagi.

'Kenapa?'

'Lekas encik. Kasi ajar suna saya letup bom itu.'

'Kenapa tergesa-gesa?'

'Dia orang baru saja dapat khabar ada askar komunis jumpa satu orang sojar mati atas pokok. Encik punya kawan agaknya.'

Berderau hati Johari.

'Tak apa. Ini malam saya akan pergi ke khemah. Sama-sama kita boleh buat kerja.'

'Gua tak mau macam itu. Encik suruli apa saja sama gua, gua boleh buat sendiri. Gua boleh taruk bom-bom itu mana saja encik suka. Tapi gua mesti beri ingat. Ini malam sampe besok semua kerja mesti selesai. Besok petang gua datang simi, terus lari. Encik kalau mau tolong gua, itu jamlah.'

Nampaknya sudah bulat tekad perempuan itu. Tetapi esok bermakna baru empat hari—iaitu satu hari kurang daripada jadual yang dijanjikan.

'Satu malam lagi sabar tak bolehkah?'

'Apa mau sabar lagi? Mau biarkan si *yauyu* itu tembak gua dulukah?'

'Baiklah. Kalau macam itu, ini saya beri dua lagi bom. Satu saya kasi Siu Chin taruk mana suka hati untuk membunuh Ju Ling. Satu, tarukkan di stor minyak dan peluru.'

'Itu sudah gua buat cuma belum pasang lagi.'

'Tempat selamatkah? Tak ada orang tahu?'

'Bawah tin minyak tanah yang sudah bukak punya. Situ ada dua puluh tin belum bukak.'

'Kalau boleh, taruhkan minyak sikit tempat peluru. Yang ini taruk tempat simpan makanan dan yang lagi satu ini, kalau boleh tempat askar-askar tidur. Itu bahaya, saya tahu. Tapi kalau tak boleh, tarukkan di tempat minyak itu lagi atau tempat simpan peluru.'

'Pusing belakang!' perintah Siu Chin.

Sebagai kerbau dicucuk hidung, Johari pun mengikut perintah.

'Apa buat tu?'

'Sembunyikan bom plastik ini.'

Teringat Johari cara penoreh getah menyembunyikan beras bekalan dahulu.

'Saya tahulah mana Siu Chin sembunyikan.'

Buntut Johari terasa dicubit. Segera Johari memeluk pinggang Siu Chin. Tangannya meraba bahagian punggung Siu Chin yang kini bertambah pejal.

'Betul tidak saya cakap tadi. Saya tahu mana Siu... .'

Belum sempat Johari menghabiskan kalimat, tiba-tiba Siu Chin memeluk tengkuk Johari menarik muka Johari ke depan. Dan terasa Johari bibirnya dikucup. Saling percaya-mempercaya perlu dalam satu-satu komplot. Johari pun membala-kucupan Siu Chin.

'Kenapa gua mesti jumpa sama lu dalam hutan ni? Abang, galau saya mati, ingatlah ada seorang gadis yang mati kerana menjaga nama dirinya.'

Terasa Johari air asin mengalir di pipi Siu Chin.

'Jangan cakap perkara mati sebelum jumpa maut, Siu Chin.'

'Mintak doa sama Tuan Allah, saya mintak ampun segala dosa saya, ya.'

Dengan itu dia pun melepaskan diri pergi menempuh maut. Semalam-malaman Johari tidak tidur selepas mengajar Siu Chin memasang alat maut itu. Dikhuatirkannya tersilap masih yang dipasangkan itu atau terawal dipasangnya. Atau meletup tengah-tengah dipasangnya. Bimbang dan ragu mula menyergang hati Johari. Tetapi yang amat dikesalinya, dia tidak dapat menjalankan tugas bersama-sama. Kejayaannya semata-mata menawan hati seorang hamba Allah. Tetapi itu pun setelah Siu Chin terdorong oleh sesuatu keadaan. Johari tiba secara kebetulan sahaja. Johari insaf.

Apabila tepat pukul dua belas rembang hari, meritik peluh Johari mengenangkan Siu Chin pergi dari satu matlamat ke satunya matlamat memasang bom jangka maut bagi jiwa dan harta benda. Dapat digambarkan Siu Chin yang sudah berbulat tekad menjalankan kerjanya. Tetapi dikhuatiri juga naluri perempuan yang dirajai perasaan. Berjayakah dia atau tertangkapkah dia? Mulalah perasaan kesal merangkak ke dalam jiwynya. Mengapa tidak melakukan segala-galanya sendiri atau bersama-sama dengan Siu Chin? Lebih berat otak memikir daripada tangan membuat. Dalam keletihan memikir Johari ketiduran kerana semalam-malaman tidak menutup mata.

Johari terjaga oleh suara riuh-rendah perempuan berkelahi. Bila dibuka matanya, kelihatan dua orang perempuan sedang

bertarik-tarik rambut. Apa yang dikatakan oleh mereka tidak diketahui. Tetapi Johari khuatir kalau-kalau salah seorang itu Siu Chin. Bentuk badan dan bunyi suara tidak pula seakan Siu Chin. Teringat Johari cerita perkelahian di antara bini pertama dan kedua Ju Ling. Johari tidak mungkin tahu siapa yang si gatal dan siapa yang rakan karib Siu Chin. Kemudian kelebihan terburu-buru dua orang lagi perempuan datang di-tepi kolam persiraman itu meleraikan kedua-dua yang cekau-mencekau tadi. Kedua-dua perempuan yang baru datang itu pun bukan Siu Chin di antaranya.

Reda sejurus gelora amarah dua jenis Hawa. Kemudian seperti biasa di kala itu, perempuan-perempuan itu pun bermandi-manda dan kembali ke khemah. Tirai kabus malam mula turun. Tetapi Siu Chin belum lagi turun mandi.

Gelap mulai memekat. Tiada juga bayangan Siu Chin. Tetangkapkah? Lemah lutut Johari memikirkan mengapa pada saat akhir rancangannya mesti gagal? Kunang-kunang mula berterbangan. Siu Chin tidak kunjung datang. Bunyi malam mula berkumandang. Di tengah-tengah bunyi itu kedengaran bunyi tang-tang-kuit. Itu isyarat pasukannya! Rakan sepasukanakah? Johari pun memasang telinga dan mengarahkan pendengarannya hingga tepat pada bunyi itu lalu dijawabnya sambil turun dari pokok. Sampai sahaja ke bumi Johari pun terus mengalahkan kakinya ke isyarat itu. Kelihatan samarsamar, topi berbucu lima! Celaka! Perangkap! Seperti harimau, Johari merangkak dari belakang serta menerkam.

'Sabarlah dulu cek abang. Kalau abang sudah percaya, tak ke mana saya pergi!'

Serta-merta Johari melepaskan dakapannya.

'Siu Chin, apa awak buat ni?'

'Buat apa? Kan kita sudah janji mau lari malam ini?'

'Hampir-hampir saya bunuh awak tadi. Kenapa pakai topi bintang tiga ini?'

'Topi ini pasport saya keluar kem. Saya lambat dalam dapur tadi pasang bom itu.'

'Semua sudah pasang?'

'Sudah. Mari, mari lekas pergi dari sini.'

Sesenyap tikus, mereka merayap malam itu. Johari menganggapkan permintaan Siu Chin hendakkan kayu api dahulu itu sebagai gerakan Tuhan. Kini dalam gelap mereka sudah sampai di tepi tebing sungai tempat kayu tumbang itu. Di sepanjang jalan mereka tidak berkata barang sepatah pun. Hanya sekali-sekala Johari terhenti memimpin Siu Chin me langkah selopak dua bekas air hujan. Pada satu ketika, disuruhnya Siu Chin menghengang di belakangnya ketika mengharungi anak sungai. Bila Johari hendak membuka mulut berbual-bual supaya kurang letih mereka berjalan itu, Siu Chin melekapkan tangannya pada mulut Johari.

Kira-kira dua jam lebih mereka berjalan, tiba-tiba Johari terasa scolah-solah gendang telinganya terjentik. Ketika itu juga Siu Chin memegang tangan Johari menghentikan perjalanan. Jentikan telinga itu disusul oleh letusan yang membertihi. Genggaman tangan Siu Chin terasa kian erat. Tiba-tiba dilepas kan genggaman dan memaut pula leher Johari yang tinggi sedikit daripadanya, didakap, dicium dan dikucup Johari. Johari terasa pipinya diberis halus oleh bulu kelopak mata yang agaknya terkelip-kelip menahan sebak air mata girang gembira. Kemanisan bibir Siu Chin menjadi manis-manis masin. Seperti kanak-kanak yang meminta dimanjakan oleh yang dianggap pengasihnya, Siu Chin tidak berhenti-henti mendakap dan memeluk pipi dan dada Johari.

'Tak ada apa lagi yang dapat saya sembunyikan daripada Jo. Kalau boleh saya punya jantung dalam dada ini pun mau saya korek keluar kasi Jo tengok.' Hidung dan bibir Siu Chin lebih petah daripada kata-kata lidah Siu Chin.

'Jo, Jo sudah selamat kasi keluar saya daripada neraka hijo ini. Mana syurga pun Jo mau bawak saya, saya ikut, Jo.' Seolah-olah kelumpuhan kakinya, Johari pun digayut hingga terduduk dan terbaring di atas rumput.

'Jo, apa rahsia lagi yang dapat saya tutup daripada Jo. Jo

sudah nampak segala-galanya. Ini Jo hati saya.'

Johari terasa barang berat menekan dadanya. Dadanya sesak kerana kedua-dua ruang udara terkatup oleh bibir dan pipi Siu Chin. Tiba-tiba Johari menguakkan dakapan Siu Chin yang ketat itu.

'Tengok itu, Siu Chin.'

Siu Chin segera menelentangkan diri di atas lengan Johari lalu melihat ke arah tunjukan jari Johari. Jauh nun kelihatan api yang masih kecil menjilat daun-daun yang mengering. Siu Chin pun duduk terpegun.

Johari bersyukur bahawa dengan melencongkan pandangan Siu Chin itu ke arah api yang sedang membakar dapatlah pula dia membarakan api yang tengah menjulang.

'Ayuh mari kita pergi.'

Johari mengajak sedang api di dada menurun. Kelak, bila berjalan, bila bergerak dapatlah Johari menyelamatkan apa yang perlu diselamatkan.

'Nanti, Jo,' balas Siu Chin menahan langkah Johari. 'Ambil topi sama kertas-kertas dan gambar ini.'

'Hah! Tak mengapalah. Awak boleh simpan sendiri barang-barang komunis itu untuk kenang-kenangan nanti.'

'Sapa nak simpan orang mati punya?'

'Sapa punya?'

'Ini semua si *yaesu* Ju Ling itu punya.'

Dalam gelap Johari tidak tahu apa yang diberi oleh Siu Chin. Tetapi sambil dimasukkan ke dalam beg gendongnya teringat Johari betapa pentingnya dokumen-dokumen ketua komunis itu untuk pengesahan tindak-tanduknya. Johari memberi satu ciuman pantas pada pipi Siu Chin.

'Awak bijak Siu Chin.'

Mereka pun meneruskan perjalanan. Sekali lagi menikus senyap mereka berdua. Pemandu mereka sungai yang mengalir itu. Empat jam mereka berjalan tiba-tiba Siu Chin menarik Johari dari belakang.

'Tak boleh tahan lagi, Jo. Sini kita berhenti.'

Sedetik nadi, sesedut nafas, Siu Chin sudah jauh di alam mimpi. Johari mengambil dari beg gendongnya kain pelekat dan baju hujan. Baju hujan itu dijadikan lapis tidur dan kain itu pula, selimut Siu Chin.

Berapa medan perang telah ditempuh, tetapi tiada sehebat gelanggang godaan ini. Mengapa perempuan ini menaruh kepercayaan penuh terhadapnya? Johari tidak dapat mendugaanya. Sebagai seorang pejuang, sifat curiganya sudah menebal. Lebih-lebih lagi, Siu Chin pernah menjadi komunis.

'Hah persetan! Aku belum mengerti apa dia itu perempuan. Aku diajar oleh datukku bahawa arak, tuak, anjing, babi dan zina dosa besar.'

Johari menoleh ke kiri—Siu Chin. Dirinya dan Siu Chin—tiada makhluk lain lagi.

Johari mengeluh panjang. Mata tidak mau pejam. Di sebelahnya Hawa menjulur telentang. Dia musuh—bekas musuh—sama juga nilainya dengan harta benda musuh. Apa kira?

Mengeluh lagi Johari.

'Astaghfirullah hil Azim . . . astaghfirullah hil Azim . . . astaghfirullah hil Azim . . .'

Entah berapa kali diwiridnya tidak diketahui.

'Jo, bangun Jo!'

Pertama kali Jo dapati dirinya melihat wajah Siu Chin di tembang siang. Selama ini di samar senja sahaja.

'Astaghfirullah hil Azim!'

'Jo marah sama saya? Saya kejutkan Jo tengah tidur.'

'He! Ini tempat bahaya. Mari lari masuk semak-semak itu.'

Berlindunglah mereka seperti orang pelarian. Sudah masuk hari kelima Johari mengenal Siu Chin. Tapi pada siang hari itulah baru tahu dia akan asal usul Siu Chin itu.

'Saya anak Melaka. Tapi datuk saya suruh saya masuk sekolah Cina. Dia benci bapak saya kerana *acting* macam orang putih. Sudah lupa kita orang timur. Dalam sekolah saya suka main wayang, menari dan baca-baca buku. Kita ada kumpulan

wayang dalam sekolah. Mula-mula kita macam budak-budak sekolah biasa. Kemudian ada pula kawan kasi buku-buku pasal negeri China—macam mana China jadi besar, macam mana orang-orang Cina lawan orang-orang luar dan macam mana orang-orang besar Cina kasi kaya sama negeri. Kita disuruh jangan lupa tanah asal kita. Kemudian ada pula buku baca macam mana orang-orang Cina kena seksa di Malaya ini. Orang Cinalah yang buat negeri ini kaya; tapi mau hidup sini pun tak boleh. Semua kena cukai. Orang lain dapat untung. Orang Cina sini boleh jadi kuli saja. Tak boleh perintah negeri ini sama-sama lain orang. Tapi negeri kaya kerana orang Cina kuat kerja juga.

'Jangan marah ya saya cakap ini semua. Jadi mula-mula saya pikir pun ada betul juga. Kita mau tinggal sini, orang tak mau kasi. Habis apa macam? Kita mesti halau mula-mula orang putih. Kita mesti dirikan satu negeri yang demokratik—sama-sama kaya; sama-sama besar. Tak ada orang tinggi rendah. Sapa pandai naiklah atas. Saya pun dikasi satu kad. Katanya saya boleh dapat baca banyak lagi kalau masuk dalam kumpulan yang progresif. Itu jam darah muda. Mau jadi hero semua. Saya pun masuk kumpulan. Kita ada kumpulan lawan-lawan cakap dan kita pun dijanji naik pangkat kalau pandai panggil ramai lagi kawan masuk kumpulan.'

'Lepas sekolah saya pun dimasukkan kerja dalam satu kilang kasut jaga orang-orang kuli. Bapak saya marah. Dia cakap kalau mau duit dia banyak duit boleh kasi. Saya tak peduli. Hati sudah naik panas. Banyak juga dapat saya masukkan orang kuli dalam kumpulan. Kemudian saya dapat perintah suruh orang-orang kuli mintak gaji lebih. Jadilah *strike* sana sini. Kemudian entah apa macam, saya sama kawan-kawan lain dapat perintah lari masuk hutan. Tak berapa lama perang kita sama kita. Masuk hutan pula, lain macam punya cerita. Itu surat-surat tulisan Cina saya suruh simpan itu semua surat rahasia. Ada tunjuk macam mana dia orang mau hantam *government* lagi. Itu saja cerita diri saya. Yang lain Jo sudah tahu sendiri.'

Malam itu mereka berjalan hingga bertembung dengan satu pasukan Askar Melayu. Johari dan Siu Chin diiringi ke pangkalan Askar Melayu dan dari situ mereka dapat kehormatan istimewa. Sebuah helikopter yang baru tiba untuk Pasukan Khas datang untuk mengangkut kedua-dua Johari dan Siu Chin ke markas.

Di antara tujuh orang yang digugurkan hanya tiga sahaja baru balik markas. Seorang kelak telah mati, kalau benar heboh-heboh yang didengari di khemah musuh dahulu. Johari pun memberi laporannya kepada Pegawai Pemerintah dan memperkenalkan Siu Chin kepadanya. Pegawai pemerintah itu menunjukkan pula beberapa keping gambar yang dianbil dari udara.

'Jo, tengok ini Jo.'

'Wah! Habis hangus ya. Syabas Siu Chin!'

Siu Chin tiba-tiba hendak peluk Johari. Segera dicubit pahanya oleh Johari. Pegawai Pemerintah buat-buat memandang ke tempat lain. Tidak berapa lama tiba pula Pegawai Cawangan Khas mengambil Siu Chin pergi untuk disoal siasat.

TOK! Tok! Tok!

Johari terkejut daripada lena-lena ayam. Jam di dinding menunjukkan pukul 6.25. Dia pun betlari ke pintu.

'Ainikah?'

Dua orang Polis Tentera menunggunya di muka pintu. Berderau jantung Johari. Terseretkah dirinya ke dalam lubuk yang menceburkan isterinya itu?

'Ini surat untuk Kapten.'

'Sila masuk.'

Seorang masuk manakala yang seorang lagi menunggu di luar.

Surat arahan dan surat kerahan.

*'Saya diperintah untuk memunjuk tuan supaya melaporkan diri di Markas Tinggi Tentera. Harap segera tiba bersama-sama dengan pembawa surat ini.'*

Ringkas lekas. Demikian arahan daripada Kementerian Pertahanan.

Johari seorang yang taat setia. Perintah tidak pernah dibantah.

'Tunggu dulu. Saya basuh muka.'

Hati Johari masih jengkel mengenangkan sambutan isterinya kira-kira tiga jam tadi. Teringat dia akan kegenitan isterinya sewaktu di dalam hutan sebelum berkahwin dahulu.

Mengapakah begitu lekas isterinya itu mesra dengannya dahulu? Adakah resmi perempuan apabila terdedah kemaluan maka hilanglah malu? Adakah dia mesra itu untuk menjadikan Johari sebagai alat melepaskan dirinya daripada seksa kerana

terlibat dalam komplotan haram? Atau memangkah sifat diri isterinya itu genit dan ditolak oleh Ju Ling dan segala cerita-nya mengenai kedua-dua isteri Ju Ling hanya rekaan belaka?

Teringat baju samfu dan kasut tumit tinggi isterinya. Sudahkah isterinya itu, secara diam-diam jadi kupu-kupu malam ataupun pelacur terhormat?

Lama Johari membasuh muka seperti dia bermandi-manda lagiunya.

'Kapten, Kapten sakit matakah?'

Johari menggeleng-gelengkan kepalanya. Teringat dia menyeh-nenyehkan mata seperti menculak-culakan lada sambal oleh geramnya mengingatkan kelakuan isterinya itu.

Sesampai di Markas Tinggi, Johari dibawa ke Bahagian Pemerkik Siaran. Dia disambut oleh Timbalan Pengarah Bahagian tersebut.

'Eh! Superintendant Leongkah?' soal Johari menerpa, tiba-tiba.

'Ingat lagikah? Tahun 51 . . . sekarang 65 . . . sudah 14 tahun. Mana pergi awak lepas Gunung Uban dulu?'

'Awak masuk balik Cawangan Khas polis ya? Saya terus dalam Pasukan Khas. Bila komunis tukar taktik mau baikkan namanya dengan *Baling Talk* tahun 55, saya ada ikut jaga di hutan Baling. Tapi sayang itu jam kita tak ada perjanjian dengan Negeri Thai macam hari ini. Lepas . . . bolos kata orang Indonesia. Hari Merdeka 31 Ogos 1957, orang suka hati minum menari, saya ada di hutan jaga jangan mereka datang buat kacau. Lepas Merdeka, Pasukan Khas makin jauh ke dalam hutan, mula-mula macam kerja kita dulu menggempur mereka di markasnya sendiri dan membuatnya terus-menerus merayau-rayau; dan kemudian menyelamatkan orang-orang asli kita yang dijadikan sakai mereka. Tamat Darurat, balik ke Askar Melayu. Kemudian ke Congo; lepas itu waktu Malaysia, ke Sarawak dan Sabah.'

'Ada tidak di Kalabakan?'

'Saya miss itu. Saya di selatan Semenanjung.'

'Congratulations. Dua puluh tiga orang sekali gus dapat tawan. Special itu.'

'Hah! Orang sudah mau serah diri, apa yang kita mau puji diri lagi?'

'Sudah puas Encik Johari berjuang, sekarang selamat datang ke tempat berehat ini. Sayang sekali Pengarah hari ini ambil cuti sekejap. Dia mau jadi bapak.'

'Siapa Ketua Pengarah?'

'Kolonel Mohidin dari Peninjau.'

'Apa tugas saya di sini?'

'Di sini, jangan terperanjat ya. Boleh dikatakan, semua yang bekerja bekas musuh kita. Nanti saya kenalkan mereka. Ada bekas Ketua Komiti Regional MCP, bekas pemimpin partai, bekas pegawai dan pelari Indonesia dan orang Kuomin-tang pun ada juga. Kita di sini memetik siaran daripada radio dan akhbar pihak musuh, baik dari Indonesia maupun Peking untuk pasukan-pasukannya di Asia Tenggara, taktik perjuangan mereka dan propaganda mereka terhadap penduduk sini. Ada kalanya *instruction* datangnya dengan *code*. Di similah gunakan rakan-rakan kita itu. Saya dapat tahu Kapten pun selalu ada dengar siaran-siaran dari Indonesia?'

'Dalam perjuangan, perlu kita tahu isi hati dan jiwa musuh. Dengan cara itu dapatlah kita jalinkan formula untuk taktik gerakan kita, bukan?'

'Kapten pandai. Dan sekarang Kapten di sini boleh dapat tahu lebih daripada apa yang Kapten pernah dengar.'

'Jadi di sini apa tugas saya sebenarnya?'

'Kita baru dapat tahu Presiden Sukarno sangat kuat sakitnya. Ada gara-gara dia akan disembuh oleh pakar-pakar perubatan Cina. Pegawai perubatan Indonesia maukan dia dibedah buah pinggangnya. Tapi Suk *superstitious*. Dia percaya dia akan mati di hujung pisau bedah. Dia mau hidup.'

'Soalnya sekarang, sekiranya jadi sesuatu kepada Presiden Sukarno, siapa akan menggantinya? Apa akan berlaku di Indonesia? Makin kuatkah pemerintahan NASAKOM? Atau

dihancur NASA oleh KOM. Relakah ABRI diperintah oleh KOM? Atau munculkah ABRI nanti?

'Mengikut perintah arahan, Kapten diminta menapiskan segala petikan siaran tentang perkembangan di Indonesia dari segi tentera. Sekiranya berlaku rebutan kuasa di sana adakah apa-apa jalan untuk membantu pihak anti-KOM. Ini semua masih hipotesis lagi. Tapi banyak kemungkinan akan berlaku di sana. Selama ini kita cuma dengar suara pihak KOM saja mengganyang Malaysia. Tapi Jeneral Nasution tidak menaruh minat sedikit pun hendak menakluki Malaysia. Saya kira kalau memang dia mau, segera dikirimkan Pasukan Siliwanginya ke sini. Tetapi yang tiba di sini dari pasukan-pasukan yang diinfiltre oleh KOM.'

'Jadi, begitulah tugas Kapten di sini! Maaf saya pulak pihak awam memberi perintah ini. Tapi sebenarnya saya diarah untuk menyampaikan bagi pihak tentera. Ketua kita sedang menimang anak agaknya.'

'Kordinasi dan koperasi penting bagi satu-satu gerakan.'

'Lagi satu perkara. Sekali sudah masuk sini, kita tak dibenarkan keluar kecuali sangat mustahak.'

'Tak dapat keluar sampai bila?' soal Johari tiba-tiba terasa diragut kegembiraannya dapat berdekatan dengan rumah tangganya.

'Sampai tamat selesai konfrontasi ini.'

'Berapa lama pulak tu?'

'Tuan Alah saja yang tau. Tapi kita sini semuanya lengkap. Ada tempat main-main. Panggung tengok wayang gambar pun ada siap. Kalau ada filem-filem hendak tengok, *by popular request* kita boleh pinjam filem itu. Kapten adalah golongan yang dipercayai oleh negara. Mari ikut saya. Saya tunjukkan tempat tidur dan tempat makan. Rehat-rehat dulu. Besok mulai tugas.'

Hilang Nuraini digantikan pula dengan Megat Musa. Perasaan kecewa tidak kesampaian tujuan pulang itu serta-merta terbunuh apabila diperkenalkan oleh Superintendant Leong

kepada rakan lamanya, Megat Musalah satu-satunya yang menyebabkannya memasuki Askar Melayu. Tidak terjumpa pula dia di hutan seperti dicita-citakan. Namun demikian, di Markas Tertinggi pula mereka bertemu dalam suasana yang baru. Mengikut kira-kira algebra, Megat Musa pun kini menjadi salah seorang kepercayaan negara. Selepas bertugas hari itu, segera Johari mendapatkan rakan lamanya itu.

'Apalah Kapten Johari mau ditanya-tanya balik akan perkara yang sudah-sudah. Saya warganegara yang taat setia dan bertaubat.'

'Kisah-kisah lama itu kan sedap didengari. Perjuangan nampaknya tak kehabisan. Mana tau dapat pula saya ajaran daripada pengalaman awak. Saya tak suka balik-balikkan cerita lama itu kerana masih belum dapat dikikiskan lagi perasaan malu ditipu hidup-hidup. Mula-mula dulu saya terpengaruh akan dua perkara. Pertama, Angkatan 45 Indonesia dan kedua, perjuangan rakyat Indonesia melawan Belanda. Tulisan-tulisan Indonesia jadi tatapan saya tiap-tiap hari hingga masuk akhbar sebagai pemberita. Di sana banyak rakan yang scaliran jiwa. Kami cuba membuat satu kumpulan Angkatan kita di Malaya ini dengan cogannya *Seni untuk Masyarakat*. Kami bersikap bahawa bahasa dan kesusasteraan adalah alat untuk perpaduan kebangsaan dalam perjuangan kemerdekaan dan bahasa serta kesusasteraan adalah juga alat untuk memajukan fikiran rakyat sesuai dengan cita-cita keadilan masyarakat, kemakmuran, keamanan dan perdamaian hidup.'

'Kami anggap diri kami adalah daripada golongan progresif. Kumpulan kami pun sehari demi sehari kian membesar. Dia hidup dan menghidupkan bahasa Melayu yang telah lama ditindas oleh penjajah. Pada masa itu ingin saya hendak menarik awak ke kumpulan kami walaupun kami di Singapura. Tapi awak banyak problem dan giat menubuuhkan persatuan penuntut-penuntut dan pelajar-pelajar. Kemudian tercetus pula pengisyiharan Darurat. Rakan-rakan pula ada yang kena tangkap kerana kegiatan berhaluan kiri. Saya khuatir perju-

ngan kami untuk kemerdekaan penuh akan lumpuh kalau kesemuanya ditangkap. British akan sewenang-wenangnya merencanakan syarat-syarat kemerdekaan. Yang kami khawatirkan kita akan menang sorak: kebun halaman tergadai kelak bila dapat merdeka separuh masak. Saya tidak ada jalan lain melainkan ikut bersama-sama berjuang di hutan seperti di Indonesia. Kawan-kawan bersama-sama menubuahkan Pasukan Hang Jebat. Ada terima surat saya?"

"Ada. Sesudah mendengar *briefing* yang diberikan kepada Irwan sewaktu ditahan di balai polis dulu. Kami sungguh kesal tak dapat memberitahu taktik-taktik KOM di masa itu kepada awak...."

"...Irwan apa khabarnya? Dia mahu jadi *rival* dengan saya dulu."

"Sayang sekali akhbarinya tutup. Dia pun masuk syarikat filem. Ada bersama-sama di Tompian ambil gambar penangkapan beberapa orang tentera dari seberang dulu. Bagaimana hidup di hutan kali kedua?"

"Kami terpaksa menggabungkan tenaga dengan mereka. Kemudian dicuba mereka mengindoktrinerkan kami dengan fahaman-fahaman yang saya kira asing sekali dengan ajaran Islam kita. Islam bermakna perdamaian kan? Tapi Partai mereka adalah revolusioner dan satu partai perjuangan. Tujuannya: untuk mencapai cita-cita revolusi. Caranya: menerusi pemberontakan. Pemberontakan satu usaha berdarah—takkan tercapai sesuatu dengan cara lemah lembut. Dan seharum-harum corak perjuangan revolusioner ialah perjuangan bersenjata. Itu pukulan pertama bagi diri saya. Sekalipun saya gemar berjuang, tetapi tak gemar membunuh. Lebih-lebih lagi menipu-nipu rakyat. Untuk Ibunda, untuk Ibundalah selama ini kita berjuang kan?"

"Taktik dan tujuan mereka pun boleh diubah-ubahkan mengikut keadaan masa dan suasana. Bila didapati saya tak memberi apa-apa sumbangan pengalaman tentera, dipaksanya saya menggunakan Qalam Allah dan sabda Rasul untuk di-

sesuaikan dengan ajaran mereka supaya dapat menghambat hafi orang-orang Melayu. Tatkala itu, mereka mula sedar betapa pentingnya sokongan orang Melayu dalam satu-satu perjuangan. Mereka pelajari ini daripada kejatuhan Datuk Onn setelah meninggalkan pertubuhan. Waktu tengah sibuk membuat persiapan *Baling Talk* itulah saya cabut ke luar. Saya membawa segala surat rahsia dan direktif mereka yang bakal dikeluarkan. Saya tak mau Tunku berkompromi. Saya tak suka lagi melihat ibu pertwi dilepaskan kaki tetapi dibelenggukan tangannya.'

Dua minggu sudah Johari di Markas Tertinggi. Tiada apa-apa yang penting berlaku melainkan berita rapat-rapat Ganyang Malaysia di Jakarta dan pekan-pekan lain di Jawa. Suara KOM lebih kuat daripada NASA. Tetapi di antara suara KOM itu kedengaran pula retak-retak nada Khairul dengan Aidit. Hati masing-masing ke arah takhta pemerintahan se-sudah meninggalnya Sukarno kelak.

Gerakan Ganyang Malaysia lebih giat di dalam negeri daripada di negeri yang hendak diganyangkannya. Pendaratan dan pencerobohan kini seperti air surut.

Pada penghujung 1965 diberitakan Angkatan Bersenjata Republik Indonesia sedang bersiap-siap di ibu kota Jakarta untuk perbarisan Hari Angkatan Perang. Pasukan-pasukan Siliwangi, Payung Terjun RPKAD, Marin KKO dan strategis KOSTRAD adalah di antara yang bakal mengambil bahagian dalam perbarisan besar-besaran itu.

Kemudian pada malam 30 September di Markas Tertinggi, berkumpul ramai kakitangan mendengar Sukarno berpidato di stadium menyambungkan lidah rakyat dan menyampaikan amanat Panglima Agung Revolusi. Dalam ucapannya beliau menegaskan betapa pentingnya ahli-ahli teknik yang pintar supaya menjayakan peringkat kedua revolusi iaitu menjadikan hasil bumi kepada barang-barang sandang pangan yang dituntut kuat oleh rakyat. Beliau mengingatkan pada hadirin supaya

berbangga akan kebolehan Indonesia membikin bom atom tanpa bantuan pakar-pakar dari luar.

Sudah satu jam setengah berpidato. Kemudian kedengaran tiba-tiba beliau berhenti. Mengikut juruulas radio malam itu, beliau kelihatan terdengkut-dengkut dipapar oleh juruiringnya yang juga memanggil Dr. Wu dari Peking merawatnya.

Muzik berkumandang menggantikan suasana kelam-kabut di dalam stadium itu, gerangannya. Tidak berapa ketika, Sukarno berucap semula. Siaran Radio Jakarta seterusnya seperti biasa seolah-olah tiada apa-apa yang berlaku ketika itu. Tetapi di Markas Tertinggi, masing-masing tidak tidur semalam-malam. Pagawai-pegawai yang bukan giliran mereka pun ada berkumpul menunggu berita akan sesuatu kejadian. Tetapi siaran seperti biasa sahaja hingga akhir tutup Studio Jakarta.

1 Oktober. Radio Jakarta senyap pada paginya.

Jurutera dan juruteknik radio dipanggil untuk memeriksa alat penangkap siaran. Tiada kerosakan.

Jam lapan, tiba-tiba kedengaran satu siaran yang lama ditunggu-tunggu. Siaran itu merupakan Komunike Pertama Gerakan 30 September. Kononnya di Jakarta pada hari Khamis 30 September itu telah berlaku satu gerakan tentera oleh Angkatan Darat yang dibantu oleh lain-lain cabang ABR1.

Pemimpin Gerakan yang diringkaskan Gestapu, Lettenan Kolonel Untung, Komandan Batalion Cakrabirawa atau Pengawal Keselamatan Presiden kononnya telah diarah menggagalkan komplottan suatu Dewan Jeneral yang dibiayai oleh CIA. Dewan Jeneral ini kononnya berpura-pura hendak mengadakan perbarisan pada Hari Angkatan Tentera tetapi sebenarnya mereka hendak mengadakan *coup*.

Tindakan segera telah dilancarkan dan beberapa orang jeneral yang berkaitan telah diamankan dan simpatisan-simpatisan mereka seluruh Indonesia akan diadili. Untuk meneruskan

pemerintahan negeri, satu Dewan Revolusi didirikan. Siapakah Jeneral-jeneral yang diamankan itu? Siapakah anggota Dewan Revolusi pemerintahan baru itu?

Setiap siaran diikuti dengan rapinya. Komunike dan dikenal pengumuman dan peraturan Gestapu terpancar dari Radio Jakarta. Kemudian *blackout* lagi. Tidak berapa lama siaran biasa terdengar semula. Dan seluruh dunia tahu apa yang telah berlaku.

Rupanya peristiwa gering Sukarno di stadium itu diisyaratkan oleh pihak perancang revolusi sebagai riupan sangkakala. Dan awal-awal 1 Oktober itu, Badai Benci telah dilepaskan daripada bendungannya dan seluruh Nusantara dilanda ribut dan taufan, guruh dan guntur Badai Benci itu sehingga tersadai kepulauan nan indah dan permai itu. Badai tidak mengendahkan rayuan pulau kelapa yang terbungkas itu.

Dalam keributan, terdapat pula dibongkar mayat enam orang jeneral dan seorang leutenant yang menjadi korban Badai itu. Dengan terbongkarnya mayat itu, terbongkarlah juga kisah kelakuan wanita yang penuh kebencian di Lubang Buaya melakukan kesumbangan yang memalukan kaum wanita seluruh alam Melayu.

Gambar dan kisah beredar di akhbar dan televisyen.

Gunung Dendam mulalah berdentum meletup. Api dan debu bertaburan di seluruh Nusantara. Sungai mengalirkan darah: bumi mendakap tulang-belulang. Ibu pertiwi meratap kehilangan putera puterinya.

Tujuh belas tahun komunis menunggu saat menebuskan kekalahannya di Madiun. Tetapi dikalahkan lagi sekali oleh seorang putera Indonesia yang menggagalkan mereka dahulu, bersama-sama dengan panglima yang dahulunya tidak dikenali. Nas-Harto muncul di tengah-tengah ledakan gunung berapi dan badai revolusi itu.

Jeneral Nasution yang terlepas daripada serkupan Untung sungguh mengagumkan ramai. Johari memandang perkata itu sebagai kudrat dan iradat Tuhan mengelirukan wajah dan su-

suk badan Leftenan Tandean sebagai jeneral yang telah lama menjadi sasaran mereka. Kematian puteri Nasution telah dibalas oleh rakyat Indonesia daripada pihak ketuhanan.

Pancasila terselamat: Panca-azimat yang bakal penggantinya telah dikuburkan. Indonesia belum mahu lagi diperintah komunis.

Selangkah demi selangkah, mengikut kehendak dan pemikiran rakyat yang waras, setelah dapat disaringkan antara kawan dan lawan, Jeneral Suharto pun secara 'biar-lambat-asal-selamat' memadukan kedudukan pihak pembela negara.

Kedudukannya pula disokong kuat oleh kuasa baru—Angkatan Pelajar dan Mahasiswa yang dikenal sebagai KAMI dan KAPPI. Malah, kuasa baru ini tidak sesabar Pak Harto menggerakkan negara di dunia antarabangsa. Mereka berparlimen di tengah jalan. Mereka mencungkil takhta pemerintah hingga tergeluncur Subandrio dari singgahsana. Naik Pak Harto-Adam-Hamengku, Nasution tinggal di belakang, seperti biasa, sebagai pembela negara. Seperti Churchill dan de Gaulle, menunggu negara dilanda krisis.

Sementara di Indonesia mulai tenang, di Markas Tertinggi keadaan paling sibuk sekali. Tetapi Johari sudah menghilang diri dari Markas Tertinggi.

Kira-kira lapan bulan sesudah Peristiwa Gestapu, tiba di Lapangan Terbang Subang, Perutusan Muhibah dari Jakarta dengan kapal terbang Hercules jenis yang pernah digunakan oleh Rejim Subandro dahulu untuk menggugurkan orang-orangnya di selatan Malaysia.

Peluk cium persaudaraan yang ternyata di Lapangan Terbang Subang di antara putera-putera Malaysia dan Indonesia membayangkan bulatnya air hening luhur yang tidak terputus sekalipun bertalu-talu dicencang oleh apa jua parang dan pedang pun. Langkah muhibah ini berekoran dengan langkah-langkah perdamaian yang ditentang keras oleh Subandro yang masih disimpan sebagai Pemimpin Besar Revolusi.

Tetapi Jeneral Suharto, Sultan Hamengku dan orang biasa

Adam Malik serta Jeneral Nasution selaku ketua Kogam memberi kata putusnya di istana bahawa konfrontasi meski ditamatkan. Dan konfrontasi pun tamat dengan Perjanjian Bangkok pada awal Jun 1966. Dengan itu terbukalah lembaran baru bagi persaudaraan Indonesia-Malaysia. Kedua-dua saudara kini terjumpa musuh yang sama.

'Celaka konfrontasi itu satu berkat llahi,' kata Johari sambil memeluk rakannya Megat Musa setibanya di Lapangan Terbang Subang setelah kian lama berhalimunan dari markas Tertinggi. 'Cita-citamu hendak melihat kerjasama rapat di antara kedua-dua saudara akan tercapai. Kita sekarang bersama-sama memburu musuh yang sama dari sempadan kita.'

'Ke mana kamu pergi, tiba-tiba hilang saja dari Markas?' soal Megat Musa ingin tahu.

Kisah Johari di balik tirai perdamaian tidak akan diketahui orang beberapa ketika kelak. Setelah berpisah, Johari pun meninggalkan terus ke Markas Tertinggi. Superitendant Leong pergi mendapatnya.

'Hei Johari! Awak tak ada rumah lagikah?'

'Kenapa Leong?' soal Johari pula kebingungan.

'Konfrontasi sudah tamat. Apa mau balik ke mari lagi?'

'Tadi saya jumpa Megat. Katanya nanti dia hendak balik sini.'

'Ha! Ha! Ha!' gelak Leong, geli rasa hatinya. 'Dia sudah balik kerja lamanya sebagai pegawai penerangan, seminggu dulu.'

'Bedebah punya Megat!' balas Johari, ikut tertawa. 'Patutlah dia ketawa-ketawa, menyuruh saya balik ke markas dulu.'

'Dia cakap nak balik sini bila ada konfrontasi sekali lagi.'

'Terima kasihlah. Bertemu lagi ya.'

'Saya iri hatilah sama Mejar Johar,' gurau Leong memanggil rakannya dengan gelaran pangkat baru.

'Kapten, Tuhan Komisioner!' bentak Johari.

'Superintendant, Mejar!' jawab Leong tegas.

SEKANDUNGAN anak lamanya, sejak Johari tiba-tiba disambut dari rumahnya ke Markas Tertinggi. Luar rumahnya kali ini kelihatan muram durja. Halaman berlalang, bunga berkontangan dan tangga berlumutan. Dipicit punat tiada berdering lagi, alu diketuk pintu.

'Sama apa abang pulang senyap-senyap ni?' sapa Nuraini.

Seperti bunga di halaman yang kekontangan demikianlah Nuraini kekeringan—sudah lama tiada bersiraman kesuburan. Kali ini Johari yang mendakap isterinya mencurahkan segala rasa cintanya. Seperti anak-anak kecil, dipangku isteri itu sambil duduk di kerusi set. Sungguh ringan tubuh Nuraini seperti menatang tulang-belulang sahaja.

Tulang-belulang itu lebih pitah daripada seribu kata derita Nuraini. Sekian lama Nuraini terkelu lidahnya. Johari terasa getaran tubuh Nuraini menahankan sesuatu yang terbuku. Kalau dahulu merasa dia manis-masin air mata suka, kali ini terhirup dia masin-masin air mata duka. Kemudian, sedetik demi sedetik terasa memberat tubuh Nuraini. Kepitamankah atau ketiduran, menahan rasa yang tiada bertepian lagi?

Johari pun mengangkatnya ke katil. Di sana dibaringkan isterinya itu. Nuraini kelihatan muram nurinya, dipudarkan oleh mendung walang. Johari teringat akan pengalaman dengan anak-anak buahnya yang banyak masalah. Selalunya dibiar masalah digalakkan, sekalipun dengan laung tangis, agar mereka mengeluarkan semua isi hati yang merunsingkan. Tetapi bagi isterinya sendiri, dia tidak memberi kesempatan berbuat demikian selama ini.

Johari pun cuba menaikkan kembali seri cahaya mata Nuraini. Diurut, dipicot, dipeluk, dikucup hingga terbuka mata bundar Nuraini.

'Bang, Aini percaya kalau berdosa kepada Tuhan, lambut laun Tuhan Yang Maha Adil Lagi Penyayang akan mengampuni dosa kita. Tetapi kalau berdosa kepada makhluk-Nya, selagi belum makhluk-Nya itu mengampunkan dosa itu, Tuhan tidak dapat mengampuninya.'

'Demi Allah, kalau ada sesuatu dosa atau sesuatu yang menyakitkan hati abang Aini lakukan, sebelum sampai ajal memanggil Aini, ampunilah Aini, bang,' ucap Nuraini, terus melorot dari katil lalu diciumnya kedua-dua kaki suaminya itu.

Johari bersungguh-sungguh menarik-narikkan kakinya hendak disembunyikan sambil meragut bahu Nuraini menyeruuh dia duduk. Tetapi Nuraini tetap menyembamkan mukanya di kaki Johari.

'Aini, bangun Aini. Aini tak bersalah dengan abang.'

'Salah tidak. Menyakitkan hati pernah, agaknya.'

'Abang mengaku. Abang terburu nafsu. Dan prasangka mengabui mata hati abang.'

Barulah Nuraini bangkit dari hujung kaki suaminya itu.

'Betul abang tak sakit hati sama Aini?'

Johari membala dengan kucupan pantas bibir Nuraini.

'Cuma ada satu perkara saja.'

'Apa perkaranya tu, bang?' sampaik Nuraini.

'Beritahu, macam mana Aini pasang bom plastik untuk Ju Ling?'

'Pada hari pertama, Aini taruh air asid sikit pada tilamnya. Kemudian tilamnya reput. Keluar apa namā tu. ....'

'... Kabu-kabu.'

'Ha . . . kabu-kabu. Lepas itu bini pertama kena marah, tak jaga baik-baik tilam. Jadi, Aini distiruh menjahit tilam yang kena air asid itu. Langsung Aini masukkan ke dalamnya bom plastik sekali. Kemudian bila bini kedua hendak pergi mandi, bini pertama ikut. . . .'

'... Ya, ya, abang tengok apa yang berlaku seterusnya dari atas pokok. Lepas itu apa berlaku?'

'Aini suruh perempuan-perempuan lain pergi mengekor kedua-dua bini itu. Aini ugut kalau kedua-dua bini itu terbunuh, perempuan-perempuan yang hidup di khemah takkan selamat. Percaya pulak mereka kata-kata Aini itu. Bila pergi saja mereka, Aini pun pasanglah bom plastik itu di dapur. Itulah sebabnya Aini terlewat malam itu.'

'Macam mana Ju Ling itu terlepas lari ke Indonesia?'

'Banyak kemungkinannya. Satu, mungkin bom di tempat lain meletup dulu. Dia pun keluar pergi tengok. Kedua, mungkin dia memang tiada di tempat itu mencari bini-bininya.'

'Macam mana perbicaraannya dulu?'

'Mana abang dapat tahu Aini pun ada sama-sama dalam perbicaraan itu?'

'Abang ada orang dalam yang abang kenal dan sama-sama pergi bertempur di Gunung Uban, dulu....'

'... Abang balik dulu nak hentam Aini kerana berita bocor dalam surat khabar tu, ya?'

'Tak ada. Sesekali balik apa salahnya? Macam mana perbicaraan itu?' soal Johari lagi untuk mengelakkan diri menjawab soalan Nuraini tadi.

'Macam mana? Macam perbicaraan biasa saja. Aini menjadi saksi mengesahkan diri lawanan itu benar-benar Ju Ling dan selain daripada itu diminta Aini mengisahkan segala kelakuan-nya di dalam kem dulu itu.'

'Apa keputusannya?'

'Itulah kuasa Tuhan. Tiap-tiap yang benar akhirnya benar juga. Dan tiap-tiap yang salah walau macam mana pun, kesudahannya salah juga. Apa yang tak dapat Aini lakukan ke atasnya di hutan dulu, di mahkamah dengan kehendak Tuhan, hajat Aini dimakbulkan juga.'

'Kenapa pulak si Ju Ling itu beritahu sama orang kampung kononnya hendak jumpa Aini?'

'Itulah dunia. Dengki. Sakit hati tengok orang senang.'

'Mana Aini belajar cakap Melayu begini fasih sekali?'

'Kasih dan cinta saja yang membolehkan Aini menguasai bahasa ibunda. Malah, dengan bahasa ini orang akan tahu bangsa Aini sekarang. Bahasa menunjukkan bangsa, kan abang?'

Johari mendakap isterinya seperti ibu yang enggan melepaskan anaknya.

'Bang, sudah jauh abang merantau. Cukuplah itu, berapa lama lagi yang Aini mesti menderita ditinggal-tinggalkan pergi. Tengoklah, tahun 51 mula kita bertemu, tak berapa hari saja dah ditinggalkan pergi. Tahun 60, selama sembilan tahun Aini menunggu abang barulah kawin kita. Itu pun kerana tamat darurat, tak sampai satu tahun, sudah abang pergi ke Congo. Balik pun kerana Malaysia dah konfrontasi. Itu pun terbang abang juga ke Sarawak dan Sabah. Sampai hari ini barulah dapat kita berjumpa dan dapat Aini cakapkan penderitaan Aini ini. Ini pun kerana tamat konfrontasi. Jangan-jangan Vietnam pula merampas abang daripada tangan Aini. Aini kira sudah cukup abang berjuang dari tahun 41 dulu. Dua puluh lima tahun bang, lebih separuh umur abang berjuang. Berapa lama dan berapa seksa lagi mesti Aini tanggung untuk membuktikan asal Aini daripada tulang rusuk abang?'

Johari menepuk-nepuk manja pipi Nuraini mendengarkan perumpamaan isterinya itu.

'Maksud Aini supaya abang berhenti menjadi perajurnit tanah air?'

'Berentilah berjuang dan berentilah merantau, bang. Aini khuatir satu hari nanti abang berdagang di rumah sendiri. Abang berjuang selama ini, pangkat abang cuma Kapten saja. Berapa tahun? Dua puluh lima tahun, bang. Orang lain juga yang kaya raya. Orang yang menjadi kuli dulu tak bertanah, baru ini sudah ada sepuluh ekar tanah. Orang duduk tepi jalan dulu tukang bela kasut orang, hari ini sudah ada kilang kasut. Abang juga yang bermati-matian memegang batang senapang menjaga keselamatan orang yang sudah senang-lenang. Mari-

lah kita ubah hidup kita bang, mengikut peredaran zaman. Abang, kalau dikemukakan perkara abang, memang negara sudah mau mengakui abang seorang patriot, pembela negara. Tapi sebagai pembina, maaf kalau Aini katakan abang akan menerpa markah "telur itik"—kosong."

Johari mendiamkan diri supaya dapat meraba hati isterinya sambil memberinya peluang meluahkan isi kalbunya. Selain daripada itu Johari juga terpegun mendengarkan kata-kata Melayu bukan bahasa kebangsaan lagi daripada mulut seorang mualaf yang kini telah dapat menguasainya.

'Hidup abang merantau samalah seperti mengarang cerita tak berplot. Sekejap sini, sekejap sana—tiada tentu arah haluan-nya. Abang mengikuti peristiwa. Perantau Peristiwa lebih tepat sifat abang ni. Tetapi abang sendiri tak dapat membuat sesuatu peristiwa.'

'Apa cadangan Aini?' soal Johari mahukan mesej atau pati tuturannya itu.

'Aini tengok kekurangan abang ialah dalam soal pembangunan. Negara telah lama membina. Tetapi abang belum juga bangun. Sekarang bang, kerajaan sudah membuka 67 buah rancangan kemajuan tanah. Tapi abang pula, keluarga sendiri pun bera tak bera. Macam mana nak berkembang? Mungkin kita sudah lewat masanya untuk mendapatkan tanah lagi. Lagipun abang kata abang sudah ada tanah di Lekang. Tapi pulak, biar pun ada tanah, kalau bersikap bera tak bera, tanah sendiri pun tandus selamanya.'

'Satu lapangan yang Aini tengok orang kita belum maju lagi—lapangan bermiaga. Di pekan-pekan besar kita sudah tak boleh menandingi orang Cina. Mustahak modal yang besar. Tapi, bagaimana kalau kita pilih salah satu rancangan tanah yang dibuka kerajaan itu dan bermiaga di sana?'

'Rancangan-rancangan tanah itu ada syarikat kerjasamanya sendiri dijalankan oleh kerajaan.'

'Ah! Abang ni tak usahlah bergantung sangat dengan kerajaan. Terlampau manja. Kerajaan banyak kerjanya lagi.'

Aini khuatir kalau dari hari ini orang kita tak mau mengambil peluang yang terbuka, memulakan perniagaan sendiri di kampung-kampung baru itu, nanti orang lain memulakannya. Sudah ada 67 buah kampung baru kita, bang.

'Nah! Kisah lama, luka lama nanti membelah. Orang kita buka tanah; orang lain mengaup kaya. Yang tinggal pada kita, tanah dan air, bumi dan putera. Ke hutan balik orang kita. Siapa yang disalahkan? Kerajaan juga. Jadi pulak pemberontakan. Abang menyahut seruan Ibunda, Aini juga yang tinggal kelaparan segala-galanya.'

'Cukuplah abang berjuang. Tengoklah negeri yang sentiasa berjuang. Apa jadinya? Alhamdulillah negeri kita terus membangun sebaik-baik saja dapat kemerdekaan. Hasil pembangunan inilah yang jadi perisai seigala serangan musuh. Kelamin abang, baka abang, keturunan abang, apa perisai, apa tongkatnya semasa abang tua tak berdaya nanti?'

Nuraini pun bangkit lalu terus ditanggalkan pakaian seragam Johari. Berbeza sungguh susuk badan Johari dengan isterinya—tegap, segak dan pejal.

'Mandilah bang. Pergi bersalin, dah maghrab ni. Nanti biar Aini ambil air sembahyang dulu.'

Johari teringat dia tidak sempat mendirikan sembahyang Nuraini dahulu, malah tidak sempat membina keluarga.

Sedang Nuraini berwirid, kedengaran pintu diketuk. Nuraini dengan telekungnya serta-merta pergi membuka pintu.

'Tak ada. Tak ada. Kapten Johari tak ada di rumah.'

Semasa itu Johari sedang keluar dari bilik mandi dan kedengaran suara Nuraini meniadakannya di rumah. Berkainkan tuala mandi Johari pun meluru ke pintu.

'Sapa tu?'

'Tak ada siapa!' Lalu dihadang oleh Nuraini akan Johari yang hendak mendapatkan pintu.

Tetapi daun pintu terbuka sejengkal. Kelihatan topi Polis Tentera dari celah bukaan pintu itu. Pintu terkutup segera.

'Ada apa tu?' Lalu dikuak oleh Johari akan isterinya yang bertelekung itu sambil membuka pintu yang terkatup tiba-tiba tadinya. Nuraini segera mengundur dari bilik tetamu.

'Maaf saya tuan. Saya tak tahuhan tuan sedang mandi,' ucap Polis Tentera itu terpandang kain tuala di pertengahan badan Johari. 'Ini surat yang baru datang untuk tuan.'

'Nak mintak jawabkah tidak surat ini?'

'Kurang periksa, tuan.'

'Kalian nanti dulu dalam kereta. Kalau saya hendakkan kalian, saya panggil nanti.'

'Baik tuan.'

Johari pun membuka surat itu. Makin dibacanya, makin terbeliak matanya. Dia membuka pintu lalu dilaungkan Polis Tentera menyuruhnya pergi. Dia pun mendapatkan isterinya. Nuraini sedang menampung tangan berdoa ke hadrat Ilahi.

'Aaamiiiiin. Telah dimakbulkan permintaan adindaku, Nuraini. Abang dapat cuti tiga bulan,' beritahu Johari lalu menonggeng hendak melahirkan rasa girangnya dengan mencium dahi isterinya yang sedang bertelekung itu. Tiba-tiba membela luruh tuala mandi Johari.

Dari dahi tiba-tiba ke mata isterinya dicium dan dikucup katup oleh Johari sambil tangannya mengutip tuala yang gugur itu.

'Itu sajakah bang, bunyi surat itu?'

Nuraini yakin bukan soal cuti sahaja yang terkandung dalam surat itu yang amat menggembirakan suaminya. Tetapi pertanyaan Nuraini tidak berjawapan kerana Johari telah menghilang lari ke dalam biliknya.

Esoknya Johari membawa isterinya ke bahagian pedalaman Tanah Melayu. Mulanya Nuraini menyangka hendak berangin di Bukit Frazer tetapi Johari meneruskan perjalanan menghala masuk ke sebatang jalan kecil.

'Wah! Cantiknya jalan ni. Aini tahu, lepas merdeka dulu, kereta jip lalu sini macam telur di hujung tanduk. Betul-betul macam manari *rock-and-roll* kereta kami.'

'Apa abang buat jalan di sini dulu?'  
'Mengiringi bakal peladang-peladang kita.'  
'Apa nama tempat ini?'  
'Lembah Emas.'

Mereka pun tiba ke salah satu rancangan tanah yang sulung di Malaysia. Di tepi-tepi jalan kelihatan tangki-tangki susu getah dan pondok ahli syarikat menimbang dan memasukkan di buku kira-kira pendapatan penghuni-penghuni yang mengandar baldi-baldi susu getah dari ladang masing-masing.

Pohon getah yang meninggi itu menutupkan pemandangan saujana yang pernah dilihat oleh Johari sewaktu mengiringi bakal-bakal peneroka ke rancangan tanah itu.

Jauh lagi dari sebuah tangki susu getah, Johari perlakukan keretanya dan tidak berapa lama dia puni brek.

'Ke mana bang?'  
'Yang tengah membilang duit tu, kawan lama abang.'

Johari pun merangkak perlahan-lahan di belakang rakan lamanya itu.

'Berapa masuk hari ini?'  
'Hah! Usah kacaulah. Orang tengah membilang ni, Samad.'  
'Boleh pinjam? Nak tengok wayang hari ini.'

'Mane ada wayang? Hei! Johari! Masyak! Aku fikir si Samad tadi.'

Kedua-duanya pun barsalam-salaman sambil Johari menarik rakannya ke keretanya.

'Ini Encik Suhaimi. Sama-sama berjuang di Singapura. Tapi bila balik, dia kena cekup. Langsung dibawa ke Siam.'

'Isteri kau ni, Johari?'  
'Oh ya maaf, Nuaraini ini!'

'Dahlah kahwin ya. Dah berapa cahaya mata, Johari?'

'Ini satu saja cahaya mataku—Nuaraini. Kau dah berapa, Mi?'

'Empat. Ada perancangan keluarga menasihatkan dah cukuplah tu, buat sementara...'

'... Buat sementara?'

Masing-masing berdekah-dekah ketawa.

'Marilah ke rumah.'

'Tak kau mengajak, aku memang pun nak ke rumah kau.'

Masing-masing pun menaiki kereta.

'Aini, awak jangan tak tahu. Isteri Suhaimi ini orang Siam.  
Dia dapat dalam hutan juga.'

'Dah memang senasib kita, ya bang. Agaknya orang perantau memang begitu nasibnya.'

'Yang mana rumah kau Suhaimi?'

'Jalanlah terus. Nanti sampai juga kita.'

Mereka pun berhenti di rumah yang lebih besar dan comel daripada yang lain.

'Wah! Makmur betul kau Mi. Baik pun jumpa kau tengah jalan. Kalau tidak, mampus tak jumpa.'

'Syurga dunia di mana kalau tidak di rumah? Ada sikit-sikit tu, ditokotambahlah ukuran rumah.'

Maimun, isteri Suhaimi serta dua orang anaknya datang menyambut tetamu.

Rumah Suhaimi sungguh luas. Luarnya seakan rumah limas tetapi dalamnya berbilik-bilik. Lengkap pula dengan segala kemudahan seperti air paip dan lampu elektrik.

'Televisyen sini terang siarannya?'

'Boleh tahan juga. Itulah saja hubungan kami dengan dunia luar.'

'Wah! Aku nak bermalamlah di sini, Mi.'

'Kecil tapak tangan, dalam aku tadahkan kalau orang sudah sudi.'

'Abang ni menyusahkan orang saja. Awak tak bawa apa-apa buah tangan, nak bebankan orang pula,' sungut Nuraini takut kalau-kalau tuan rumah keberatan.

'Heh! Kami dah lama tak menerima tetamu. Hendak juga dengar khabar orang-orang bandar,' balas Maimun.

Berulam pegaga bergulai ayam mereka hari itu dibasuh mulut pula dengan kepaya dan teh tempatan. Berwedangan

dengan ubi kayu dan pisang goreng serta kopi tempatan pada petangnya. Esok paginya bersarapan pula dengan telur ayam serta pulut bercecah pengat durian.

Larut malam itu mereka tidur setelah berbual dan berborak kisah lama. Kisah suka duka meneroka hidup baru—berperang dengan musuh tanaman dan berjihad dengan basad dengki, bergembira dengan tuaian sulung dan bergotong-royong mendirikan masyarakat lasak dan berdisiplin berlumba-lumba menuju ke arah kemajuan.

‘Budak-budak ada sekolah di sini?’

‘Dari mula kami masuk dah ada tersedia.’

‘Sekolah apa?’

‘Kami ikut suara ramai. Semuanya suka sekolah kebangsaan. Tahun depan bahasa Melayu pun ditetapkan menjadi bahasa rasmi yang tunggal. Kami semua dah siap sedia menghadapi masa depan,’ terang Suhaimi dengan bangga.

Pukul empat pagi buta lagi Suhaimi meninggalkan rumah pergi ke ladangnya.

Pukul lima setengah anak-anaknya sudah bangun bersiap hendak pergi ke sekolah.

Baru sembilan bulan Johari berjauhan dari hutan belantara. Suara burung berkicau pada pagi hari itu merindukannya akan peristiwa lima belas tahun yang lalu tatkala berlari keluar dari hutan bersama-sama bakal isterinya.

‘Aini tahulah apa yang abang tengah pikirkan sekarang,’ usik Nuraini, suaminya yang sedang menikmati nyanyian burung pada pagi hari.

‘Tapi masa itu kita belum halal sebagai suami isteri.’

Johari menutup bibir isterinya dengan bibirnya sendiri.

Burung semakin hebat berkicau. Sang suria tidak menyempat mengejar gelap malam. Anak-anak pun mulai keluar menuju sekolah.

Pada pukul sembilan pagi Suhaimi sudah balik dari ladangnya.

‘Berapa pendapatan dalam sebulan, Mi?’

'Mengikut harga getah. Pendapatan di sini lebih sedikitlah daripada di kampung baru dulu. Yang penting kita sini bebas bertuankan sendiri. Aku pun bukan pergi sekolah Inggeris darjah tinggi.'

'Itulah. Kita tak boleh lekas mencelakakan satu-satu kemalangan. Setiap bala ada labanya. Setiap kesukaran ada kemudahannya.'

'Betul, betul tu. Dulu bila terlantar di Perlis dengan seorang bini—tak bekerja pulak—aku pikir habislah segala-galanya.'

'Hari ini awak yang lebih beruntung. Tanah sepuluh ekar. Segala kemudahan tersedia.'

Setelah makan tengah hari, Johari pun bersiap hendak bertolak pulang, tetapi Suhaimi menghilang diri. Apabila Johari pergi mendapatkan keretanya tiba-tiba kedengaran dari jauh.

'Hei Johari, nantilah dulu!'

Suhaimi sarat dengan aneka jenis buah-buahan termasuk durian yang dibawa dari dusunnya.

'Buat apa ini semua, Suhaimi?'

'Bukalah but kereta kau tu, Jo.'

Terjongkot keberatan kereta Johari.

'Buat susahlah membekal-bekalkan tetamu balik.'

'Di sini kalau dah musim buah, melambak. Tak termakan. Nak dijualkan pun tak ada orang yang nak bawak ke luar.'

'Terima kasihlah, Suhaimi.'

Nuraini pun membahagi-bahagikan wang buah tangan kepada anak-anak Suhaimi yang baru balik sekolah.

'Tinggallah sini Jo, bila rindu-rindukan hutan.'

Esoknya pula, Johari pergi bertemu dengan rakannya Irwan di Studio Syarikat Filem Bebas hendak melihat filem karyanya.

'Encik Irwan dah lama tak ada di sini. Dengarnya dia buka kedai.'

'Di mana?' tanya Johari.

'Jalan Perwira, di kawasan baru buka di pusat kota.'

Pembangunan rupanya bukan sahaja di luar bandar. Di tengah-tengah ibu kota pun muncul seksyen-seksyen baru

seperti di Petaling Jaya. Setelah berpusing-pusing di kawasan baru itu terlihat terpampang besar papan tanda 'Usaha Irwakim'. Johari pun meletakkan keretanya di padang letak kereta yang tidak berapa jauh dari toko Irwakim dan secara diam-diam dia pun masuk toko. Nun kelihatan Irwan sedang di meja membuat sesuatu.

Kedai itu terbagi dua—satu untuk menjual buku dan majalah manakala sebahagian lagi, sebuah studio tukang gambar gerangannya.

'Encik nak apa?' tanya seorang pelayan toko menyambut Johari.

'Tengok-tengok buku.'

Kelihatan di dalam toko itu berbagai-bagai jenis buku. Tetapi yang banyak sekali buku dalam bahasa kebangsaan dan Indonesia. Sedang membelek-belek buku itu, dari sudut mata Johari, kelihatan Irwan merenungnya. Setelah lama merenungnya, balik dia menulis. Kemudian bangkit dia dari kerusi menuju ke arah Johari. Johari membuntutkannya, scolah-olah hendak menangkap cahaya sambil membaca buku. Berundur balik rakannya.

Sambil dia memaling, kali ini tertangkap matanya dengan mata Lawrence yang baru turun dari kereta dengan membawa kamera 8 mm.

'Hei, Encik Johari! Bang Irwan, Encik Johari ni!'

Johari tidak dapat berselindung lagi. Terjatuh sebuah rak-rak kecil bila Irwan meluru mendapatkan rakannya.

'Hidup-hidup awak kenakan saya. Nampak dari jauh ada imbasannya. Tapi bila dekat, dibuntutkannya kita! Apa khabar? Bila datang ni?'

'Kalau tak kerana Lawrence nampak tadi...'

'..., Encik Abdul Hakim ... bukan Lawrence lagi.'

'Maaf, Hakim ... oh dari sebutan Law ... Lawrence itu jadilah nama Hakim, ya?'

'Itu kebetulan saja. Tapi dia memang telah menjadi hakim —sekurang-kurangnya menimbangkan tabii manusia.'

'Bila berlaku ini semua? Saya tadi terus pergi ke studio. Ingat hati nak tengok muka pelakon yang cantik molek ni dalam filem.'

'Peristiwa penggambaran di Tompian itulah pendorong yang membawa kami ke sini.'

'Macam mana pulak tu?'

'Tanya si Hakim,' ujar Irwan sambil menuju ke sebuah van yang membawa buku-buku pesanannya.

'Gambar encik itu, tak payahlah encik cari. Sampai *yaumilqiamah* pun tak kan dapat encik jumpa.'

Abdul Hakim memulakan kisah. Dia membawa Johari ke dalam bilik gelapnya.

'Mengapa?'

'Sudah disabotaj dari mula lagi.'

'Sabotaj macam mana? Tak ada filem dalam kamera itu atau tak dicuci betul-betul?'

'Saya diupah lima ratus ringgit dari lima orang rakan Bang Irwan supaya menjahanamkan usaha abang yang pelurus itu.'

'Oh! Yang kamera jatuh ke dalam sungai itu memang awak sengaja buang?'

'*Guilty conscience*, encik. Sungguhpun teruk saya dibuat oleh Bang Irwan, tapi dia pun sama-sama mandi peluh. Bukan untuk namanya sendiri tapi *creditnya* bagi saya juga.'

'Takkanlah pasal itu, awak sampai masuk Islam!'

Hakim menggaru kepala.

'Saya tak tahu macam mana nak mulakan kisahnya. Tapi tingkah laku dan bawaan Bang Irwan itu menarik hati dan menginsafkan saya. Bila dia kena buang kerja, *not even one word of accusation against me*. Tapi dia hulur tangan kepada saya, '*Goodbye Lawrence. Thanks for everything*' katanya. Lagi mendalam *guilty conscience* saya. Dia belum tahu saya kena upah. Mulut saya pun berat. Malu agaknya. Teringat saya beraninya di medan perang. Ketawa di tengah-tengah tembak-menembak. Begitulah juga dia tak takut dibuang kerja. Saya pula yang takut. Teringat saya dia beritahu saya rahsia hidupnya. Dia

ntiasi tak lupakan Tuhan. Tuhan itu kawannya, dia cakap.

‘Bila bercakap pasal Tuhan dan Islam, dia beritahu saya satu ori agama yang menarik hati saya. Katanya, macam Adam, agama cuma satu dari mulanya. Agama itu macam *Kingdom*, dari satu *period* ke satu *period* ada Rajanya iaitu Nabi atau asul. Jadi macam mana orang mengaku taat setia sama Raja segitulah kepada Nabi yang keluar satu-satu tempoh itu. Betulah lepas Musa datang Isa. Tapi ada orang yang tak mau buat. Macam orang Yahudi. Mereka pun jadi musuh Jesus, mau bunuh Jesus, sekalipun Jesus juga orang Yahudi asalnya. Macam itu juga lepas Nabi Isa datang Nabi Muhammad. Dan perkara ini, kata Bang Irwan ada dalam kitab Injil—bukan *ible* yang sudah ditranslatekan sekarang ini.

‘Dalam *Gospel of St. Bernabas* ada disebut dalam ayat 163, alihawa Christ ada beritahu tentang kedatangan Nabi Muhammad. Banyak orang saya tanyakan hal St. Bernabas itu, ada yang tak beri jawapan. Ada yang tuduh saya kafir. Ada yang kata sebab St. Bernabas itu terang-terang sebut nama Muhammad dalam kitab *Gospelnya*, maka *Gospelnya* diharamkan oleh Majlis Kristian 300 tahun sebelum lahirnya Nabi Muhammad. Kepala saya pusing tapi Injil asal seperti yang diakui oleh *Bible* sendiri sudah tidak ada lagi. Jadi, macam mana nak buat *reference*? Tapi dalam *Bible* dalam tiga empat ayat Bab John ada disebut sesudah Jesus akan datang seorang... tidak disebut nama, cuma seorang *comforter* menggantikan Jesus dan diminta kita semua bagi kerjasama kepadanya. Ini buat saya fikir panjang. Ada satu-satu yang tak betul,’ jelas Hakim panjang lebar, dia terus termenung.

‘Oh! Itulah sebabnya nama perusahaan ini “Irwakim”—Irwan dan Hakim,’ ujar Johari membuat kesimpulan.

‘Duit lima ratus ringgit itu sama wang simpanan saya mahu kahwin, semuanya saya jadikan modal buka kedai ini.’

‘Sudah jadi adat dunia, Hakim, dengki dan iri hati itu ada di mana-mana,’ ulas Johari.

‘Kehendak Tuhan juga itu. Dihalaunya kami dari sana. Se-

arang kelima-lima orang itu bergasak sesama sendiri hendak merebut pangkat. Di sini kami berdua bebas seperti burung.'

'Tapi, tidakkah terbuang bakat perfileman dari dunia filem ita yang masih membudak lagi?'

'Bang Irwan dan saya ada Rancangan Lima Tahun kami sendiri. Tengok-tengoklah *commercial* dalam televisyen selalu.'

Mereka pun keluar dari bilik gelap itu.

Pelanggan pun membanjiri kedai Irwakim itu. Terasa Johari mengganggu rakan-rakannya berniaga. Dia pun mundur diri.

'Malam nanti datang lagi. Rumah kami di tingkat atas.'

Sekembali Johari di rumahnya pada larut asar, kelihatan beberapa buah kereta meninggalkan rumahnya. Dia pun melekan minyak di jalan kecil itu, takut kalau-kalau ada kemangan berlaku. Teringat Johari dia keluar tanpa memberitahu isterinya.

Johari pun menyeluk sakunya. Surat akhir dari kementerian yang dirahsiakan daripada isterinya itu sudah tiada lagi. Jangan-jangan isterinya dapat tahu dan mengambil tindakan sendiri. Ditekannya minyak lagi. Sesampai sahaja di halaman rumah, kelihatan kesemua orang yang meninggalkan rumah itu keturunan Cina belaka. Isterinya tidak kelihatan. Seluru dia ke dapur. Peluh menitik di pipi Nuraini.

'Bang, ke mana abang pergi?'

'Rumah kawan. Apa orang-orang tu buat di sini?'

'Itulah yang Aini tak tunjukkan abang dulu. Abang, Aini minta maaf tak meminta kebenaran abang dulu menggunakan rumah ini sebagai tempat belajar agama Islam.'

'Orang-orang itu semua baru masuk Islam?'

'Tiap-tiap minggu kami bergilir-gilir rumah mengadakan pelajaran agama. Dulu abang sampai cabut lari bila saya keluar, sebenarnya nak pergi mengaji di rumah kawan saya di sana dulu....'

'... Bini si Ju Ling?'

'Bukan. Ada yang lain. Baru satu saja yang dapat saya

'... Tempat mula kita bertemu.'

'Ah! Tak usahlah bergurau. Adakah tengah-tengah gunung dan hutan?'

'Bukan di atas gunung. Di lembah tempat kita keluar dari teraka hijau tu.'

'Di lembah mana sebenarnya, bang?'

'Lembah Emas, tempat Suhaimi tinggal.'

'Yakah lembah itu yang kita lalui dulu?'

'Tak percaya, mari kita cari air terjunnya. Seminggu dulu abang pergi merayau di situ. Rupanya tak berapa jauh dari sungai pemandu kita dulu.'

'Perniagaan apa yang nak kita mulakan?'

'Ingat dulu Suhaimi kata banyak buah-buahan dan hasil kampungnya melambak? Tak ada siapa yang menjualnya. Nah, sebagaimana Junjungan, kita mulakan perniagaan selaku ejen. Tapi sekarang apa nak dibuatkan? Awak dah membawa. Abang belum boleh memikul lagi.'

'Hah! Kalau dah bagai dikata, nyawa dan badan beta serahkan. Tapi apa jadinya dengan pangkat Leftenan Kolonel abang yang ditauliahikan. . . '

'... Macam mana awak tahu perkara itu?'

'Tengoklah mak, anak mak ni. Semuanya nak disorokkan daripada Aini. Tapi kertas-kertas dan surat-surat rahsianya tak disimpan baik-baik. Bersepah saja. Anak mak ni, jangan mak tak tahu. Negara dah loncatkan pangkatnya dari Kapten ke Leftenan Kolonel dan boleh memimpin satu batalion askar! Malu Aini rasanya, selama ini Aini marahkan negara. Dah dua puluh lima tahun abang jadi pejuang, baru Kapten saja pangkatnya. Rupa-rupanya selama ini ada dalam sakunya surat lompat pangkat. Agak itu kali pertama berlaku dalam tentera kita. Sekarang apa jadinya, bang?'

'Abang sudah bersara. Abang sudah letakkan jawatan.'

'Bersara dalam pangkat apa?'

'Bukan pangkat yang abang kejar. Selama bercuti ni banyak

dah abang pandang—Megat, Suhaimi, Irwan, Lawrence. Semuanya mendatangkan fikiran.'

'Aini?'

'Ainilah yang paling kuat suaranya menggesa "pulanglah perantau".'

Tiba-tiba Nuraini pun menangkap leher Johari, Ibu, kakak, sepupu, ipar bertempiaran semuanya keluar dari bilik.

'Aini.'

'Apa bang?' soal Nuraini bersuara manja dalam dia kapan.

'Salah tempatnya Aini gemuk ni. . .'

'. . . Adoi!'

## PENUTUP

*PULANGLAH* Perantau telah melakarkan pergolakan tanah air dari tanah yang bernama Semenanjung Tanah Melayu yang mengandungi negeri-negeri Melayu, persekutuan negeri-negeri Melayu dan Negeri-negeri Selat hingga sepuluh tahun merdeka menjadi Malaysia dengan tergabungnya Semenanjung, Sabah dan Sarawak.

Sepatutnya sesudah merdeka, terpecahlah tempurung penjajahan, melepaskan mata ke arah dunia sejagat atau sekurang-kurangnya ke soal rantaui di sini. Tetapi masih ada lagi di dalam negeri anasir-anasir yang hendak merebut kuasa. Maka tercetuslah sejarah hitam yang dipanggil Peristiwa 13 Mei.

Peristiwa 13 Mei ini membuka lembaran baru dalam sejarah tanah air. Boleh dikatakan imilah batu ujian utama bagi negara yang berbilang kaum, agama dan kebudayaan. Rakyat dilarang tuduh-menuduh sesama sendiri tetapi digalakkan mencari kesilapan dan membetulkannya. Terdapat salah satu punca berlakunya peristiwa itu ialah ketidakimbangan pengagihan kekayaan negara. Kaum bumiputera yang teramai sekali bilangannya didapati sedikit sekali agihan kekayaan negaranya. Atas persetujuan semua kaum, maka muncullah Dasar Ekonomi Baru (DEB). Untuk menjayakan dasar ini diberikan tempoh selama 20 tahun bagi bumiputera mencapai 30 peratus ekuiti dalam ekonomi negara.

Selama ini kaum-kaum di tanah air ini telah diperkotak-kotikkan di dalam kawasan tertentu oleh penjajah mengikut dasar 'pecah dan perintah' mereka. Misalnya kaum bumiputera di dalam kotak pertanian kekampungan, Cina di dalam

kotak perlombongan dan perniagaan manakala kaum India di perladangan. Jadi, pada mulanya terdapat sedikit pertentangan tatkala dilaksanakan DEB yang memecahkan kotak-kotak mata pencarian itu. Yang cemburu terasa tergugat apabila orang luar melangkah masuk ke dalam apa yang dianggap wilayah tradisinya. Tetapi setiap pemimpin yang bersemangat muhibah dan perpaduan negara, telah membetulkan keadaan.

Tetapi sebelum bumiputera sendiri dapat menyesuaikan diri dalam keadaan yang agak asing baginya setelah bertahun-tahun pihak penjajah menanamkan perasaan hina bagi seseorang bumiputera bermiaga tetapi lebih mulia pula makan gaji, maka kerajaan telah melancarkan rancangan Revolusi Mental. Rancangan ini khusus bagi orang Melayu untuk melengkapkan diri supaya lebih pandai menggunakan peluang-peluang yang ada agar kesulitan-kesulitan hidup mereka dapat dihapuskkan dan dengan itu dapatlah bersaing dengan kaum-kaum lain di tanah airnya ini.

Tergerak juga hati hendak membuat satu *sequel* atau lanjutan pada *Pulanglah Perantau* ini dengan perkembangan-perkembangan baru itu. Belum sempat merangkakan cerita, saya dijemput oleh pihak RTM menyiapkan satu siri ulung TV menyumbang ke arah Revolusi Mental ini. Diberinya ruang lingkup tiga pemudi yang tinggal di rumah pangsa di tengah kota sebagai permulaan cerita. Saya memilih seorang gadis kampung tapi kelulusan SPM jurusan sains, seorang gadis bandar yang memang arif tentang selok-belok hidup di kota dan seorang gadis Cina yang menumpang dengan kedua-dua gadis itu.

Bagi saya, penghijrahan dari kampung ke kota tidak dapat dibendung lagi. Tapi yang diperlukan ialah ilmu pengetahuan untuk menghadapi cabaran di kota di samping bersedia menyingkirkan sesetengah nilai tradisi yang menghalang pencapaian kemajuan. Sijil SPM jurusan sains itu perlu dilengkapkan dengan pengetahuan berinteraksi sesama manusia. Faktor manusia dan kemanusiaan ini amat penting dalam

encapaian sesuatu kejayaan. Akibatnya, hanya tujuh daripada 3 episod siri *Tiga Dara* itu tersiar.

Benarlah seperti kata perancang Revolusi Mental, bukan udah hendak menukar cara pemikiran lama hingga terbentuk sifat-sifat inisiatif, imaginatif, jimat cermat, berdiska..., berdaya mencipta dan berani mengambil risiko demi kejayaan. Beberapa tahun selepas berjalannya DEB barulah orang Melayu dapat menimbulang semula sifat-sifat aslinya menghadapi cabaran-cabaran semasa seperti lemah lembut, malu, pasif, tidak berani menuntut hak, suka berfoya-foya dan kap 'tak apa' dalam beberapa hal.

Syukur dengan berubahnya sikap melalui Revolusi Mental itu terbentuk juga beberapa usahawan Melayu yang berjaya. Tidak kurang juga mereka yang menggulung tikar. Saya anggap mereka ini kekurangan ilmu terutama sekali dalam bidang pentadbiran dan pengurusan.

Jadi, sebaik saja bersara dari kerajaan, akhirnya di Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, dalam tahun 1983, saya pun mulai menulis mengenai pentadbiran dan pengurusan dalam bentuk novel. Secara kreatif ini dengan menggunakan pelucon atau humor, dikira dapatlah dimanfaatkan oleh orang ramai akan perkara-perkara yang begitu teknikal, tawar dan ambar itu. Tetapi belum selesai usaha ini, saya telah diambil oleh RTM berkhidmat kembali selaku penyunting dan penulis skrip secara kontrak. Satu jawatan yang meragut masa lama. Terpaksa dilupakan buat sementara projek novel itu.

Dalam tahun 1986 saya diminta menyediakan satu siri korat menjelang tamatnya tempoh DEB. Saya pun mengambil peluang ini untuk menghidupkan kembali isi novel itu di samping menguji sambutan para penonton. Alhamdulillah enam episod pertama dalam siri *Rempah Ribu* ini mendapat rating yang tinggi menyebabkan disambungkan lagi dengan tujuh episod seterusnya. Tahun 1997 setelah bersih daripada hak-hak siaran RTM, barulah dapat diterbitkan karangan ini dalam bentuk aslinya berjudul *Kompeni Kepayang* oleh

Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd. Pentadbiran dan pengurusan dalam novel itu bukanlah hanya untuk pejabat dan syarikat bahkan untuk rumah tangga dan peribadi sendiri bagi mencapai kemajuan.

Di penghujung dekad abad ini muncullah Wawasan 2020 yang melibatkan semua kaum ke arah kemajuan negara dan bangsa Malaysia. Kaum bumiputera kini sudah pun bersama-sama kaum lain menceburkan diri dalam membangunkan negara terutama dalam bidang ekonomi.

Kini, kita telah mempunyai kereta, lori, motosikal, pedati elektrik, malah pesawat buatan kita sendiri. Bandar-bandar baru, satu demi satu muncul. Di bandar-bandar yang sedia ada, pencakar-pencakar langit menjulang tinggi. Kenderaan dan barang buatan Malaysia boleh didapati di luar negara. Bahkan pengusaha-pengusaha kita sudah pun melabur dan berusaha di negeri asing. Peluang bekerja di dalam negara juga telah menarik berjuta rakyat asing ke tanah air.

Di tengah-tengah kemakmuran ini tiba-tiba jatuh nilai mata wang, menyusul keadaan yang serupa di negeri-negeri jiran! Terhenti seketika setengah-setengah projek pembangunan. Ekonomi gawat. Masing-masing mencari sebab-musatbab musibah yang datangnya secara tiba-tiba ini. Ada yang mengatakan Soros yang menjudikan mata wang. Ada yang secara berseloroh mengatakan bukan Soros tapi boros.

Walau apa pun sebabnya, selaku orang Islam kita perlu mengambil iktibar daripada perkara-perkara seperti Pendudukan Jepun, Malayan Union, Darurat, Konfrontasi, 13 Mei, Meleset 80-an bukanlah didatangkan tanpa sesuatu hikmat di sebaliknya.

Penjajahan tiba bukan dalam satu bentuk saja. Kita telah bertalu-talu menangani penjajahan politik. Kini, merasalah pula penjajahan ekonomi. Berderang-derang Asia menca-nangkan alaf mendatang ini adalah alaf Asia dengan munculnya beberapa harimau ekonomi di rantau sini. Mahukah mereka melihat rakyat yang pernah dijajah dahulu menuani

eka? Tetapi sudahkah kita bersiap sedia menghadapi  
at kemakmurhan material hasil daripada usaha-usaha pem-  
gunaan kita?

Berlum sempat bertapak lagi teknologi maklumat yang se-  
ng diusahakan, telah pun dicurahkan kemaksianan menyu-  
kemakmurhan itu melalui satelit, internet dan alat-alat  
elektronik yang cuba membuktikan teori Freud bahawa  
ik laku manusia didorongkan oleh naturi seksnya.

Terjadilah kesumbangan si bapa yang sudah tidak menge-  
anak yang dilahirkanya sendiri; lumpuhlah remaja oleh  
ah dan AIDS; berkeharnlah pembawa virus HIV mencari  
ngsanya selain daripada rasuah, penipuan, penderhakaan  
kelesuan daya menangkis musibah ini.

Apakah penawar bagi gejala-gejala sosial buruk ini kalau  
ak agama dan pendidikan akhlak atau moral? Tapi apalah  
ianya lagi kalau perisai agama dan moral ini sudah sewe-  
ng-wenangnya disumbing-sumbingkan oleh mereka yang  
ak takut menokok tambah dan mengurangkan, dalam ben-  
bidaah dan khurafat, pada syariat Islam yang telah pun di-  
iharkan oleh Allah dalam wahyu-Nya yang terakhir se-  
gai agama yang sudah pun sempurna?

Apabila ada reformis yang hendak memurnikan agama  
ripada bidaah dan khurafat dan mengembalikan keasliannya  
erti pada zaman Nabi dan Khalifah al-Rasyidin dahulu, ada  
la yang terikut-ikut tindak-tanduk penjajah dahulu mem-  
ik-bisikkan bahawa reformis itu daripada Kaum Muda,  
rmbahayakan Kaum Tua yang mempertahankan ajaran-  
ran nenek moyangnya dahulu. Tanpa usul periksa pega-  
annya, bertindaklah mereka ke atas yang hendak memurni-  
n agama itu. Dibuatnya ia berpegang pada al-Quran dan  
nah Nabi selaku ahli sunah waljamaah, bermakna penindak  
ah menolak Allah s.w.t. dan Muhammad s.a.w. yang dilafaz  
n ditasyhidkan dalam syahadat sekurang-kurangnya 17 kali  
hari sewaktu solat! Bersorak-sorai dan bertepuk gemuruhlah  
njahil agama dan budaya dalam tentera iblis dari jauh

kerana dasarnya memecah belah umat Islam masih diikuti oleh anak negeri sendiri sesudah lama ditinggalkan.

Bezanya di antara penjajah dan penindak ialah penjajah telah pun mengkaji dahulu bagaimana hendak menjadikan Melayu satu bangsa yang jumud atau beku dengan akidahnya berkecaci derai manakala si penindak pula warak beramal tanpa mendalamii sendiri ilmu agamanya dahulu, semata-mata ikut-ikutan saja, taasub dengan ajaran-ajaran nenek moyangnya, menafikan hadis Nabi bahawa sesudah Baginda wafat akan muncullah setiap seratus tahun ulama yang memurnikan agama daripada segala khurafat dan bidaah.

Beginilah bergolaknya tanah air kita menghadapi cabaran penjajah demi penjajah selama lebih 40 tahun merdeka ini. Soal-soal inilah di antara kandungan di dalam novel ketiga saya yang berjudul *Biar Buang Anak* yang diterbitkan bersama-sama terbitan semula *Pulanglah Perantau* ini selaku lanjutan peristiwa-peristiwa dalam negara. Semoga dapatlah dijadikan agama dan pendidikan moral sebagai perisai yang bersih, diredayai Allah dan benar-benar kebal untuk menghadapi cabaran-cabaran semasa dan alaf mendatang.

Buku-buku dalam siri ini:

ALI	Belahan Mimpi Harga Sebuah Keranda Orang Hanyut Trisula
AZIZ	Biar Buang Anak Bunga-bunga Derhaka dan Cerpen-cerpen Pilihan Kompeni Kepayang Pulanglah Perantau Hoi!
AZIZI	Tukcai
AZMAH	Awang Kirana Mudir Besar Pantai Kasih Singgahmata
MAMA SIKANA	Syajar
MAZNAN	Cikara
MOHD. AFFANDI	Bukan Ahli UMNO Bukan Salah SSB Citra Pujangga Tampang Sasterawan Wajah Pendeta
OTHMAN	Jerung Darat dan Cerpen-cerpen Lain Kalut
RAHMAN	Suluh Peraba Takungan Hajat Tirai Tokoh
SHAHNON	Ibu Adalah Pentafsir & Sungai Igauan dan Cerita-cerita Lain Tok Guru
SURATMAN	Ummi dan Abang Syeikhul Tiga Lelaki Penghulu yang Hilang Segala-galanya
WISRAN	Daun-daun Mahoni Gugur Lagi

首